



DEMIWIRAKAMI

LAPORAN TAHUNAN



RASIONAL MUKA HADAPAN

Tugu Negara melambangkan pengorbanan dan perjuangan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam mempertahankan kedaulatan negara. Mengambil inspirasi daripada simbolik ini, Laporan Tahunan lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) 2023 menyoroti komitmen LTAT yang tidak berbelah bahagi dalam usaha untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi warga ATM melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik yang berimpak tinggi.

Selaras dengan cogan kata 'Demi Wira Kami', LTAT komited untuk melaksanakan mandatnya bagi memastikan wang caruman warga ATM terus berkembang dengan selamat bagi membolehkan mereka untuk bersara dengan selesa kelak. Ini adalah dedikasi yang dipegang teguh oleh setiap warga LTAT, agar anggota tentera dapat menikmati masa persaraan yang sejahtera, sejajar dengan sumbangan besar yang telah mereka berikan kepada negara.

ISI KANDUNGAN

MAKLUMAT KORPORAT

Penyata Pengerusi	4	Pengurusan Kanan	42
Latar Belakang	6	Struktur Organisasi	46
Sorotan Utama 2023	9	Perutusan Pengerusi	48
Pernyataan Tadbir Urus Korporat	12	Penciptaan Nilai	52
Mesyuarat Lembaga & Panel Pelaburan	20	Laporan Penilaian Hasil Dan Impak	56
Pernyataan Kawalan Dalaman	23	Sorotan Prestasi Kewangan	60
Lembaga	35	• Prestasi Kewangan Lima Tahun LTAT	
Panel Pelaburan	39	• Prestasi Kewangan Lima Tahun Kumpulan	
		Aktiviti Sepanjang Tahun	64



PERIHAL LAPORAN INI

Laporan Tahunan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) 2023 berfungsi sebagai saluran interaksi untuk mengemas kini pemegang kepentingan tentang kemajuan dalam pelaksanaan misi kami untuk meningkatkan kemakmuran kewangan pencarum menerusi pengurusan dana yang berkesan, pulangan pelaburan yang menguntungkan dan perkhidmatan pelanggan yang cemerlang. Laporan ini disediakan menurut piawaian Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (AKTA 101) pelaporan kewangan yang berkaitan dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG 2021). Semua maklumat yang dinyatakan dalam Laporan ini adalah untuk tahun berakhir pada 31 Disember 2023 kecuali dinyatakan sebaliknya.

PENYATA KEWANGAN

• Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan LTAT bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023	74	Penyata Kewangan LTAT bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023	176
• Penyata Pengerusi dan Seorang Anggota Lembaga (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan)	79	• Penyata Kedudukan Kewangan	177
• Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan LTAT	80	• Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain	178
• Sijil ISO 9001:2015	81	• Penyata Perubahan Ekuiti	179
Penyata Kewangan Kumpulan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023	82	• Penyata Aliran Tunai	181
• Penyata Kedudukan Kewangan	83	• Nota-nota kepada Penyata Kewangan	183
• Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain	85		
• Penyata Perubahan Ekuiti	87		
• Penyata Aliran Tunai	90		
• Nota-nota kepada Penyata Kewangan	93		



SKOP DAN BATASAN

Laporan ini menggariskan prestasi kewangan dan operasi LTAT bagi tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023.

Prestasi pelaburan, peruntukan aset strategik dan portfolio pelaburan kami dibincangkan berserta penilaian cabaran, peluang dan risiko yang kami hadapi dalam tempoh tersebut yang telah mempengaruhi prestasi kami.

KENYATAAN BERPANDANGAN KE HADAPAN

Laporan ini mengandungi kenyataan tertentu yang berpandangan ke hadapan berkenaan dengan prestasi dan pencapaian masa hadapan perniagaan. Kami telah menyertakan kenyataan ini berdasarkan rumusan realistik yang diperoleh semasa Laporan ini diterbitkan.

Walau bagaimanapun, hasil sebenar mungkin berbeza secara material disebabkan ketidakpastian dan perubahan dalam industri selaras keadaan ekonomi global atau ekonomi negara dan juga faktor lain.

PENYATA Pengerusi

**Yang Berhormat,
Menteri Pertahanan Malaysia.**

Kami, Ahli Lembaga Tabung Angkatan Tentera, dengan segala hormatnya, mengikut Seksyen 17(4) Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 [Akta 101], mengangkat kira-kira Lembaga bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2023.



Bagi pihak Lembaga,

**YM JENERAL TAN SRI RAJA
MOHAMED AFFANDI BIN RAJA
MOHAMED NOOR
(BERSARA)**

Pengerusi



Lembaga Tabung Angkatan

Tentera, Chulan Tower

No 3, Jalan Conlay

50450, Kuala Lumpur





BANGUNAN LTAT

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 dengan dua objektif utama iaitu bagi mengadakan faedah persaraan dan faedah - faedah lain untuk Pegawai dan anggota lain - lain pangkat (LLP) angkatan tetap Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta sebagai satu skim simpanan untuk pegawai dan anggota kerahan angkatan sukarela.



Lembaga Tabung Angkatan Tentera



LAWS
OF
MALAYSIA

AKTA TABUNG ANGGARAN
TENTERA 1973
[Act 101]
TABUNG ANGGARAN TENTERA
ACT 1973
[Act 101]

Revised 2015
With The Assent of The Commissioners of Law Revision
Malaysia

**LATAR
BELAKANG**

LATAR BELAKANG

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA YANG LEBIH DIKENALI DENGAN SINGKATAN LTAT, TELAH DITUBUHKAN PADA BULAN OGOS 1972 DI BAWAH AKTA PARLIMEN, IAITU AKTA TABUNG ANGKATAN TENTERA 1973 [AKTA 101].

VISI



Kumpulan Wang Simpanan Yang Mampan

MISI



Meningkatkan Kesejahteraan Sosio-Ekonomi Para Pencarum Kami

NILAI -NILAI MURNI



INTEGRITI

Tadbir urus korporat yang baik, beretika, telus dan dipercayai



BEKERJA SECARA BERPASUKAN

Kesediaan untuk bekerjasama bagi mencapai matlamat atau objektif yang sama

OBJEKTIF LTAT



Menyediakan faedah persaraan dan faedah-faedah lain untuk pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan satu skim simpanan untuk Anggota Kerahan Angkatan Sukarela.

Objektif sampingan ialah untuk menggalakkan pembangunan sosioekonomi dan kebajikan anggota tentera yang akan atau telah bersara serta Anggota Kerahan Angkatan Sukarela.

CARUMAN



Di bawah skim caruman LTAT, askar-lasykar dikehendaki mencarum sebanyak 10% daripada gaji bulanan mereka dan Kerajaan akan mencarum sebanyak 15% daripada gaji bulanan pencarum tersebut. Bagi kategori pegawai wajib (ditauliahkan pada atau selepas 1 Januari 2016) pula, pegawai tersebut dikehendaki mencarum sebanyak 10% daripada gaji bulanan mereka manakala caruman Kerajaan sebanyak 15% daripada gaji bulanan pegawai tersebut akan direkodkan secara isyarat. Bagi pencarum sukarela, mereka dibenarkan untuk mencarum sekurang-kurangnya RM25 sebulan sehingga had maksimum RM2,000 sebulan (dengan gandaan RM5).



PROFESIONALISME

Melaksanakan tanggungjawab dengan cara yang terbaik dan berkualiti tinggi



INOVASI

Membina model perniagaan, produk dan perkhidmatan yang baru

LATAR BELAKANG

FAEDAH-FAEDAH BAGI ANGGOTA YANG SEDANG BERKHIDMAT

SKIM PENGELUARAN PERUMAHAN

Pencarum adalah dibenarkan untuk membuat pengeluaran perumahan tidak melebihi 40% daripada akaun caruman ahli (akaun 2) atau 10% daripada harga harta tak alih atau maksima RM10,000 yang mana lebih rendah, untuk pembelian rumah kediaman pertama atau sebidang tanah untuk membina rumah kediaman. Kemudahan pengeluaran ini dibenarkan hanya sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan

SKIM PENGELUARAN HAJI

Pencarum yang menerima Surat Pengesahan Tawaran Menunaikan Ibadah Haji daripada Lembaga Tabung Haji (TH) dibenarkan membuat pengeluaran haji dengan jumlah maksima sebanyak RM10,000. Kemudahan pengeluaran ini dibenarkan hanya sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan

SKIM PENGELUARAN PENDIDIKAN

Pencarum yang sedang mengikuti peringkat pengajian tinggi di Universiti Awam Tempatan dibenarkan membuat pengeluaran pendidikan bertujuan bagi bayaran balik yuran pendaftaran/yuran kemasukan tahun pertama dengan jumlah maksima sebanyak RM3,200. Kemudahan pengeluaran ini dibenarkan hanya sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan.

FAEDAH-FAEDAH BAGI ANGGOTA YANG AKAN DAN TELAH BERSARA

PENGELUARAN CARUMAN

Pencarum boleh mengeluarkan wang caruman mereka 30 hari selepas berhenti atau bersara daripada perkhidmatan atau mencapai umur 50 tahun/umur persaraan wajib atau diperakui sebagai tidak berupaya untuk berkhidmat dari segi fizikal atau mental. Jika pencarum meninggal dunia pembayaran akan dilaksanakan kepada waris.

Pencarum wajib yang bertaraf tidak berpencen akan menerima wang carumannya dan caruman kerajaan termasuk dividen serta bonus terkumpul.

Pencarum wajib yang bertaraf berpencen akan menerima wang carumannya termasuk dividen dan bonus yang terkumpul sahaja. Wang sumbangan kerajaan dikembalikan kepada Kumpulan Wang Disatukan atau KWDS untuk bayaran pencen bulanan.

Pencarum sukarela boleh mengeluarkan wang simpanannya pada bila-bila masa dan ianya diberikan kelonggaran untuk menjadi ahli bagi kali kedua walaupun telah membuat pengeluaran caruman kali pertama.

SKIM FAEDAH KEMATIAN DAN HILANG UPAYA

Semua pencarum secara automatik mendapat perlindungan di bawah Skim Faedah Kematian dan Hilang Upaya LTAT. Skim ini membolehkan sejumlah wang dibayar kepada pencarum yang telah diperakui sebagai tidak berupaya untuk berkhidmat dari segi fizikal atau mental atau kepada waris pencarum yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan.

PERBADANAN MILIKAN PENUH LTAT



**PERWIRA NIAGA MALAYSIA
(PERNAMA)**

Perwira Niaga Malaysia atau PERNAMA, sebuah perbadanan milik penuh LTAT yang ditubuhkan dalam tahun 1983, mengendalikan rangkaian kedai-kedai runcit di kem-kem Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di seluruh negara untuk menjual barangan pengguna, sebahagiannya bebas cukai, kepada anggota angkatan tentera, veteran dan keluarga mereka.



**PERBADANAN PERWIRA HARTA
MALAYSIA (PPHM)**

Perbadanan Perwira Harta Malaysia atau PPHM, sebuah lagi perbadanan milik penuh LTAT, yang ditubuhkan dalam tahun 1984, menjalankan aktiviti perniagaan berhubung dengan pengambilan, pembelian, pemilikan, penyewaan, pemajakan, pembangunan dan penjualan harta, menawarkan perkhidmatan pengurusan projek hartanah serta menjalankan aktiviti penyelenggaraan harta bagi pihak LTAT.



**PERBADANAN HAL EHWAL BEKAS
ANGKATAN TENTERA (PERHEBAT)**

Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera atau PERHEBAT, perbadanan milik penuh ketiga LTAT yang ditubuhkan dalam tahun 1994, menawarkan pelbagai program latihan dalam bidang kemahiran teknikal, vokasional dan keusahawanan untuk anggota angkatan tentera yang akan dan telah bersara.

MULA START

DIVIDEN 2022
DAN PEMBUNGAH HARTA
CABUTAN BERTUAH

SOROTAN UTAMA 2023

SOROTAN UTAMA 2023

PRESTASI KEWANGAN



Aset Di Bawah Pengurusan (AUM)

RM13,035 JUTA

(2022: RM10,328 juta)



Pendapatan

RM734 JUTA

(2022: RM652 juta)



Keuntungan Bersih

RM475 JUTA

(2022: RM432 juta)



Kadar Solvensi Pada Nilai Pasaran

108.2%

(2022: 84.3%)



Keuntungan Tertahan

RM694 JUTA

(2022: RM499 juta)



Akaun Caruman Ahli

RM10,198 JUTA

(2022: RM9,920 juta)






Kadar Dividen

5%

(2022: 5%)

RANGKA KERJA PERUMPUKAN ASET STRATEGIK



- Strategik
- Ekuiti Awam
- Ekuiti Persendirian
- Hartanah
- Pendapatan Tetap
- Pasaran Wang

SOROTAN UTAMA 2023

PERISTIWA UTAMA



Peluncuran Misi & Visi Baharu untuk
mengukuhkan mandat LTAT



Pengambil alihan Boustead Holdings Berhad & Boustead Plantations Berhad untuk
**meningkatkan prestasi dan melindungi wang persaraan
pencarum**



Penganjuran Minggu Bersama Pencarum, Jelajah Sarawak 2023 dengan
kehadiran 5,114 pengunjung



Peluncuran Modul Celik Kewangan yang
memberi faedah kepada 1,013 warga ATM



Penganjuran Larian Wira 2023 dengan
penyertaan 7,500 peserta





A SI
ROI

FOR OUR
HEROES

ADVANCING
SOCIO-ECONOMIC
WELL-BEING OF
OUR MEMBERS

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

PEMATUHAN AMALAN TERBAIK TADBIR URUS KORPORAT

Ahli Lembaga LTAT memberi komitmen sepenuhnya dalam memastikan piawaian urus tadbir korporat yang paling tinggi dan aplikasi yang efektif, selaras dengan Prinsip Amalan Terbaik Urus Tadbir Korporat dan seperti yang digariskan dalam Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia, diamalkan di LTAT dan Kumpulan sebagai satu bahagian penting dalam pelaksanaan tanggungjawabnya dalam mengendalikan aset dan mentadbir wang pencarum LTAT. Ahli Lembaga LTAT dengan sukacitanya melaporkan bahawa LTAT dan Kumpulan telah menerima pakai prinsip-prinsip dan mematuhi amalan terbaik seperti yang digariskan di dalam Kod tersebut.

LEMBAGA

KOMPOSISI LEMBAGA

LTAT mengiktiraf kepentingan peranan yang dimainkan oleh Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan dalam pembentukan, penentuan hala tuju dan operasinya. Selaras dengan Seksyen 4(3) Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 [Akta 101]. Lembaga hendaklah terdiri daripada:

- i. Pengerusi, iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan atau wakil yang dilantik oleh Menteri;
- ii. Timbalan Pengerusi, iaitu wakil daripada Kementerian Pertahanan;
- iii. Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan;
- iv. Ketua Eksekutif yang merupakan seorang ahli ex-officio;
- v. Empat (4) orang ahli yang dilantik oleh Menteri untuk mewakili pencarum, seorang daripadanya hendaklah Panglima Angkatan Tentera; dan
- vi. Beberapa orang ahli lain, tidak melebihi empat (4) orang yang dilantik oleh Menteri atas nasihat Lembaga.

Dalam menentukan sama ada seseorang itu layak dan sesuai dilantik sebagai Ahli Lembaga, Menteri hendaklah mengambil kira di antaranya kejujuran, kecekapan dan kewajaran seseorang itu dan juga ketekunan yang membolehkan orang itu memenuhi tanggungjawabnya sebagai Ahli Lembaga.

LTAT juga komited untuk memastikan komposisi Ahli Lembaga mempunyai kepelbagaian dari segi pengalaman, kemahiran, pengetahuan, latar belakang industri, jantina serta etnik yang sewajarnya untuk mencapai objektif pelaburan dan mengamalkan tadbir urus korporat yang terbaik.

Ahli Lembaga bertanggungjawab sepenuhnya atas keseluruhan urus tadbir korporat LTAT dan Kumpulan termasuk hala tuju pembangunan strategiknya serta menetapkan matlamat untuk pengurusan dan memantau pencapaian matlamat tersebut.

INTEGRITI AHLI LEMBAGA

Keputusan Lembaga tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak dan sekiranya terdapat percanggahan kepentingan, Ahli Lembaga yang berkenaan dikehendaki untuk mengecualikan diri dalam apa-apa pertimbangan dan pengundian dalam perkara yang melibatkan kepentingan mereka, kepentingan peribadi atau yang berkaitan dengan pemegang saham yang diwakili mereka.

Lembaga ditubuhkan untuk mentadbir dan menguruskan LTAT mengikut apa-apa jua cara yang dapat memajukan kepentingan pencarum dan juga warga kerja yang akan bersara, pesara ATM dan anggota Kerahan Angkatan Sukarela. Fungsi Lembaga juga adalah untuk menggubal dasar pentadbiran dan pengurusan serta memastikan LTAT mencapai objektifnya dengan sempurna dan cemerlang.

MESYUARAT LEMBAGA

Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali (1) bagi setiap enam (6) bulan berdasarkan Jadual Pertama 4 (1) di bawah Seksyen 4 (4) Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 [Akta 101]. Pengerusi atau Timbalan Pengerusi atau mana-mana anggota yang bertugas sebagai pengerusi semasa ketiadaan pengerusi bersama (3) tiga orang ahli lain adalah mencukupi untuk dijadikan kuorum dalam mesyuarat Lembaga. Pada setiap mesyuarat, Ahli Lembaga menimbang dan membuat keputusan bagi cadangan yang berkaitan dengan operasi dan pentadbiran, dasar serta isu semasa dan strategi LTAT serta meluluskan penyata kewangan LTAT. Bagi tahun 2023, Lembaga telah bermesyuarat sebanyak enam belas (16) kali.

Kesemua Ahli Lembaga diberi maklumat yang tepat dan lengkap sebelum tiap-tiap mesyuarat Lembaga bagi membolehkan mereka mengambil bahagian dalam mesyuarat berkenaan, memahami isu-isu yang akan dibincangkan untuk membuat keputusan yang tepat. Bagi membantu Lembaga menjalankan tugasnya, Lembaga boleh mendapatkan khidmat dan nasihat profesional yang bebas dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka seperti yang dinyatakan dalam peruntukan dalam Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 [Akta 101] di bawah Seksyen 5 (3).

PERSARAAN DAN PELANTIKAN SEMULA

Pengerusi dan Ahli Lembaga yang lain yang telah dilantik di bawah Seksyen 4(3) (d) (selain Panglima Angkatan Tentera) dan Seksyen 4(3) (e) Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 [Akta 101] hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun, sebagaimana yang ditentukan dalam surat pelantikan mereka. Pelantikan Panglima Angkatan Tentera adalah atas jawatannya. Ahli Lembaga adalah layak untuk dilantik semula.

IMBUHAN LEMBAGA

Ahli Lembaga yang telah dilantik boleh dibayar elaun, termasuk elaun perjalanan dan elaun hidup, sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Menteri.

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

PANEL PELABURAN

KOMPOSISI PANEL PELABURAN

Panel Pelaburan ditubuhkan mengikut Seksyen 6 Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 [Akta 101] untuk membantu Lembaga mempertimbangkan dan memberikan nasihat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang pelaburan LTAT. Panel Pelaburan hendaklah terdiri daripada:

- i. Seorang Pengerusi yang dilantik oleh Menteri atas nasihat Lembaga;
- ii. Panglima Angkatan Tentera;
- iii. Seorang wakil daripada Kementerian Pertahanan;
- iv. Seorang wakil daripada Kementerian Kewangan; dan
- v. Empat (4) orang ahli yang berpengalaman dan kepakaran dalam perniagaan, pelaburan, pengurusan risiko pelaburan, aktuari, perbankan, undang-undang atau kewangan yang dilantik oleh Menteri atas nasihat Lembaga.

Dalam menentukan sama ada seseorang itu layak dan sesuai dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan, Menteri hendaklah mengambil kira di antaranya kejujuran, kecekapan dan kewajaran seseorang itu dan juga ketekunan yang membolehkan orang itu memenuhi tanggungjawabnya sebagai Ahli Panel Pelaburan.

MESYUARAT PANEL PELABURAN

Mesyuarat Panel Pelaburan diadakan sebelum Lembaga bermesyuarat dan/atau apabila dikehendaki oleh Lembaga. Pengerusi atau, jika ketiadaannya, ahli yang dipilih oleh Ahli Panel Pelaburan yang hadir hendaklah mempengerusikan mesyuarat dan dua (2) orang ahli lain adalah mencukupi untuk dijadikan kuorum dalam sesuatu mesyuarat Panel Pelaburan. Bagi tahun 2023, Panel Pelaburan telah bermesyuarat sebanyak dua puluh dua (22) kali.

PERSARAAN DAN PELANTIKAN SEMULA

Seseorang Ahli Panel Pelaburan hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang ditetapkan oleh LTAT dan layak dilantik semula.

IMBUHAN PANEL PELABURAN

Panel Pelaburan yang dilantik layak dibayar elaun, termasuk elaun perjalanan dan elaun hidup, sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

JAWATANKUASA KECIL LEMBAGA

Lembaga dalam menjalankan tugasnya, boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang terdiri daripada mana-mana orang yang difikirkan layak oleh Lembaga untuk membantu melaksanakan tanggungjawabnya untuk memastikan urus tadbir korporat dilaksanakan dengan baik dan teratur.

Jawatankuasa kecil yang diwujudkan untuk membantu Ahli Lembaga dalam pentadbirannya adalah seperti berikut:



PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

JAWATANKUASA LEMBAGA (SAMBUNGAN)

LEMBAGA RISIKO

Lembaga Risiko terdiri daripada ahli yang dilantik oleh Lembaga dari kalangan Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan yang bertanggungjawab terhadap pengawasan dasar dan amalan pengurusan risiko organisasi dan pengawasan terhadap operasi rangka kerja pengurusan risiko organisasi.

Senarai Ahli Lembaga Risiko bagi tahun 2023 adalah:

Pengerusi

1. YBhg Dato' Wan Mohd Fadzmi bin Wan Othman¹

Ahli-ahli

1. YBhg Leftenan Jeneral Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman²
2. YBhg Leftenan Jeneral Datuk Muhammad Hafizuddeain bin Jantan³
3. YBhg Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim⁴
4. YBhg Laksamana Madya Datuk Abdul Rahman bin Ayob⁵
5. YBhg Laksamana Madya Datuk Sabri bin Zali⁶
6. YBhg Laksamana Madya Dato' Zulhelmy bin Ithnain⁷
7. YBrs Puan Afidah Azwa binti Abdul Aziz

JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit terdiri daripada ahli yang dilantik oleh Lembaga dari kalangan Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan yang membantu dalam mengkaji, menilai, dan melaporkan perkara berkaitan dengan audit yang merangkumi pelan audit, dasar dan prosedur dalaman, membincang tentang laporan audit dalaman dan laporan Ketua Audit Negara mengenai laporan kewangan dan memastikan keberkesanan sistem kawalan dalaman terhadap aktiviti LTAT.

Senarai Ahli Jawatankuasa Audit bagi tahun 2023 adalah:

Pengerusi

1. YBhg Dato' Anis Rizana binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin⁸

Ahli-ahli

1. YBhg Leftenan Jeneral Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman²
2. YBhg Leftenan Jeneral Datuk Muhammad Hafizuddeain bin Jantan³
3. YBhg Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim⁴
4. YBhg Laksamana Madya Datuk Abdul Rahman bin Ayob⁵
5. YBhg Laksamana Madya Datuk Sabri bin Zali⁶
6. YBhg Laksamana Madya Dato' Zulhelmy bin Ithnain⁷
7. YBhg Datuk Md Zubir Ansori bin Yahaya⁹
8. YBhg Dato' Mona Suraya binti Kamaruddin¹⁰

LEMBAGA PEROLEHAN

Lembaga Perolehan terdiri daripada ahli yang dilantik oleh Lembaga dari kalangan Ahli Lembaga untuk mengelolakan perolehan LTAT bernilai melebihi RM500,000 tetapi tidak melebihi RM100 juta bagi satu-satu jenis item, atau satu-satu kelas jenis item, atau satu-satu projek, atau satu-satu kontrak. Perolehan yang nilainya melebihi RM100 juta dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga.

Senarai Ahli Lembaga Perolehan bagi tahun 2023 adalah:

Pengerusi

1. YBhg Dato' Seri Muez bin Abd Aziz¹¹
2. YBhg Datuk Seri Isham bin Ishak¹²

Ahli-ahli

1. YBhg Leftenan Jeneral Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman²
2. YBhg Leftenan Jeneral Datuk Muhammad Hafizuddeain bin Jantan³
3. YBhg Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim⁴
4. YBhg Leftenan Jeneral Datuk Seri Hj Muhamad Norazlan bin Aris TUDM
5. YBhg Dato' Ahmad Nazim bin Abd Rahman

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

JAWATANKUASA LEMBAGA (SAMBUNGAN)

JAWATANKUASA PENAMAAN DAN SARAAN

Jawatankuasa Penamaan dan Saraan terdiri daripada ahli yang dilantik oleh Lembaga dari kalangan Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan, untuk menyokong dan menasihati Lembaga dalam melaksanakan kuasanya berkenaan dengan penilaian, pelantikan Ahli Lembaga, Ahli Panel Pelaburan dan di antaranya mengenai pelantikan Pengurusan serta perkara berkaitan skim perkhidmatan LTAT.

Senarai Ahli Jawatankuasa Penamaan dan Saraan bagi tahun 2023 adalah:

Pengerusi

1. YBhg Dato' Seri Muez bin Abd Aziz¹¹
2. YBhg Datuk Seri Isham bin Ishak¹²

Ahli-ahli

1. YBhg Leftenan Jeneral Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman²
2. YBhg Leftenan Jeneral Datuk Muhammad Hafizuddeain bin Jantan³
3. YBhg Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim⁴
4. YBhg Laksamana Madya Datuk Abdul Rahman bin Ayob⁵
5. YBhg Laksamana Madya Datuk Sabri bin Zali⁶
6. YBhg Laksamana Madya Dato' Zulhelmy bin Ithnain⁷
7. YBhg Leftenan Jeneral Datuk Seri Hj Muhamad Norazlan bin Aris TUDM
8. YBhg Dato' Maznah binti Abdul Jalil

JAWATANKUASA INTEGRITI

Jawatankuasa Integriti terdiri daripada ahli yang dilantik oleh Lembaga dari kalangan Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan serta wakil daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau mantan kakitangan SPRM, yang bertanggungjawab bagi memastikan LTAT mencapai matlamat dan/atau rancangan LTAT dalam mendapatkan antara lain, persekitaran perniagaan bebas rasuah dan untuk menggalakkan amalan etika yang baik.

Senarai Ahli Jawatankuasa Integriti bagi tahun 2023 adalah:

Pengerusi

1. YBhg Dato' Anis Rizana binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin⁸

Ahli-ahli

1. YBhg Leftenan Jeneral Datuk Seri Hj Muhamad Norazlan bin Aris TUDM
2. YBhg Dato' Sri Shamsun Baharin bin Mohd Jamil

1. YBhg Dato' Wan Mohd Fadzmi bin Wan Othman dilantik pada 1 April 2023.
2. YBhg Leftenan Jeneral Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman melepaskan jawatannya pada 22 Mac 2023.
3. YBhg Leftenan Jeneral Datuk Muhammad Hafizuddeain bin Jantan dilantik pada 3 Mei 2023 dan melepaskan jawatannya pada 6 September 2023.
4. YBhg Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim dilantik pada 6 September 2023.
5. YBhg Laksamana Madya Datuk Abdul Rahman bin Ayob melepaskan jawatannya pada 26 Januari 2023.
6. YBhg Laksamana Madya Datuk Sabri bin Zali dilantik pada 30 Januari 2023 dan melepaskan jawatannya pada 11 Ogos 2023.
7. YBhg Laksamana Madya Dato' Zulhelmy bin Ithnain dilantik pada 22 Ogos 2023.
8. YBhg Dato' Anis Rizana binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin melepaskan jawatannya pada 25 September 2023.
9. YBhg Datuk Md Zubir Ansori bin Yahaya dilantik pada 1 April 2023.
10. YBhg Dato' Mona Suraya binti Kamaruddin dilantik pada 1 April 2023.
11. YBhg Dato' Seri Muez bin Abd Aziz melepaskan jawatannya pada 31 Mei 2023.
12. YBhg Datuk Seri Isham bin Ishak dilantik pada 10 Oktober 2023.

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN

Jawatankuasa Kecil diperingkat Pengurusan juga telah ditubuhkan untuk mengawal selia perkara-perkara yang spesifik berkaitan dengan operasi dan pelaburan LTAT. Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan ini terdiri daripada Ahli Pengurusan dan ahli lain yang ditentukan oleh Pengurusan. Setiap jawatankuasa telah melaksanakan tanggungjawab mengikut terma rujukan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa Pengurusan yang ditubuhkan adalah seperti berikut:

JAWATANKUASA PENGURUSAN	FUNGSI UTAMA
Jawatankuasa Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> Membantu Panel Pelaburan dan Lembaga dalam mempertimbangkan peluang-peluang pelaburan dan langkah korporat lain Meluluskan pengambilalihan, pelupusan dan perbelanjaan modal
Jawatankuasa Pengurusan Risiko Dan Pematuhan	<p>Antara peranan dan tanggungjawab RCMC adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Menilai dan mencadangkan strategi dan dasar pengurusan risiko yang selaras dengan tahap serta toleransi risiko organisasi Memastikan pengoperasian Rangka Kerja Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan (PKP) yang berkesan mengesyorkan pelan PKP dan memastikan infrastruktur yang mencukupi untuk pelaksanaan pengurusan risiko dengan berkesan Memantau pendedahan risiko dan pelan-pelan pemulihan serta melaporkan risiko utama kepada Lembaga Risiko secara berkala.
Mesyuarat Kajian Semula Sistem Pengurusan Kualiti	<ul style="list-style-type: none"> Membuat penambahbaikan pada keseluruhan sistem pengurusan kualiti
Jawatankuasa Pemandu Teknologi Maklumat	<ul style="list-style-type: none"> Membuat pemantauan dan penambahbaikan pada keseluruhan sistem pengurusan teknologi maklumat
Jawatankuasa Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat	<ul style="list-style-type: none"> Membuat pemantauan dan penambahbaikan pada keseluruhan sistem pengurusan keselamatan maklumat
Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih	<ul style="list-style-type: none"> Merancang, memantau, mengawasi dan menyelia semua aspek pengurusan aset alih LTAT
Jawatankuasa Pemeriksa Aset Alih	<ul style="list-style-type: none"> Memeriksa aset secara tahunan Memantau pengurusan aset termasuk bagi tujuan pelupusan aset

LEMBAGA TATATERTIB

Lembaga Tatatertib berfungsi untuk menimbang dan menentukan hukuman tatatertib ke atas pegawai dan kakitangan LTAT yang telah melanggar syarat perkhidmatan dan peraturan seperti tertera di Peraturan-peraturan Pegawai Lembaga Tabung Angkatan Tentera (Kelakuan dan Tatatertib) 1996.

Komposisi Lembaga Tatatertib adalah berbeza mengikut kategori gred atau kumpulan pegawai dan kakitangan LTAT. Berikut adalah komposisi Jawatankuasa Lembaga Tatatertib seperti tertera di Peraturan-peraturan Pegawai Lembaga Tabung Angkatan Tentera (Kelakuan dan Tatatertib) 1996:-

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

LEMBAGA TATATERTIB (SAMBUNGAN)

Bagi Pegawai Kumpulan A (Gred 27 ke atas):-	Bagi Pegawai Kumpulan B (Gred 26 ke bawah):-
1. Timbalan Pengerusi Lembaga;	1. Ketua Eksekutif sebagai Pengerusi;
2. Dua (2) Ahli Lembaga yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga;	2. Timbalan Ketua Eksekutif dan/atau Ketua Pegawai Pelaburan dan/atau Ketua Pegawai Kewangan atau mana-mana jawatan yang setara dengan peranan dan fungsi yang dilantik oleh Lembaga; dan
3. Ketua Eksekutif; dan	
4. Ketua Modal Insan dan Transformasi dan/atau Ketua Perundangan dan Kesetiausahaan atau jawatan yang setara dengan peranan dan fungsi, yang dilantik oleh Lembaga sebagai sekretariat.	3. Ketua Modal Insan dan Transformasi dan/atau Ketua Perundangan dan Kesetiausahaan atau jawatan yang setara dengan peranan dan fungsi, yang dilantik oleh Lembaga sebagai sekretariat.

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN PENGAUDITAN

LAPORAN KEWANGAN

LTAT sebagai sebuah badan berkanun dikehendaki untuk mengemukakan akaunnya kepada Pejabat Ketua Audit Negara bagi tujuan pengauditan setiap tahun. Akaun yang telah diaudit akan dibentangkan di Parlimen untuk kelulusan.

Lembaga juga perlu memastikan yang semua rekod perakaunan dilaporkan dengan tepat dan memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai status LTAT setakat akhir tahun kewangan, berdasarkan piawaian perakaunan yang diguna pakai.

Sebagai mematuhi peruntukan dalam Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 [Akta 101], Ahli Lembaga hendaklah memastikan perkara-perkara berikut:

- Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada satu bulan sebelum bermula setiap tahun kewangan, menimbang dan meluluskan suatu anggaran perbelanjaan Lembaga (termasuk perbelanjaan modal) bagi tahun yang berikutnya;
- Lembaga bertanggungjawab mengarahkan supaya penyata kewangan dan juga laporan kewangan LTAT lain disediakan menurut piawaian perakaunan yang bersesuaian dan diluluskan;
- Lembaga hendaklah memastikan kesemua laporan kewangan diaudit setiap tahun oleh Ketua Audit Negara atau seseorang juruaudit lain yang dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri Kewangan;
- Selepas berakhir setiap tahun kewangan, setelah diaudit, Lembaga hendaklah mengarahkan supaya satu salinan penyata akaun itu dihantar kepada Menteri bersama dengan satu salinan apa-apa pandangan audit. Menteri hendaklah mengarahkan supaya satu salinan bagi tiap-tiap penyata dan pandangan itu dibentangkan di dalam setiap satu Mesyuarat Parlimen; dan
- Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari bulan Jun setiap tahun, mengarahkan supaya dibuat dan dihantar kepada Menteri suatu laporan berkenaan dengan aktiviti LTAT dalam tahun kewangan yang lalu dan mengandungi sebarang maklumat berhubung dengan perjalanan dan dasar sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Menteri. Menteri hendaklah mengarahkan supaya satu salinan setiap laporan itu dibentangkan di hadapan setiap satu mesyuarat Parlimen.

PERKARA-PERKARA LAIN

PIAGAM LEMBAGA

Piagam Lembaga telah dibangunkan untuk menekankan komitmen Ahli Lembaga terhadap standard amalan urus tadbir korporat yang terbaik dan menetapkan dengan jelas mengenai peranan, komposisi, dan tanggungjawab Ahli Lembaga LTAT. Ianya menerima pakai amalan terbaik, garis panduan, peraturan dan undang-undang yang berkenaan, proses dan prosedur untuk memberi panduan kepada Lembaga dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Piagam Lembaga akan menjadi bahagian penting dalam setiap tugas dan tanggungjawab Ahli Lembaga.

PERHUBUNGAN DENGAN JURUAUDIT

Lembaga mewujudkan satu hubungan yang rasmi dan telus dengan Pejabat Ketua Audit Negara dan Juruaudit swasta bagi anak syarikat LTAT. Penemuan audit bagi LTAT diteliti oleh Ketua Eksekutif sebelum tindakan susulan dijalankan. Jawapan kepada penemuan audit akan dibentangkan secara rasmi dalam Mesyuarat Penutupan Audit dan pemantauan berterusan dijalankan oleh pegawai di setiap bahagian dan jabatan bagi teguran audit yang diterima.

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

PERKARA-PERKARA LAIN (SAMBUNGAN)

KOMUNIKASI DENGAN PENCARUM

Lembaga mengiktiraf akan pentingnya LTAT dalam memberi maklumat yang tepat berkenaan dengan prestasi dan perkara lain yang melibatkan kepentingan pencarum LTAT. Antara kaedah yang digunakan untuk berkomunikasi dengan pencarumnya berkenaan aktiviti dan prestasi kewangan LTAT adalah melalui Laporan Tahunan, Penyata Caruman Ahli, Hari Bersama Pelanggan, Kenyataan Akhbar, Portal Rasmi, Taklimat, Media Sosial (Facebook, Twitter, Instagram) dan pengumuman melalui media.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA MENGENAI LAPORAN KEWANGAN

Lembaga adalah bertanggungjawab memastikan Penyata Kewangan disediakan berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan dan bersesuaian serta memberikan gambaran benar dan saksama berkenaan kedudukan Kewangan LTAT dan Kumpulan. Ini termasuk keputusan dan Penyata Aliran Tunai bagi LTAT dan Kumpulan bagi tahun Penyata Kewangannya. Lembaga hendaklah memastikan bahawa proses penyediaan penyata kewangan adalah berasaskan konsep usaha yang berterusan (*on-going concern concept*) berdasarkan jangkaan munasabah dan dengan sumber yang mencukupi untuk meneruskan operasi dalam jangka masa tertentu. Lembaga juga bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengambil langkah bagi memastikan keselamatan aset kumpulan dan mengurangkan risiko operasi dan kewangan.

KAWALAN DALAMAN

Lembaga telah mengambil tanggungjawab untuk mengenal pasti, menilai, dan mengkaji kecukupan dan keutuhan sistem kawalan dalaman LTAT bagi mematuhi undang-undang, peraturan, dan garis panduan yang berkenaan. Maklumat berkenaan sistem kawalan dalaman LTAT dibentangkan menerusi Pernyataan Kawalan Dalaman dalam Laporan Tahunan yang memberikan tinjauan menyeluruh berhubung kedudukan kawalan dalaman LTAT.



LEMBAGA TABUNG
ANGKATAN TENTERA

**MESYUARAT
LEMBAGA &
PANEL
PELABURAN**

MESYUARAT LEMBAGA & PANEL PELABURAN

KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA 2023

<p>15/16</p> <p>YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor (Bersara) Pengerusi</p>	<p>1/5</p> <p>YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman (Dilantik pada 6 September 2023)</p>	<p>9/9</p> <p>YBhg Laksamana Madya Datuk Sabri bin Zali (Dilantik pada 30 Januari 2023 dan Melepaskan jawatannya pada 11 Ogos 2023)</p>
<p>2/6</p> <p>YBhg Dato' Sri Muez bin Abd Aziz Timbalan Pengerusi (Melepaskan jawatannya pada 31 Mei 2023)</p>	<p>2/3</p> <p>YBhg Leftenan Jeneral Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman (Melepaskan jawatannya pada 22 Mac 2023)</p>	<p>2/5</p> <p>YBhg Laksamana Madya Dato' Zulhelmy bin Ithnain (Dilantik pada 22 Ogos 2023)</p>
<p>2/3</p> <p>YBhg Dato' Seri Isham bin Ishak Timbalan Pengerusi (Dilantik pada 10 Oktober 2023)</p>	<p>6/6</p> <p>YBhg Leftenan Jeneral Datuk Muhammad Hafizuddeain bin Jantan (Dilantik pada 3 Mei 2023 dan melepaskan jawatannya pada 6 September 2023)</p>	<p>14/16</p> <p>YBhg Leftenan Jeneral Datuk Seri Haji Muhamad Norazlan bin Aris TUDM</p>
<p>8/10</p> <p>YBhg Dato' Anis Rizana binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin (Melepaskan jawatannya pada 25 September 2023)</p>	<p>3/6</p> <p>YBhg Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim (Dilantik pada 6 September 2023)</p>	<p>12/13</p> <p>YBhg Datuk Md Zubir Ansori bin Yahaya (Dilantik pada 1 April 2023)</p>
<p>2/10</p> <p>YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM (Melepaskan jawatannya pada 6 September 2023)</p>	<p>0/0</p> <p>YBhg Laksamana Madya Datuk Abdul Rahman bin Ayob (Melepaskan jawatannya pada 26 Januari 2023)</p>	<p>15/16</p> <p>YBhg Dato' Ahmad Nazim bin Abd Rahman Ketua Eksekutif (Ex- Officio)</p>



MESYUARAT LEMBAGA & PANEL PELABURAN

KEHADIRAN MESYUARAT PANEL PELABURAN 2023

22/22
YBhg Dato' Maznah binti Abdul Jalil
 Pengerusi

17/22
YBrs Puan Afidah Azwa binti Abdul Aziz

11/17
YBhg Dato' Sri Norazman bin Ayob
 (Dilantik pada 1 April 2023)

4/14
YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM
 (Melepaskan jawatannya pada 6 September 2023)

22/22
YBhg Dato' Azmi bin Mohd Ali

17/17
YBhg Dato' Mona Suraya binti Kamaruddin
 (Dilantik pada 1 April 2023)

1/8
YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman
 (Dilantik pada 6 September 2023)

16/17
YBhg Dato' Wan Mohd Fadmi bin Wan Othman
 (Dilantik pada 1 April 2023)



	Komposisi Ahli Lembaga	Bilangan : 12
	Komposisi Ahli Panel Pelaburan	Bilangan : 8



PERNYATAAN KAWALAN DALAMAN

PERNYATAAN KAWALAN DALAMAN

TANGGUNGJAWAB

Lembaga LTAT bertanggungjawab terhadap pengendalian sistem kawalan dalaman LTAT yang sempurna dan berkesan. Sistem kawalan dalaman LTAT telah diwujudkan untuk mengurus risiko dan bukan untuk menyingkirkan terus risiko kegagalan mencapai matlamat organisasi secara mutlak. Ia hanya dapat memberikan jaminan keberkesanan organisasi yang munasabah dan bukan jaminan terhadap salah nyata atau kerugian ketara.

CIRI-CIRI UTAMA KAWALAN DALAMAN

Ciri-ciri utama kawalan dalaman LTAT adalah seperti berikut:

- Terma rujukan yang jelas menggariskan peranan dan tanggungjawab ahli Lembaga, Panel Pelaburan dan Jawatankuasa Audit;
- Struktur organisasi yang jelas menggariskan had kuasa dan tanggungjawab di semua peringkat untuk memastikan akauntabiliti pengurusan risiko dan kawalan;
- Tanggungjawab Lembaga dan Panel Pelaburan yang berkaitan dicatatkan dalam Pernyataan Urus Tadbir Korporat;
- Mesyuarat Jawatankuasa Audit yang diadakan secara tetap untuk mengkaji, menilai, dan memberi pertimbangan terhadap laporan audit dalaman dan laporan pejabat Ketua Audit Negara tentang laporan kewangan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman terhadap aktiviti LTAT dan seterusnya dibentangkan kepada Lembaga untuk kelulusan. Pengurusan bertanggungjawab untuk mengambil tindakan susulan pada laporan tersebut;
- Mesyuarat Pengurusan yang diadakan oleh Ketua Eksekutif dengan Pegawai-Pegawai Kanan dan Ketua-Ketua Jabatan memberi penekanan kepada proses penilaian dan pengawasan terhadap pengurusan risiko, prestasi pendapatan, perkhidmatan pelanggan, kewangan, pentadbiran, pelaburan dan sistem kualiti;
- Peraturan Kewangan menggariskan secara keseluruhan dasar dan prosedur bagi pengurusan hal ehwal kewangan dan perakaunan LTAT untuk rujukan pegawai dan kakitangan melaksanakan tanggungjawab harian dan dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian;
- Belanjawan tahunan disediakan oleh unit-unit operasi, dikaji semula oleh pengurusan dan diluluskan oleh Lembaga;
- Sistem pembangunan dan penilaian program latihan pegawai dan kakitangan bertujuan memastikan kakitangan ialah kompeten dan mempunyai latihan yang mencukupi untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka;
- Sebagai usaha yang berterusan untuk meningkatkan tadbir urus korporat dalam organisasi, LTAT telah mewujudkan Dasar Pendedahan Maklumat (*Whistleblowing*) bertujuan untuk meningkatkan pencegahan dan pengesanan kesalahan, rasuah, dan salah guna kuasa secara berkesan;
- Sistem komunikasi maklumat di mana laporan kewangan bulanan, laporan syarikat-syarikat pelaburan LTAT, Petunjuk Keberkesanan Prestasi dan sebarang laporan kelemahan dan perubahan profil risiko dilaporkan kepada Pengurusan, ahli Lembaga dan Panel Pelaburan;
- Polisi keselamatan teknologi maklumat menggariskan polisi dan prosedur yang penting bagi menjamin aset-aset teknologi maklumat dilindungi secukupnya dari segi kerahsiaan, keutuhan dan ketersediaan maklumat, data, dan penggunaannya di LTAT;
- *Integrity Pact* dilaksanakan bagi mengukuhkan usaha ke arah meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan LTAT;
- LTAT telah melantik wakil daripada ahli Lembaga dan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) untuk membantu memantapkan sistem pengurusan integriti dan meningkatkan ketelusan serta mewujudkan budaya tadbir urus yang terbaik di LTAT, Perbadanan milik penuh LTAT dan syarikat kumpulannya;
- Jawatankuasa Integriti dibentuk bagi mengukuhkan kawalan dalaman bagi mencegah kegiatan rasuah dan memastikan pelaksanaan inisiatif yang dirancang berjalan lancar serta menggalakkan amalan beretika dan tadbir urus yang baik selari dengan matlamat Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023; dan
- LTAT telah melantik Ketua Pegawai Keselamatan Maklumat dan Pegawai Keselamatan Teknologi Komunikasi dan Maklumat yang bertanggungjawab untuk membantu Pengurusan LTAT dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan sistem pengurusan keselamatan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) agar dilaksanakan dengan teratur, mengikut piawaian dan mematuhi Dasar Keselamatan ICT LTAT supaya keselamatan maklumat penjarum LTAT terjamin.

PERNYATAAN KAWALAN DALAMAN

FUNGSI JABATAN AUDIT DALAMAN

Fungsi utama Jabatan Audit Dalaman ialah untuk memberi jaminan yang munasabah kepada Lembaga berkaitan kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman untuk berfungsi dengan sempurna. Sebagai satu badan bebas, Jabatan Audit Dalaman memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif bagi menambah nilai dan meningkatkan tahap operasi LTAT.


Ketua Audit Dalaman melapor secara fungsional kepada Jawatankuasa Audit dan secara pentadbiran kepada Ketua Eksekutif. Aktiviti-aktiviti Jabatan Audit Dalaman adalah bebas daripada sebarang pengaruh dalam menentukan skop pengauditan dan pelaksanaan kerja serta memaklumkan hasil auditan.

Jabatan Audit Dalaman membantu LTAT dalam mencapai objektifnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan memperbaiki keberkesanan proses-proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus di LTAT. Fungsi Audit Dalaman dikawal oleh Piagam Audit Dalaman yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit bagi memberi kuasa kepada Jabatan Audit Dalaman untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan. Sistem kawalan dalaman bagi aktiviti - aktiviti utama di LTAT dinilai berpandukan kepada Pelan Tahunan Audit Dalaman yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit.

Proses audit dalaman menggunakan pendekatan berasaskan risiko di mana pelan dan strategi audit yang dirangka adalah berdasarkan kepada profil-profil risiko berkaitan dengan unit-unit perniagaan. Syor penambahbaikan berterusan dibuat melalui penilaian ke atas kecukupan dan keberkesanan kawalan sebagai gerak balas terhadap risiko dalam sistem tadbir urus, operasi, dan maklumat LTAT berkaitan:



Dalam melaksanakan fungsinya, skop kerja Jabatan Audit Dalaman juga merangkumi:



Semua laporan audit dalaman dibentangkan untuk perbincangan Jawatankuasa Audit. Pengurusan bertanggungjawab bagi memastikan tindakan pembetulan diambil ke atas kelemahan-kelemahan yang dilaporkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Status pemerhatian audit yang belum selesai dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit secara sukuan dan status pelaksanaan pelan tindakan yang telah dipersetujui oleh Pengurusan akan terus dipantau oleh Jabatan Audit Dalaman.

PERNYATAAN KAWALAN DALAMAN





INTEGRITI DAN TADBIR URUS

PENUBUHAN JABATAN YANG BEBAS

1. JABATAN INTEGRITI

- Penubuhan Jabatan Integriti sebagai sebuah jabatan yang bebas telah membuktikan bahawa LTAT sentiasa komited dalam memperkasakan amalan tadbir urus korporat yang baik sekaligus mewujudkan persekitaran perniagaan ke arah toleransi sifar terhadap rasuah, penipuan, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Jabatan Integriti yang diterajui oleh barisan kepimpinan yang berkeelayakan dan bertauliah, telah di pertanggungjawabkan dengan empat (4) fungsi teras seperti berikut:-

1 PENGURUSAN ADUAN	2 PENGESANAN DAN PENGESAHAN	3 PENGUKUHAN INTEGRITI	4 TADBIR URUS
<p>Memastikan pengurusan aduan dikendalikan secara sistematik, cekap dan teratur.</p> 	<p>Memastikan setiap aduan/ maklumat yang diterima diuruskan dengan teratur, dikesan dan disahkan kebenarannya.</p> 	<p>Mempertingkatkan amalan terbaik, beretika dan berintegriti tinggi di LTAT melalui pembudayaan dan program kesedaran.</p> 	<p>Merangkumi penyelidikan dan cadangan untuk menambah baik dasar, sistem dan prosedur kerja sedia ada.</p> 

PELAN / POLISI

1. PELAN ANTI RASUAH LTAT 2022-2026

- LTAT menyokong agenda negara sebagaimana yang terkandung di dalam Anti-Rasuah Nasional 2019-2023 (NACP) dalam memerangi rasuah melalui Pelan Antirasuah LTAT 2022-2026. Pelan Antirasuah LTAT ini telah mengenalpasti 4 bidang keutamaan, 4 Strategi, 6 Objektif strategik dan 30 Inisiatif sebagai usaha meningkatkan tadbir urus korporat baik, membanteras gejala rasuah dan salah guna kuasa di LTAT.

2. DASAR PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH, TAJAAN DAN SUMBANGAN/DERMA

- Dalam usaha meningkatkan integriti di kalangan warga kerja LTAT, dasar pemberian dan penerimaan hadiah, tajaan dan sumbangan/derma telah ditambahbaik agar pelaksanaan tugas harian dapat dijalankan dengan lebih telus, bersih, amanah serta bebas daripada semua bentuk rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

3. KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN

- Kod etika dan tatakelakuan telah diwujudkan sebagai garis panduan tentang nilai akhlak, perbuatan dan tindakan seragam yang perlu dipatuhi dan dibudayakan oleh warga kerja LTAT.

PERNYATAAN KAWALAN DALAMAN

INISIATIF / PROGRAM

1. LIBAT URUS DALAMAN

- Sepanjang tahun 2023, kawalan dalaman yang berterusan telah dilaksanakan melalui penganjuran ceramah kesedaran dan pertandingan dalaman berkisar integriti di kalangan warga kerja LTAT. Inisiatif/program berterusan ini dapat meningkatkan nilai integriti dan mengurangkan sebarang perlakuan risiko rasuah sekaligus dapat melahirkan warga kerja LTAT yang celik integriti.
- Pengwujudan Portal Dalaman berkenaan dengan integriti, tadbir urus dan antirasuah kini lebih mudah dicapai melalui Portal Integriti LTAT.

2. LIBAT URUS LUARAN

- LTAT percaya bahawa perkongsian maklumat berkenaan dengan amalan integriti dan tadbir urus terbaik antara agensi merupakan salah satu faktor bagi pemantapan integriti dan tadbir urus di LTAT. Oleh yang demikian, beberapa agensi dikalangan agensi Badan Pengawal, Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan telah dipilih untuk menjayakan program ini.

LTAT percaya bahawa integriti dan tadbir urus korporat yang kukuh dan disokong oleh kepimpinan yang komited dalam amalan pengurusan yang baik mampu menjadikan LTAT sentiasa relevan dan kehadapan sebagai sebuah institusi dana persaraan yang efektif dan berdaya tahan selaras dengan Pelan Transformasi LTAT.

PERNYATAAN KAWALAN DALAMAN

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

STRUKTUR TADBIR URUS RISIKO

Struktur tadbir urus yang kukuh adalah penting untuk memastikan pelaksanaan pengurusan risiko yang berkesan dan konsisten di seluruh organisasi. Model tadbir urus dalam LTAT adalah berdasarkan “Tiga Barisan Pertahanan” untuk memastikan akauntabiliti, pengawasan mencukupi serta kemandirian dan pengasingan tugas. Struktur ini menjadi panduan bagi pengurusan dan tadbir urus risiko yang berkesan.

Ilustrasi di bawah menggariskan struktur tadbir urus risiko dan amalan Tiga Barisan Pertahanan di LTAT:



PENYATA TAHAP RISIKO

Penyata tahap risiko menetapkan ambang toleransi risiko yang bersesuaian dengan pencapaian strategik objektif LTAT.

Penyata tahap risiko dalam konteks pelaburan adalah berlandaskan faktor-faktor seperti objektif pelaburan, kedudukan kewangan, keperluan kecairan dan keadaan pasaran semasa. Kenyataan tersebut digunakan untuk menetapkan asas penentuan peruntukan dana pelaburan LTAT.

Pemantauan pematuhan pada Penyata Tahap Risiko dijalankan secara bulanan, di mana status terkini dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan, Panel Pelaburan dan Lembaga.

PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI


Pengurusan Risiko Organisasi (PRK) menyokong dan meningkatkan aktiviti LTAT dalam semua bidang operasinya dan PRK adalah sebahagian daripada proses membuat keputusan dan budaya korporat LTAT.

Melalui penggunaan Rangka Kerja PRK dan Manual Operasi (MO) PRK, LTAT dapat mengurus risikonya dengan berkesan dengan meminimumkan kesan ke tahap yang boleh diterima. Dokumen-dokumen ini disemak untuk memastikan ia sentiasa relevan dan penggunaan yang berterusan.

Elemen utama proses PRK adalah seperti berikut;

- Mewujudkan Konteks:** Artikulasi objektif organisasi dan mentakrifkan parameter luaran dan dalaman yang perlu diambil kira semasa menguruskan risiko
- Penilaian Risiko:** Proses keseluruhan pengenalanpastian risiko, analisa risiko dan penilaian risiko
- Rawatan Risiko:** Tindakan yang perlu diambil untuk menamatkan, mengurus, memindah atau menerima risiko bersih ke tahap yang boleh diterima
- Komunikasi dan Perundingan:** Penglibatan dan latihan adalah sebahagian daripada inisiatif untuk memupuk budaya pengurusan risiko dan pematuhan
- Pemantauan dan Semakan:** Kedua-dua aktiviti yang dirancang dan merupakan sebahagian daripada proses pengurusan risiko yang melibatkan pemeriksaan atau pengawasan berkala
- Merekod dan Pelaporan:** Proses pengurusan risiko di mana risiko, butirannya dan minit mesyuarat direkodkan dan dilaporkan secara berkala

PERNYATAAN KAWALAN DALAMAN



PERNYATAAN KAWALAN DALAMAN

KAD SKOR RISIKO (KSR)

Metodologi KSR menggabungkan penilaian risiko dari atas ke bawah dan dari bawah ke atas yang membolehkan pemilik risiko menilai sendiri dan mengemas kini profil risiko mereka. Apabila risiko utama di peringkat jabatan dikenal pasti, penilaian risiko dijalankan berdasarkan pendekatan dari atas ke bawah. KSR dilaksanakan dan merekodkan pemilikan dan butiran risiko, kawalan, tindakan pengurusan dan menggabungkan perubahan pada KSR. Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan menggunakan instrumen di bawah bagi mengurus risiko secara berkesan:

- a) **Kad Risiko Korporat:**
 - Risiko di peringkat korporat atau dinilai dari perspektif strategik
 - Risiko yang boleh menjejaskan pencapaian objektif korporat
- b) **Kad Risiko Jabatan:**
 - Risiko operasi di peringkat jabatan
 - Risiko utama diperingkat jabatan disusun untuk dibawa ke peringkat korporat
- c) **Petunjuk Risiko Utama (PRU):**
 - Bertindak sebagai mekanisma amaran awal, membolehkan LTAT memantau potensi risiko sebelum ia menjadi serius.
- d) **Pelan Tindakan Mitigasi (PTM):**
 - Pelan tindakan yang diambil oleh jabatan untuk menangani risiko yang tinggi dan ketara

Jabatan dikehendaki memberi jaminan dua kali setahun bahawa mereka telah menguruskan risiko dalam profil risiko mereka dengan sewajarnya dan menyediakan pelan tindakan. Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan melaporkan dan memaklumkan isu-isu pengurusan risiko dan pematuhan kepada Jawatankuasa Pengurusan Pengurusan Risiko dan Pematuhan, Lembaga Risiko dan Lembaga LTAT untuk makluman dan/atau membuat keputusan secara berkala.

SISTEM DAFTAR RISIKO (SDaR)

Metodologi KSR diimplementasikan menerusi platform sistem Sistem Daftar Risiko (SDaR) yang telah bersiaran secara langsung pada 25 Mei 2023. SDaR merakamkan pemilikan, maklumat terperinci, kawalan, tindakan pengurusan dan menggabungkan sebarang perubahan kepada KSR. Ia adalah platform KSR yang diautomasikan yang mengandungi papan pemuka risiko.

Akses kepada sistem SDaR disediakan kepada setiap jabatan melalui wakil-wakil risiko dan pematuhan untuk memudahkan pemilik KSR, pemilik risiko, dan pemilik kawalan aktiviti risiko dan memantau secara berkesan. SDaR memudahkan wakil risiko dan pemilik risiko menjejaki dan menangani risiko yang berpotensi di dalam jabatan. Mereka boleh membuat semakan dan mengemaskini KSR setiap sukuan tahun.

Antara kelebihan mendigitalkan kad skor risiko melalui SDaR termasuk:

- a) **Pangkalan data terpusat & meningkatkan kualiti data**
 - Kemudahan mengesan maklumat risiko
 - Papan pemuka dinamik, diperibadikan & interaktif
- b) **Boleh diakses pada bila-bila masa & di mana sahaja melalui MS Teams**
 - Tingkatkan keseluruhan pengalaman pengguna
- c) **Kecekapan**
 - Kad skor risiko digital boleh memproses data dengan cepat dan menyediakan penilaian risiko dalam masa nyata. Ini membolehkan LTAT bertindak balas terhadap risiko dengan lebih tepat pada masanya.
- d) **Ketepatan**
 - Sistem automatik meminimumkan risiko kesilapan manusia dalam pengiraan dan kemasukan data, yang membawa kepada penilaian risiko yang lebih tepat.
- e) **Konsistensi**
 - Kad skor risiko digital menggunakan metodologi dan algoritma yang konsisten untuk menilai risiko, memberikan keseragaman dalam proses penilaian risiko merentas penilaian yang berbeza.
- f) **Kebolehskalaan**
 - Kad skor risiko digital boleh mengendalikan jumlah data dan skala yang besar dengan saiz LTAT
- g) **Penyesuaian**
 - SDaR disesuaikan dengan keperluan khusus LTAT dan selera risiko, menyediakan penilaian yang lebih disasarkan dan relevan.
- h) **Kebolehaudit dan Ketelusan**
 - Sistem kad skor risiko digital boleh mengekalkan log terperinci dan jejak audit, menjadikannya lebih mudah untuk mengesan alasan di sebalik penilaian risiko dan memastikan pematuhan terhadap peraturan.
- i) **Maklumat Terkini**
 - Kad skor risiko automatik boleh menggabungkan data dan aliran terkini, memberikan penilaian risiko terkini.
- j) **Pelaporan dan Visualisasi**
 - SDaR boleh menjana laporan profesional yang jelas dengan visualisasi yang boleh difahami dengan mudah oleh pihak berkepentingan.

Dengan SDaR, jabatan-jabatan dan wakil-wakil risiko boleh:

1. Mendapat pandangan keseluruhan faktor risiko termasuk status terkini PRU dan kemajuan PTM
2. Memudahkan perkongsian maklumat faktor risiko kepada pihak pengurusan
3. Memantau tahap PRU jabatan dan PTM untuk memulakan pelan tindakan

PERNYATAAN KAWALAN DALAMAN

BUDAYA PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan Perusahaan Risiko telah memupuk budaya pengurusan risiko disemua peringkat jabatan dan kakitangan. Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan menggunakan pelbagai pendekatan bagi mencapai objektif melalui :

AKTIVITI	OBJEKTIF	BILANGAN
a. Latihan-latihan/Program Pemukiman ("Retreat")	• Sesi kesedaran melibatkan pihak berkepentingan utama	5
b. Bengkel-bengkel	• Sesi libat urus bertujuan untuk menguruskan pendedahan risiko di peringkat jabatan	9
c. Sesi Perkongsian Ilmu	• Program pemukiman- <i>Risk Away Day</i> 28-29 Julai 2023	17
d. Sesi libat urus dan mudah cara	• Sesi penglibatan dan pemudah cara untuk menguruskan pendedahan risiko di peringkat jabatan	84
e. "Risk Buzz"	• Makluman mengenai maklumat risiko melalui hebahan artikel dan emel	6
f. Anugerah Risiko	• Pengiktirafan tahunan kepada jabatan dan RCC mengenai amalan tadbir urus, risiko dan pematuhan yang luar biasa di semua peringkat yang asas untuk menyokong pelaksanaan strategi, kecemerlangan operasi dan reputasi yang kukuh.	1

Anugerah Risiko merupakan penghargaan bagi kecemerlangan pengurusan risiko dan pematuhan bagi individu dan jabatan yang memberi dedikasi yang tertinggi kepada LTAT. Anugerah tersebut mengiktiraf individu-individu dan jabatan-jabatan yang berkenaan memacu budaya pengurusan risiko dan seterusnya diperingkat organisasi.

PROGRAM PEMUKIMAN- *RISK AWAY DAY*

Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan (JPRP) telah menganjurkan program pemukiman *Risk Away Day* 2023 pada 28 hingga 29 Julai 2023 bertempat di Avillion Admiral Cove, Port Dickson, Negeri Sembilan. Seramai 20 orang wakil-wakil risiko [*Risk & Compliance Champion* (RCC)] dan 15 wakil BCM [*Business Continuity Management Representatives* (BCM Rep)] dari setiap jabatan terpilih sebagai peserta.

Risk Away Day 2023, dengan tema **Ketahanan Risiko: Menavigasi Cabaran**, mengguna pakai pendekatan gabungan aktiviti pembinaan pasukan untuk meningkatkan dinamik pasukan dalam persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan, ditambah pula dengan bengkel bilik darjah yang menangani aspek teori dan aplikasi pengurusan risiko. Program ini bertujuan untuk mengumpulkan RCC dan Wakil BCM untuk:

- Memupuk kerjasama/komunikasi yang lebih erat dan sinergi antara RCC, Wakil BCM dan RMCD untuk menggalakkan perbincangan terbuka tentang isu berkaitan risiko dengan lebih baik dan untuk meningkatkan integrasi pengurusan risiko dalam operasi harian mereka.
- Menanam kesedaran dan memberikan pemahaman yang menyeluruh tentang peranan dan sumbangan kritikal mereka dalam memperjuangkan budaya tadbir urus yang baik dalam jabatan.
- Meningkatkan pengetahuan, membina kecekapan dan tingkatan keupayaan yang diperlukan untuk memenuhi peranan sebagai RCC dan Wakil BCM.
- Memupuk minda proaktif dalam RCC dan Wakil BCM dengan menggalakkan pengenaltipastian aktif, analisis dan penilaian risiko dalam jabatan masing-masing.
- Tanamkan budaya penambahbaikan berterusan sebagai usaha berterusan untuk menyediakan peserta dengan alat dan teknik untuk pemantauan dan penilaian risiko yang berterusan.

PERNYATAAN KAWALAN DALAMAN

PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN

Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan (BCM) tetap menjadi elemen penting dalam misi teras LTAT, bertujuan untuk memastikan operasi berterusan tanpa sebarang gangguan yang mungkin berlaku.



Pada tahun 2023, sebagai sebahagian daripada usaha penyusunan semula organisasi kami, LTAT dengan aktif melaksanakan siri latihan dan inisiatif BCM seperti:

- a) **Penubuhan Analisis Impak Perkhidmatan (BIA), Pelan Kesenambungan Perkhidmatan (BCP), dan Keutamaan Pemulihan Tahap Tinggi (HLRP)**
 - Memastikan kesiapsediaan semua jabatan melalui BIA yang komprehensif dan semakan BCP untuk memastikan pelan kekal relevan.
- b) **Latihan Notification Tree**
 - Memastikan ketepatan dan keaktifan nombor telefon staf.
- c) **Program Kesedaran BCM**
 - Meningkatkan kesedaran berkenaan kesiapsediaan staf untuk meneruskan operasi perkhidmatan semasa krisis berlaku.

LATIHAN SIMULASI KRISIS

Pada 28 Oktober 2023, LTAT telah menjalankan latihan BCM peringkat organisasi. Latihan ini melibatkan 76 peserta termasuk Ketua Eksekutif, Pasukan Pengurusan Krisis, Pasukan Sokongan Pengurusan Krisis dan Pasukan Pemulihan Perkhidmatan. Ia tidak hanya menguji kesinambungan operasi LTAT semasa situasi krisis tetapi juga mengenal pasti kelemahan dan kerentanan. Seterusnya, penyelesaian sementara dan penyelesaian strategik jangka panjang akan dilaksanakan untuk membetulkan isu-isu tersebut. Simulasi yang diuji adalah melalui senario krisis seperti kebakaran, ancaman bom serta keselamatan siber.

Melangkah ke hadapan, LTAT terus komited untuk meningkatkan kekerapan dan skop latihan ini bagi meningkatkan lagi keupayaan tindak balas krisis kami. Matlamat kami adalah untuk membudayakan kakitangan kami dengan prosedur respon dan pemulihan untuk memastikan tindak balas yang pantas dan cekap terhadap sebarang gangguan yang berpotensi berlaku. Di samping itu, LTAT akan terus mengemas kini analisis impak perkhidmatan kami untuk mengambil kira senario risiko yang akan muncul di masa depan, seperti serangan siber, dengan itu memastikan ketangkasan dan kebolehsuaian Rangka Kerja BCM LTAT.

Secara keseluruhan, LTAT kekal teguh dengan komitmennya untuk mengekalkan daya tahan operasi dan melindungi misi penting LTAT. Melalui langkah-langkah BCM proaktif dan penambahbaikan yang berterusan, LTAT akan bersedia untuk menghadapi sebarang cabaran yang mungkin muncul pada masa akan datang.

PERNYATAAN KAWALAN DALAMAN

PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

Pengurusan risiko pelaburan di LTAT mematuhi Rangka Kerja ERM dalam menilai dan memantau risiko yang berkaitan dengan aktiviti pelaburan. Proses ini melibatkan metodologi yang setaraf dengan praktis rakan industri.

- a) **Penilaian Risiko Bebas:**
 - Analisis terperinci dan menyeluruh bagi setiap cadangan pelaburan Baharu yang dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan, Panel Pelaburan dan Lembaga bagi tujuan membuat keputusan.
- b) **Laporan Risiko Pelaburan:**
 - Pemantauan rapi pada peringkat portfolio serta pelaporan risiko utama yang berpotensi kepada Lembaga Risiko secara berkala. Dalam usaha memacu keberkesanan, pelaporan pengurusan risiko pelaburan dipertingkatkan secara berterusan bagi menyediakan pendekatan yang lebih berdaya tahan dan proaktif untuk mengurus semua risiko yang berhubung kait dengan persekitaran dalaman dan luaran.
- c) **Rangka Kerja Ujian Tekanan:**
 - Membantu Pengurusan dan Bahagian Pelaburan dalam merancang aktiviti pelaburan dalam persekitaran pasaran yang mencabar. Penilaian tersebut mengambil kira elemen-elemen utama dalam Penyata Tahap Risiko Pelaburan.
- d) **Polisi dan Garis Panduan Risiko Pelaburan (IRPG):**
 - Menetapkan prinsip, elemen dan metodologi pengurusan risiko pelaburan.
- e) **Sistem Risiko Pelaburan:**
 - Menggunapakai sistem pelaburan untuk menjalankan pengiraan parameter-parameter yang kompleks.

Risiko pelaburan utama dalam LTAT dan pengurusan risiko masing-masing adalah seperti huraian di bawah:

Risiko Pasaran

Risiko pasaran adalah risiko kerugian yang berkaitan dengan perubahan dalam nilai pasaran instrumen kewangan disebabkan oleh implikasi negatif yang mempengaruhi harga pasaran ekuiti dan kadar faedah.

Risiko ini dikelola melalui pendekatan yang kukuh seperti berikut:

- a. Nilai Risiko (VaR)
- b. *Volatility*
- c. Tempoh masa
- d. Portfolio Beta
- e. *Tracking Error*
- f. Ujian tekanan dan *Back Test*

Risiko kredit

Risiko kredit merujuk kepada kerugian yang disebabkan oleh ketidakupayaan sesuatu pihak memenuhi obligasi pembayarannya. Pendedahan risiko kredit LTAT berkait rapat dengan pelaburan dalam aset berpendapatan tetap, ekuiti persendirian, hartanah, dan aset strategik. Bagi memastikan kelestarian jangka panjang LTAT, strategi/pelaksanaan pengurusan risiko kredit diselaraskan dengan amalan terbaik industri bagi memastikan kekonsistenan dengan rakan institusi lain.

LTAT mengurus risiko kredit melalui:

- a. Proses kelulusan kredit yang ketat berdasarkan metodologi penilaian risiko mendalam sebelum kemasukan entiti baru ke dalam sejangat.
- b. Pemantauan rapat serta penilaian semula secara berkala terhadap perubahan pelaburan sedia ada melalui penilaian secara *ad-hoc* dan berkala.
- c. Menanamkan kesedaran dan budaya kredit yang kukuh melalui penglibatan aktif dan kerjasama dengan kakitangan dibahagian pelaburan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan merupakan risiko kegagalan memenuhi komitmen pembayaran dan obligasi seperti caruman ahli, operasi harian, pembayaran pelaburan dan tuntutan dari pihak berkaitan. Keperluan menguruskan risiko kecairan yang berkesan adalah amat penting dan pengurusan risiko kecairan yang berikut telah disediakan:

- a. Peruntukan aset minimum dalam bentuk tunai dan penempatan di institusi kewangan,
- b. Komitmen kepada aset alokasi yang lebih tinggi dalam aset bercair tinggi (*liquid assets*)
- c. Mewujudkan Polisi Dividen dan Dana Rizab
- d. Pemantauan unjuran aliran tunai secara berkala dan mengekalkan Nisbah Solvensi yang mampan
- e. Pengurusan tahap pencairan dana menggunakan Nisbah Perlindungan Kecairan (LCR).

Bagi pelaburan persendirian, parameter risiko yang digunapakai adalah merangkumi *volatility*, risiko konsentrasi dan penilaian pelaburan ekuiti persendirian. Bagi kelas aset hartanah, parameter yang terlibat adalah kadar penghunian dan kadar pengambilan bagi projek-projek pembangunan.

PERNYATAAN KAWALAN DALAMAN

PENGURUSAN PEMATUHAN

RMCD bertanggungjawab untuk mengawasi fungsi Pematuhan LTAT. Dalam hal ini, *Compliance Policy and Procedures* menyediakan panduan untuk menjalankan fungsi Pematuhan dalam proses berstruktur untuk mewujudkan, melaksana, menilai, mengekalkan dan menambah baik sistem pengurusan pematuhan untuk LTAT.

Pengurusan pematuhan meliputi undang-undang dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh LTAT di tempat ia menjalankan perniagaan, serta dasar organisasi yang kritikal— sama ada dasar tersebut berdasarkan keperluan undang-undang atau sebaliknya.

Fungsi pematuhan aktiviti tahunan yang digabungkan dalam Pelan Tahunan Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan 2023 dan Pelan Hala Tuju RMCD 2022-2024. Program Pematuhan untuk 2023 terdiri daripada penilaian pematuhan dan pelaporan kepada Lembaga Risiko. Laporan pematuhan dibentangkan kepada Jawatankuasa Risiko dan Pematuhan (RCMC) dan Lembaga Risiko untuk perbincangan setiap suku tahun.

Aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan adalah seperti berikut:

a) Penilaian Pematuhan

- i. Penilaian Pematuhan terhadap Kod Pelabur Institusi Malaysia (MCII).
 - Tujuan penilaian ini adalah untuk memastikan dasar dan amalan tadbir urus dalaman dilaksanakan memandangkan LTAT adalah penandatanganan kepada MCII sejak Julai 2020.
- ii. Penilaian Pematuhan ke atas Akta TAT (Akta 101).
 - Projek ini meliputi 10 Seksyen dalam Akta TAT yang disemak semula berkuatkuasa pada 1 November 2022. Tujuan pelaksanaan ini adalah untuk memastikan jabatan mematuhi semua seksyen dalam Akta TAT bagi seksyen yang terlibat dalam pindaan Akta tersebut. Proses penilaian telah dimulakan dengan penilaian sendiri oleh jabatan berdasarkan keperluan yang ditetapkan dalam senarai semak pematuhan dan susulan dengan penilaian bebas oleh JKDM. Sebanyak 14 sesi pertemuan dan 8 perbincangan akhir (*Exit Meeting*) telah dijalankan bersama Ketua Jabatan dan wakil Risiko dan Pematuhan (RCC) sepanjang pelaksanaan inisiatif ini.
- iii. Penilaian Pematuhan terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH).
 - Projek ini memberi fokus pada 9 seksyen yang terdiri daripada:
 - Bahagian IV - Kewajipan Am Majikan, Orang Bekerja Sendiri dan Prinsipal
 - Bahagian VII - Organisasi Keselamatan dan Kesihatan
 - Bahagian VIII - Pemberitahuan Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan dan Siasatan

b) Daftar Pematuhan

- Dalam menguruskan risiko pematuhan, RMCD terus memantau dan mengikuti perubahan kepada keperluan perundangan dan peraturan serta dasar dalaman. RMCD menjalankan Semakan Daftar Pematuhan 2023 dengan objektif untuk menyemak dan mengemas kini Daftar Pematuhan semasa sebagai sebahagian daripada peranan dan tanggungjawab semua peringkat untuk mengenal pasti keperluan pematuhan undang-undang dan peraturan terkini yang terpakai.

c) Kesedaran Pematuhan

- Bagi membangunkan budaya pematuhan yang kukuh dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran RCC, RMCD telah menganjurkan beberapa inisiatif termasuk, Buletin *Risk Buzz* dan Compliance Teal Talk Session. Latihan Kesedaran Pematuhan (*Risk and Compliance Awareness Program*) pada 17 Oktober 2023. Kesemua 44 peserta didedahkan dengan pengetahuan tentang pengurusan pematuhan, amalan terbaik serta peranan serta tanggungjawab mereka.



LEMBAGA

AHLI LEMBAGA LTAT



Dari kiri ke kanan:

YBHG DATO' AHMAD NAZIM BIN ABD RAHMAN
Ketua Eksekutif (Ex - Officio), Ahli Lembaga

YBHG DATO' SRI MUEZ BIN ABD AZIZ
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan,
Timbalan Pengerusi (Melepaskan jawatannya pada 31 Mei 2023)

**YM JENERAL TAN SRI RAJA MOHAMED AFFANDI BIN RAJA
MOHAMED NOOR (BERSARA)**
Pengerusi

YBHG DATO' SERI ISHAM BIN ISHAK
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan,
Timbalan Pengerusi (Dilantik pada 10 Oktober 2023)

AHLI LEMBAGA LTAT

LEMBAGA



Dari kiri ke kanan:

YBHG DATO' ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN @ MOHD ZAINUDDIN

Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Ahli Lembaga (Melepaskan jawatannya pada 25 September 2023)

YBHG JENERAL TAN SRI DATO' SERI MOHAMMAD BIN AB RAHMAN

Panglima Angkatan Tentera,
Ahli Lembaga (Dilantik pada 6 September 2023)

YBHG JENERAL TAN SRI DATO' SRI HJ AFFENDI BIN BUANG TUDM

Panglima Angkatan Tentera,
Ahli Lembaga (Melepaskan jawatannya pada 6 September 2023)

YBHG LEFTENAN JENERAL DATUK MUHAMMAD HAFIZUDEAIN BIN JANTAN

Timbalan Panglima Tentera Darat,
Ahli Lembaga (Dilantik pada 3 Mei 2023 dan melepaskan jawatannya pada 6 September 2023)

YBHG LAKSAMANA MADYA DATUK ABDUL RAHMAN BIN AYOB

Timbalan Panglima Tentera Laut,
Ahli Lembaga (Melepaskan jawatannya pada 26 Januari 2023)

AHLI LEMBAGA LTAT

LEMBAGA



Dari kiri ke kanan:

YBHG DATUK MD ZUBIR ANSORI BIN YAHAYA

Ahli Lembaga (Dilantik pada 1 April 2023)

YBHG LAKSAMANA MADYA DATUK SABRI BIN ZALI

Timbalan Panglima Tentera Laut,
Ahli Lembaga (Dilantik pada 30 Januari 2023 dan
melepaskan jawatannya pada 11 Ogos 2023)

**YBHG LAKSAMANA MADYA DATO' ZULHELMY BIN
ITHNAIN**

Timbalan Panglima Tentera Laut,
Ahli Lembaga (Dilantik pada 22 Ogos 2023)

**YBHG LEFTENAN JENERAL DATO' TENGKU
MUHAMMAD FAUZI BIN TENGKU IBRAHIM**

Timbalan Panglima Tentera Darat,
Ahli Lembaga (Dilantik pada 6 September 2023)

**YBHG LEFTENAN JENERAL DATUK SERI HAJI
MUHAMAD NORAZLAN BIN ARIS TUDM**

Timbalan Panglima Tentera Udara, Ahli Lembaga

A man in a dark suit is seen from behind, standing at a podium and speaking into a microphone. The background is a blurred audience seated in a large hall. The image has a blue-to-red gradient overlay.

PANEL PELABURAN

AHLI PANEL PELABURAN LTAT

PANEL PELABURAN



Dari kiri ke kanan:

YBRS PUAN AFIDAH HAZWA BINTI ABDUL AZIZ

Ahli Panel Pelaburan

YBHG JENERAL TAN SRI DATO' SRI HJ AFFENDI BIN BUANG TUDM

Panglima Angkatan Tentera,

Ahli Panel Pelaburan (Melepaskan jawatannya pada 6 September 2023)

YBHG DATO' MAZNAH BINTI ABDUL JALIL

Pengerusi

YBHG JENERAL TAN SRI DATO' SERI MOHAMMAD BIN AB RAHMAN

Panglima Angkatan Tentera,

Ahli Panel Pelaburan (Dilantik pada 6 September 2023)

AHLI PANEL PELABURAN LTAT

PANEL PELABURAN



Dari kiri ke kanan:

YBHG DATO' AZMI BIN MOHD ALI

Ahli Panel Pelaburan

YBHG DATO' WAN MOHD FADZMI BIN WAN OTHMAN

Ahli Panel Pelaburan (Dilantik pada 1 April 2023)

YBHG DATO' SRI NORAZMAN BIN AYOB

Ahli Panel Pelaburan (Dilantik pada 1 April 2023)

YBHG DATO' MONA SURAYA BINTI KAMARUDDIN

Ahli Panel Pelaburan (Dilantik pada 1 April 2023)



PENGURUSAN KANAN

PENGURUSAN LTAT

PENGURUSAN KANAN



Dari kiri ke kanan:

ENCIK MOHAMMAD ASHRAF BIN MD RADZI

Ketua Pegawai Kewangan

YBHG DATO' AHMAD NAZIM BIN ABD RAHMAN

Ketua Eksekutif (Ex - Officio)

ENCIK MUHAMMAD FITRI BIN OTHMAN

Ketua Pegawai Pelaburan

PUAN DAYANA ROGAYAH BINTI OMAR

Pengarah Kanan Strategi

PENGURUSAN LTAT

PENGURUSAN KANAN



Barisan depan, dari kiri ke kanan:

PUAN MAIZATUL AZNIN BINTI MOHAMED

Pengarah Kanan, Ketua Perundangan & Kesyntiausahaan

ENCIK ZAIRUDDY BIN ZAINAL

Pengarah Kanan, Ketua Hartanah

Barisan belakang, dari kiri ke kanan:

PUAN AZLEEN BINTI ISMAIL

Pengarah, Ketua Pengurusan Risiko & Pematuhan

ENCIK NUR SAFWAN BIN MOHAMED YUSUP

Pengarah, Ketua Pasaran Awam

ENCIK MUHAMAD ANWAR BIN ZAMREE

Pengarah Kanan Pejabat Ketua Eksekutif

ENCIK AHMAD SYUHAIMY BIN HJ MOHD ALI

Pengarah Kanan, Ketua Modal Insan & Transformasi

PUAN SAIRA BANU BINTI CHARA DIN

Pengarah Kanan, Penyelesaian Pelaburan

PENGURUSAN LTAT

PENGURUSAN KANAN



Barisan depan, dari kiri ke kanan:

ENCIK AKMAL NIZAM BIN ABDUL HALIM
Pengarah, Ketua Pengurusan Teknologi Maklumat

ENCIK IZZAT ALHADJRI
Pengarah, Ketua Komunikasi

Barisan belakang, dari kiri ke kanan:

PUAN SYAZRIN ELIZA BINTI YAZID
Pengarah, Ketua Kewangan & Pentadbiran

ENCIK MOHD KHAIROL ANUAR BIN MOHD NOR
Pengarah, Ketua Pertahanan & Perniagaan Strategik

ENCIK SALAHUDDIN BIN MD SAH
Pengarah, Ketua Audit Dalaman


ENCIK JASNI BIN SAMI
Pengarah, Ketua Unit Kualiti

ENCIK KHAIROL ANWAR BIN ISMAIL
Pengarah, Ketua Perkhidmatan Pencarum



STRUKTUR ORGANISASI

STRUKTUR ORGANISASI





**PERUTUSAN
PENGERUSI**

PERUTUSAN PENGERUSI



**YM JENERAL TAN SRI RAJA MOHAMED AFFANDI
BIN RAJA MOHAMED NOOR (BERSARA)
PENGERUSI**

PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA

Tahun 2023 menyaksikan pelbagai cabaran ekonomi global, termasuk kadar faedah dan inflasi yang semakin meningkat, perdagangan global yang perlahan, dan ketegangan geopolitik yang menjejaskan pertumbuhan ekonomi serta dasar monetari yang lebih ketat. Walaupun terdapat tanda-tanda positif pemulihan semula ekonomi berikutan pembukaan semula ekonomi China, momentum pemulihan tidak berterusan ekoran dari kadar Inflasi yang kekal tinggi, menyebabkan kebanyakan bank pusat mengambil keputusan mengekalkan atau menaikkan kadar faedah. Selain itu, kedudukan nilai matawang Dolar AS yang semakin kukuh turut memberi kesan kepada mata wang lain, termasuk Ringgit.

Di Malaysia, kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.7% pada tahun 2023, berbanding 8.7% yang direkodkan pada tahun 2022. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan domestik yang kuat dan pemulihan dalam sektor pelancongan, serta disokong oleh kadar pengangguran yang menurun dan aktiviti ekonomi yang bertambah baik. Namun begitu, permintaan global yang perlahan juga turut mempengaruhi dan menjejaskan aktiviti eksport Malaysia. Walau bagaimanapun, kepelbagaian produk, destinasi eksport serta sistem kewangan Malaysia yang kukuh sedikit sebanyak telah membantu mengurangkan impak daripada kejutan luar ini.

Di peringkat pengguna, inflasi keseluruhan pula telah menurun kepada 2.5% pada tahun 2023, berbanding 3.3% yang dicatatkan pada tahun 2022 ekoran dari tekanan permintaan yang berlarutan terutamanya pada separuh pertama 2023, khususnya akibat penyusutan kebanyakan harga komoditi global, gangguan bekalan yang mereda, kawalan harga dan pemberian subsidi untuk barangan terpilih. Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengambil langkah untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 2.75% sepanjang beberapa bulan, sebelum meningkatkannya kepada 3.00% pada Mei 2023 sebagai langkah untuk mengatasi potensi inflasi yang lebih tinggi dan memastikan kestabilan ekonomi domestik. Kenaikan OPR juga bertujuan untuk mengelakkan risiko kewangan dan memastikan keadaan ekonomi domestik tetap teratur. Namun demikian, walaupun berhadapan dengan pertumbuhan ekonomi yang mencabar, LTAT tetap komited dalam menjalankan mandatnya untuk memastikan wang caruman simpanan persaraan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) selamat dan berkembang, bagi membolehkan mereka menikmati persaraan yang selesa pada masa depan.

PENCAPAIAN KEWANGAN

Pendapatan Dalam Tahun

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, LTAT mencatatkan pendapatan sebanyak RM734.2 juta, meningkat sebanyak RM82.4 juta atau 12.6% berbanding RM651.8 juta pada tahun 2022. Pendapatan ini terdiri daripada beberapa sumber utama iaitu daripada pendapatan dividen syarikat pelaburan LTAT sebanyak RM502.8 juta, penjualan saham dan instrumen berpendapatan tetap sebanyak RM90.8 juta, pendapatan daripada faedah deposit sebanyak RM20.8 juta, pendapatan daripada faedah instrumen berpendapatan tetap sebanyak RM76.2 juta, keuntungan daripada sewaan bangunan sebanyak RM24.9 juta, pendapatan lain daripada syarikat pelaburan sebanyak RM12.4 juta, keuntungan dari penjualan pembangunan harta tanah sebanyak RM4.1 juta dan RM2.2 juta daripada sumber pendapatan lain. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan pendapatan dividen yang diterima dari syarikat-syarikat pelaburan LTAT, yang meningkat sebanyak 12.8% berbanding RM445.7 juta pada tahun 2022. Secara keseluruhannya, hampir kesemua sumber pendapatan LTAT menunjukkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya, dengan hanya sedikit penurunan sebanyak 0.8% terhadap pendapatan sewaan yang berjumlah RM25.1 juta pada tahun lalu.

Selain itu, LTAT telah merekodkan pendapatan bersih sebanyak RM475.1 juta untuk tahun kewangan yang sama, meningkat RM42.6 juta atau 9.8% berbanding RM432.5 juta pada tahun 2022.

PERUTUSAN PENGERUSI

PENCAPAIAN KEWANGAN

Keuntungan Tertahan Yang Semakin Baik

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, LTAT mencatatkan baki keuntungan tertahan sebanyak RM693.7 juta, meningkat sebanyak RM195.0 juta atau 39.1% berbanding RM498.7 juta pada tahun 2022. Peningkatan ini mencerminkan pemulihan kukuh dalam kedudukan kewangan LTAT. Baki keuntungan tertahan pada 31 Disember 2023 adalah seperti di jadual berikut:

	RM Juta	RM Juta
Baki Pada 1 Januari		498.7
Untung Bersih Bagi Tahun		475.1
Pindah ke keuntungan tertahan ke atas penyahiktirafan aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain		(12.4)
Pindahan dari keuntungan tertahan	(5.6)	
Pelarasan Caruman/dividen	0.001	
Pelarasan dividen atas caruman Kerajaan	228.2	
Dividen pada kadar 5.0% dalam tahun	(485.1)	
Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya	(5.2)	(267.7)
Baki Keuntungan Tertahan pada 31 Disember 2023		693.7

Pengagihan Dividen Kepada Pencarum

Berdasarkan prestasi kewangan tahun 2023, LTAT telah mengisytiharkan dividen sebanyak 5.0%, dengan jumlah pembayaran sebanyak RM485.1 juta, berbanding RM476.5 juta pada tahun 2022, juga pada kadar 5.0%.

Jumlah Aset

Pada tahun 2023, jumlah aset LTAT meningkat kepada RM13.7 bilion, mencatatkan pertumbuhan 25.8% berbanding RM10.9 bilion pada tahun 2022. Peningkatan ini disebabkan oleh pembelian saham Boustead Plantation melalui tawaran am yang dibiayai oleh pinjaman sokongan Kerajaan berjumlah RM2 bilion.

AKTIVITI TANGGUNGJAWAB SOSIAL (CSR)

Sebagai sebuah institusi yang komited dalam menjaga kebajikan anggota tentera dan veteran, LTAT sentiasa memastikan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan veteran dilaksanakan secara berterusan. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan penghargaan kepada mereka yang telah berkhidmat untuk negara. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah:

Sumbangan Hari Raya

LTAT turut menyampaikan sumbangan bungkusan hari raya kepada anggota ATM sebagai tanda prihatin dan penghargaan terhadap pengorbanan mereka yang bertugas di perbatasan semasa menyambut perayaan Aidilfitri. Pada tahun 2023, sebanyak RM150,000 telah disumbangkan kepada ATM untuk menjayakan kempen ini.

Sumbangan Kempen Tabung Pahlawan

Selain itu, LTAT juga turut menyokong Kempen Tabung Pahlawan yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV). Kempen ini bertujuan menyediakan dana kecemasan untuk membantu komuniti veteran ATM serta memperkuat sokongan tambahan serta melengkapkan bantuan kebajikan yang sedia ada daripada pihak Kerajaan. Pada tahun 2023, LTAT telah menyalurkan bantuan tunai sebanyak RM150,000 ke dalam tabung ini.

PERUTUSAN Pengerusi



PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli Lembaga, Panel Pelaburan dan seluruh pengurusan serta kakitangan LTAT yang dihormati atas bimbingan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi dalam membentuk hala tuju strategik LTAT untuk memastikan mandatnya dapat dipenuhi. Komitmen dan dedikasi semua pihak dalam mengharungi persekitaran yang mencabar untuk mengekalkan integriti LTAT telah menjadi nadi penggerak di sebalik pencapaian kita pada tahun 2023. Di atas nada yang sama, saya amat yakin kedudukan LTAT akan lebih kukuh dan mampan sebagai pengurus dana pencen dalam erti kata sebenarnya selepas penstrukturan strategik dilaksanakan sepenuhnya. LTAT harus bergerak padu kearah itu kerana limpahannya adalah nikmat untuk setiap warga ATM dan amanah itu terpikul atas bahu LTAT.

Ribuan terima kasih kepada Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan, dan pihak berkepentingan atas sokongan padu mereka. Akhir sekali, saya merakamkan penghargaan kepada seluruh warga Angkatan Tentera Malaysia, pencarum kepada LTAT, di atas kepercayaan dan keyakinan mereka dalam menguruskan simpanan mereka untuk masa depan yang lebih baik.

Slogan "Demi Wira Kami," yang diperkenalkan, bukan sekadar slogan, tetapi cerminan komitmen LTAT yang teguh terhadap kebajikan dan kesejahteraan wira-wira negara. Melalui cogan kata ini, LTAT menegaskan dedikasinya untuk memberikan perhatian dan sokongan berterusan kepada para wira yang telah berkhidmat cemerlang kepada negara. LTAT komited untuk memastikan bahawa setiap wira menerima perlindungan dan bantuan yang diperlukan, serta mengekalkan kesejahteraan mereka sepanjang hayat.

YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor (Bersara)
Pengerusi LTAT





PENCIPTAAN NILAI

PENCIPTAAN NILAI

Meningkatkan sosio-ekonomi pencarum


PORTFOLIO PELABURAN LTAT

Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik

Tahun 2023 menandakan tahun ketiga sejak LTAT melaksanakan Rangka Kerja Peruntukan Aset Strategik (SAA) yang pertama. Rangka kerja ini berfungsi sebagai asas dan panduan bagi strategi pelaburan jangka panjang LTAT, dengan tujuan mengimbangi semula portfolio pelaburan melalui penetapan sasaran jangka panjang untuk mengoptimumkan pulangan, sambil mengekalkan tahap toleransi risiko yang munasabah.

Sepanjang tiga tahun sejak pelaksanaannya, LTAT telah mencatatkan kemajuan yang ketara dalam merealisasikan Rangka Kerja SAA, termasuk mengurangkan aset tidak cair dalam portfolio ekuiti swasta dan hartanah, sambil secara beransur-ansur mengalihkan modal kepada aset cair yang mampu memberikan pulangan stabil dan konsisten.

Pada masa ini, LTAT sedang menjalankan kajian menyeluruh terhadap Rangka Kerja SAA, dengan mengambil pendekatan lebih holistik, yang mempertimbangkan kedudukan pelaburan semasa, strategi untuk pelbagai kelas aset, unjuran aliran tunai masa depan, jangkaan pasaran modal untuk 10 tahun akan datang, serta peranan LTAT sebagai salah satu Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) yang menyokong pembangunan ekonomi MADANI. Langkah ini memastikan Rangka Kerja SAA LTAT kekal relevan dalam menghadapi cabaran pasaran yang berubah-ubah, sambil meneguhkan komitmen LTAT untuk terus memberikan pulangan yang mampan dan berdaya saing kepada pencarum LTAT.



Pengukuhan portfolio

Pada tahun 2023, LTAT telah mencapai beberapa kejayaan penting yang memberikan impak positif terhadap prestasi keseluruhan organisasi dan memperkukuhkan kedudukannya sebagai salah satu badan pengurusan dana utama untuk anggota ATM.

Dalam tahun yang dilapor, LTAT telah melaksanakan beberapa langkah penstrukturan korporat melibatkan pelaburannya dalam Boustead Holdings Berhad (BHB) dan Boustead Plantations Berhad (Bplant). Usaha ini bertujuan untuk memulihkan dan menstruktur semula kumpulan tersebut, bagi memastikan kelangsungan perniagaan dalam tempoh jangka panjang. Di samping itu, penswastan ini dijangka dapat meningkatkan prestasi Bplant melalui pengurusan yang lebih cekap dan strategik, sambil mengoptimumkan penggunaan aset untuk memaksimumkan nilai bagi pemegang saham dan pencarum LTAT. Langkah ini juga membolehkan LTAT mengurangkan pendedahan kepada Kumpulan BHB dalam beberapa tahun akan datang, serta mengalihkan dan mempelbagaikan pelaburan ke kelas aset lain selaras dengan halatuju Rangka Kerja SAA LTAT.

Pada 24 November 2023, LTAT telah berjaya menganjurkan Konvensyen Pengarah Nomini, sebuah konvensyen yang melibatkan semua pengarah nomini dan Pengurusan LTAT. Program ini bertujuan untuk menggalakkan tadbir urus dan kepimpinan yang berkesan disamping memperkukuh komunikasi serta memperjelaskan inspirasi dan mandat LTAT. Konvensyen ini kini menjadi acara tahunan yang memainkan peranan penting dalam mengeratkan hubungan antara ahli Lembaga Pengarah dan LTAT.

PENCIPTAAN NILAI

Pengukuhan portfolio (sambungan)

Portfolio hartanah turut mencatatkan kejayaan signifikan melalui penjualan keseluruhan 580 unit Kondominium Akasia dengan nilai sebanyak RM222.7 juta. Selain itu, pemulihan modal daripada penjualan aset-aset lain yang telah siap di Bukit Jalil turut menyumbang sebanyak RM118.2 juta, yang terdiri daripada lot kedai berjumlah RM3.8 juta, Rumah Keluarga Angkatan Tentera bernilai RM112 juta dan jualan Kondominium Akasia sebanyak RM2.4 juta.

Dalam tahun dilapor, LTAT telah meningkatkan pegangan dalam portfolio pendapatan tetap, yang kini merangkumi 9.0% daripada jumlah keseluruhan portfolio pelaburan LTAT (berdasarkan nilai pasaran) pada akhir 2023. LTAT turut memastikan portfolio ini dilabur dalam pelbagai pelaburan seperti Bon Kerajaan, Bon Dijamin Kerajaan dan Bon Korporat, yang mempunyai mandat serta strategi yang berbeza. Hasilnya, kecairan LTAT telah meningkat dengan ketara dalam tempoh tiga tahun lalu, di mana aset cair (termasuk ekuiti awam bukan subsidiari dan bukan bersekutu serta portfolio pendapatan tetap yang boleh diniagakan) meningkat daripada 12.0% daripada Nilai Pasaran Aset Di Bawah Pengurusan (AUM) pada tahun 2020 kepada 20.0% pada tahun 2023, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 8.0% atau RM1.1 bilion.

PENGUKUHAN MANDAT DAN PERANAN

Pengenalan Visi dan Misi Baru



Pada tahun 2023, LTAT telah memperkenalkan visi dan misi baharu, iaitu untuk menjadi **“Kumpulan Wang Simpanan Yang Mampan”** dan **“Meningkatkan Kesejahteraan Sosio-ekonomi Para Pencarum Kami”**, sebagai satu inisiatif untuk mengukuhkan mandatnya sebagai institusi pengurus wang simpanan persaraan anggota ATM. Visi dan misi ini bertujuan untuk memacu LTAT ke arah prestasi kewangan yang mampan serta mencipta impak positif yang berpanjangan kepada pencarum. Langkah-langkah ini diambil untuk memastikan LTAT bukan sahaja memberikan manfaat yang signifikan kepada pencarum tetapi juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara secara keseluruhan.

Peluncuran Kempen ‘Demi Wira Kami’



Dalam tahun yang dilaporkan, LTAT telah memperkenalkan kempen **“Demi Wira Kami”** sebagai penghormatan yang mendalam kepada pencarum, anggota Angkatan Tentera Malaysia. Kempen ini bertujuan memberi kesedaran dan menghargai pengorbanan yang telah dilakukan oleh wira-wira dari kalangan anggota ATM serta merupakan terjemahan komitmen LTAT yang berterusan dalam memastikan kebajikan wira-wira negara diutamakan, di samping mengetengahkan fokus dalam memenuhi keperluan dan aspirasi para pencarum.

LIBAT URUS BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

Minggu Bersama Pencarum, Jelajah Sarawak 2023



LTAT dan rakan strategik turut menyantuni anggota ATM yang berada di luar semenanjung Malaysia untuk **meningkatkan kesedaran pencarum terhadap mandat LTAT** dan visi syarikat-syarikat pelaburannya. Pada tahun 2023, tiga kem telah dipilih sebagai lokasi program iaitu bermula di Kem Penrissen, diikuti Kem Sri Miri dan berakhir di Kem Rascom. Program ini telah berjaya menarik seramai **5,114** pengunjung dari kalangan warga ATM yang berada di Sarawak.

Peluncuran Modul Celik Kewangan



Sebagai langkah untuk memperkasa perancangan kewangan pencarum, LTAT telah melancarkan Modul Celik Kewangan pada akhir tahun 2023. Modul ini yang dibangunkan secara dalaman, **menawarkan khidmat nasihat pengurusan kewangan** untuk **membantu anggota ATM merancang kewangan dengan lebih efektif** dan mencapai matlamat kewangan jangka panjang. Sejumlah **1,013** pencarum telah mendapat manfaat daripada pendedahan ini, mempersiapkan mereka untuk menghadapi persaraan dengan lebih selesa.

PENCIPTAAN NILAI

LIBAT URUS BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

Larian Wira 2023



Larian Wira tahun kedua telah diadakan pada 29 Oktober 2023 di Dataran Merdeka. Kempen ini merupakan sebahagian inisiatif dan **usaha untuk meningkatkan kesedaran** dan **memupuk penghargaan rakyat kepada anggota ATM** yang berkorban nyawa mempertahankan negara. Terdapat tiga kategori larian ditawarkan iaitu 21 km, 10 km dan 5 km. Kempen ini disertai oleh hampir **7,500** penyertaan, di mana seramai **1,500** penyertaan disertai dari kalangan ATM, LTAT dan rakan strategik yang lain.

PENINGKATAN KECEKAPAN OPERASI

Perpindahan pejabat



LTAT telah menempatkan semula operasinya ke **Menara Chulan** untuk **mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif** dan kecekapan operasi melalui pemindahan ke bangunan yang direka untuk memenuhi keperluan operasi masa kini. Lokasi yang baharu ini turut memperkukuh imej korporat LTAT, memberi mesej positif kepada pencarum, pihak berkepentingan, dan rakan kongsi perniagaan. Bangunan pejabat ini juga menawarkan ruang kerja yang selesa, direka khas untuk memupuk semangat kerjasama dan kerja berpasukan dikalangan warga kerja LTAT.

Latihan Simulasi Krisis



Selain itu, Latihan Simulasi Krisis yang julung kali dilaksanakan telah diadakan pada 28 Oktober 2023 di pejabat LTAT di Menara Chulan. Latihan ini bertujuan untuk **menguji dan memastikan keupayaan LTAT** dalam menguruskan situasi krisis dengan efektif. Aktiviti ini dijalankan untuk mempersiapkan LTAT dalam menghadapi kemungkinan krisis dengan cara yang sistematik, memastikan operasi dapat dipulihkan sepenuhnya dalam garis masa yang ditetapkan. Latihan ini merupakan langkah penting dalam **menjamin kestabilan** dan **kesinambungan operasi LTAT**, serta memastikan bahawa semua aspek pengurusan krisis dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

Pengukuhan Tatakelola



LTAT telah melancarkan **Pelan Pencegahan Rasuah LTAT** sebagai komitmen tegas dalam **memerangi rasuah dan memupuk tadbir urus** yang baik selaras dengan Pelan Pencegahan Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Pelan ini menggariskan empat bidang keutamaan iaitu Penyampaian Perkhidmatan, Pengurusan Perolehan & Kewangan, Pengurusan Pelaburan & Projek, serta Tadbir Urus. Bagi tujuan tersebut, sebanyak empat (4) strategi, enam (6) objektif strategik dan tiga puluh (30) inisiatif telah digariskan dalam usaha mencapai matlamat pelan ini. Ia membuktikan komitmen berterusan oleh Pengurusan LTAT dan membuka lembaran baharu dalam menggalakkan budaya integriti tinggi di kalangan kakitangan LTAT serta Syarikat Kumpulan dan Perbadanan di bawahnya.

Pembangunan Modal Insan



Pada 7 Mac 2023, Transformasi Budaya, yang bermaksud Cultural Transformation, telah dilancarkan secara rasmi semasa LTAT Breakthrough Q1 Townhall, menandakan detik penting dalam perjalanan LTAT ke arah perubahan budaya. Fasa pertama inisiatif ini melibatkan Tinjauan Indeks Kesehatan Budaya Organisasi (OCHI), yang dijalankan dari 31 Mac hingga 7 April 2023, untuk menilai landskap budaya LTAT dan mengenal pasti bidang utama yang perlu diperbaiki. Berdasarkan penemuan ini, fasa kedua memberi tumpuan kepada transformasi minda, dengan pelancaran **Program Personal Catalyst**—sebuah inisiatif komprehensif yang direka untuk **menyelaraskan semula minda Warga LTAT, menghidupkan semula tujuan, dan memberi inspirasi kepada makna baharu dalam peranan mereka** di LTAT.



LAPORAN PENILAIAN HASIL & IMPAK

LAPORAN PENILAIAN HASIL DAN IMPAK

FAEDAH SKIM PENGELUARAN CARUMAN



PENGELUARAN CARUMAN TAMAT PERKHIDMATAN

Pencarum boleh mengeluarkan wang caruman mereka 30 hari selepas berhenti atau bersara daripada perkhidmatan atau mencapai umur 50 tahun/umur persaraan wajib atau diperakui sebagai tidak berupaya untuk berkhidmat dari segi fizikal atau mental. Jika pencarum meninggal dunia pembayaran akan dilaksanakan kepada waris.

Pencarum wajib yang bertaraf tidak berpencen akan menerima wang carumannya dan caruman kerajaan termasuk dividen serta bonus terkumpul.

Pencarum wajib yang bertaraf berpencen akan menerima wang carumannya termasuk dividen dan bonus yang terkumpul sahaja. Wang sumbangan kerajaan dikembalikan kepada Kumpulan Wang Disatukan atau KWDS untuk bayaran pencen bulanan.

Pencarum sukarela boleh mengeluarkan wang simpanannya pada bila-bila masa dan ianya diberikan kelonggaran untuk menjadi ahli bagi kali kedua walaupun telah membuat pengeluaran caruman kali pertama.



SKIM FAEDAH KEMATIAN DAN HILANG UPAYA

Semua pencarum secara automatik mendapat perlindungan di bawah Skim Faedah Kematian dan Hilang Upaya LTAT. Skim ini membolehkan sejumlah wang dibayar kepada pencarum yang telah diperakui sebagai tidak berupaya untuk berkhidmat dari segi fizikal atau mental atau kepada waris pencarum yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan.



SKIM PENGELUARAN PERUMAHAN

Pencarum dibenarkan untuk membuat pengeluaran perumahan tidak melebihi 40% daripada akaun caruman ahli (akaun 2) atau 10% daripada harga harta tak alih atau maksima RM10,000 yang mana lebih rendah, untuk pembelian rumah kediaman pertama atau sebidang tanah untuk membina rumah kediaman. Pengeluaran Perumahan dibenarkan sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan.



SKIM PENGELUARAN HAJI

Pencarum yang telah mendapat surat tawaran untuk menunaikan ibadat haji dari Lembaga Tabung Haji (TH) dibenarkan membuat pengeluaran haji maksima sebanyak RM10,000. Pengeluaran Haji dibenarkan hanya sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan.




SKIM PENGELUARAN PENDIDIKAN

Pencarum yang sedang mengikuti peringkat pengajian tinggi di Universiti Awam Tempatan dibenarkan membuat pengeluaran pendidikan bertujuan bagi bayaran balik yuran pendaftaran/yuran kemasukan tahun pertama sebanyak maksima RM3,200. Pengeluaran Pendidikan dibenarkan sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan.


LAPORAN PENILAIAN HASIL DAN IMPAK

PENGELUARAN CARUMAN TAMAT PERKHIDMATAN (RM Juta)




Bilangan Pengeluaran	2019	2020	2021	2022	2023
	6,463	6,545	7,754	6,846	6,622

SKIM PENGELUARAN PERUMAHAN (RM Juta)



Bilangan Pengeluaran	2019	2020	2021	2022	2023
	3,033	2,192	2,718	5,180	5,076


SKIM FAEDAH KEMATIAN DAN HILANG UPAYA (RM Juta)



Bilangan Pengeluaran	2019	2020	2021	2022	2023
	174	169	127	129	152

LAPORAN PENILAIAN HASIL DAN IMPAK

PROGRAM TAKLIMAT DAN PROGRAM HARI BERSAMA PELANGGAN



Objektif

Untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada warga ATM

Meninjau secara terus tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan dan manfaat yang disediakan oleh LTAT untuk pencarum

Memastikan maklumat terkini sampai kepada pencarum



Impak


Warga ATM dapat berkomunikasi dengan lebih baik melalui sesi soal jawab pada setiap program

LTAT dapat meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan dan memberi manfaat yang lebih baik kepada warga ATM

Meningkatkan kepuasan pelanggan


BILANGAN PROGRAM

■ Sasaran ■ Sebenar



INDEKS KEPUASAN PELANGGAN (%)

■ Sasaran ■ Sebenar





SOROTAN PRESTASI KEWANGAN

- **PRESTASI KEWANGAN LIMA TAHUN LTAT**
- **PRESTASI KEWANGAN LIMA TAHUN KUMPULAN**

SOROTAN PRESTASI KEWANGAN

PRESTASI KEWANGAN LIMA TAHUN LTAT

PENDAPATAN, KEUNTUNGAN DAN KADAR DIVIDEN (RM Juta)

	2019	2020	2021	2022	2023
JUMLAH PENDAPATAN	195.2	341.1	513.8	651.8	734.2
PERBELANJAAN PENTADBIRAN	78.1	75.9	79.3	92.0	138.8
NISBAH KOS KEPADA ASET (%)	0.8	0.8	0.8	0.8	1.0
UNTUNG BERSIH BAGI TAHUN	92.8	134.9	382.9	432.5	475.1
DIVIDEN KEPADA AHLI (%)	2.5	3.5	4.1	5.0	5.0


ASET, EKUITI DAN LIABILITI (RM Juta)

	2019	2020	2021	2022	2023
JUMLAH ASET	9,648.7	9,652.4	10,019.0	10,899.7	13,707.1
Aset Semasa	2,291.7	2,461.2	2,228.6	2,512.8	1,723.2
Aset Bukan Semasa	7,357.0	7,191.2	7,790.4	8,386.9	11,983.9
JUMLAH EKUITI	9,146.7	9,173.2	9,669.8	10,080.7	10,585.5
Akaun Caruman Ahli	9,071.1	9,355.6	9,665.2	9,920.0	10,197.8
Rizab-rizab	75.6	(182.4)	4.6	160.7	387.7
JUMLAH LIABILITI	502.0	479.2	349.2	819.0	3,121.6
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	9,648.7	9,652.4	10,019.0	10,899.7	13,707.1


SOROTAN PRESTASI KEWANGAN

PRESTASI KEWANGAN LIMA TAHUN LTAT (SAMBUNGAN)


ASET (RM Juta)




PENDAPATAN (RM Juta)



AKAUN CARUMAN AHLI (RM Juta)



JUMLAH DIVIDEN KEPADA AHLI (RM Juta)



SOROTAN PRESTASI KEWANGAN

PRESTASI KEWANGAN LIMA TAHUN KUMPULAN


PENDAPATAN DAN KEUNTUNGAN (RM Juta)

	2019	2020	2021	2022	2023
JUMLAH PENDAPATAN	15,254.7	11,831.3	14,714.9	18,983.4	15,752.6
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT	(566.2)	143.9	1,280.1	367.9	(270.1)
UNTUNG/(RUGI) BERSIH BAGI TAHUN	(808.1)	(68.4)	1,035.0	1,008.0	(387.0)


ASET, EKUITI DAN LIABILITI (RM Juta)

	2019	2020	2021	2022	2023
JUMLAH ASET	87,681.5	87,800.3	97,806.5	109,144.0	22,989.7
Aset Bukan Semasa	28,225.1	28,125.0	30,664.7	36,435.2	15,315.7
Aset Semasa	59,456.4	59,675.3	67,141.8	72,708.8	7,674.0
JUMLAH EKUITI	17,047.3	16,779.2	17,946.9	18,717.8	10,655.6
Akaun Caruman Ahli	9,071.1	9,355.6	9,665.2	9,920.0	10,197.8
Rizab-rizab	7,976.2	7,423.6	8,281.7	8,797.8	457.8
JUMLAH LIABILITI	70,634.2	71,021.1	79,859.6	90,426.2	12,334.1
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	87,681.5	87,800.3	97,806.5	109,144.0	22,989.7

ASET (RM Juta)



PENDAPATAN (RM Juta)





AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2023

AKTIVITI UTAMA DALAM TAHUN

MAJLIS PENGUMUMAN DIVIDEN LTAT 2022

YB Menteri Pertahanan, Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan menyempurnakan majlis Pengumuman Dividen LTAT 2022 dan Penyampaian Hadiah Pemenang Cabutan Bertuah Aplikasi MyWIRA pada 14 Mac 2023. LTAT telah mengisytiharkan pembayaran dividen pada kadar 5.0% berbanding 4.1% pada tahun sebelumnya, selaras dengan misi 5:50 sempena Sambutan Ulang Tahun LTAT yang ke-50.



LIMA 2023



LIMA 2023 (*Langkawi Internationale Maritime and Aerospace Exhibition*) merupakan pameran maritim dan aeroangkasa terbesar di Asia yang berlangsung di Langkawi pada 23-27 Mei 2023. LIMA 2023 menampilkan pelbagai inovasi teknologi canggih dalam sektor pertahanan, keselamatan dan penerbangan komersial dengan penyertaan syarikat-syarikat terkemuka di dunia.

MINGGU BERSAMA PENCARUM - JELAJAH SARAWAK 2023

Minggu Bersama Pencarum - Jelajah Sarawak 2023 telah diadakan di tiga kem tentera iaitu Kem Penrissen, Kuching, Kem Sri Miri dan Kem Rascom, Sibu pada 16 - 23 November 2023 untuk mengukuhkan hubungan LTAT dan syarikat Kumpulannya dengan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di samping menzahirkan rasa terima kasih atas khidmat yang telah dicurahkan.



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2023

LARIAN WIRA 2023



Larian Wira 2023 telah diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 29 Oktober 2023 sebagai penghargaan kepada pihak berkepentingan utama LTAT iaitu anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

PELUNCURAN PELAN STRATEGIK BAHARU

LTAT telah mengumumkan Pelan Strategik 2023 - 2025 (MAMPAN25) yang disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Pertahanan pada 13 Julai 2023.



PENGUKUHAN HUBUNGAN DUA HALA DENGAN PIHAK ATM

PENYAMPAIAN HADIAH PEMENANG CABUTAN BERTUAH APLIKASI MYWIRA



Majlis penyampaian hadiah kepada 13 orang pemenang hadiah utama Cabutan Bertuah Aplikasi MyWIRA tajaan daripada Syarikat Kumpulan LTAT.



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2023

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI 2023



YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Pertahanan menerima replika cek Sumbangan Hari Raya Aidilfitri 2023 kepada Tabung Kebajikan Angkatan Tentera yang disampaikan oleh Pengerusi LTAT, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor (Bersara).

PROGRAM LATIHAN KEPIMPINAN KETENTERAAN

LTAT dengan kerjasama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah menganjurkan Program Latihan Kepimpinan Ketenteraan Siri Kedua pada 23 hingga 27 Oktober 2023 bertempat di Pusat Kepimpinan TLDM, Pangkalan TLDM Lumut, Perak.



SESI KNOWLEDGE SHARING: MARI KENAL PENCARUM



Program Perkongsian Ilmu: Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah diadakan pada 14 Ogos 2023 bagi meningkatkan kefahaman dalam kalangan warga kerja LTAT mengenai ATM, dan khususnya mengenai pencarum LTAT.



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2023

PEMANTAPAN TATAKELOLA DAN OPERASI

PELANCARAN PELAN ANTIRASUAH LTAT



YB Menteri Pertahanan, Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan melancarkan Pelan Antirasuah LTAT 2022 - 2026 pada 19 Januari 2023.

LATIHAN SIMULASI KRISIS 2023

LTAT Crisis Simulation Exercise (CSE) telah diadakan pada 28 Oktober 2023 untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman warga kerja LTAT mengenai Pelan Kesenambungan Perkhidmatan dan tindakan yang perlu dilakukan ketika krisis.



RISK AWAY DAY 2023: RISK RESILIENCE, NAVIGATING THE CHALLENGES



Program Risk Away Day 2023 telah diadakan pada 28 - 29 Julai 2023, dengan tema "Risk Resilience: Navigating the Challenges" untuk memberikan pendedahan mengenai pengurusan risiko dan pematuhan bagi memantapkan lagi pengendalian pengurusan risiko di LTAT.

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2023

ANUGERAH KHAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN

LTAT telah menerima Sijil Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan 2021 dari Pejabat Ketua Keselamatan Kerajaan Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan KL (CGSO WPKL) pada 24 Februari 2023. Anugerah ini diberikan berdasarkan penilaian terhadap tahap Keselamatan Perlindungan dari segi mengamal, melaksana dan menguatkuasakan keselamatan perlindungan dalam sesuatu organisasi di tahap yang terbaik.



PERPINDAHAN OPERASI



Pada awal tahun 2023, LTAT berpindah ke Chulan Tower sebagai usaha untuk meningkatkan kecekapan operasi dan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif dan selamat.

PEMBANGUNAN KAPASITI KAKITANGAN

MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2023

YB Menteri Pertahanan, Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2023 kepada seluruh warga LTAT pada 19 Januari 2023.



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2023

PERSONAL CATALYST PROGRAM : PERKASA PEMBANGUNAN DIRI WARGA LTAT

Personal Catalyst Program (PCP) telah diadakan pada 4 - 31 Julai 2023 bagi membina nilai, budaya kerja yang positif dan cemerlang dalam organisasi.



KARNIVAL KERJAYA MADANI @ BUKIT JALIL



LTAT telah mengambil bahagian dalam Pameran Kerjaya anjuran Kementerian Kewangan bertempat di Stadium Nasional, Bukit Jalil pada 8 hingga 10 Disember 2023.



PROGRAM KITAR SEMULA FABRIK #KITARBARANGKITA

LTAT dengan kolaborasi Kloth Cares telah melancarkan Kempen Jom Kitar #kitarbarangkita bermula 10 November 2023 bagi memberi kesedaran kepada warga LTAT untuk sentiasa mengamalkan aktiviti kitar semula dan sebagai inisiatif pertama ke arah kelestarian alam sekitar dan komitmen yang berterusan.



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2023


PROGRAM OPEN MIC SERIES



Program *Open Mic Series* yang diperkenalkan oleh Jabatan Modal Insan dan Transformasi menjadi platform untuk membincangkan pelbagai topik relevan berkenaan perkembangan kerjaya dan budaya di kalangan kakitangan LTAT.

HARI TERBUKA JABATAN MODAL INSAN & TRANSFORMASI

Hari Terbuka Jabatan Modal Insan & Transformasi yang diadakan pada 26 Oktober 2023 merupakan bukti komitmen LTAT terhadap kesejahteraan dan pembangunan modal insan dalam kalangan kakitangannya. Program ini menawarkan pelbagai aktiviti, termasuk pameran daripada agensi luar, jemputan penceramah terkemuka, serta cabutan bertuah dan lain-lain lagi.



FIESTA FRENZY, KARNIVAL KELUARGA LTAT 2023



Fiesta Frenzy: Karnival Keluarga LTAT 2023 telah diadakan di MAEPS Serdang pada 19 Ogos 2023 untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan seluruh warga LTAT.

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2023

ACARA PERBARISAN HARI KEBANGSAAN 2023

Bertemakan Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan, seramai 51 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan LTAT dan Kumpulan Boustead telah menyertai acara perbarisan dan perarakan pada 31 Ogos 2023 yang diadakan di Dataran Putrajaya.



SUKANUN 2023



LTAT telah menyertai Karnival Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia 2023 (SUKANUN KE-12) anjuran Persatuan Badan Berkanun Malaysia dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Institut Sukan Negara (ISN) pada 4 - 11 September 2023 bertempat di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau.

PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan LTAT bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023	74
Penyata Pengerusi dan Seorang Anggota Lembaga (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan)	79
Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan LTAT	80
Sijil ISO 9001:2015	81



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Penyata Kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan dan Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang material seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 79.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 [Akta 101].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Penegasan Perkara

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap prestasi kewangan dan pengurusan aliran tunai Lembaga Tabung Angkatan Tentera seperti berikut:

- a. Merujuk kepada Nota 27 kepada Penyata Kewangan, Lembaga Tabung Angkatan Tentera mempunyai komitmen bayaran balik Kemudahan Kredit Pusingan Jangka Pendek-i berjumlah RM2.008 bilion yang telah diberikan oleh institusi kewangan tempatan untuk tempoh 5 tahun dengan pilihan untuk lanjutan selama 5 tahun di bawah Jaminan Kerajaan Malaysia.
- b. Pada 31 Disember 2023, kedudukan Liabiliti Semasa Lembaga Tabung Angkatan Tentera adalah RM2.717 bilion melebihi Aset Semasa berjumlah RM1.723 bilion. Manakala baki Tunai dan Persamaan Tunai pada 31 Disember 2023 berjumlah RM739.15 juta tidak mencukupi untuk memenuhi komitmen Liabiliti Semasa. Selain itu, Lembaga Tabung Angkatan Tentera juga mempunyai komitmen terhadap pengeluaran caruman pada tahun 2024 anggaran berjumlah RM1.772 bilion.

Berdasarkan peristiwa atau keadaan yang dinyatakan dan maklumat yang dikemukakan sehingga kini, wujud ketidakpastian terhadap keupayaan Lembaga Tabung Angkatan Tentera untuk komitmen bayaran balik pinjaman pada masa hadapan.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Lembaga Tabung Angkatan Tentera bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaiian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 [Akta 101]. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap

penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Tabung Angkatan Tentera atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Tabung Angkatan Tentera atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 [*Akta 101*], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 8 dalam penyata kewangan.

Hai-hal Lain

Lembaga Tabung Angkatan Tentera hendaklah memastikan pelaburan dibuat selaras dengan *Strategic Asset Allocation* yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi mempelbagai dan mengurangkan risiko pelaburan serta mengoptimumkan pendapatan bagi manfaat pencharum.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Lembaga Tabung Angkatan Tentera berdasarkan keperluan Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 [*Akta 101*] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
1 OKTOBER 2024



LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA
Ditubuhkan Di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101)

PENYATA PENERUSI
DAN SEORANG ANGGOTA LEMBAGA

Kami, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Bin Ariffin TUDM (Bersara) dan Mohammad Ashraf Bin Md Radzi yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Lembaga, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan yang berikut ini berserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



JENERAL TAN SRI
 DATO' SRI AZIZAN
 BIN ARIFFIN
 TUDM (Bersara)

PENERUSI

TARIKH: 10 JUN 2024
 KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga,



MOHAMMAD ASHRAF
 BIN MD RADZI

ANGGOTA LEMBAGA

TARIKH: 10 JUN 2024
 KUALA LUMPUR

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA
Ditubuhkan Di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA**

Saya, Syazrin Eliza Binti Yazid, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga Tabung Angkatan Tentera, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenar dan)
sesungguhnya dilakui)
oleh penama di atas di)
Kuala Lumpur)
pada 10 JUN 2024)



SYAZRIN ELIZA BINTI YAZID

Di hadapan saya,



Lot 1.06, Tingkat 1,
Bangunan KWSP, Jin Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.
Tel: 603-8888745



SIJIL



SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

**LEMBAGA TABUNG ANGGOTA ANGKATAN TENTERA
GROUND FLOOR, CHULAN TOWER
NO.3, JALAN CONLAY
50450 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA**



telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati



ISO 9001 : 2015
QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS – Requirements



Skop Pensijilan

**PENGURUSAN DANA WANG CARUMAN ANGGOTA ANGKATAN TENTERA
MALAYSIA.**



Tarikh dikeluarkan : 23 Disember 2022
 Tarikh asal pensijilan : 23 Disember 2022
 Tarikh luput : 22 Disember 2025
 No. pensijilan : QMS 03867

Nur Fadhilah binti Muhammad
 Ketua Pegawai Eksekutif
 SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.
 (Co. No. 199801037981 (410334-X))
 1, Persiaran Dato' Menteri
 Section 2, P.O. Box 7036
 40700 Shah Alam
 Selangor Darul Ehsan
 MALAYSIA
 Tel : 60-3-55445404
 Fax : 60-3-55440787
<http://www.sirim-qas.com.my>
<http://www.malaysiaiso9001.com.my>

Pengeruteraan sijil ini bertekuk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat seperti tertera dalam Peperjanj Penjualan.

PENYATA KEWANGAN KUMPULAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Penyata Kedudukan Kewangan	83
Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain	85
Penyata Perubahan Ekuiti	87
Penyata Aliran Tunai	90
Nota-nota kepada Penyata Kewangan	93

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA

Ditubuhkan Dibawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2023

Nota	2023 RM'000	Kumpulan		LTAT		
		2022 Dinyatakan semula RM'000	Pada 1.1.2022 Dinyatakan semula RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000	
ASET						
Aset Bukan Semasa						
Hartanah, loji dan peralatan	3	4,153,933	5,802,526	5,276,656	88,428	82,492
Pelaburan hartanah	4	2,341,397	2,136,720	2,150,648	457,008	457,000
Hak penggunaan aset	5	2,239,744	2,340,458	2,309,658	22,188	988
Inventori	6	516,455	440,739	800,165	-	-
Aset tak ketara	7	1,073,583	208,599	264,961	-	-
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	8	-	-	-	6,699,322	5,288,128
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	9	1,714,583	1,911,380	1,932,598	1,584,620	129,484
Pelaburan dalam syarikat usahasama	10	16,904	102,595	421,475	-	-
Aset kewangan pada kos dilunaskan	11	185,357	17,028,577	11,435,142	678,813	440,821
Aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain	12	2,379,105	5,682,744	5,342,104	2,201,608	1,726,440
Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi	13	68,300	-	-	150,145	150,016
Aset cukai tertunda	14	50,244	282,527	275,462	-	-
Pinjaman dan akaun belum terima	15	576,125	498,330	475,275	101,734	111,574
Jumlah Aset Bukan Semasa		15,315,730	36,435,195	30,684,144	11,983,866	8,386,943
Aset Semasa						
Inventori	6	1,898,319	2,171,648	3,171,010	857,437	939,639
Aset biologi	16	29,948	31,835	47,046	-	-
Aset kontrak dan aset kos kontrak	17	40,039	801,070	1,204,004	-	-
Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi	13	85,936	713,568	878,917	54,521	137,650
Pinjaman dan akaun belum terima	15	1,993,293	60,860,364	52,829,305	72,120	187,190
Aset kewangan derivatif	18	-	495,389	186,881	-	-
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia		-	1,250,872	68,625	-	-
Deposit dengan bank dan institusi kewangan lain	19	393,048	5,083,466	6,558,470	264,012	352,421
Baki wang tunai dan bank	20	1,654,229	1,271,287	1,802,536	475,140	895,868
Aset dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan	21	1,579,200	29,313	394,543	-	-
Jumlah Aset Semasa		7,674,012	72,708,812	67,141,337	1,723,230	2,512,768
JUMLAH ASET		22,989,742	109,144,007	97,825,481	13,707,096	10,899,711

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (SAMBUNGAN)**PADA 31 DISEMBER 2023**

	Nota	2023 RM'000	Kumpulan		LTAT	
			2022 Dinyatakan semula RM'000	Pada 1.1.2022 Dinyatakan semula RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
EKUITI DAN LIABILITI						
Akaun caruman ahli	22	10,197,782	9,920,034	9,665,182	10,197,782	9,920,034
Rizab-rizab	23	(524,720)	132,844	85,071	387,674	160,616
		9,673,062	10,052,878	9,750,253	10,585,456	10,080,650
Kepentingan bukan mengawal		518,034	8,200,477	7,634,154	-	-
Sukuk kekal	24	464,572	464,460	464,180	-	-
Jumlah Ekuiti		10,655,668	18,717,815	17,848,587	10,585,456	10,080,650
Liabiliti Bukan Semasa						
Liabiliti manfaat kakitangan	25	164,393	154,945	140,348	118,651	118,651
Deposit dari pelanggan, bank dan institusi kewangan lain	26	-	306,275	1,688,050	-	-
Pinjaman	27	1,077,598	5,181,012	6,360,248	229,000	-
Akaun belum bayar	28	53,779	50,604	56,197	34,186	37,070
Liabiliti cukai tertunda	14	366,498	395,467	372,325	4,700	4,700
Liabiliti pajakan	29	111,745	122,988	71,429	18,592	-
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		1,774,013	6,211,291	8,688,597	405,129	160,421
Liabiliti Semasa						
Liabiliti manfaat kakitangan	25	10,246	9,621	10,326	7,642	5,681
Deposit dari pelanggan, bank dan institusi kewangan lain	26	-	67,040,842	59,580,853	-	-
Pinjaman	27	6,878,393	4,217,082	3,978,190	2,009,241	-
Liabiliti kontrak	17	21,076	124,182	190,809	-	-
Akaun belum bayar	28	3,486,717	7,191,423	7,016,660	607,493	531,835
Liabiliti kewangan derivatif	18	5,865	544,281	204,361	-	-
Liabiliti pajakan	29	23,561	69,338	51,440	3,894	485
Percukaian		45,962	82,215	96,626	-	-
Perjanjian beli semula	30	88,241	4,934,046	-	88,241	120,639
Liabiliti dikelaskan sebagai aset dipegang untuk jualan	21	-	1,871	159,032	-	-
Jumlah Liabiliti Semasa		10,560,061	84,214,901	71,288,297	2,716,511	658,640
Jumlah Liabiliti		12,334,074	90,426,192	79,976,894	3,121,640	819,061
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		22,989,742	109,144,007	97,825,481	13,707,096	10,899,711

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Nota	Kumpulan		LTAT	
		2023 RM'000	2022 Dinyatakan semula RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Pendapatan	31	15,733,428	18,684,426	732,021	651,180
Pendapatan lain	32	19,174	298,982	2,195	663
Jumlah pendapatan bagi tahun		15,752,602	18,983,408	734,216	651,843
Kos penjualan	33	(12,298,657)	(13,953,004)	-	-
Perbelanjaan pentadbiran	34	(1,906,243)	(3,010,304)	(138,838)	(92,035)
Kerugian nilai saksama bersih aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi	35	(4,105)	(24,477)	(3,976)	(15,540)
Rosot nilai ke atas aset kewangan	36	(1,759,071)	(476,962)	(27,994)	(26,392)
Rosot nilai ke atas aset-aset lain	37	111,132	(722,404)	(80,032)	(85,407)
(Rugi)/Untung Operasi		(104,342)	796,257	483,376	432,469
Kos kewangan		(409,631)	(304,820)	(8,242)	-
Bahagian keuntungan selepas cukai syarikat-syarikat bersekutu		260,741	12,243	-	-
Bahagian kerugian pelaburan dalam syarikat usahasama		(16,843)	(135,757)	-	-
(Rugi)/Untung sebelum cukai dan zakat		(270,075)	367,923	475,134	432,469
Cukai dan zakat	38	(116,969)	(485,375)	-	-
(Rugi)/Untung daripada kendalian berterusan		(387,044)	(117,452)	475,134	432,469
Untung daripada operasi yang dihentikan		-	1,125,455	-	-
(Rugi)/Untung bersih bagi tahun		(387,044)	1,008,003	475,134	432,469

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (SAMBUNGAN)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Nota	Kumpulan		LTAT	
	2023 RM'000	2022 Dinyatakan semula RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Pendapatan komprehensif lain				
Item mungkin/akan diklas semula ke untung atau rugi				
Kerugian bersih ke atas aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain				
• Perubahan ke atas nilai saksama	(133,609)	(5,195)	12,246	(5,195)
• Pindah ke untung atau rugi atas jualan	(79)	(8)	(79)	(8)
Bahagian pendapatan/(kerugian) komprehensif lain syarikat bersekutu	24,131	(26,774)	-	-
Bahagian pendapatan komprehensif lain pelaburan dalam syarikat usahasama	-	3,702	-	-
Pertukaran mata wang asing	(4,341)	1,213	-	-
Cukai tertunda atas aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain	-	12,832	-	-
Perubahan bersih dalam aliran tunai lindung nilai	(306)	-	-	-
Penilaian semula tanah	67,695	-	-	-
	(46,509)	(14,230)	12,167	(5,203)
Item tidak akan diklas semula ke untung atau rugi				
Perubahan nilai saksama bersih ke atas aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain	6,822	(23,785)	1,874	10,102
Pengukuran semula manfaat perubatan selepas persaraan	(93)	(12,292)	-	(12,292)
Pengukuran semula manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan	-	3,125	-	(952)
Pengukuran semula gantian cuti rehat	-	(582)	-	(582)
(Kerugian)/Pendapatan komprehensif lain bagi tahun	(39,780)	(47,764)	14,041	(8,927)
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif bagi tahun	(426,824)	960,239	489,175	423,542
Agihan kepada:				
Kumpulan/LTAT	(191,794)	370,571	475,134	432,469
Kepentingan bukan mengawal	(266,657)	574,706	-	-
Pemegang Sukuk Kekal	71,407	62,726	-	-
(Rugi)/Untung bersih bagi tahun	(387,044)	1,008,003	475,134	432,469
Agihan kepada:				
Kumpulan/LTAT	(235,881)	345,793	489,175	423,542
Kepentingan bukan mengawal	(262,351)	551,720	-	-
Pemegang Sukuk Kekal	71,407	62,726	-	-
Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif bagi tahun	(426,824)	960,239	489,175	423,542

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Kumpulan	Akaun Caruman Ahli RM'000	Kumpulan Wang (nota 23 (a)) RM'000	Rizab-rizab Yang Tidak Boleh Diagihkan (nota 23 (b)) RM'000	Kerugian Terkumpul RM'000	Jumlah RM'000	Kepentingan Bukan Mengawal RM'000	Sukuk Kekal (nota 24) RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000
2023								
Baki pada 1 Januari	9,920,034	2,801	308,351	(178,949)	10,052,237	8,258,577	464,460	18,775,274
Pelarasan tahun terdahulu	-	641	-	(62,900)	(62,259)	(58,100)	-	(120,359)
Baki pada 1 Januari, seperti dinyatakan semula	9,920,034	3,442	308,351	(241,849)	9,989,978	8,200,477	464,460	18,654,915
Untung bersih bagi tahun	-	-	-	(191,794)	(191,794)	(266,657)	71,456	(386,995)
Kerugian komprehensif lain bagi tahun	-	-	(147,050)	-	(147,050)	2,590	-	(144,460)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	(147,050)	(191,794)	(338,844)	(264,067)	71,456	(531,455)
Pindah ke keuntungan tertahan atas penyahiktirafan aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain	-	-	12,420	1,350,608	1,363,028	-	-	1,363,028
Perubahan kepentingan pemilikan syarikat subsidiari	-	-	(362,175)	(1,073,223)	(1,435,398)	(7,339,912)	-	(8,775,310)
Pindah dari keuntungan tertahan	-	-	(22,929)	22,929	-	-	-	-
Pengasingan ke akaun dormant	(3,348)	-	-	-	(3,348)	-	-	(3,348)
Pelarasan caruman/dividen	(158)	-	-	-	(158)	-	-	(158)
Pelarasan dividen ke atas caruman kerajaan	(228,162)	-	-	228,162	-	-	-	-
Caruman diterima pada tahun	1,004,512	-	-	(485,083)	1,004,512	-	-	1,004,512
Dividen pada kadar 5.0% dalam tahun	485,083	-	-	-	-	-	-	-
Pengeluaran caruman pada tahun	(937,289)	-	-	-	(937,289)	-	-	(937,289)
Pengeluaran perumahan pada tahun	(42,827)	-	-	-	(42,827)	-	-	(42,827)
Pengeluaran pendidikan pada tahun	(23)	-	-	-	(23)	-	-	(23)
Pengeluaran haji pada tahun	(40)	-	-	-	(40)	-	-	(40)
Geran diterima pada tahun	-	828	-	-	828	-	-	828
Pelunasan Kumpulan Wang Aset Latihan	-	(357)	-	-	(357)	-	-	(357)
Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya	-	-	-	(5,196)	(5,196)	-	-	(5,196)
Agihan Sukuk Kekal	-	-	-	-	-	-	(71,344)	(71,344)
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan mengawal oleh syarikat-syarikat subsidiari	-	-	-	78,195	78,195	(78,464)	-	(269)
Baki pada 31 Disember	10,197,782	3,913	(211,383)	(317,250)	9,673,062	518,034	464,572	10,655,668

Nota-nota yang ditampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI (SAMBUNGAN)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Kumpulan	Akaun Caruman Ahli RM'000	Kumpulan Wang (nota 23 (a)) RM'000	Rizab-rizab Yang Tidak Boleh Diagihkan (nota 23 (b)) RM'000	Kerugian Terkumpul RM'000	Jumlah RM'000	Kepentingan Bukan Mengawal RM'000	Sukuk Kekal (nota 24) RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000
2022								
Baki pada 1 Januari	9,665,182	2,129	541,709	(407,667)	9,801,353	7,681,354	464,180	17,946,887
Pelarasan tahun terdahulu	-	641	-	(51,141)	(50,500)	(47,207)	-	(97,707)
Baki pada 1 Januari, seperti dinyatakan semula	9,665,182	2,770	541,709	(458,808)	9,750,853	7,634,147	464,180	17,849,180
Untung bersih bagi tahun	-	-	-	380,186	380,186	587,692	62,726	1,030,604
Kerugian komprehensif lain bagi tahun	-	-	(15,029)	(9,749)	(24,778)	(22,986)	-	(47,764)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	(15,029)	370,437	355,408	564,706	62,726	982,840
Pindah ke keuntungan tertahan atas penyahkitaran aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain	-	-	(67,256)	67,256	-	-	-	-
Perubahan kepentingan pemilikan syarikat subsidiari	-	-	3,452	(44,853)	(41,401)	593,091	-	551,690
Pindah dari keuntungan tertahan	-	-	(154,525)	154,525	-	-	-	-
Pengasingan ke akaun dormant	(5,069)	-	-	-	(5,069)	-	-	(5,069)
Pelarasan caruman/dividen	55	-	-	1	56	-	-	56
Pelarasan dividen ke atas caruman kerajaan	(213,474)	-	-	213,474	-	-	-	-
Caruman diterima pada tahun	974,116	-	-	-	974,116	-	-	974,116
Dividen pada kadar 5.0% dalam tahun	476,454	-	-	(476,454)	-	-	-	-
Pengeluaran caruman pada tahun	(903,841)	-	-	-	(903,841)	-	-	(903,841)
Pengeluaran perumahan pada tahun	(43,812)	-	-	-	(43,812)	-	-	(43,812)
Pengeluaran pendidikan pada tahun	(32)	-	-	-	(32)	-	-	(32)
Pengeluaran haji pada tahun	(10)	-	-	-	(10)	-	-	(10)
Pengeluaran <i>one-off</i> pada tahun	(29,535)	-	-	-	(29,535)	-	-	(29,535)
Geran diterima pada tahun	-	822	-	-	822	-	-	822
Pelunasan Kumpulan Wang Aset Latihan	-	(150)	-	-	(150)	-	-	(150)
Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya	-	-	-	(4,527)	(4,527)	-	-	(4,527)
Agihan Sukuk Kekal	-	-	-	-	-	-	(62,446)	(62,446)
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan mengawal oleh syarikat-syarikat subsidiari	-	-	-	-	-	(591,467)	-	(591,467)
Baki pada 31 Disember	9,920,034	3,442	308,351	(178,949)	10,052,878	8,200,477	464,460	18,717,815

Nota-nota yang dilampirkan merupakan pelengkap penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI (SAMBUNGAN)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

LTAT	Akaun Caruman Ahli RM'000	Rizab-rizab (nota 23 (b)) RM'000	Keuntungan Tertahan RM'000	Jumlah RM'000
2023				
Baki pada 1 Januari	9,920,034	(338,034)	498,650	10,080,650
Untung bersih bagi tahun	-	-	475,134	475,134
Keuntungan komprehensif lain bagi tahun	-	14,041	-	14,041
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	14,041	475,134	489,175
Pindah ke keuntungan tertahan atas penyahiktirafan aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain	-	12,420	(12,420)	-
Pengasingan ke akaun dormant	(3,348)	-	-	(3,348)
Pindah dari keuntungan tertahan	-	5,555	(5,555)	-
Pelarasan caruman/dividen	(158)	-	1	(157)
Pelarasan dividen ke atas caruman kerajaan	(228,162)	-	228,162	-
Caruman diterima pada tahun	1,004,512	-	-	1,004,512
Dividen pada kadar 5.0% dalam tahun	485,083	-	(485,083)	-
Pengeluaran caruman pada tahun	(937,289)	-	-	(937,289)
Pengeluaran perumahan pada tahun	(42,827)	-	-	(42,827)
Pengeluaran pendidikan pada tahun	(23)	-	-	(23)
Pengeluaran haji pada tahun	(40)	-	-	(40)
Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya	-	-	(5,197)	(5,197)
Baki pada 31 Disember	10,197,782	(306,018)	693,692	10,585,456
2022				
Baki pada 1 Januari	9,665,182	(284,569)	289,149	9,669,762
Untung bersih bagi tahun	-	-	432,469	432,469
Kerugian komprehensif lain bagi tahun	-	4,899	(13,826)	(8,927)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	4,899	418,643	423,542
Pindah ke keuntungan tertahan atas penyahiktirafan aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain	-	(63,461)	63,461	-
Pengasingan ke akaun dormant	(5,069)	-	-	(5,069)
Pindah dari keuntungan tertahan	-	5,097	(5,097)	-
Pelarasan caruman/dividen	55	-	1	56
Pelarasan dividen ke atas caruman kerajaan	(213,474)	-	213,474	-
Caruman diterima pada tahun	974,116	-	-	974,116
Dividen pada kadar 5.0% dalam tahun	476,454	-	(476,454)	-
Pengeluaran caruman pada tahun	(903,841)	-	-	(903,841)
Pengeluaran perumahan pada tahun	(43,812)	-	-	(43,812)
Pengeluaran pendidikan pada tahun	(32)	-	-	(32)
Pengeluaran haji pada tahun	(10)	-	-	(10)
Pengeluaran <i>one-off</i> pada tahun	(29,535)	-	-	(29,535)
Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya	-	-	(4,527)	(4,527)
Baki pada 31 Disember	9,920,034	(338,034)	498,650	10,080,650

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Nota	Kumpulan		LTAT	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti-Aktiviti Operasi				
Penerimaan tunai daripada pendapatan-pendapatan lain	5,807	1,186,817	-	-
Penerimaan tunai daripada pelanggan	15,621,322	17,560,966	44,115	22,059
Penerimaan sewaan lain	68	2	319	879
Penerimaan tunai daripada PPHM	-	-	-	33,892
Penerimaan deposit sewaan dan jaminan	1,984	-	1,984	-
Pembayaran tunai kepada kakitangan dan pembekal	(14,088,298)	(16,040,642)	(118,391)	(89,767)
Perolehan semula pinjaman yang telah dihapus kira	-	74,208	-	-
Pembayaran balik kumpulan wang skim pinjaman kakitangan	200	208	-	-
Pembayaran untuk Program <i>Reskilling and Upskilling</i> Veteran ATM (PRUV - ATM)	(3,432)	(4,601)	-	-
Pembayaran untuk Program Pembangunan Sosio Ekonomi Veteran ATM Tidak Berpencen (PPSEV)	(825)	(520)	-	-
Pembayaran semula tender deposit	-	(800)	-	(800)
Pembayaran tunai untuk apungan belanja perubatan	-	(800)	-	(800)
Pembayaran jaminan bank	-	-	-	(28,000)
Pembayaran liabiliti pajakan - sewaan	(4,312)	-	(4,312)	-
Penambahan dalam aset operasi:				
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	-	(7,958,232)	-	-
Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi	-	(48,386)	-	-
Penghutang perdagangan	-	(706)	-	-
Penghutang-penghutang lain	-	(260,763)	-	-
Pengurangan/(Penambahan) dalam liabiliti operasi:				
Deposit daripada pelanggan	-	5,552,568	-	-
Obligasi atas sekuriti yang dijual di bawah perjanjian beli balik	-	4,813,407	-	-
Deposit berkanun dengan Bank Negara	-	(1,182,247)	-	-
Deposit dan penempatan daripada bank-bank dan institusi kewangan lain	-	498,116	-	-
Liabiliti-liabiliti lain	-	391,513	-	-
Bil dan penerimaan jurubank	-	6,827	-	-
Obligasi faedah yang ditetapkan dibayar	(588)	-	-	-
Pemiutang perdagangan	-	(319,407)	-	-
Tunai janaan daripada/(digunakan untuk) aktiviti-aktiviti operasi	1,531,926	4,267,528	(76,285)	(62,537)
Pembayaran faedah	(2,143)	(859,518)	-	-
Pembayaran cukai	(166,777)	(491,851)	-	-
Pembayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya	(5,046)	(4,527)	(5,046)	(4,527)
Pembayaran manfaat kakitangan	(8,564)	(7,452)	(8,564)	(7,452)
Penerimaan bayaran balik Skim Pembiayaan Mikro Usahawan Veteran ATM	1,114	1,464	-	-
Pembayaran cukai keuntungan harta tanah	(9,245)	-	-	-
Pembayaran zakat	(52,158)	-	-	-
Tunai bersih daripada/(digunakan untuk) aktiviti-aktiviti operasi	1,289,107	2,905,644	(89,895)	(74,516)

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMBUNGAN)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Nota	Kumpulan		LTAT	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti-Aktiviti Pelaburan				
Hartanah, loji dan peralatan				
• Pembelian	(414,142)	(529,068)	(10,688)	(9,214)
• Penjualan	89,057	20,510	-	-
Pembangunan hartanah				
• Pembelian	(69,400)	(285,900)	-	-
• Penjualan	179,150	392,000	179,150	392,000
Pembelian hak penggunaan aset				
• Pembelian	(2,400)	(11,357)	-	-
Pembelian aset tak ketara	(9,815)	(23,748)	-	-
Pembelian pelaburan pendapatan tetap	(27,023)	-	(27,023)	-
Pelaburan hartanah	(14,711)	(4,422)	-	(450)
Pelaburan tambahan dalam syarikat bersekutu	(369,353)	(173,500)	-	-
Pelaburan tambahan dalam syarikat subsidiari	(2,869,794)	-	(3,239,122)	-
Pembelian aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain	(508,128)	(846,991)	(508,128)	(846,991)
Pembelian aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi	10,421	90,914	10,421	90,914
Pembangunan hartanah dalam pelaksanaan	(28,720)	(26,999)	(28,720)	(26,999)
Penerimaan faedah dan keuntungan	37,486	544,825	18,469	14,146
Penerimaan keuntungan daripada Junior Sukuk Musharakah	-	-	17,408	15,150
Penerimaan keuntungan daripada pendahuluan kepada/amaun terhutang daripada Perbadanan	-	-	6,348	6,668
Penjualan pelaburan dalam syarikat subsidiari	1,071,991	124,913	232,091	124,913
Penjualan pelaburan dalam syarikat bersekutu	140,500	-	85,000	-
Penjualan dan penerimaan daripada pelaburan pendapatan tetap	60,402	113,636	60,402	113,636
Penjualan aset dikelaskan sebagai aset dipegang untuk jualan	-	385,000	-	-
Penjualan aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain	345,062	347,994	343,862	344,644
Penjualan aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi	62,011	-	62,011	-
Penjualan bersih aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain	-	37,848	-	-
Dividen diterima daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari	-	-	391,394	221,225
Dividen diterima daripada pelaburan dalam syarikat bersekutu	82,997	95,333	17,834	73,656
Dividen dan pendapatan lain diterima daripada aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain	61,551	155,358	55,851	46,836
Dividen diterima daripada aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi	782	4,374	782	-
Pengurangan bersih amaun terhutang daripada syarikat bersekutu	-	168,661	-	-
Pendapatan lain daripada syarikat-syarikat bersekutu	10,666	-	10,666	-
Pembelian aset kewangan pada kos dilunaskan	-	(5,550,988)	-	(122,651)
Dividen diterima daripada saham keutamaan boleh tebus terkumpul	100	-	500	600
Penebusan saham keutamaan boleh tebus terkumpul	650	2,224	650	2,224
Penerimaan sewaan daripada pelaburan hartanah	27,094	27,053	27,094	27,053
Deposit dicagarkan	(62)	(3,056)	-	-
Penempatan deposit tetap	(5,500)	(11,001)	-	-
(Pengurangan)/Penambahan deposit digunakan bagi pelaburan	(287,972)	15,592	(287,972)	15,592
Pinjaman sokongan kerajaan diterima daripada Kementerian Kewangan	230,000	-	230,000	-
Aliran tunai daripada penjualan syarikat subsidiari	-	982,769	-	-

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMBUNGAN)**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Nota	Kumpulan		LTAT	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Perbelanjaan untuk aset kewangan pada nilai saksama ke untung rugi	(133)	-	(133)	-
Bayaran pengurusan dibayar kepada pengurusan portfolio	(215)	-	(215)	-
Tunai bersih (digunakan untuk)/daripada aktiviti-aktiviti pelaburan	(2,197,448)	(3,958,026)	(2,352,068)	482,952
Aliran Tunai Daripada Aktiviti-Aktiviti Pembiayaan				
Penerimaan caruman ahli	1,004,656	972,889	1,004,656	972,889
Pengeluaran caruman ahli	(580,399)	(630,778)	(580,399)	(630,778)
Pengurangan bersih daripada pinjaman lain	(465,493)	(843,633)	-	-
Pembayaran faedah	(428,588)	(482,107)	-	-
Terbitan saham	-	161,200	-	-
Bayaran bagi bahagian caruman kerajaan	(490,922)	-	(490,922)	-
Pengeluaran daripada kredit pusingan	2,024,600	-	2,000,000	-
Pengagihan Sukuk Kekal	(53,892)	(47,350)	-	-
Pembayaran dividen kepada kepentingan bukan mengawal	(178,953)	(542,504)	-	-
Penerimaan daripada pinjaman jangka panjang	9,500	46,200	-	-
Pembayaran balik pinjaman jangka panjang	(145,100)	(119,700)	-	-
Penerimaan geran kerajaan - Kumpulan wang mengurus	32,000	30,000	-	-
Penerimaan geran kerajaan - PRUV - ATM	-	10,400	-	-
Perolehan kepentingan ekuiti dalam syarikat bersekutu	(3,401)	-	-	-
Pembayaran ke atas pinjaman liabiliti pajakan	(57,759)	(77,623)	(509)	(509)
Penerimaan daripada obligasi pinjaman/pembiayaan yang dijual kepada Cagamas Berhad	-	374,147	-	-
Tunai bersih daripada/(digunakan untuk) untuk aktiviti-aktiviti pembiayaan	666,249	(1,148,859)	1,932,826	341,602
(Pengurangan)/Penambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai	(242,092)	(2,201,241)	(509,137)	750,038
Kesan pertukaran mata wang asing	246	(18,333)	-	-
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	5,917,495	8,137,069	1,248,289	498,251
Kesan dari perubahan struktur Kumpulan	(3,688,757)	-	-	-
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	1,986,892	5,917,495	739,152	1,248,289
Tunai dan kesetaraan tunai				
Deposit	19	393,048	5,083,466	264,012
Wang tunai dan baki bank	20	1,654,229	1,271,287	475,140
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	2,047,277	6,354,753	739,152	1,248,289
Wang tunai dan baki bank diklasifikasikan sebagai aset dipegang untuk jualan	21	-	1,700	-
Overdraf bank	27	(50,167)	(36,573)	-
Pelarasan bagi tunai yang dipegang dalam amanah bagi pihak remiser	28	-	(64,495)	-
Deposit dengan kematangan lebih daripada 3 bulan		(10,218)	(337,890)	-
Tunai dan kesetaraan tunai bersih pada 31 Disember	1,986,892	5,917,495	739,152	1,248,289

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

1. LATAR BELAKANG DAN AKTIVITI UTAMA

Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang lebih dikenali dengan singkatan LTAT, telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Parlimen. Pejabat operasi adalah di Tingkat 12, Bangunan LTAT, Jalan Bukit Bintang, Peti Surat 11542, 50748 Kuala Lumpur. Bermula dari 2 Februari 2023, pejabat operasi telah berpindah ke Tingkat Bawah, Chulan Tower, No. 3 Jalan Conlay, 50450 Kuala Lumpur.

Aktiviti utama Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengikut Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101) adalah bagi mentadbir dan melabur kumpulan wang caruman pegawai-pegawai dan anggota-anggota lain-lain pangkat, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang mencarum secara wajib dan sukarela serta Anggota Kerahan Angkatan Sukarela yang mencarum secara sukarela. Aktiviti ini meliputi proses mengumpul, mengurus dan melabur dana wang caruman dalam pelaburan hartanah (nota 4), inventori (nota 6), pelaburan dalam syarikat subsidiari (nota 8), pelaburan dalam syarikat bersekutu (nota 9), aset kewangan pada kos dilunaskan (nota 11), aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain (nota 12), aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi (nota 13) dan deposit dengan bank dan institusi kewangan lain (nota 19). LTAT juga melaksanakan program-program latihan peralihan bagi anggota Angkatan Tentera yang akan dan yang telah bersara.

Penyata Kewangan Kumpulan dan LTAT dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan kepada ribu yang terdekat (RM'000), kecuali dinyatakan sebaliknya.

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 yang belum diaudit dan telah diluluskan oleh Lembaga pada 30 Mei 2024.

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan

a. Pernyataan Pematuhan

Penyata Kewangan Kumpulan dan LTAT telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan keperluan Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101).

Dasar perakaunan yang diterima pakai adalah konsisten dengan dasar perakaunan tahun kewangan sebelumnya, kecuali pada tahun semasa, Kumpulan dan LTAT menerima pakai MFRS baharu dan pindaan yang mandatori untuk tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023, seperti berikut:

Keterangan	Berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas
MFRS 17: Kontrak Insurans	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 17: Kontrak Insurans (Pemakaian Awal MFRS 17 dan MFRS 9 – Maklumat Perbandingan)	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 101: Pendedahan Dasar Perakaunan	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 108: Definisi Anggaran Perakaunan	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 112: Cukai Tertunda berkaitan Aset dan Liabiliti yang timbul daripada Satu Transaksi	1 Januari 2023

Penerimaan pakai MFRS baharu dan pindaan di atas tidak memberi kesan yang signifikan kepada kedudukan kewangan Kumpulan dan LTAT.

b. Piawaian yang dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa

Piawaian dan tafsiran yang dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa sehingga tarikh pengeluaran Penyata Kewangan Kumpulan dan LTAT dinyatakan di bawah. Kumpulan dan LTAT berhasrat untuk menerima pakai piawaian ini, jika diterima pakai, apabila ia berkuat kuasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.1 Asas Penyediaan (sambungan)

b. Piawaian yang dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)

Keterangan	Berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas
Pindaan kepada MFRS 16: Liabiliti Pajak dalam Jualan dan Pajak Semula	1 Januari 2024
Pindaan kepada MFRS 101: Liabiliti Bukan Kewangan dengan Perjanjian	1 Januari 2024
Pindaan kepada MFRS 107 dan MFRS 7: Pengaturan Kewangan Pembekal	1 Januari 2024
Pindaan kepada MFRS 121: Kekurangan Kebolehtukuran	1 Januari 2025
Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128: Penjualan atau Penambahan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usahasama	Ditangguhkan

Kumpulan dan LTAT menjangkakan penerimaan pakai piawaian dan tafsiran di atas tidak akan memberi kesan yang material kepada penyata kewangan dalam tempoh menerima pakai.

c. Asas Pengukuran

Penyata Kewangan Kumpulan dan LTAT telah disediakan mengikut kelaziman kos kecuali untuk hartanah tertentu dan instrumen kewangan yang diukur pada amaun penilaian semula atau nilai saksama pada akhir setiap tempoh pelaporan seperti yang dinyatakan dalam dasar-dasar perakaunan di bawah.

d. Anggaran Dan Pertimbangan Perakaunan yang Signifikan

Penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan LTAT memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh pelaporan. Andaian utama berkaitan dengan masa hadapan dan sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko signifikan menyebabkan pelarasan material kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang seperti di bawah:

i. Rosot Nilai Aset Tak Ketara

Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk rosot nilai aset-aset tak ketara pada setiap tarikh pelaporan. Aset tak ketara (muhibah dan aset tak ketara dengan jangka hayat tanpa batasan) diuji untuk rosot nilai setiap tahun dan pada masa lain apabila terdapat petunjuk yang wujud. Aset tak ketara dengan jangka hayat kegunaan yang terhad diuji untuk rosot nilai apabila terdapat petunjuk bahawa amaun dibawa mungkin melebihi jumlah yang boleh diperolehi. Apabila pengiraan nilai kegunaan dilaksanakan, pengurusan menganggarkan aliran tunai masa hadapan yang dijangka daripada aset atau unit janaan tunai dan memilih kadar diskaun yang sesuai untuk mengira nilai semasa aliran tunai tersebut. Penyediaan anggaran aliran tunai masa hadapan melibatkan pertimbangan dan anggaran yang signifikan.

Walaupun Kumpulan percaya bahawa andaian itu adalah wajar dan munasabah, perubahan signifikan dalam andaian boleh memberi kesan penilaian jumlah yang boleh diperolehi dan boleh membawa kepada rosot nilai masa hadapan.

ii. Rosot Nilai Hartanah, Loji Dan Peralatan, Hak Penggunaan Aset dan Pelaburan dalam Subsidiari, Bersekutu dan Usahasama

Kumpulan dan LTAT mengkaji semula amaun dibawa bagi aset bukan kewangan di atas pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk rosot nilai.

Jika sebarang petunjuk wujud, Kumpulan dan LTAT perlu menganggarkan amaun unit janaan tunai yang boleh diperolehi semula atau kumpulan bagi unit janaan tunai. Amaun yang boleh diperolehi semula adalah diukur pada nilai saksama ditolak kos penjualan atau nilai kegunaan yang mana lebih tinggi.

Di mana, penilaian amaun unit janaan tunai yang boleh diperolehi semula atau kumpulan bagi unit janaan tunai ditentukan berdasarkan nilai saksama ditolak kos penjualan, Kumpulan dan LTAT antara lain, berdasarkan penilaian nilai saksama ditolak kos penjualan yang dibuat oleh penilai profesional bebas yang telah diperolehi daripada perbandingan dengan urus niaga terkini yang melibatkan aset lain yang serupa dan di mana berkenaan, umur, saiz dan tempoh.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.1 Asas Penyediaan (sambungan)

d. Anggaran Dan Pertimbangan Perakaunan yang Signifikan (sambungan)

ii. Rosot Nilai Hartanah, Loji Dan Peralatan, Hak Penggunaan Aset dan Pelaburan dalam Subsidiari, Bersekutu dan Usahasama (sambungan)

Penentuan nilai kegunaan bagi unit janaan tunai atau kumpulan unit janaan tunai memerlukan anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan diperolehi dari penggunaan aset tersebut secara berterusan dan penjualan muktamad seperti aset. Dalam menganggarkan nilai kegunaan itu, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai kini menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khususnya kepada aset.

Anggaran amaun yang boleh diperolehi semula melibatkan anggaran dan pertimbangan yang signifikan. Manakala Kumpulan dan LTAT percaya bahawa andaian yang wajar dan munasabah, perubahan dalam andaian mungkin menjejaskan penilaian terhadap amaun yang boleh diperolehi semula.

iii. Peruntukan Kerugian Kredit Dijangka ke atas Akaun Belum Terima Perdagangan, Akaun Belum Terima Lain dan Aset Kontrak

Kumpulan dan LTAT menilai risiko kredit pada setiap tarikh pelaporan, sama ada terdapat peningkatan yang signifikan dalam risiko kredit sejak dari pengiktirafan awal secara individu. Untuk menentukan sama ada terdapat peningkatan yang signifikan dalam risiko kredit, Kumpulan dan LTAT mempertimbangkan faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang dan keingkar atau kelewatan dalam pembayaran.

Sekiranya terdapat peningkatan yang signifikan dalam risiko kredit, Kumpulan dan LTAT menentukan kerugian kredit dijangka sepanjang hayat dengan mengambil kira kerugian dan kebarangkalian kepada setiap pelanggan. Aset kewangan dihapuskan sama ada sebahagian atau sepenuhnya apabila tiada prospek pemulihan yang realistik. Ini biasanya berlaku apabila Kumpulan dan LTAT menentukan bahawa akaun belum terima perdagangan tidak mempunyai aset atau sumber pendapatan yang boleh menghasilkan aliran tunai yang mencukupi untuk bayaran balik jumlah tertakluk kepada hapus kira.

iv. Nilai Saksama Aset Biologi

Aset biologi adalah pengeluaran daripada hasil kelapa sawit. Tandan buah segar dituai dari kelapa sawit untuk digunakan dalam pengeluaran minyak sawit mentah dan kernel sawit. Hasil yang dikeluarkan adalah dituai daripada tandan buah segar.

Buah kelapa sawit dijangka mula menghasilkan minyak sekitar 14 ke 15 minggu selepas pendebungaan. Kandungan minyak dalam buah meningkat secara mendadak dalam tempoh selepas 5 minggu berikutnya dan mencapai penghasilan maksimum sekitar 22 minggu.

Pengurusan mempertimbangkan tahap kematangan tandan buah segar dan membuat kesimpulan bahawa tan dan buah segar yang dijangka akan dituai dalam tempoh 3 minggu akan digunakan untuk menentukan nilai saksama aset biologi.

Nilai saksama hasil yang semakin meningkat ditentukan berdasarkan nilai semasa aliran tunai masa hadapan yang dijangka dengan mengambil kira pengeluaran dan anggaran harga jualan minyak sawit mentah dan kernel sawit diselaraskan untuk kos-kos pengekstrakan, pemprosesan, penuaian dan pengangkutan.

v. Pembangunan Hartanah

Kumpulan dan LTAT mengiktiraf hasil dan perbelanjaan pembangunan hartanah dalam untung atau rugi dengan menggunakan kaedah input berdasarkan kos yang ditanggung sehingga kini berbanding dengan jumlah kos yang dijangka untuk memenuhi obligasi prestasi.

Pertimbangan signifikan diperlukan dalam penentuan peringkat kesiapan, tahap kos pembangunan hartanah yang ditanggung, anggaran jumlah hasil dan kos pembangunan hartanah, dan juga pulangan bagi kos pembangunan hartanah. Dalam membuat pertimbangan, Kumpulan dan LTAT menilai berdasarkan pengalaman lepas dan bergantung kepada kerja pakar.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.1 Asas Penyediaan (sambungan)

d. Anggaran Dan Pertimbangan Perakaunan yang Signifikan (sambungan)

vi. Pembuatan dan Pembaikan Kapal

Kumpulan mengiktiraf hasil dan kos kontrak dalam untung atau rugi dengan menggunakan kaedah input berdasarkan kos yang ditanggung sehingga kini berbanding dengan jumlah kos yang dijangka untuk mencapai prestasi tersebut.

Pertimbangan signifikan diperlukan untuk penentuan kos kontrak yang ditanggung, anggaran jumlah hasil dan kos kontrak, perolehan semula kos kontrak serta menilai potensi penolakan kepada hasil akibat kelewatan penghantaran atau penalti kontrak yang lain. Pertimbangan lanjut yang signifikan juga diperlukan dalam menentukan pengubahsuaian kontrak dengan perubahan yang dipersetujui dalam skop kerja, tetapi dengan harga kontrak yang masih belum ditentukan. Kumpulan dan LTAT menilai berdasarkan pengalaman lepas, maklum balas dari pelanggan dan kerja pakar dalaman.

vii. Aset Cukai Tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua kerugian dan kredit cukai yang belum digunakan dan elaun modal yang tidak diserap, terhad kepada keuntungan boleh dicukai yang boleh ditolak dengan perbezaan sementara yang boleh dimanfaatkan. Keputusan pengurusan yang signifikan diperlukan untuk menentukan amaun aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan masa dan tahap keuntungan boleh cukai masa hadapan bersama dengan strategi perancangan cukai masa hadapan.

Andaian mengenai penjanaan keuntungan cukai masa depan bergantung kepada anggaran pengurusan bagi aliran tunai masa hadapan. Ini bergantung kepada anggaran pengeluaran dan jumlah jualan, kos operasi, perbelanjaan modal, dividen dan urus niaga pengurusan modal lain pada masa hadapan. Pertimbangan juga diperlukan berkaitan aplikasi perundangan bagi cukai pendapatan.

Pertimbangan dan andaian ini adalah tertakluk kepada risiko dan ketidakpastian, oleh itu terdapat kemungkinan bahawa perubahan keadaan akan mengubah jangkaan, yang boleh memberi kesan kepada amaun aset cukai tertunda yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan jumlah kerugian cukai dan perbezaan sementara yang tidak diiktiraf.

viii. Penilaian bagi Pelaburan Hartanah

Kumpulan dan LTAT telah menilai pelaburan hartanah pada nilai saksama, perubahan nilai saksama tersebut diiktiraf dalam penyata untung atau rugi. Bagi tanah yang dikelaskan sebagai pelaburan hartanah, Kumpulan dan LTAT telah mengaplikasikan teknik perbandingan nilai bagi menentukan nilai saksama tanah tersebut. Bagi pelaburan hartanah, Kumpulan dan LTAT telah mengaplikasikan teknik penilaian pelbagai bagi menentukan nilai saksama. Keputusan yang diperolehi akan dinilai berdasarkan kewajaran julat nilai yang terhasil daripada keputusan tersebut. Pengukuran nilai saksama tersebut adalah titik utama dalam julat tersebut yang mewakili nilai saksama aset.

Penilai profesional terlibat dalam penilaian pelaburan hartanah dan ditentukan setiap tahun oleh pihak pengurusan. Kriteria dalam pemilihan penilai profesional merangkumi pengetahuan pasaran, reputasi, kebebasan dan pengekal piawaian profesional terpelihara. Selepas perbincangan bersama penilai profesional, pihak pengurusan akan memutuskan teknik penilaian dan input-input yang akan digunakan bagi setiap kes.

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan

a. Asas Penyatuan

i. Syarikat Subsidiari

Subsidiari adalah entiti-entiti, termasuk entiti berstruktur, yang dikawal oleh Kumpulan dan LTAT.

Kumpulan dan LTAT mengawal entiti apabila ia terdedah, atau mempunyai hak ke atas pulangan boleh ubah daripada penglibatan dengan entiti dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan menerusi kuasanya ke atas entiti. Apabila menilai kawalan, potensi hak mengundi dipertimbangkan hanya apabila hak-hak tersebut adalah substantif.

Kumpulan dan LTAT juga mempertimbangkan kuasa *de facto* ke atas pelaburan, walaupun tidak mempunyai majoriti hak mengundi tetapi mempunyai keupayaan untuk mengarahkan aktiviti-aktiviti pelaburan yang memberi kesan yang signifikan terhadap pulangan pelaburan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

a. Asas Penyatuan (sambungan)

i. Syarikat Subsidiari (sambungan)

Syarikat subsidiari disatukan bermula apabila Kumpulan memperoleh kawalan ke atas syarikat subsidiari dan terhenti apabila Kumpulan hilang kawalan terhadap syarikat subsidiari. Aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan syarikat subsidiari yang diperolehi atau dilupus dalam tahun, adalah diambil kira dalam penyata kewangan disatukan mulai dari tarikh Kumpulan memperoleh kawalan sehingga tarikh Kumpulan tidak lagi mengawal syarikat subsidiari.

Kepentingan bukan mengawal pada tarikh pelaporan, adalah bahagian aset bersih syarikat subsidiari yang diagihkan kepada kepentingan ekuiti yang bukan dimiliki oleh Kumpulan, sama ada secara langsung atau sebaliknya melalui syarikat subsidiari, adalah dinyatakan dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan dan penyata perubahan ekuiti yang disatukan di bawah ekuiti, berasingan dari ekuiti diagihkan kepada Kumpulan. Untung atau rugi dan setiap komponen pendapatan komprehensif lain diagihkan kepada Kumpulan dan kepada kepentingan bukan mengawal, walaupun keputusan dalam kepentingan bukan mengawal mengalami baki defisit.

Pengambilalihan syarikat subsidiari diambil kira mengikut kaedah perakaunan pengambilalihan. Aset dan liabiliti yang dikenal pasti diambil alih adalah diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Kos berkaitan pengambilalihan diiktiraf sebagai perbelanjaan dan dicaj sebagai perbelanjaan pentadbiran.

Muhibah pada mulanya diukur pada kos (iaitu lebihan agregat pertimbangan yang dipindahkan dan jumlah yang diiktiraf untuk kepentingan bukan mengawal dan sebarang kepentingan terdahulu yang dipegang atas aset yang boleh dikenal pasti bersih yang diperolehi dan liabiliti yang diandaikan). Sekiranya nilai saksama aset bersih yang diambil alih adalah melebihi pertimbangan agregat yang dipindahkan, Kumpulan menilai semula sama ada ia telah mengenal pasti semua aset yang diperolehi dan semua liabiliti yang diandaikan dan mengkaji semula prosedur yang digunakan untuk mengukur jumlah yang akan diiktiraf pada tarikh pengambilalihan. Sekiranya penilaian semula itu masih menghasilkan lebihan nilai saksama aset bersih yang diperolehi daripada pertimbangan agregat yang dipindahkan, maka keuntungan diiktiraf dalam untung atau rugi. Dasar perakaunan mengenai muhibah atas pengambilalihan syarikat subsidiari seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.2 (j) (i).

Bagi setiap penggabungan perniagaan, Kumpulan memilih sama ada untuk mengukur kepentingan bukan mengawal syarikat subsidiari diambil alih pada tarikh pengambilalihan sama ada pada nilai saksama atau bahagian setara aset bersih yang dikenal pasti.

Perubahan dalam kepentingan ekuiti Kumpulan dalam syarikat subsidiari yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diambil kira sebagai transaksi ekuiti. Dalam keadaan tersebut, amaun dibawa kepentingan mengawal dan kepentingan bukan mengawal diselaraskan untuk menunjukkan perubahan dalam kepentingan masing-masing dalam syarikat subsidiari. Sebarang perbezaan di antara amaun kepentingan bukan mengawal diselaraskan dan nilai saksama ke atas pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf secara langsung ke ekuiti.

Setelah kehilangan kawalan ke atas syarikat subsidiari, Kumpulan menyahiktiraf aset (termasuk muhibah) dan liabiliti, sebarang kepentingan bukan mengawal dan komponen ekuiti lain yang berkaitan dengan syarikat subsidiari daripada penyata kedudukan kewangan disatukan. Bahagian kumpulan yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula ke untung atau rugi atau keuntungan tertahan. Sebarang lebihan atau defisit yang timbul daripada kehilangan kawalan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Jika Kumpulan mengekalkan sebarang kepentingan dalam syarikat subsidiari, maka faedah itu diukur pada nilai saksama pada tarikh kehilangan kawalan dan seterusnya diambil kira sebagai ekuiti syarikat penerima pelaburan atau sebagai aset kewangan yang tersedia untuk jualan bergantung kepada tahap pengaruh yang dikekalkan.

Dividen yang diterima daripada subsidiari direkodkan sebagai komponen pendapatan dalam penyata untung atau rugi.

Pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos ditolak rosot nilai. Butiran lanjut syarikat-syarikat subsidiari disenaraikan di Nota 8.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

a. Asas Penyatuan (sambungan)

ii. Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu Dan Syarikat Usahasama

Syarikat bersekutu adalah entiti, termasuk entiti yang tidak diperbadankan, di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan, tetapi tidak mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas keputusan-keputusan dasar operasi dan kewangan.

Syarikat usahasama adalah suatu perjanjian bersama di mana pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama dengan perjanjian itu mempunyai hak ke atas aset bersih usahasama itu. Kawalan bersama adalah perjanjian kawalan perkongsian yang dipersetujui secara kontrak, yang wujud hanya apabila keputusan mengenai aktiviti-aktiviti berkaitan yang memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak yang berkongsi kawalan.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan syarikat usahasama diambil kira di dalam penyata kewangan yang disatukan menggunakan kaedah ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usahasama pada mulanya diiktiraf pada kos. Amaun dibawa pelaburan diselaraskan untuk mengiktiraf perubahan bahagian kumpulan dalam aset bersih syarikat bersekutu atau usahasama bermula dari tarikh pengambilalihan. Muhibah berkaitan syarikat bersekutu atau usahasama dimasukkan dalam amaun dibawa pelaburan dan tidak dilunaskan atau diuji secara individu untuk rosot nilai.

Penyata pendapatan disatukan menunjukkan bahagian Kumpulan daripada keputusan operasi syarikat bersekutu atau usahasama. Sebarang perubahan dalam pendapatan komprehensif lain ditunjukkan sebagai sebahagian daripada Pendapatan Komprehensif Lain Kumpulan. Di samping itu, sekiranya terdapat perubahan yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti syarikat bersekutu atau usahasama, Kumpulan mengiktiraf bahagiannya dalam perubahan tersebut, sekiranya ada, dalam penyata perubahan ekuiti disatukan. Keuntungan atau kerugian tidak direalisasi daripada urus niaga antara Kumpulan dan syarikat bersekutu dan usahasama dihapuskan setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usahasama.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingannya di dalam syarikat bersekutu atau usahasama, Kumpulan tidak perlu mengiktiraf kerugian tambahan melainkan ke satu tahap Kumpulan menanggung obligasi konstruktif atau melibatkan undang-undang atau pembayaran dibuat bagi pihak syarikat bersekutu atau usahasama.

Penyata kewangan syarikat bersekutu dan usahasama yang terkini digunakan oleh Kumpulan dalam mengakaunkan kaedah ekuiti. Apabila tarikh penyata kewangan yang telah diaudit digunakan tidak selari dengan Kumpulan, bahagian keuntungan diambil kira dari penyata kewangan yang telah diaudit dan penyata kewangan pengurusan sehingga akhir tempoh perakaunan. Jika perlu, pelarasan perlu dibuat ke atas penyata kewangan ini bagi memastikan keseragaman dasar-dasar perakaunan yang digunakan oleh Kumpulan adalah konsisten.

Selepas mengaplikasi kaedah ekuiti, Kumpulan menentukan sama ada perlu untuk mengiktiraf tambahan rosot nilai ke atas pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usahasama. Kumpulan menentukan pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usahasama terjejas. Jika pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usahasama terjejas, Kumpulan akan mengira amaun rosot nilai sebagai perbezaan di antara amaun yang boleh diperolehi semula daripada syarikat bersekutu atau usahasama dengan amaun dibawa. Rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Apabila kehilangan pengaruh signifikan atau kawalan bersama ke atas syarikat bersekutu atau usahasama, Kumpulan mengukur dan mengiktiraf sebarang pelaburan dikekalkan pada nilai saksama. Perbezaan di antara amaun dibawa syarikat bersekutu atau usahasama setelah kehilangan pengaruh signifikan atau kawalan bersama dan nilai saksama atau pelaburan yang dikekalkan dan hasil jualan daripada pelupusan diiktiraf dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

b. Aset Kewangan

i. Pengiktirafan Awal dan Pengukuran

Aset kewangan diklasifikasikan, pada pengiktirafan awal, yang kemudiannya diukur pada kos dilunaskan, nilai saksama pendapatan komprehensif lain dan nilai saksama ke untung atau rugi.

Pada pengiktirafan awal klasifikasi aset kewangan bergantung kepada ciri-ciri aliran tunai kontrak aset kewangan dan model perniagaan Kumpulan dan LTAT untuk menguruskan aset kewangan.

Dengan pengecualian akaun belum terima perdagangan yang tidak mengandungi komponen kewangan penting atau yang mana Kumpulan dan LTAT telah mengaplikasikan manfaat praktikal, Kumpulan dan LTAT pada mulanya mengukur aset kewangan pada nilai saksama ditambah, dalam hal aset kewangan tidak pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos transaksi.

Akaun belum terima perdagangan yang tidak mengandungi komponen pembiayaan penting atau Kumpulan dan LTAT telah memohon faedah praktikal diukur pada harga transaksi yang ditentukan di bawah MFRS 15.

Bagi memastikan aset kewangan diklasifikasikan dan diukur pada kos dilunaskan atau nilai saksama pendapatan komprehensif lain, ia perlu membawa maksud aliran tunai yang hanya merupakan pembayaran prinsipal dan faedah (SPPI) atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan. Penilaian ini dirujuk sebagai ujian SPPI dan dilaksanakan pada tahap instrumen.

Model perniagaan Kumpulan dan LTAT dalam menggunakan aset kewangan merujuk kepada bagaimana pengurusan aset kewangan bagi menjana aliran tunai. Model perniagaan menentukan sama ada aliran tunai adalah terhasil dari aliran tunai kontrak, penjualan aset kewangan atau kedua-duanya.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam jangka masa yang ditentukan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran berkenaan (amalan biasa atau urus niaga) adalah diiktiraf pada tarikh niaga iaitu, tarikh Kumpulan dan LTAT komited untuk membeli atau menjual aset itu.

ii. Pengukuran berikutnya

Bagi tujuan pengukuran berikutnya, aset kewangan dikelaskan dalam tiga kategori:

- Aset kewangan pada kos dilunaskan (instrumen hutang)
- Aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain (instrumen ekuiti dan instrumen hutang)
- Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi

1. Aset kewangan pada kos dilunaskan (instrumen hutang)

Pengukuran berikutnya bagi instrumen hutang bergantung pada model perniagaan Kumpulan dan LTAT untuk mengurus aset dan aliran tunai aset tersebut. Kumpulan dan LTAT mengklasifikasikan semula instrumen hutang apabila dan hanya apabila model perniagaan bagi menguruskan aset tersebut berubah.

Kategori ini adalah relevan kepada Kumpulan dan LTAT yang mengukur aset kewangan pada kos dilunaskan jika kedua-dua syarat berikut dipenuhi:

- Aset kewangan dipegang dalam suatu model perniagaan dengan objektif untuk mengumpul aliran tunai kontrak, dan
- Terma kontrak aset kewangan membawa kepada aliran tunai SPPI pada tempoh tertentu atas amaun prinsipal yang belum dijelaskan.

Aset kewangan pada kos dilunaskan kemudiannya diukur dengan menggunakan kaedah faedah efektif dan tertakluk kepada rosot nilai. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila aset tersebut dinyah iktiraf, diubah suai atau rosot nilai.

Aset kewangan Kumpulan dan LTAT pada kos dilunaskan terdiri daripada akaun belum terima (tidak termasuk prabayaran dan pendahuluan yang dibayar kepada pembekal) deposit, wang tunai dan baki bank.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

b. Aset Kewangan (sambungan)

ii. Pengukuran berikutnya (sambungan)

2. Aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain

i. Instrumen ekuiti

Selepas pengiktirafan awal, Kumpulan dan LTAT boleh memilih dan tidak boleh ditarik balik untuk mengklasifikasikan pelaburan ekuiti sebagai instrumen ekuiti yang ditetapkan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain apabila memenuhi definisi ekuiti di bawah MFRS 132 Instrumen Kewangan: Pembentangan dan tidak dipegang untuk urusan niaga. Klasifikasi instrumen ditentukan berdasarkan asas instrumen.

Keuntungan dan kerugian ke atas aset kewangan ini tidak dikelas semula ke untung atau rugi. Dividen diiktiraf sebagai pendapatan lain dalam penyata untung atau rugi apabila hak pembayaran telah dikenal pasti, kecuali apabila Kumpulan dan LTAT mendapat manfaat daripada hasil tersebut yang diperoleh semula sebagai sebahagian daripada kos aset kewangan, dalam hal ini, keuntungan sedemikian direkodkan dalam pendapatan komprehensif lain. Instrumen ekuiti yang ditetapkan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain tidak tertakluk kepada penilaian rosot nilai.

ii. Instrumen hutang

Aset kewangan yang dipegang untuk mengumpul aliran tunai kontrak dan penjualan aset, di mana aliran tunai aset mewakili SPPI, adalah diukur pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain. Perubahan dalam amaun dibawa diambil kira di dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali bagi pengiktirafan keuntungan atau kerugian rosot nilai, pendapatan faedah dan keuntungan atau kerugian pertukaran asing diiktiraf di dalam untung atau rugi. Apabila aset kewangan dinyahiktiraf, keuntungan atau kerugian terkumpul yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain akan diklasifikasikan semula dari ekuiti kepada untung atau rugi dan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian bersih instrumen kewangan.

Pendapatan faedah dari aset kewangan ini diukur menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing dinyatakan dalam keuntungan dan kerugian bersih instrumen kewangan dan kerugian rosot nilai dinyatakan sebagai item berasingan dalam penyata pendapatan.

3. Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi

Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi termasuk aset kewangan yang dipegang untuk urusan niaga, aset kewangan yang ditetapkan pada pengiktirafan awal pada nilai saksama ke untung atau rugi, atau aset kewangan yang mandatori diukur pada nilai saksama. Aset kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk urusan niaga sekiranya ia diperoleh untuk tujuan jualan atau belian semula dalam tempoh terdekat. Derivatif, termasuk derivatif yang diterap secara berasingan, juga diklasifikasikan sebagai dipegang untuk urusan niaga kecuali ianya ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai yang efektif.

Aset kewangan dengan aliran tunai yang bukan untuk pembayaran prinsipal dan faedah dikelas dan diukur pada nilai saksama ke untung atau rugi, tanpa mengira model perniagaan. Walau pun kriteria bagi instrumen hutang yang diklasifikasikan pada kos dilunaskan atau pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain adalah seperti yang dinyatakan di atas, instrumen hutang boleh ditetapkan pada nilai saksama ke untung atau rugi pada pengiktirafan awal sekiranya yang demikian dapat menghapuskan atau mengurangkan ketidakpadanan perakaunan.

Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi dibawa dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama dengan perubahan bersih dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

b. Aset Kewangan (sambungan)

iii. Penyahiktirafan

Aset kewangan (atau, jika berkenaan, sebahagian daripada aset kewangan atau sebahagian daripada sekumpulan aset kewangan yang serupa) dinyah iktiraf apabila:

- Hak untuk menerima aliran tunai dari aset telah tamat; atau
- Kumpulan dan LTAT telah memindahkan hak-hak lain untuk menerima aliran tunai dari aset atau telah mengambil tanggungjawab untuk membayar aliran tunai yang diterima sepenuhnya tanpa kelewatan melampau kepada pihak ketiga di bawah persetujuan '*pass-through*' dan sama ada:
 - a. Kumpulan dan LTAT telah memindahkan semua risiko dan ganjaran aset tersebut secara keseluruhan; atau
 - b. Kumpulan dan LTAT tidak memindahkan atau mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset tersebut secara keseluruhan, tetapi telah memindahkan kawalan aset tersebut.

Apabila Kumpulan dan LTAT telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai dari aset atau telah memasuki persetujuan '*pass-through*', ianya akan menilai sejauh mana, ia telah mengekalkan risiko dan keuntungan pemilikan. Apabila ianya tidak memindahkan atau mengekalkan semua risiko dan keuntungan aset secara keseluruhan, atau memindahkan kawalan aset tersebut, Kumpulan dan LTAT terus mengiktiraf aset yang dipindahkan setakat penglibatannya secara berterusan. Dalam kes tersebut, Kumpulan dan LTAT juga akan mengiktiraf liabiliti yang berkaitan. Aset yang dipindahkan dan liabiliti berkaitan diukur berdasarkan asas yang menggambarkan hak dan tanggungjawab yang telah dikekalkan oleh Kumpulan dan LTAT.

Penglibatan berterusan yang berbentuk jaminan ke atas aset yang dipindahkan diukur pada amaun yang lebih rendah antara amaun asal yang dibawa dan jumlah nilai maksimum yang mungkin diperlukan oleh Kumpulan dan LTAT untuk membayar balik.

c. Liabiliti Kewangan

Pengiktirafan dan Pengukuran Awal

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan sebagai liabiliti pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pinjaman, akaun belum bayar atau derivatif yang ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, yang mana bersesuaian.

Pada awalnya, semua liabiliti kewangan diiktiraf pada nilai saksama bagi pinjaman dan akaun belum bayar, pada nilai bersih daripada kos langsung urus niaga.

Liabiliti kewangan Kumpulan dan LTAT termasuk pinjaman dan akaun belum bayar, liabiliti pajakan, pinjaman termasuk overdraf bank dan instrumen derivatif kewangan.

Pengukuran Seterusnya

Pengukuran liabiliti kewangan bergantung pada klasifikasi mereka, seperti yang dijelaskan di bawah:

i. Liabiliti Kewangan Pada Nilai Saksama Ke Untung Atau Rugi

Liabiliti kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi termasuk liabiliti kewangan yang dipegang untuk urus niaga dan liabiliti kewangan yang ditentukan pada nilai saksama ke untung atau rugi semasa pengiktirafan awal.

Liabiliti kewangan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk urus niaga sekiranya ianya ditanggung untuk tujuan pembelian semula dalam jangka masa terdekat. Kategori ini juga merangkumi instrumen kewangan derivatif yang disertai oleh Kumpulan yang tidak ditentukan sebagai instrumen lindung nilai dalam hubungan lindung nilai seperti yang dinyatakan oleh MFRS 9. Derivatif tersembunyi yang terpisah juga diklasifikasikan sebagai dipegang untuk urus niaga melainkan ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai yang berkesan.

Keuntungan atau kerugian liabiliti yang dipegang untuk urus niaga diiktiraf dalam penyata untung atau rugi. Liabiliti kewangan yang ditetapkan semasa pengiktirafan awal pada nilai saksama melalui untung atau rugi ditetapkan pada tarikh awal pengiktirafan, dan hanya jika kriteria dalam MFRS 9 dipenuhi. Kumpulan dan LTAT tidak menetapkan sebarang liabiliti kewangan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

c. Liabiliti Kewangan (sambungan)

Pengukuran Seterusnya (sambungan)

ii. Liabiliti Kewangan Lain pada Kos Dilunaskan

Liabiliti kewangan lain Kumpulan dan LTAT termasuk pinjaman liabiliti pajakan, akaun belum bayar perdagangan dan akaun belum bayar lain.

Pinjaman dan peminjaman pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, kos urus niaga bersih yang terlibat, dan kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Pinjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

Pada awalnya, akaun belum bayar perdagangan dan akaun belum bayar lain diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos urus niaga yang terlibat secara langsung dan seterusnya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

Bagi liabiliti kewangan lain, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila liabiliti dinyah iktiraf dan melalui proses pelunasan.

Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyah iktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti diberhentikan atau dibatalkan atau telah tamat. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan liabiliti kewangan yang lain dari peminjam yang sama dengan syarat yang berbeza, atau terma liabiliti sedia ada diubah dengan ketara, sebarang pertukaran atau perubahan tersebut dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baharu dan perbezaan dalam amaun dibawa diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

d. Pengukuran Nilai Saksama

Kumpulan dan LTAT mengukur aset kewangan seperti derivatif dan aset bukan kewangan seperti pelaburan hartanah, pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan.

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima dari penjualan sesuatu aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran.

Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi penjualan aset tersebut atau memindahkan liabiliti sama ada:

- di pasaran utama; atau
- jika tiada pasaran yang utama, dalam pasaran yang paling menguntungkan.

Pasaran utama atau paling menguntungkan mestilah boleh diakses oleh Kumpulan dan LTAT.

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti diukur dengan andaian bahawa peserta pasaran akan menggunakan nilai saksama bagi menetapkan harga aset atau liabiliti, dengan andaian bahawa peserta pasaran bertindak demi kepentingan ekonomi mereka yang terbaik.

Pengukuran nilai saksama aset bukan kewangan mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana faedah ekonomi dengan menggunakan aset dengan baik atau menjual kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut secara baik. Kumpulan dan LTAT menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan di mana data adalah mencukupi untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yang boleh dilihat dan meminimumkan penggunaan input yang tidak dapat dilihat.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

d. Pengukuran Nilai Saksama (sambungan)

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan mengikut hierarki nilai saksama, berdasarkan input paras terendah yang signifikan kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan seperti berikut:

Tahap 1 : Harga pasaran disebut harga tidak terlaras dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.

Tahap 2 : Teknik penilaian yang mana input paras terendah yang signifikan kepada ukuran nilai saksama sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Tahap 3 : Teknik penilaian yang mana input input paras terendah yang signifikan kepada ukuran nilai saksama sama yang tidak dapat dilihat.

Bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, Kumpulan dan LTAT akan menentukan sama ada terdapat pemindahan telah berlaku antara tahap dalam hierarki dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan input paras terendah yang signifikan kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tarikh pelaporan.

e. Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

Hartanah, loji dan peralatan pada mulanya dicatatkan pada kos, selepas susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos termasuk kos penggantian sebahagian loji dan peralatan dan kos pinjaman jika kriteria pengiktirafan dipenuhi.

Kos berikutnya dimasukkan ke dalam amaun dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, yang sesuai, apabila kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut dan kos aset boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa bahagian yang diganti adalah dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi dalam tahun kewangan di mana ia ditanggung.

Tanah milik bebas adalah tidak dilunaskan. Tanah pegangan pajak jangka panjang dilunaskan sepanjang jangka masa pajakan. Bangunan dalam binaan tidak disusut nilai memandangkan aset tersebut belum sedia untuk diguna. Susut nilai kerja dalam pelaksanaan bermula apabila aset sedia untuk digunakan.

Apabila bahagian yang signifikan pada loji dan peralatan dikehendaki untuk ditukar didalam sesuatu selang masa, Kumpulan dan LTAT menyukat nilai benar barangan berdasarkan jangka hayat kegunaan secara spesifik. Begitu juga apabila pemeriksaan utama telah dilaksanakan, kos tersebut diiktiraf didalam amaun yang dibawa bagi loji dan peralatan sebagai penggantian jikalau kriteria pengiktirafan telah dipenuhi, kesemua kos pembaikan dan penyelenggaraan lain adalah diiktiraf ke untung atau rugi di dalam tempoh kewangan yang telah ditanggung.

Minyak kelapa sawit telah dikategorikan sebagai tumbuhan penghasil dalam hartanah, loji dan peralatan. Perbelanjaan yang secara langsung berkaitan dengan tanaman dan kos penjagaan untuk minyak kelapa sawit adalah dimodalkan sehingga pokok kelapa sawit mencapai kematangan. Apabila mencapai kematangan, kos pembelian dan penyelenggaraan tambahan bagi minyak kelapa sawit adalah diiktiraf di dalam untung dan rugi. Tumbuhan penghasil mula susut nilai apabila minyak kelapa sawit mencapai kematangan.

Susut nilai hartanah, loji dan peralatan lain diperuntukkan berdasarkan kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang tempoh anggaran jangka hayat kegunaannya pada kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan	5 hingga 80 tahun
Tumbuhan penghasil	22 tahun daripada tempoh matang
Pesawat dan kenderaan bermotor lain	3 hingga 15 tahun
Loji dan mesin	3 hingga 30 tahun

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

e. Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai (sambungan)

Amaun dibawa bagi hartanah, loji dan peralatan dikaji semula bagi rosot nilai apabila terdapat peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan bahawa amaun dibawa mungkin tidak boleh diperolehi semula.

Nilai sisa, jangka hayat kegunaan dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan, dan diselaraskan secara prospektif, jika sesuai.

Hartanah, loji dan peralatan yang dinyah iktiraf apabila dilupuskan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan amaun dibawa bersih diiktiraf dalam untung atau rugi.

f. Aset Biologi

Aset biologi merangkumi hasil yang dikeluarkan daripada kelapa sawit. Aset biologi diukur pada nilai saksama tolak kos untuk dijual. Perubahan dalam nilai saksama tolak kos untuk dijual diiktiraf dalam untung atau rugi. Nilai saksama ditentukan berdasarkan nilai semasa aliran tunai bersih dijangka daripada aset biologi. Aliran tunai bersih yang dijangkakan dianggarkan dengan menggunakan penuaian kelapa sawit yang dijangka dan harga pasaran pada tarikh pelaporan minyak sawit mentah dan kernel sawit diselaraskan dengan kadar pengekstrakan ditolak kos pemrosesan, penuaian dan pengangkutan.

g. Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai terendah antara kos atau nilai realisasi bersih, kos ditentukan berdasarkan purata wajar.

i. Bahan mentah dan kerja dalam pelaksanaan, hasil ladang, barangan untuk dijual semula dan simpanan bahan habis pakai

Kos termasuk semua kos sampingan yang ditanggung untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasa dan dalam situasi penghasilan stok, termasuk caj penuaian, pembuatan dan pengangkutan, jika berkenaan.

Bagi barangan siap yang dibina secara dalaman dan kerja dalam pelaksanaan, buruh dan overhead pengeluaran yang sesuai (berdasarkan kapasiti operasi biasa) juga dimasukkan.

ii. Pembangunan hartanah

Pembangunan hartanah (diklasifikasikan dalam aset bukan semasa) meliputi simpanan tanah yang dalam proses disediakan untuk pembangunan tetapi masih belum dilancarkan atau di mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran operasi biasa.

Kos yang berkaitan dengan pemerolehan tanah termasuklah harga pembelian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan levi yang berkaitan.

Tanah yang dipegang bagi pembangunan hartanah dipindahkan kepada pembangunan hartanah, dalam pelaksanaan (diklasifikasikan dalam aset semasa) pada ketika aktiviti pembangunan hartanah telah dimulakan dan di mana ia dapat ditunjukkan bahawa aktiviti tersebut dapat diselesaikan dalam kitaran operasi biasa.

iii. Pembangunan Hartanah dalam Pelaksanaan

Pembangunan hartanah dalam pelaksanaan terdiri daripada kos tanah dalam pembangunan beserta kos pembangunan yang berkaitan dengan keseluruhan projek dan kos langsung bangunan.

Kos pembangunan hartanah kemudiannya diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi apabila kawalan ke atas inventori dipindahkan kepada pelanggan. Kos pembangunan hartanah bagi unit tidak terjual dipindahkan ke hartanah yang disiapkan sebaik sahaja pembangunan selesai.

iv. Hartanah siap

Kos merangkumi kos pembelian tanah termasuk semua kos berkaitan yang ditanggung selepas pembelian bagi tujuan penyediaan guna tanah, kos pembangunan yang berkaitan dengan projek dan kos langsung bangunan.

Nilai realisasi bersih ialah anggaran harga jualan dalam perjalanan perniagaan biasa, ditolak anggaran kos penyiapan dan anggaran kos yang perlu untuk membuat jualan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

h. Pelaburan Hartanah

Pelaburan hartanah adalah terdiri daripada hartanah yang tidak diduduki secara kebanyakannya untuk kegunaan bagi atau dalam operasi Kumpulan dan LTAT, tidak juga ianya untuk jualan didalam penjualan biasa perniagaan, tetapi dipegang terutamanya untuk menikmati pendapatan sewaan dan penghasilan modal. Bangunan ini kebanyakannya adalah disewakan kepada penyewa dan tidak dimaksudkan untuk dijual dalam penjualan biasa perniagaan.

Hartanah dibawah pajakan dikategorikan sebagai pelaburan hartanah apabila ianya dipegang untuk menikmati sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya melebihi daripada jualan di dalam perjalanan operasi biasa atau digunakan bagi tujuan pengurusan atau fungsi pentadbiran.

Pelaburan hartanah pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos urus niaga. Kos urus niaga merangkumi cukai pemindahan, bayaran professional untuk perkhidmatan undang-undang dan komisen pajakan awal (pelaburan hartanah pajakan) untuk membolehkan hartanah beroperasi. Amaun dibawa termasuklah kos menggantikan sebahagian pelaburan hartanah yang wujud pada masa kos ditanggung jika kriteria pengiktirafan dipenuhi.

Selepas pengiktirafan modal, pelaburan hartanah diukur pada nilai saksama yang mencerminkan keadaan pasaran pada nilai pasaran. Penilaian adalah dibuat oleh jurunilai berdaftar bebas yang mempunyai kelayakan professional yang sesuai dan pengalaman terkini dalam lokasi dan kategori hartanah tersebut. Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan nilai saksama pelaburan hartanah diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tahun ianya berlaku termasuk kesan cukai.

Pelaburan hartanah dinyah iktiraf apabila ia telah dijual atau apabila pelaburan hartanah tersebut ditarik balik penggunaan secara kekal dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada pelupusan berkenaan. Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan amaun dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh pelaburan hartanah dinyah iktiraf.

Pemindahan dibuat kepada atau daripada pelaburan hartanah hanya apabila terdapat perubahan dalam penggunaan. Bagi pindahan daripada pelaburan hartanah kepada hartanah yang diduduki pemilik, kos yang dianggarkan bagi perakaunan berikutnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan dalam penggunaan. Bagi pindahan daripada hartanah yang diduduki pemilik kepada pelaburan hartanah, hartanah diambil kira mengikut dasar perakaunan untuk hartanah, loji dan peralatan sehingga tarikh perubahan dalam penggunaan.

i. Pajakan

Kumpulan dan LTAT menilai pada permulaan kontrak sama ada ianya kontrak, atau ianya mengandungi pajakan. Pajakan ialah di mana, jika kontrak tersebut memberikan hak untuk mengawal penggunaan aset yang telah dikenal pasti bagi satu jangka masa sebagai balasan.

Kumpulan dan LTAT sebagai pemajak

Kumpulan dan LTAT menggunakan pendekatan pengiktirafan dan pengukuran tunggal bagi semua pajakan, kecuali pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah. Kumpulan dan LTAT juga mengiktiraf liabiliti pajakan untuk membuat pembayaran pajakan dan hak penggunaan aset yang mewakili hak untuk menggunakan aset pendasar.

i. Hak Penggunaan Aset

Kumpulan dan LTAT mengiktiraf hak penggunaan aset pada tarikh permulaan pajakan (iaitu, tarikh aset pendasar sedia digunakan). Hak penggunaan aset diukur pada kos, ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai, dan dipelarasakan sekiranya ada pengukuran semula liabiliti pajakan. Kos hak penggunaan aset merangkumi jumlah liabiliti pajakan yang diiktiraf, kos langsung awal yang dikenakan dan pembayaran pajakan yang dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan ditolak sebarang insentif pajakan yang diterima.

Hak penggunaan aset disusut nilai menggunakan kaedah garis lurus berdasarkan mana yang lebih pendek jangka masa pajakan dan hayat kegunaan aset, seperti berikut:

Tanah	2 hingga 999 tahun
Bangunan	1 hingga 50 tahun
Loji dan Mesin	20 tahun
Kenderaan motor	1 hingga 5 tahun
Peralatan lain	1 hingga 4 tahun

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

i. Pajakan (sambungan)

Kumpulan dan LTAT sebagai pemajak (sambungan)

i. Hak Penggunaan Aset (sambungan)

Sekiranya pemilikan aset pajakan dipindahkan kepada Kumpulan dan LTAT pada akhir tempoh pajakan atau kos tersebut menunjukkan pelaksanaan opsyen pembelian, susut nilai dikira menggunakan anggaran jangka hayat kegunaan aset. Hak penggunaan aset juga akan mengalami rosot nilai.

ii. Liabiliti Pajakan

Pada tarikh permulaan pajakan, Kumpulan dan LTAT perlu mengiktiraf liabiliti pajakan yang diukur pada nilai kini, pembayaran pajakan akan dibuat sepanjang tempoh pajakan. Bayaran pajakan merangkumi pembayaran tetap ditolak sebarang insentif pajakan yang belum diterima, pembayaran pajakan berubah bergantung pada indeks atau kadar, dan jumlah yang dijangka akan dibayar di bawah jaminan nilai baki.

Pembayaran pajakan juga merangkumi harga pelaksanaan opsyen pembelian yang sewajarnya untuk dilaksanakan oleh Kumpulan dan LTAT dan bayaran penalti ke atas penamatan pajakan, sekiranya terma pajakan menunjukkan yang Kumpulan dan LTAT melaksanakan pilihan untuk menamatkan pajakan. Pembayaran pajakan yang berubah-ubah tidak bergantung pada sesuatu indeks atau kadar adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan (melainkan jika dikenakan untuk menghasilkan inventori) dalam tempoh di mana peristiwa atau keadaan yang menyebabkan pembayaran berlaku.

Dalam mengira nilai kini bagi pembayaran pajakan, Kumpulan dan LTAT menggunakan kadar pinjaman yang meningkat pada tarikh permulaan pajakan kerana kadar faedah tersirat dalam pajakan tidak dapat secara tersedia ditentukan. Selepas tarikh permulaan, jumlah liabiliti pajakan dinaikkan bagi memberi kesan penambahan faedah dan terkurang disebabkan bayaran pajakan yang dibuat.

Disamping itu, amaun dibawa liabiliti pajakan diukur semula sekiranya terdapat modifikasi, perubahan dalam jangka masa pajakan, perubahan pembayaran pajakan (contohnya; perubahan pada pembayaran masa hadapan yang disebabkan oleh perubahan sesuatu indeks atau kadar yang digunakan untuk menentukan bayaran pajakan) atau perubahan dalam penilaian opsyen untuk membeli aset pendasar.

iii. Pajakan Jangka Pendek dan Pajakan Aset Bernilai Rendah

Kumpulan dan LTAT menggunakan pengecualian pengiktirafan pajakan jangka pendek bagi bangunan mesin dan peralatan (contohnya; pajakan yang mempunyai jangka masa pajakan 12 bulan atau kurang dari tarikh permulaan dan tidak mengandungi opsyen pembelian). Kumpulan dan LTAT juga menggunakan pengecualian pengiktirafan aset bernilai rendah bagi pajakan peralatan pejabat yang dianggap bernilai rendah. Bayaran pajakan bagi pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan menggunakan kaedah garis lurus berdasarkan tempoh pajakan.

Kumpulan dan LTAT sebagai pemberi pajakan

Pajakan di mana Kumpulan dan LTAT tidak memindahkan secara keseluruhannya semua risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset yang diklasifikasikan sebagai pajakan operasi. Pajakan yang memindahkan secara keseluruhan semua risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset pajakan adalah diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan.

Pendapatan sewaan yang diperolehi adalah diambil kira menggunakan kaedah garis lurus berdasarkan tempoh pajakan dan diambil kira sebagai pendapatan dalam penyata untung atau rugi kerana sifat operasinya. Kos langsung awal yang berlaku semasa berunding dan mengatur pajakan operasi perlu ditambah kepada amaun dibawa aset pajakan dan diiktiraf berdasarkan tempoh pajakan menggunakan asas yang sama dengan pendapatan sewaan. Sewa luar jangka diiktiraf sebagai pendapatan dalam tempoh ianya diperolehi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

j. Aset-Aset tak ketara

i. Muhibah

Muhibah pada mulanya diukur pada kos, adalah merupakan lebih agregat pertimbangan belian yang dipindahkan dan jumlah yang diiktiraf bagi kepentingan bukan mengawal dan sebarang kepentingan yang dipegang sebelum ini, ke atas aset bersih yang diperolehi dan liabiliti yang dianggarkan. Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos ditolak rosot nilai terkumpul. Muhibah tidak dilunaskan, walau bagaimanapun ia dikaji semula untuk rosot nilai sekurang-kurangnya setahun sekali dan apabila berlaku sesuatu atau perubahan keadaan yang menunjukkan bahawa amaun dibawa mungkin terjejas.

Apabila muhibah membentuk sebahagian daripada unit janaan tunai dan sebahagian daripada operasi dalam unit janaan tunai itu dilupuskan, muhibah yang berkaitan dengan operasi yang dilupuskan itu dimasukkan sebagai amaun dibawa bagi operasi apabila menentukan keuntungan atau kerugian pelupusan operasi. Muhibah yang dilupuskan dalam keadaan tersebut diukur berdasarkan nilai saksama relatif dengan operasi yang dilupuskan dan bahagian unit janaan tunai yang dikekalkan.

ii. Pembangunan Dan Penyelidikan

Perbelanjaan penyelidikan diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ditanggung. Kos yang dikenakan ke atas projek pembangunan (berkaitan dengan reka bentuk dan pengujian produk baharu dan lebih baik) diiktiraf sebagai aset tak ketara apabila kriteria berikut telah dipenuhi:

- i. secara teknikal boleh dilaksanakan untuk menyelesaikan aset tak ketara supaya ia tersedia untuk digunakan atau dijual;
- ii. pihak pengurusan berhasrat untuk melengkapkan aset tak ketara dan menggunakan atau menjualnya;
- iii. terdapat keupayaan untuk menggunakan atau menjual aset tak ketara;
- iv. ia dapat ditunjukkan bagaimana aset tak ketara akan menjana manfaat ekonomi masa depan yang mungkin;
- v. sumber teknikal, kewangan dan lain-lain yang mencukupi untuk menyiapkan pembangunan dan menggunakan atau menjual aset tak ketara yang sedia ada; dan
- vi. perbelanjaan yang boleh dikaitkan dengan aset tak ketara semasa pembangunannya boleh diukur dengan pasti.

Perbelanjaan pembangunan lain yang tidak memenuhi kriteria ini diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ditanggung. Kos pembangunan sebelum ini yang diiktiraf sebagai perbelanjaan adalah diiktiraf sebagai aset dalam tempoh yang berikutnya.

Kos pembangunan dipermodalkan yang diiktiraf sebagai aset tak ketara dilunaskan dari titik di mana aset tersebut siap digunakan secara garis lurus sepanjang hayat penggunaannya, dari 5 ke 15 tahun.

Kos pembangunan yang sedang dilaksanakan diuji rosot nilai setiap tahun, sejajar dengan MFRS 136 Rosot Nilai ke atas Aset.

iii. Lain-lain Aset Tak Ketara

Lain-lain aset tak ketara, termasuk lesen pengilang farmasi, nama dagangan dan sebagainya adalah aset yang diambil alih oleh Kumpulan dan LTAT, dan mempunyai jangka hayat yang terhad dan dibawa pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan sebarang rosot nilai terkumpul.

Perbelanjaan berikutnya dipermodalkan hanya apabila ia meningkatkan manfaat ekonomi masa hadapan yang diperolehi dalam sesuatu aset yang berkaitan dengan semua perbelanjaan lain diiktiraf dalam untung atau rugi apabila berlaku.

Pelunasan lain-lain aset tak ketara dikira menggunakan kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset kepada nilai bakinya, berdasarkan tempoh jangka hayat penggunaannya seperti berikut:

Lesen pengilang farmasi	6 hingga 9 tahun
Nama dagangan dan harta intelek	15 tahun
Perisian dan kos pembangunan yang dipermodalkan	10 hingga 15 tahun

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

k. Klasifikasi Semasa dan Bukan Semasa

Kumpulan dan LTAT menunjukkan aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan klasifikasi semasa dan bukan semasa. Aset adalah semasa apabila:

- Aset dijangka dapat direalisasikan, atau berniat untuk jual dan guna dalam kitaran operasi biasa;
- Aset dipegang terutamanya untuk tujuan urus niaga;
- Aset dijangka dapat direalisasi dalam masa dua belas (12) bulan selepas tempoh pelaporan; atau
- Aset adalah tunai atau kesetaraan tunai melainkan aset tersebut dihalang untuk ditukar atau digunakan untuk menyelesaikan liabiliti sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan selepas tempoh pelaporan.

Semua aset lain dikelaskan sebagai aset bukan semasa.

Liabiliti adalah semasa apabila:

- Liabiliti dijangka dapat diselesaikan dalam kitaran operasi seperti biasa;
- Liabiliti dipegang terutamanya untuk tujuan urus niaga;
- Liabiliti dijelaskan dalam dua belas (12) bulan selepas tempoh pelaporan; atau
- Tidak ada hak tanpa syarat untuk menangguhkan penyelesaian ke atas liabiliti sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan selepas tempoh pelaporan.

Semua liabiliti lain dikelaskan sebagai liabiliti bukan semasa.

Cukai tertunda aset dan liabiliti dikelaskan sebagai aset dan liabiliti bukan semasa.

l. Rosot Nilai Aset Kewangan

Bagi akaun belum terima perdagangan, aset kontrak dan aset kos kontrak, Kumpulan dan LTAT menggunakan pendekatan yang mudah dalam mengira peruntukan kerugian kredit dijangka. Oleh itu, Kumpulan dan LTAT tidak menjejaki perubahan dalam risiko kredit, tetapi mengiktiraf peruntukan kerugian berdasarkan kerugian kredit dijangka sepanjang hayat pada setiap tarikh pelaporan. Kumpulan dan LTAT telah menetapkan matriks peruntukan berdasarkan sejarah kerugian kredit, diselaraskan pada faktor-faktor hadapan khusus kepada akaun belum terima dan persekitaran ekonomi.

Kumpulan dan LTAT menganggap aset kewangan itu gagal apabila bayaran kontrak tertunggak melebihi 90 hari selepas tamat tempoh. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu, Kumpulan dan LTAT juga boleh mempertimbangkan aset kewangan adalah gagal apabila maklumat dalaman atau luaran menunjukkan bahawa Kumpulan dan LTAT tidak mungkin menerima jumlah kontrak yang belum dijelaskan sepenuhnya, sebelum mengambil kira sebarang peningkatan kredit yang dipegang oleh Kumpulan dan LTAT. Aset kewangan dihapus kira apabila tiada jangkaan yang munasabah untuk memperoleh semula aliran tunai kontrak.

Bagi akaun belum terima lain-lain dan deposit, Kumpulan dan LTAT mengukur elaun kerugian pada amaun bersamaan 12 bulan kerugian kredit dijangka jika risiko kredit instrumen kewangan tiada peningkatan yang signifikan sejak pengiktirafan awal.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

m. Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

Amaun dibawa untuk aset-aset bukan kewangan dikaji pada setiap tarikh pelaporan bagi mengenal pasti sama ada terdapat tanda-tanda rosot nilai. Jika terdapat tanda-tanda rosot nilai, ataupun apabila penilaian rosot nilai tahunan bagi aset adalah diperlukan, Kumpulan dan LTAT akan melakukan anggaran atas jumlah yang boleh diperolehi semula. Rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali bagi aset yang dinilai semula, di mana penilaian semula dibawa ke pendapatan komprehensif lain.

Untuk tujuan menilai rosot nilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah yang mana terdapat aliran tunai yang dapat dikenal pasti secara berasingan (Unit Penjana Tunai atau CGU).

Amaun yang boleh diperolehi daripada aset atau Unit Penjana Tunai (CGU) adalah lebih besar daripada nilai saksama yang ditolak kos pelupusan dan nilai kegunaan. Dalam menilai nilai kegunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dihasilkan oleh aset didiskaunkan kepada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa mengenai nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Rosot nilai diiktiraf sekiranya amaun dibawa aset atau CGU berkaitannya melebihi anggaran amaun yang boleh diperolehi semula.

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya diselaraskan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk penentuan jumlah aset yang boleh diperolehi semula apabila rosot nilai terakhir diiktiraf. Jika itu berlaku, amaun dibawa aset dinaikkan kepada jumlah yang boleh diperolehi semula. Peningkatan tidak boleh melebihi amaun dibawa yang mungkin telah ditentukan (ditolak susut nilai), sekiranya tiada rosot nilai diiktiraf sebelum ini. Pelarasan tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali aset tersebut diukur pada amaun dinilai semula, di mana pelarasan dianggap sebagai peningkatan penilaian semula. Rosot nilai ke atas muhibah tidak diselaraskan dalam tempoh berikutnya.

n. Instrumen Kewangan Derivatif

Instrumen kewangan derivatif pada permulaannya diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimasuki dan kemudiannya dinilai semula pada nilai saksama pada setiap akhir tempoh pelaporan. Nilai saksama diperolehi daripada harga pasaran yang disebut harga dalam pasaran yang aktif, termasuk urus niaga pasaran terkini, serta teknik penilaian, termasuk model aliran tunai yang didiskaunkan dan model harga pilihan, yang mana sesuai. Semua derivatif dikelaskan sebagai aset apabila mempunyai nilai saksama yang positif manakala sebagai liabiliti apabila nilai saksamanya adalah negatif.

Bukti terbaik nilai saksama derivatif yang direkod pada permulaan pengiktirafan ialah dengan menggunakan harga transaksi (nilai transaksi saksama semasa diberi atau diterima) melainkan nilai saksama instrumen dapat dibuktikan melalui perbandingan dengan transaksi dalam pasaran semasa yang dapat diperlihatkan mengguna instrumen yang sama (tanpa sebarang perubahan atau modifikasi) atau berdasarkan teknik penilaian di mana pembolehubah termasuk data daripada pasaran yang dapat dilihat. Apabila terdapat bukti sedemikian, Kumpulan akan mengiktiraf keuntungan atau kerugian nilai saksama dengan serta-merta.

o. Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai mengandungi wang tunai, baki bank, deposit yang matang dalam masa sebulan yang dipegang untuk tujuan memenuhi komitmen jangka pendek dan tersedia untuk ditukarkan kepada jumlah tunai tertentu dengan risiko yang tidak signifikan dalam perubahan nilai.

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai mengandungi wang tunai dan dana jangka pendek dan deposit yang diletakkan dengan institusi kewangan, dengan tempoh matang selama 3 bulan atau kurang.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

p. Cukai dan Cukai Tertunda

Cukai bagi tahun yang diiktiraf dalam untung atau rugi terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda.

Cukai semasa ialah amaun anggaran percukaian yang perlu dibayar berdasarkan keuntungan boleh cukai (termasuk cukai pegangan dan cukai keuntungan hartanah yang perlu dibayar daripada penjualan hartanah) bagi tahun berkenaan dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tarikh pelaporan.

Cukai semasa yang berkaitan dengan item yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti diiktiraf dalam ekuiti dan bukan dalam untung atau rugi.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh pelaporan di antara asas cukai aset dan liabiliti dan amaun dibawa bagi tujuan pelaporan kewangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh dicukai, kecuali:

- Apabila liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan awal muhibah atau aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan penggabungan perniagaan dan pada masa transaksi, ianya tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau untung atau rugi boleh cukai; dan
- Berhubung dengan perbezaan sementara boleh cukai berkaitan dengan pelaburan dalam subsidiari syarikat bersekutu dan usahasama, di mana masa pelarasan perbezaan sementara boleh dikawal dan terdapat kemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan diselaraskan pada masa hadapan.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, kredit cukai dan kerugian cukai yang tidak digunakan dibawa ke hadapan, walau bagaimanapun terhad kepada keuntungan boleh cukai yang boleh ditolak dengan perbezaan sementara, dan kredit cukai dan kerugian cukai yang tidak digunakan di bawa ke hadapan boleh dimanfaatkan kecuali:

- Apabila aset cukai tertunda berkaitan dengan perbezaan sementara boleh timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan penggabungan perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian boleh cukai; dan
- Berhubung dengan perbezaan sementara boleh ditolak berkaitan dengan pelaburan dalam syarikat - syarikat subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama, aset cukai tertunda diiktiraf terhad kepada perbezaan sementara yang akan diselaraskan pada masa hadapan dan terhad kepada keuntungan boleh cukai yang boleh ditolak dengan perbezaan sementara yang boleh dimanfaatkan.

Amaun dibawa aset cukai tertunda dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan dan dikurangkan setakat mana ia tidak lagi berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai mencukupi untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda dimanfaatkan.

Aset cukai tertunda yang dinyah iktiraf dinilai semula pada setiap tarikh pelaporan dan diiktiraf setakat mana berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan membolehkan aset cukai tertunda dimanfaatkan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan pada tahun di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai dan undang-undang cukai yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tarikh pelaporan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dihapuskan, jika hak pelaksanaan secara undang-undang wujud untuk mengimbangi aset dan liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda berkaitan dengan entiti boleh cukai dan pihak berkuasa cukai yang sama.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

q. Pertukaran Mata Wang

Penyata Kewangan Kumpulan disatukan dibentang dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga merupakan mata wang fungsian Kumpulan. Semua urus niaga dicatat dalam RM. Setiap entiti dalam Kumpulan menentukan mata wang fungsian sendiri dan item-item yang termasuk dalam penyata kewangan bagi setiap entiti diukur menggunakan mata wang fungsian tersebut.

i. Urus Niaga Dan Baki

Urus niaga dalam mata wang asing dinilai dalam mata wang fungsian Kumpulan dan direkodkan pada pengiktirafan permulaan dalam mata wang fungsi pada kadar pertukaran yang hampir dengan kadar yang berkuat kuasa pada tarikh urus niaga. Aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing diterjemahkan pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada akhir tempoh pelaporan.

Item bukan kewangan dalam mata wang asing yang diukur pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar pertukaran pada tarikh mula urus niaga. Butiran bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama dalam mata wang asing diterjemahkan menggunakan kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama ditentukan.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyelesaian butiran kewangan atau menterjemah butiran kewangan pada akhir tempoh pelaporan diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali perbezaan pertukaran yang timbul daripada butiran kewangan yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asing yang diiktiraf permulaannya dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di bawah rizab mata wang asing dalam ekuiti. Rizab mata wang asing diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi Kumpulan daripada pelupusan operasi asing.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada pertukaran ke atas butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama dimasukkan dalam untung atau rugi kecuali perbezaan yang timbul daripada penterjemahan butiran bukan kewangan di mana keuntungan dan kerugian diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada butiran bukan kewangan juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

ii. Penyata Kewangan Kumpulan

Untuk tujuan penyatuan, aset dan liabiliti operasi asing diterjemahkan kepada RM pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada akhir tempoh pelaporan dan untung atau rugi diterjemahkan pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh urus niaga. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada terjemahan ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Semasa penjualan operasi asing, komponen pendapatan komprehensif lain yang berkaitan dengan operasi tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi.

r. Hartanah Dilelong

Hartanah dilelong adalah dinyatakan pada nilai terendah amaun dibawa dan nilai saksama ditolak kos jualan.

s. Manfaat Kakitangan

i. Manfaat Jangka Pendek

Gaji, bonus dan caruman kepada institusi keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan Kumpulan dan LTAT pada tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan. Ketidakhadiran berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja manakala ketidakhadiran berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

ii. Pelan Caruman Tetap

Caruman yang dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan Kumpulan dan LTAT di dalam untung atau rugi apabila berlaku.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

s. Manfaat Kakitangan (sambungan)

iii. Manfaat Perubatan Selepas Persaraan

Kumpulan dan LTAT telah memperuntukkan manfaat perubatan selepas persaraan kepada kakitangannya yang telah bersara dan pasangan. Pesara yang dilantik sebagai pegawai kontrak akan menggunakan manfaat ini selepas tamat tempoh perkhidmatan kontrak. Peruntukan manfaat perubatan ini meliputi kos rawatan sepenuhnya di hospital/klinik panel dan kerajaan.

Peruntukan ini diakru sebagai perbelanjaan di dalam penyata untung atau rugi dan liabiliti di dalam penyata kedudukan kewangan sebagai peruntukan manfaat perubatan selepas persaraan.

Amaun liabiliti selepas persaraan dikira berdasarkan penilaian aktuari dengan menganggarkan amaun manfaat yang diperolehi oleh kakitangan sebagai balasan perkhidmatan mereka dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Manfaat tersebut ditentukan oleh aktuari menggunakan kaedah Unjuran Kredit Unit Aktuari. Kumpulan dan LTAT mengiktiraf keuntungan atau kerugian aktuari dalam penyata untung atau rugi.

Andaian utama yang digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari ini ialah:

- a. Kadar inflasi terhadap kos; dan
- b. Kadar diskaun ditentukan merujuk kepada kadar pulangan pasaran atas bon korporat yang berkualiti tinggi

iv. Manfaat Pelan Ganjaran dan Saguhati Tamat Perkhidmatan

Manfaat pelan ganjaran menyediakan sejumlah manfaat yang ditakrifkan melalui gaji dan tempoh perkhidmatan.

Manfaat saguhati tamat perkhidmatan menyediakan sejumlah manfaat iaitu satu bulan gaji terakhir bagi kakitangan yang bersara.

Peruntukan ini diakru sebagai perbelanjaan di dalam penyata untung atau rugi dan liabiliti di dalam penyata kedudukan kewangan sebagai peruntukan manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan.

Andaian utama yang telah digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari ini ialah:

- a. Kadar diskaun yang ditentukan merujuk kepada kadar pulangan pasaran atas bon korporat yang berkualiti tinggi; dan
- b. Kadar kenaikan gaji.

v. Gantian Cuti Rehat

Gantian cuti rehat menyediakan sejumlah manfaat yang ditakrifkan melalui gaji dan bilangan cuti rehat yang dikumpul sepanjang tempoh perkhidmatan.

Peruntukan ini diakru sebagai perbelanjaan di dalam penyata untung atau rugi dan liabiliti di dalam penyata kedudukan kewangan sebagai peruntukan gantian cuti rehat.

Andaian utama yang telah digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari ini ialah:

- a. Kadar diskaun yang ditentukan merujuk kepada kadar pulangan pasaran atas bon korporat yang berkualiti tinggi; dan
- b. Kadar kenaikan gaji.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

t. Pengiktirafan Pendapatan

- i. Hasil daripada kontrak dengan pelanggan diiktiraf apabila kawalan barang atau perkhidmatan itu dipindahkan kepada pelanggan pada jumlah yang menunjukkan pertimbangan sebagai pertukaran barang atau perkhidmatan. Secara amnya Kumpulan telah menyimpulkan bahawa ia adalah prinsipal dalam pengaturan pendapatannya (kecuali dinyatakan sebaliknya) kerana biasanya mengawal barang atau perkhidmatan sebelum memindahkannya kepada pelanggan.

Kumpulan mempertimbangkan sama ada terdapat terma-terma lain dalam kontrak yang merupakan obligasi yang berasingan yang mana sebahagian daripada harga transaksi perlu diperuntukkan (misalnya, jaminan, pertimbangan dan pertimbangan bukan tunai yang perlu dibayar kepada pelanggan, jika ada). Bergantung pada terma kontrak, pendapatan diiktiraf apabila obligasi dipenuhi, yang mungkin tepat pada waktunya atau dari semasa ke semasa.

Sekiranya pertimbangan dalam kontrak merangkumi jumlah yang berubah-ubah, Kumpulan menganggarkan jumlah pertimbangan yang akan berhak sebagai pertukaran untuk memindahkan barang kepada pelanggan. Pertimbangan dianggarkan pada permulaan kontrak dan dibatasi sehingga kemungkinan besar pembalikan hasil yang signifikan dalam jumlah hasil kumulatif yang diiktiraf tidak akan berlaku apabila ketidakpastian yang berkaitan dengan pertimbangan berubah kemudiannya diselesaikan.

Beberapa kontrak yang berkaitan dengan pembaikan kapal, pembinaan kapal dan pembangunan hartanah membolehkan pelanggan untuk ditolak sebagai ganti rugi dari pertimbangan yang kena dibayar kepada Kumpulan, sekiranya berlaku kelewatan dalam pembekalan barang atau perkhidmatan. Kontrak yang berkaitan dengan penjualan bahan binaan memberikan hak pulangan kepada pelanggan. Ganti rugi dan hak pengembalian telah menimbulkan pertimbangan yang berubah-ubah.

Secara amnya, Kumpulan mendapat pendahuluan jangka pendek daripada pelanggannya. Dengan menggunakan kaedah praktikal dalam MFRS 15, Kumpulan tidak menyesuaikan jumlah pertimbangan yang dijanjikan untuk komponen pembiayaan yang signifikan jika menjangkakan, pada awal kontrak, bahawa tempoh antara pemindahan barang atau perkhidmatan yang dijanjikan kepada pelanggan dan apabila pelanggan membayar untuk barangan atau perkhidmatan akan menjadi satu tahun atau kurang.

Kumpulan juga memberikan jaminan untuk kecacatan yang wujud pada masa penjualan. Peruntukan yang berkaitan dengan jaminan ini diakui semasa produk tersebut dijual atau perkhidmatan tersebut diberikan kepada pelanggan. Pengiktirafan awal berdasarkan pengalaman sejarah. Anggaran awal kos jaminan disemak setiap tahun.

- ii. Hasil daripada pembangunan hartanah diiktiraf apabila kawalan aset dipindahkan kepada pelanggan. Bergantung pada syarat-syarat kontrak dan undang-undang yang terpakai untuk kontrak, hak kawalan aset boleh dipindahkan dari semasa ke semasa atau dalam satu masa. Kawalan aset dipindahkan dari semasa ke semasa jika prestasi Kumpulan dan LTAT tidak memperolehi aset dengan kegunaan alternatif kepada Kumpulan dan LTAT mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan untuk pembayaran untuk prestasi yang selesai setakat ini.

Sekiranya kawalan pemindahan aset dari semasa ke semasa, pendapatan diiktiraf sepanjang tempoh kontrak dengan menggunakan kaedah input yang berdasarkan kos yang dikenakan sehingga kini berbanding dengan jumlah kos yang dijangkakan untuk memenuhi kewajipan prestasi tersebut. Jika tidak, pendapatan diiktiraf pada satu masa apabila pelanggan memperoleh kawalan aset tersebut.

Kumpulan dan LTAT mengiktiraf jualan pada satu ketika dalam masa jualan hartanah siap, apabila kawalan hartanah telah dipindahkan kepada pembeli, ketika hartanah telah siap dan diserahkan kepada pelanggan.

- iii. Pendapatan dividen dari pelaburan saham adalah diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk pembayaran dividen telah dipastikan.
- iv. Pendapatan daripada jualan barangan diiktiraf apabila kawalan, risiko signifikan dan pemilikan barangan tersebut dipindahkan kepada pelanggan.
- v. Pendapatan sewa diiktiraf berdasarkan garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Kos keseluruhan insentif yang diberikan kepada penyewa diiktiraf sebagai pengurangan pendapatan sewa sepanjang tempoh pajakan secara garis lurus.
- vi. Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan akruan menggunakan kaedah faedah efektif.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

u. Bayaran Balik Perbelanjaan, Pelarasan ke atas Pendapatan dan Perbelanjaan

Bayaran balik perbelanjaan dan pelarasan terlebih dan terkurang dinyatakan sebelumnya bagi pendapatan atau perbelanjaan adalah dipelaraskan ke akaun-akaun berkenaan pada tahun semasa.

v. Geran

Pemberian geran tahunan yang diterima daripada Kerajaan seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 23 Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 (Akta 101), adalah diiktiraf atas asas tunai.

Geran yang diterima dibahagikan kepada empat kumpulan wang iaitu:

i. Kumpulan Wang Mengurus

Geran yang diterima di bawah kumpulan wang ini adalah untuk tujuan membiayai perbelanjaan operasi dan diambil kira sebagai pendapatan dalam untung atau rugi.

ii. Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan

Geran yang diterima di bawah kumpulan wang ini adalah untuk membiayai pinjaman kakitangan akan/telah dikreditkan ke kumpulan wang pinjaman kakitangan.

Jenis Pinjaman	Kadar	Tempoh bayaran balik
Pinjaman perumahan	4%	Maksimum 30 tahun
Pinjaman kenderaan	4%	20 bulan hingga 9 tahun
Pinjaman komputer peribadi dan sokongan	4%	Maksimum 4 tahun
Pinjaman kebajikan dan kemudahan-kemudahan lain	-	Maksimum 12 bulan

iii. Dana Skim Pembiayaan Mikro *Public Private Partnership* (PPP)- Skim Pembiayaan Mikro (SPM) - Usahawan Veteran (UV)- Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

Dana Mikro PPP-SPM-UV-ATM wang ini adalah diterima daripada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) di bawah program *National Blue Ocean Strategy 7* (NBOS) bagi tujuan pembiayaan pinjaman kepada veteran ATM untuk inisiatif pembangunan usahawan. Penerimaan dana adalah dikreditkan ke akaun Dana Skim Pembiayaan Mikro PPP-SPM-UV-ATM. PERHEBAT, sebuah syarikat subsidiari, telah menjalankan kerjasama strategik dengan TEKUN untuk menyalurkan Dana Mikro PPP-SPM-UV-ATM kepada Veteran ATM.

iv. Geran Program *Reskilling & Upskilling* Veteran ATM (PRUV-ATM)

Geran Program *Reskilling & Upskilling* Veteran ATM (PRUV-ATM) adalah pemberian dana dari Kumpulan Wang COVID-19 (KWC) bagi membiayai pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi untuk menangani krisis COVID-19.

Program *Reskilling & Upskilling* Veteran ATM (PRUV-ATM) adalah sebuah Program Peningkatan Kemahiran dan Latihan Semula khusus untuk pesara tentera yang disediakan melalui program Latihan kemahiran dan keusahawanan. Ia merupakan inisiatif kerajaan melalui PERHEBAT bagi menambahbaik status sosio-ekonomi veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang terjejas akibat pandemic COVID-19. Melalui program ini, veteran ATM akan dilatih untuk meningkatkan, menambah atau memperluas atau memperkasa pengetahuan dan kemahiran dimiliki bagi sektor pekerjaan dan keusahawanan yang mereka ceburi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

w. Aset Bukan Semasa Dipegang Untuk Jualan

Kumpulan mengklasifikasikan aset bukan semasa dan pelupusan sebagai dipegang untuk jualan jika amaun dibawa akan diperolehi semula terutamanya melalui urusniaga jualan dan bukan melalui penggunaan berterusan. Aset bukan semasa dan pelupusan yang dikelaskan sebagai pegangan untuk dijual diukur pada nilai terendah antara amaun dibawa dan nilai saksama ditolak kos untuk menjual.

Kos untuk menjual adalah kos berkaitan secara langsung dengan penjualan sesuatu (pelupusan) aset, tidak termasuk kos kewangan dan perbelanjaan cukai pendapatan.

Kriteria klasifikasi aset bukan semasa dipegang untuk jualan dipenuhi hanya apabila penjualan berkemungkinan tinggi, dan tersedia untuk penjualan segera dalam keadaan semasa. Tindakan yang diperlukan untuk menyelesaikan penjualan harus menunjukkan bahawa tiada perubahan ketara terhadap penjualan tersebut atau penjualan akan ditarik. Pengurusan mesti komited untuk merancang penjualan aset dan penjualan tersebut dijangka selesai dalam masa satu tahun dari tarikh klasifikasi.

Hartanah, loji dan peralatan, hak penggunaan aset dan aset tak ketara tidak disusut nilai atau dilunaskan setelah dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan.

Aset dan liabiliti yang dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan dibentangkan secara berasingan sebagai item semasa dalam penyata kedudukan kewangan.

x. Instrumen Ekuiti dan Perbelanjaan yang Berkaitan

Instrumen ekuiti adalah kontrak yang menunjukkan baki kepentingan dalam aset Kumpulan dan LTAT setelah menolak semua liabiliti. Saham dan Junior Sukuk Musharakah (Sukuk kekal) adalah instrumen ekuiti.

Saham dan Sukuk Kekal diklasifikasikan sebagai ekuiti. Dividen atas saham biasa dan pengagihan pada Sukuk Kekal diiktiraf sebagai ekuiti dalam tempoh di mana diisytiharkan. Kos tambahan urus niaga selepas cukai yang boleh diagihkan untuk transaksi ekuiti diambil kira sebagai potongan daripada ekuiti.

y. Kontigensi

Liabiliti atau aset luar jangka merupakan jangkaan obligasi atau aset yang disebabkan peristiwa lalu dan kewujudannya akan disahkan dengan kejadian atau tidak terjadinya peristiwa masa hadapan yang tidak dapat ditentukan secara keseluruhan dalam kawalan Kumpulan dan LTAT.

Liabiliti dan aset luar jangka tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan LTAT.

z. Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa yang lalu, ia adalah berkemungkinan aliran keluar sumber ekonomi yang akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan amaun obligasi boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan dikaji pada setiap tarikh pelaporan dan disesuaikan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Jika ia tidak lagi kemungkinan aliran keluar sumber ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi, peruntukan akan dilaraskan. Jika kesan nilai masa wang adalah ketara, peruntukan didiskaunkan dengan menggunakan kadar sebelum cukai semasa yang mana sesuai, risiko khusus kepada liabiliti tersebut. Apabila diskaun digunakan, kenaikan peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Kumpulan	Hartanah Milik Bebas		Hartanah Sewa Pajak Jangka Panjang		Hartanah Sewa Pajak Jangka Pendek		Loji dan Peralatan Lain		Bangunan Dalam Binaan		Tanaman Berbuah		Kapal dan Pesawat		Jumlah	
	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Tanah RM'000	Bangunan RM'000	Jangka Pendek RM'000	Bangunan RM'000	Loji dan Peralatan Lain RM'000	Bangunan Dalam Binaan RM'000	Tanaman Berbuah RM'000	Kapal dan Pesawat RM'000	Jumlah RM'000					
2023																
Kos																
Baki pada 1 Januari	1,830,345	1,285,259	60,642	1,213,447	348,068	3,085,828	355,652	1,001,491	634,069	9,814,801						
Penambahan	2,934	14,774	1	3,287	2,364	190,992	225	66,264	-	280,841						
Penjualan/Pelarasan/Pelupusan/Hapus kira	(279,105)	(32,774)	-	(689,168)	(1,221)	(469,304)	(355,485)	(28,635)	-	(1,855,692)						
Pindah ke pelaburan hartanah (Nota 4)	(25,000)	(129,862)	-	-	-	-	-	-	-	(154,862)						
Pindah dari aset dipegang untuk jualan ^	-	-	-	-	-	71,493	-	-	(498,400)	(426,907)						
Pindah dari Syarikat Kumpulan	-	-	-	-	-	35	-	-	-	35						
Aset dari subsidiari diambil alih/(jual)	1,082,810	352,008	-	-	-	549,768	-	-	-	1,984,586						
Reklasifikasi	-	5,086	-	5,720	11,409	(22,321)	(57)	-	-	(163)						
Pelarasan pertukaran mata wang	-	6,981	-	193	301	1,815	-	-	-	9,290						
Faedah diambil kira	-	-	-	-	-	1,519	-	3,396	-	4,915						
Penjualan syarikat subsidiari	(1,086,110)	(97,945)	-	(85,627)	(161,703)	(1,102,334)	-	-	-	(2,533,719)						
Baki pada 31 Disember	1,525,874	1,403,527	60,643	447,852	199,218	2,307,491	335	1,042,516	135,669	7,123,125						
Susut nilai terkumpul																
Baki pada 1 Januari	2,995	383,075	12,121	287,979	178,755	1,971,671	149,403	548,947	477,329	4,012,275						
Susut nilai dalam tahun :																
Diihtiraf dalam penyata untung atau rugi	-	21,782	880	7,158	16,991	118,371	-	35,905	14,907	215,994						
Penjualan/Pelarasan/Pelupusan/Hapus kira	(140)	(19,184)	-	(18,396)	(1,299)	(328,946)	(149,403)	(50,107)	-	(567,475)						
Pindah ke pelaburan hartanah (Nota 4)	-	(52,557)	-	-	-	-	-	-	-	(52,557)						
Pindah dari aset dipegang untuk jualan ^	-	-	-	-	-	48,490	-	-	(367,600)	(319,110)						
Pindah ke Syarikat Kumpulan	-	-	-	-	-	32	-	-	-	32						
Aset dari subsidiari diambil alih/(jual)	-	183,450	-	-	-	385,822	-	-	-	569,272						
Rosot nilai	(2,830)	(30,528)	-	(10,220)	-	34,159	-	-	-	(9,419)						
Reklasifikasi	-	-	-	-	-	(164)	-	-	-	(164)						
Pelarasan pertukaran mata wang	-	68	-	61	146	1,798	-	-	-	2,073						
Penjualan syarikat subsidiari	(201)	(44,483)	-	(54,623)	(85,643)	(696,779)	-	-	-	(881,729)						
Baki pada 31 Disember	(176)	441,623	13,001	211,959	108,950	1,534,454	-	534,745	124,636	2,969,192						
Amaun dibawa pada 31 Disember	1,526,050	961,904	47,642	235,893	90,268	773,037	335	507,771	11,033	4,153,933						

^ Pindahan bersih ke aset dipegang untuk jualan adalah RM107.8 juta.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Kumpulan	Hartanah Milik Bebas		Hartanah Sewa Pajak Jangka Panjang		Hartanah Sewa Pajak Jangka Pendek		Loji dan Peralatan Lain	Bangunan Dalam Binaan	Tanaman Berbuah	Kapal dan Pesawat	Jumlah	
	Tanah	Bangunan	Tanah	Bangunan	Bangunan	Peralatan Lain						RM'000
2022												
Kos												
Baki pada 1 Januari	1,691,220	1,101,627	60,642	548,668	327,605	2,849,540	864,277	993,893	641,342	9,078,814		
Penambahan	-	8,183	-	8,787	3,981	237,402	234,152	40,674	-	533,179		
Penjualan/Pelarasan/Pelupusan/Hapus kira	(54)	(220)	-	(1,529)	(2,088)	(55,007)	(2,280)	(33,076)	(7,273)	(101,526)		
Pindah ke aset-aset tak ketara (Nota 7)	-	-	-	-	-	4,770	(9,385)	-	-	(4,615)		
Pindah dari aset dipegang untuk jualan ^	139,069	174,352	-	-	-	20,439	-	-	-	333,860		
Reklasifikasi	(7)	4,968	-	657,479	19,068	41,599	(723,107)	-	-	-		
Pelarasan pertukaran mata wang	117	(3,651)	-	42	(498)	(1,157)	-	-	-	(5,147)		
Faedah diambil kira	-	-	-	-	-	1,991	-	-	-	1,991		
Penjualan syarikat subsidiari	-	-	-	-	-	(13,749)	(8,005)	-	-	(21,754)		
Baki pada 31 Disember	1,830,345	1,285,259	60,642	1,213,447	348,068	3,085,828	355,652	1,001,491	634,069	9,814,801		
Susut nilai terkumpul												
Baki pada 1 Januari	2,995	321,430	11,241	281,111	161,361	1,798,907	149,384	532,137	543,592	3,802,158		
Susut nilai dalam tahun :												
Ditiraf dalam penyata untung dan rugi	-	21,198	880	8,539	18,645	189,060	7,174	47,600	7,387	300,483		
Penjualan/Pelarasan/Pelupusan/Hapus kira	-	(218)	-	(1,527)	(1,186)	(47,550)	(2,225)	(30,790)	(6,536)	(90,032)		
Pindah dari aset dipegang untuk jualan ^	-	40,617	-	-	-	53,417	-	-	-	94,034		
Rosot nilai	-	100	-	-	(13)	(11,051)	-	-	(67,114)	(78,078)		
Pelarasan pertukaran mata wang	-	(52)	-	(144)	(52)	(974)	-	-	-	(1,222)		
Penjualan syarikat subsidiari	-	-	-	-	-	(10,138)	(4,930)	-	-	(15,068)		
Baki pada 31 Disember	2,995	383,075	12,121	287,979	178,755	1,971,671	149,403	548,947	477,329	4,012,275		
Amaun dibawa pada 31 Disember	1,827,350	902,184	48,521	925,468	169,313	1,114,157	206,249	452,544	156,740	5,802,526		

^ Pindahan bersih ke aset dipegang untuk jualan adalah RM239.8 juta.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

LTAT	Hartanah Milik Bebas RM'000	Hartanah Sewa Pajak Jangka Panjang		Ubah Suai Pejabat RM'000	Kenderaan RM'000	Peralatan Komputer & Perisian RM'000	Peralatan, Perabot & Kelengkapan Pejabat RM'000	Jumlah RM'000
		Tanah RM'000	Bangunan RM'000					
2023								
Kos								
Baki pada 1 Januari	130	50,000	34,000	11,959	762	24,985	9,746	131,582
Penambahan	-	-	-	1,545	367	4,609	2,466	8,987
Pelupusan	-	-	-	-	-	(112)	-	(112)
Baki pada 31 Disember	130	50,000	34,000	13,504	1,129	29,482	12,212	140,457
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari	27	7,682	6,800	4,919	576	19,547	9,539	49,090
Penambahan	3	768	680	168	92	1,314	26	3,051
Pelupusan	-	-	-	-	-	(112)	-	(112)
Baki pada 31 Disember	30	8,450	7,480	5,087	668	20,749	9,565	52,029
Amaun dibawa pada 31 Disember	100	41,550	26,520	8,417	461	8,773	2,647	88,428
2022								
Kos								
Baki pada 1 Januari	130	50,000	34,000	4,970	743	29,481	9,622	128,946
Penambahan	-	-	-	6,989	19	3,951	142	11,101
Pelupusan	-	-	-	-	-	(8,447)	(18)	(8,465)
Baki pada 31 Disember	130	50,000	34,000	11,959	762	24,985	9,746	131,582
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari	24	6,914	6,120	4,892	528	27,130	9,486	55,094
Penambahan	3	768	680	27	48	864	71	2,461
Pelupusan	-	-	-	-	-	(8,447)	(18)	(8,465)
Baki pada 31 Disember	27	7,682	6,800	4,919	576	19,547	9,539	49,090
Amaun dibawa pada 31 Disember	103	42,318	27,200	7,040	186	5,438	207	82,492

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

4. PELABURAN HARTANAH

	Kumpulan RM'000	LTAT RM'000
Pelaburan Hartanah Siap		
2023		
Baki pada 1 Januari	2,136,720	457,000
Keuntungan nilai saksama bersih (Nota 32)	42,096	-
Penambahan dari perbelanjaan berikutan	160,585	8
Pindah dari harta tanah, loji dan peralatan (Nota 3)	102,305	-
Pindah ke aset dipegang untuk jualan (Nota 21)	(100,200)	-
Pelarasan	(109)	-
Baki pada 31 Disember	2,341,397	457,008
2022		
Baki pada 1 Januari	2,150,648	457,000
Kerugian nilai saksama bersih (Nota 32)	(18,125)	(150)
Penambahan	641	269
Penambahan dari perbelanjaan berikutan	3,749	-
Pelarasan	(193)	(119)
Baki pada 31 Disember	2,136,720	457,000

5. HAK PENGGUNAAN ASET

Kumpulan	Tanah dan Bangunan RM'000	Loji dan Peralatan RM'000	Kenderaan RM'000	Lain-Lain Aset RM'000	Jumlah RM'000
2023					
Kos					
Baki pada 1 Januari	2,933,207	19,243	9,735	4,188	2,966,373
Penambahan	-	3,600	729	1,700	6,029
Penjualan	(26,400)	-	-	-	(26,400)
Pelarasan	18,194	-	162	-	18,356
Penjualan syarikat subsidiari	(49,326)	-	(9,500)	-	(58,826)
Baki pada 31 Disember	2,875,675	22,843	1,126	5,888	2,905,532
Susut nilai terkumpul					
Baki pada 1 Januari	616,874	4,894	1,346	2,801	625,915
Penambahan	121,338	600	3,065	1,200	126,203
Penjualan	(25,900)	-	-	-	(25,900)
Pelarasan	(1,375)	-	-	-	(1,375)
Penjualan syarikat subsidiari	(56,855)	-	(2,200)	-	(59,055)
Baki pada 31 Disember	654,082	5,494	2,211	4,001	665,788
Amaun dibawa pada 31 Disember	2,221,593	17,349	(1,085)	1,887	2,239,744

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

5. HAK PENGGUNAAN ASET (SAMBUNGAN)

Kumpulan	Tanah dan Bangunan RM'000	Loji dan Peralatan RM'000	Kenderaan RM'000	Lain-Lain Aset RM'000	Jumlah RM'000
2022					
Kos					
Baki pada 1 Januari	2,834,517	3,961	3,303	2,055	2,843,836
Penambahan	127,788	16,731	6,432	228	151,179
Penjualan	(12,062)	-	-	-	(12,062)
Tamat tempoh pajakan	(8,333)	-	-	-	(8,333)
Penamatan kontrak	(8,576)	-	-	-	(8,576)
Pindah ke aset dipegang untuk jualan #	3,185	-	-	1,905	5,090
Penjualan syarikat subsidiari	(3,312)	(1,449)	-	-	(4,761)
Baki pada 31 Disember	2,933,207	19,243	9,735	4,188	2,966,373
Susut nilai terkumpul					
Baki pada 1 Januari	530,687	1,447	1,337	707	534,178
Penambahan	105,793	4,230	9	1,012	111,044
Penjualan	(3,060)	-	-	-	(3,060)
Tamat tempoh pajakan	(8,333)	-	-	-	(8,333)
Penamatan kontrak	(8,576)	-	-	-	(8,576)
Pindah ke aset dipegang untuk jualan #	2,311	-	-	1,082	3,393
Penjualan syarikat subsidiari	(1,948)	(783)	-	-	(2,731)
Baki pada 31 Disember	616,874	4,894	1,346	2,801	625,915
Amaun dibawa pada 31 Disember	2,316,333	14,349	8,389	1,387	2,340,458

Bagi tahun 2023, pindahan bersih daripada aset dipegang untuk jualan ialah NIL (2022: pindahan bersih ke aset dipegang untuk jualan ialah RM1.70 juta).

LTAT	Jumlah RM'000
Loji dan peralatan	
2023	
Kos	
Baki pada 1 Januari	2,567
Penambahan	26,270
Baki pada 31 Disember	28,837
Susut nilai terkumpul	
Baki pada 1 Januari	1,579
Penambahan	5,070
Baki pada 31 Disember	6,649
Amaun dibawa pada 31 Disember	22,188

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

5. HAK PENGGUNAAN ASET (SAMBUNGAN)

LTAT	Jumlah RM'000
2022	
Kos	
Baki pada 1 Januari	2,567
Baki pada 31 Disember	2,567
Susut nilai terkumpul	
Baki pada 1 Januari	829
Penambahan	750
Baki pada 31 Disember	1,579
Amaun dibawa pada 31 Disember	988

6. INVENTORI

	Kumpulan		LTAT	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Bukan semasa				
Pembangunan hartanah	516,455	440,739	-	-
Semasa				
Bahan mentah dan kerja dalam proses	172,394	211,348	-	-
Barang siap	827,494	785,443	-	-
Keluaran estet	28,227	41,305	-	-
Bahan gunaan	46,832	109,610	-	-
Hartanah siap	79,548	60,268	196,860	48,964
Pembangunan hartanah dalam pelaksanaan	743,824	963,674	660,577	890,675
	1,898,319	2,171,648	857,437	939,639
Pembangunan hartanah				
Baki pada 1 Januari				
Kos				
• Tanah milik bebas	77,955	287,455	-	-
• Hartanah pajakan jangka panjang	1,524	1,524	-	-
• Kos pembangunan	361,260	511,186	-	-
	440,739	800,165	-	-
Pindah ke pembangunan hartanah dalam pelaksanaan				
• Tanah milik bebas	(2,234)	(3,400)	-	-
• Kos pembangunan	(71,507)	(52,000)	-	-
	(73,741)	(55,400)	-	-
Kos pembangunan dalam tahun	149,456	66,474	-	-
Jualan dalam tahun :				
• Tanah milik bebas	-	(206,100)	-	-
• Kos pembangunan	-	(164,400)	-	-
	516,455	440,739	-	-
Baki pada 31 Disember				
Faedah yang dipermodalkan dalam tahun	8,523	8,549	-	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

6. INVENTORI (SAMBUNGAN)

	Kumpulan		LTAT	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Pembangunan hartanah dalam pelaksanaan				
Kos				
Baki pada 1 Januari	963,674	1,501,553	890,675	1,404,767
Kos diiktiraf dalam tahun :				
• Perbelanjaan pembangunan	42,117	(192,510)	18,578	16,797
• Penjualan	(99,406)	-	(99,406)	-
• Rosot nilai	-	(5,444)	-	(5,444)
• Pelarasan	(1,373)	-	(1,373)	-
	(58,662)	(197,954)	(82,201)	11,353
Pindah dari pembangunan hartanah	73,631	284,079	-	-
Pindah ke inventori	(24,525)	-	-	-
Pindahan ke hartanah siap	(210,294)	(525,445)	(147,897)	(525,445)
Kontrak kos aset	-	(98,559)	-	-
	(161,188)	(339,925)	(147,897)	(525,445)
Baki pada 31 Disember	743,824	963,674	660,577	890,675
Faedah yang dipermodalkan dalam tahun	-	606	-	-

Dalam tahun kewangan, terdapat penurunan nilai (*write down*) yang dikenakan ke atas barangan untuk jualan semula inventori kepada nilai bersih yang boleh direalisasikan berjumlah RM76.9 juta (2022: RM572.4 juta).

Pada 31 Disember 2022, memandangkan tiada petunjuk bagi jualan inventori vaksin COVID-19, peruntukan penuh bagi inventori yang lambat bergerak berjumlah RM552.4 juta telah dibuat.

7. ASET TAK KETARA

Kumpulan	Muhibah # RM'000	Perisian Komputer RM'000	Lain-Lain ^ RM'000	Jumlah RM'000
2023				
Kos				
Baki pada 1 Januari	76,510	320,622	197,044	594,176
Penambahan	379,049	15	9,813	388,877
Penjualan/Pelarasan/Pelupusan	702,856	-	-	702,856
Hapus kira	-	-	(19,736)	(19,736)
Pelarasan pertukaran mata wang	-	-	1,749	1,749
Penjualan syarikat subsidiari	(157,582)	(314,506)	(89,037)	(561,125)
Baki pada 31 Disember	1,000,833	6,131	99,833	1,106,797
Pelunasan dan rosot nilai terkumpul				
Baki pada 1 Januari	-	272,384	113,193	385,577
Pelunasan	-	176	6,627	6,803
Hapus kira	-	-	(4,856)	(4,856)
Pelarasan pertukaran mata wang	-	-	1,233	1,233
Penjualan syarikat subsidiari	-	(266,506)	(89,037)	(355,543)
Baki pada 31 Disember	-	6,054	27,160	33,214
Amaun dibawa pada 31 Disember	1,000,833	77	72,673	1,073,583

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

7. ASET TAK KETARA (SAMBUNGAN)

Kumpulan	Muhibah # RM'000	Perisian Komputer RM'000	Lain-Lain ^ RM'000	Jumlah RM'000
2022				
Kos				
Baki pada 1 Januari	84,764	323,558	186,812	595,134
Pindah dari hartanah, loji dan peralatan (Nota 3)	-	4,615	-	4,615
Penambahan	1,620	4,437	17,723	23,780
Penjualan/Pelarasan/Pelupusan	287,901	(1,686)	-	286,215
Hapus kira	(50,300)	(208)	(6,524)	(57,032)
Pelarasan pertukaran mata wang	(1,900)	-	(967)	(2,867)
Rosot nilai	(64,644)	-	-	(64,644)
Penjualan syarikat subsidiari	(180,931)	(10,094)	-	(191,025)
Baki pada 31 Disember	76,510	320,622	197,044	594,176
Pelunasan dan rosot nilai terkumpul				
Baki pada 1 Januari	(32,353)	254,252	108,274	330,173
Pelunasan	-	24,466	5,860	30,326
Penjualan/Pelarasan/Pelupusan	32,353	(539)	-	31,814
Rosot nilai	50,300	-	-	50,300
Hapus kira	(50,300)	(190)	-	(50,490)
Pelarasan pertukaran mata wang	-	-	(941)	(941)
Penjualan syarikat subsidiari	-	(5,605)	-	(5,605)
Baki pada 31 Disember	-	272,384	113,193	385,577
Amaun dibawa pada 31 Disember	76,510	48,238	83,851	208,599

Jumlah yang dibawa bagi aset tak ketara telah diperuntukkan kepada segmen perniagaan masing-masing, yang mewakili Unit Penjana Tunai (CGU). Dalam tahun 2022, Pharmaniaga Berhad telah membuat rosot nilai sepenuhnya bagi muhibah yang terbit daripada pengambilalihan CGU pengilangan di Indonesia berjumlah RM50.3 juta, disebabkan tempoh matang yang lama dan persekitaran perniagaan yang tidak menentu di Indonesia.

^ Termasuk didalam aset tak ketara adalah lesen pengilangan farmasi, nama dagangan, harta intelek, perisian dan kos pembangunan dalam binaan yang dipermodalkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

8. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

	LTAT	
	2023 RM'000	2022 RM'000
Pada Kos		
Saham disebut harga	2,439,808	4,556,718
Saham tidak disebut harga	4,339,546	792,890
	6,779,354	5,349,608
Rosot nilai ke atas aset-aset lain (Nota 37)		
Saham disebut harga	(64,382)	(1,317)
Saham tidak disebut harga	(15,650)	(60,163)
	6,699,322	5,288,128
Pada nilai pasaran		
Saham disebut harga	2,457,760	2,508,652
Saham tidak disebut harga	4,543,477	875,528
	7,001,237	3,384,180

Pada tahun kewangan semasa, LTAT telah membeli semua baki saham biasa dalam Boustead Holdings Berhad daripada minoriti pada harga tawaran RM0.855 setiap saham.

Pada tahun kewangan semasa, LTAT telah melancarkan tawaran am untuk mengambil alih baki saham biasa dalam Boustead Plantation Berhad yang masih tidak dipegang oleh LTAT pada harga tawaran RM1.55 setiap saham.

Pada 13 Disember 2023, LTAT telah menjual Boustead Heavy Industries Corporation Berhad pada harga RM10.53 juta.

Pada 19 September 2023, LTAT telah menjual Lumut Naval Shipyard Sdn Bhd (*Nama lama: Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd*) pada harga RM1.00.

Syarikat subsidiari dengan kepentingan bukan mengawal yang material

Kumpulan menganggap Boustead Plantations Berhad adalah syarikat subsidiari yang mempunyai kepentingan bukan mengawal yang material. Syarikat subsidiari ini ditubuhkan dan beroperasi di Malaysia. Maklumat kewangan syarikat subsidiari ini adalah seperti berikut:

	Boustead Plantations Berhad	
	2023 %	2022 %
Milik ekuiti dipegang oleh kepentingan bukan mengawal	6	45

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

8. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Ringkasan maklumat kewangan syarikat-syarikat subsidiari sebelum penghapusan baki antara pihak berkaitan.

a. Ringkasan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain

	Boustead Plantations Berhad	
	2023 RM'000	2022 RM'000
Pendapatan	851,694	1,176,948
Untung bersih bagi tahun	35,672	588,796
(Kerugian)/pendapatan komprehensif lain	(517)	12
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	35,155	588,808
Diagihkan kepada:		
Kumpulan	41,864	595,323
Kepentingan bukan mengawal	(6,709)	(6,515)
	35,155	588,808

b. Ringkasan penyata kedudukan kewangan

	Boustead Plantations Berhad	
	2023 RM'000	2022 RM'000
Jumlah aset :		
Aset bukan semasa	3,793,097	3,766,215
Aset semasa	234,050	469,517
	4,027,147	4,235,732
Jumlah liabiliti :		
Liabiliti bukan semasa	570,290	708,091
Liabiliti semasa	659,735	669,354
	1,230,025	1,377,445
Aset bersih	2,797,122	2,858,287
Diagihkan kepada:		
Kumpulan	2,918,162	2,972,618
Kepentingan bukan mengawal	(121,040)	(114,331)
	2,797,122	2,858,287

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

8. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Ringkasan maklumat kewangan syarikat-syarikat subsidiari sebelum penghapusan baki antara pihak berkaitan (sambungan)

c. Penyata Aliran Tunai

	Boustead Plantations Berhad	
	2023 RM'000	2022 RM'000
Aktiviti-aktiviti Operasi	174,171	320,254
Aktiviti-aktiviti Pelaburan	(50,735)	298,951
Aktiviti-aktiviti Pembiayaan	(226,427)	(535,775)
(Pengurangan)/Peningkatan bersih tunai dan kesetaraan tunai	(102,991)	83,430

Butir-butir syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Aktiviti Utama	Kumpulan		LTAT	
		2023 %	2022 %	2023 %	2022 %
Disebut harga					
Boustead Plantations Berhad	Pegangan pelaburan dan perladangan kelapa sawit	94	45	69	10
Tidak disebut harga					
Boustead Holdings Berhad	Pelaburan induk dan perladangan kelapa sawit	100	59	100	59
Irat Properties Sdn Bhd	Pelaburan hartanah	100	80	50	50
Perbadanan Perwira Harta Malaysia #	Pemaju hartanah	100	100	100	100
Perwira Niaga Malaysia #	Penjualan barang-barang keperluan pengguna	100	100	100	100
Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera #	Melaksanakan program-program sosio-ekonomi melalui latihan teknikal dan bukan teknikal bagi bakal pesara dan bekas anggota Angkatan Tentera Malaysia	100	100	100	100
Power Cables Malaysia Sdn Bhd	Mengilang dan menjual kabel elektrik	60	60	60	60
Pembinaan Perwira Harta Sdn Bhd	Pegangan pelaburan, pembinaan dan pembangunan hartanah	100	100	100	100
Adana Plantations Sdn. Bhd. (Nama Lama: Boustead Sissons Marketing Sdn Bhd)	Dorman	100	59	100	-

Akaun-akaun Perbadanan ini diaudit oleh Jabatan Audit Negara

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

8. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Butir-butir syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti berikut: (sambungan)

Nama Syarikat	Aktiviti Utama	Kumpulan		LTAT	
		2023 %	2022 %	2023 %	2022 %
Disebut harga					
Boustead Heavy Industries Corporation Berhad *	Pegangan pelaburan	65	47	-	8
Pharmaniaga Berhad *	Pegangan pelaburan	55	39	8	9
Tidak disebut harga					
Affin Islamic Bank Berhad +	Perniagaan perbankan Islam	-	46	-	-
PAB Properties Sdn Bhd +	Perkhidmatan pengurusan hartanah	-	46	-	-
ABB Nominee (Tempatan) Sdn Bhd +	Perkhidmatan nominee saham	-	46	-	-
Affin Holdings Berhad +	Pegangan pelaburan	-	46	-	-
Affin Moneybrokers Sdn Bhd +	Broker kewangan	-	46	-	-
Affin Hwang Investment Bank Berhad +	Penyedia perkhidmatan perbankan pelaburan	-	46	-	-
TradePlus NYSE FANG+ Daily (-1X) Inverse Tracker +	Pelaburan dalam kontrak masa hadapan	-	24	-	-
TradePlus NYSE FANG+ Daily (-2X) Leveraged Tracked +	Pelaburan dalam kontrak masa hadapan	-	17	-	-
TradePlus DWA Malaysia Momentum Tracker +	Pelaburan dalam instrumen ekuiti	-	15	-	-
Affin Hwang Shariah Gold Tracker Fund +	Pelaburan patuh syariah dalam emas	-	10	-	-
Affin Hwang Nominees (Tempatan) Sdn Bhd +	Perkhidmatan nominee	-	46	-	-
Affin Hwang Nominees (Asing) Sdn Bhd +	Perkhidmatan nominee	-	46	-	-
AHC Associates Sdn Bhd +	Pegangan pelaburan	-	46	-	-
AHC Global Sdn Bhd +	Pegangan pelaburan	-	46	-	-
Affin Hwang Trustee Berhad +	Perkhidmatan pengurusan amanah	-	46	-	-
Mutiara Rini Sdn Bhd *	Pembangunan hartanah	100	59	-	-
Boustead DCP Sdn Bhd *	Mengeluar dan membekal penyejuk air untuk penghawa dingin	100	59	-	-
Boustead Curve Sdn Bhd *	Pelaburan hartanah	100	59	-	-
Damansara Entertainment Centre Sdn Bhd *	Pelaburan hartanah	100	59	-	-
Boustead Hotels & Resorts Sdn Bhd *	Operasi hotel	100	59	-	-
Boustead Realty Sdn Bhd *	Pelaburan hartanah	100	59	-	-
Boustead Balau Sdn Bhd *	Pembangunan hartanah	100	59	-	-
Bakti Wira Development Sdn Bhd *	Pegangan pelaburan	100	59	-	-
Boustead Weld Quay Sdn Bhd *	Pelaburan hartanah dan operasi hotel	100	59	-	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

8. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Butir-butir syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti berikut: (sambungan)

Nama Syarikat	Aktiviti Utama	Kumpulan		LTAT	
		2023 %	2022 %	2023 %	2022 %
Tidak disebut harga					
Midas Mayang Sdn Bhd *	Operasi hotel	80	48	-	-
Astacanggih Sdn Bhd *	Pegangan pelaburan	80	48	-	-
Cebur Megah Development Sdn Bhd *	Pegangan pelaburan	80	38	-	-
Boustead Hyde Park Ltd *	Operasi hotel	100	59	-	-
Boustead Weld Court Sdn Bhd *	Pelaburan hartanah	100	59	-	-
Boustead Nucleus Sdn Bhd (Nama Lama: Nam Seng Bee Hoon Sdn Bhd)	Pelaburan hartanah	100	59	-	-
Boustead Ventures Limited *	Operasi hotel	100	59	-	-
Mutiara Nusa Sdn Bhd *	Pembangunan hartanah	100	59	-	-
Boustead Shipping Agencies Sdn Bhd *	Agen perkapalan	100	59	-	-
Boustead Petroleum Sdn Bhd *	Pegangan pelaburan	100	36	-	-
Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd *	Pemasaran barangan petroleum	100	55	-	-
Boustead Properties Berhad *	Pegangan pelaburan dan pelaburan hartanah	100	59	-	-
Boustead Telok Sengat Sdn Bhd *	Pemprosesan FFB dan pegangan pelaburan	94	45	-	-
Boustead Pelita Kanowit Sdn Bhd *	Perladangan kelapa sawit	56	27	-	-
Boustead Pelita Kanowit Oil Mill Sdn Bhd *	Perladangan kelapa sawit	56	27	-	-
Boustead Eldred Sdn Bhd *	Perladangan kelapa sawit	94	45	-	-
Boustead Agency and Consultancy Services Sdn Bhd *	Pengurusan ladang dan konsultan kejuruteraan	94	45	-	-
Boustead Pelita Tinjar Sdn Bhd *	Perladangan kelapa sawit dan pemprosesan FFB	56	27	-	-
Boustead Rimba Nilai Sdn Bhd *	Perladangan kelapa sawit dan pemprosesan FFB	94	45	-	-
Boustead Gradient Sdn Bhd *	Perladangan kelapa sawit dan pemprosesan FFB	94	45	-	-
Boustead Agro Plantations Sdn Bhd *	Pertanian, pemasaran dan penjualan hasil pertanian	94	45	-	-
Boustead Life Sciences Research Sdn Bhd *	Khidmat nasihat dan penyelidikan sains hayat dan pengkomersilan produk yang dibangunkan dari sains hayat	94	45	-	-
Boustead Solandra Sdn Bhd *	Perladangan kelapa sawit	94	45	-	-
Boustead Emastulin Sdn Bhd *	Perladangan kelapa sawit dan pemprosesan FFB	94	45	-	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

8. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Butir-butir syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti berikut: (sambungan)

Nama Syarikat	Aktiviti Utama	Kumpulan		LTAT	
		2023 %	2022 %	2023 %	2022 %
Tidak disebut harga					
Boustead Trunkline Sdn Bhd *	Perladangan kelapa sawit	94	45	-	-
Boustead Estates Agency Sdn Bhd *	Pengurusan ladang dan konsultan kejuruteraan	94	45	-	-
Boustead Segaria Sdn Bhd *	Pegangan pelaburan	100	59	-	-
Boustead Construction Sdn Bhd *	Pengurusan projek, pembinaan dan pembangunan hartanah	100	59	-	-
Boustead Technology Sdn Bhd *	Penyedia penyelesaian teknologi dan inovasi	100	59	-	-
Boustead Digital Services Sdn Bhd * (Nama Lama : Boustead Electronic Commerce Sdn Bhd)	Pegangan pelaburan syarikat bagi produk dan perkhidmatan digital	100	59	-	-
Tanky Sdn Bhd *	Pengurusan perbelanjaan bahan api dan penyelesaian pembayaran	100	59	-	-
Green Army Sdn Bhd *	Platform pasaran kerja	100	59	-	-
Boustead Credit Sdn Bhd *	Pembiayaan sewa beli & pajakan	100	59	-	-
Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd *	Pembinaan, membaiki dan penyelenggaraan kapal tentera laut dan kapal dagang	-	61	-	-
Boustead Travel Services Sdn Bhd *	Agen pelancongan	100	59	-	-
UAC Berhad *	Pengilang barang simen gentian, pengurusan projek dan pelaburan hartanah	100	59	-	-
UAC Solidpanel Sdn Bhd *	Mengilang dan menjual panel padu	100	59	-	-
Boustead Global Risk Solution Sdn Bhd *	Agen insurans	100	59	-	-
Boustead Langkawi Shipyard Sdn Bhd *	Pembinaan, membaiki dan menyelenggara kapal layar dan bot	14	61	-	-
Boustead Penang Shipyard Sdn Bhd *	Membina dan membaiki kapal dan pembinaan kejuruteraan berat	65	47	-	-
BHIC Trading Sdn Bhd *	Pelaburan hartanah	65	47	-	-
BHIC AeroTech Sdn Bhd *	Penyedia penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih roda dan brek pesawat	65	47	-	-
BHIC Allied Defence Technology Sdn Bhd *	Membekal elektronik dan sistem teknologi bagi industri berkaitan pertahanan	65	47	-	-
BHIC Defence Technologies Sdn Bhd *	Pegangan pelaburan	65	47	-	-
BHIC Defence Techservices Sdn Bhd *	Penyedia penyelenggaraan dan servis bagi barangan berkaitan pertahanan	65	47	-	-
BHIC Marine Technology Academy Sdn Bhd *	Penyedia latihan pengurusan marin dan pertahanan	65	47	-	-
BHIC Navaltech Sdn Bhd *	Perkhidmatan sokongan penyelenggaraan, servis dan membekal alat ganti kapal	65	47	-	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

8. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Butir-butir syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti berikut: (sambungan)

Nama Syarikat	Aktiviti Utama	Kumpulan		LTAT	
		2023 %	2022 %	2023 %	2022 %
Tidak disebut harga					
BHIC Submarine Engineering Services Sdn Bhd *	Penyedia penyelenggaraan dan servis kapal selam	65	47	-	-
Dominion Defence & Industries Sdn Bhd *	Membekal dan servis barangan marin dan barangan berkaitan pertahanan	65	47	-	-
Perstim Industries Sdn Bhd *	Pegangan pelaburan	65	47	-	-
Pharmaniaga Manufacturing Bhd *	Mengilang dan menjual produk farmaseutikal	55	39	-	-
Pharmaniaga LifeScience Sdn Bhd *	Mengilang dan menjual produk farmaseutikal	55	39	-	-
Pharmaniaga Logistic Sdn Bhd *	Pengedar produk farmaseutikal dan perubatan	55	39	-	-
Pharmaniaga Biomedical Sdn Bhd *	Membekal dan memasang peralatan perubatan dan hospital	55	39	-	-
Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd *	Mengilang dan menjual produk farmaseutikal	55	39	-	-
Akaun belum bayar lain-lain	982,263	2,271,083	135,605	24,363
Akaun belum bayar bagi bahagian caruman kerajaan	403,898	490,656	403,898	490,656
Amaun terhutang kepada syarikat usahasama [^]	51,107	392,684	-	-
Amaun terhutang kepada syarikat subsidiari	-	-	4,174	10,175
Amaun terhutang kepada pengurusan portfolio	-	1,087	-	1,087
	3,486,717	7,191,423	607,493	531,835

[^] Amaun terhutang kepada syarikat-syarikat usahasama adalah tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan tidak mempunyai syarat bayaran yang tetap.

29. LIABILITI PAJAKAN

	Kumpulan		LTAT	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Bukan Semasa	111,745	122,988	18,592	-
Semasa	23,561	69,338	3,894	485
	135,306	192,326	22,486	485
Baki pada 1 Januari				
	192,326	122,869	485	946
Penambahan	103,617	137,379	23,470	-
Faedah atas pajakan aset	8,418	10,366	1,388	48
Pembayaran pajakan	(63,850)	(77,661)	(2,857)	(509)
Pelupusan	(102,963)	(2,158)	-	-
Pelarasan	(2,242)	1,531	-	-
Baki pada 31 Disember	135,306	192,326	22,486	485

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

30. PERJANJIAN BELI SEMULA

Tanggungjawab untuk sekuriti yang dijual di bawah perjanjian beli balik merupakan sekuriti Kumpulan dan LTAT yang dijual daripada portfolionya dengan komitmen untuk membeli balik pada tarikh akan datang.

	Kumpulan		LTAT	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Aset Kewangan Pada Kos Dilunaskan				
Tanggungjawab untuk sekuriti yang dijual di bawah perjanjian beli balik	-	4,813,407	-	-
Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Pendapatan Komprehensif Lain				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	47,972	91,910	47,972	91,910
Terbitan Pelaburan Kerajaan	40,269	28,729	40,269	28,729
Baki pada 31 Disember	88,241	4,934,046	88,241	120,639

31. PENDAPATAN

	Kumpulan		LTAT	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Hasil daripada kontrak dengan pelanggan				
Jualan produk petroleum	8,549,157	8,805,614	-	-
Jualan produk farmasi	3,409,085	3,481,325	-	-
Jualan bahan binaan	307,745	271,721	-	-
Jualan hasil perladangan	850,144	1,176,206	-	-
Jualan barangan	302,761	284,205	-	-
Jualan kabel elektrik	262,294	348,713	-	-
Keuntungan bersih penjualan pembangunan hartanah	186,629	814,440	4,080	25,067
Pendapatan daripada penyenggaraan dan pembinaan kapal	100,661	135,097	-	-
Pengurusan hotel	126,665	109,282	-	-
Pendapatan daripada kontrak pembinaan	-	2,042	-	-
	14,095,141	15,428,645	4,080	25,067
Pendapatan sewaan				
Sewaan daripada pelaburan hartanah	107,878	124,611	24,599	24,186
Sewaan-sewaan lain	22,103	17,615	279	881
	129,981	142,226	24,878	25,067
Pendapatan daripada syarikat subsidiari				
Pelarasan tahun terdahulu	-	(29,800)	-	-
Faedah daripada pendahuluan kepada/amaun terhutang daripada perbadanan	-	-	1,901	3,124
Dividen daripada syarikat-syarikat subsidiari	-	-	433,155	318,535
Keuntungan/(Kerugian) penjualan syarikat-syarikat subsidiari*	995,081	-	15,769	(8,787)
	995,081	(29,800)	450,825	312,872

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

31. PENDAPATAN (SAMBUNGAN)

	Kumpulan		LTAT	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Pendapatan daripada syarikat bersekutu				
Dividen daripada syarikat-syarikat bersekutu	62,080	21,678	12,084	68,456
Keuntungan penjualan syarikat-syarikat bersekutu	70,973	-	70,973	121,643
Pendapatan lain	10,497	60	10,497	60
	143,550	21,738	93,554	190,159
Pendapatan daripada aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain	89,708	181,074	89,876	69,393
Pendapatan daripada aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi	17,212	38,386	17,212	(11,437)
Pendapatan daripada aset kewangan pada kos dilunaskan	31,034	365,857	30,814	23,875
Faedah daripada deposit tetap dan deposit-deposit lain	60,950	734,142	20,782	16,184
Pendapatan faedah daripada pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	-	1,556,225	-	-
Pelunasan Kumpulan Wang Aset Latihan (Nota 23)	357	150	-	-
Pelunasan Dana Skim Pembiayaan Mikro PP-SPM-UV-ATM	-	1,223	-	-
Pelunasan Program Pembangunan Sosio Ekonomi ATM Tidak Berpencen (PPSEV)	825	520	-	-
Pelunasan Program <i>Reskilling & Upskilling</i> Veteran ATM (PRUV-ATM)	4,565	6,140	-	-
Pelunasan PUVET	262	-	-	-
Komisen dan bayaran agensi	40	50,273	-	-
Pelbagai pendapatan	164,722	187,627	-	-
	15,733,428	18,684,426	732,021	651,180

* Keuntungan utama jualan syarikat-syarikat subsidiari bagi Kumpulan adalah daripada penjualan syarikat LUNAS.

32. PENDAPATAN-PENDAPATAN LAIN

	Kumpulan		LTAT	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Geran	32,000	30,000	-	-
Yuran dan komisen	-	188,987	-	-
(Kerugian)/Keuntungan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	(608)	6,194	-	-
Keuntungan/(Kerugian) nilai saksama bersih daripada pelaburan hartanah (Nota 4)	42,096	(18,125)	-	(150)
(Kerugian)/Keuntungan bersih atas pertukaran mata wang asing direalisasikan/tidak direalisasikan	(40,081)	43,376	-	-
Pendapatan lain	(14,233)	48,550	2,195	813
	19,174	298,982	2,195	663

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

33. KOS PENJUALAN

	Kumpulan	
	2023 RM'000	2022 RM'000
Perbelanjaan faedah	-	1,027,089
Pengurangan inventori untuk barang siap dan kerja dalam pelaksanaan	13,603	(18,186)
Pembelian barang siap dan kerja dalam pelaksanaan	11,088,259	11,764,457
Bahan mentah dan barangan digunakan	1,196,795	1,179,644
	12,298,657	13,953,004

34. PERBELANJAAN PERTADBIRAN

	Kumpulan		LTAT	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Kos kakitangan *	964,049	1,765,056	66,698	64,212
Kos operasi #	623,624	827,818	64,019	24,612
Susut nilai dan pelunasan	318,570	417,430	8,121	3,211
	1,906,243	3,010,304	138,838	92,035

* Kos kakitangan Kumpulan termasuk kos bagi Gaji dan Elaun sebanyak RM819.1 juta, Faedah persaraan dan ganjaran sebanyak RM123.2 juta, Kos perubatan selepas persaraan sebanyak RM7.8 juta, Lain-lain perbelanjaan kakitangan sebanyak RM13.6 juta dan Gantian cuti rehat RM0.3 juta.

Kos operasi Kumpulan termasuk kos bagi Program Pembangunan Sosio Ekonomi Veteran ATM Tidak Berpencen (PPSEV) sebanyak RM0.8 juta (2022: RM0.5 juta) dan Program *Reskilling & Upskilling* Veteran ATM (PRUV) sebanyak RM4.6 juta (2022: RM6.1 juta) dan Program *Entrepreneur Empowerment* (PUVET) sebanyak RM0.3 juta.

35. KERUGIAN NILAI SAKSAMA BERSIH ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA KE UNTUNG ATAU RUGI

	Kumpulan		LTAT	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Instrumen hutang	-	-	(129)	639
Instrumen ekuiti	4,105	24,477	4,105	14,901
	4,105	24,477	3,976	15,540

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

36. ROSOT NILAI KE ATAS ASET KEWANGAN

	Kumpulan		LTAT	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Aset kewangan pada kos dilunaskan				
• Peruntukan kerugian kredit dijangka	-	-	23,254	29,006
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan				
• Peruntukan kerugian kredit dijangka	-	521,915	-	-
Sekuriti dan deposit				
• Peruntukan kerugian kredit dijangka	884,281	(22,791)	-	-
Pinjaman dan komitmen pembiayaan dan jaminan kewangan				
• Peruntukan kerugian kredit dijangka	9,368	(17,536)	-	-
Pinjaman dan akaun belum terima				
• Peruntukan/(pelarasan semula) kerugian kredit dijangka				
• Akaun belum terima perdagangan	865,422	29,045	-	-
• Akaun belum terima lain-lain	-	9,102	-	2
• Amaun terhutang daripada syarikat subsidiari	-	-	4,809	(1,885)
• Amaun terhutang daripada syarikat bersekutu	-	(731)	(69)	(731)
Hutang lapuk dan pembiayaan				
• Diperoleh semula	-	(74,571)	-	-
• Dihapus kira	-	32,529	-	-
	1,759,071	476,962	27,994	26,392

37. ROSOT NILAI KE ATAS ASET-ASET LAIN

	Kumpulan		LTAT	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Syarikat-syarikat subsidiari	-	-	80,032	61,480
Syarikat-syarikat bersekutu	-	18,483	-	18,483
Inventori	-	577,846	-	5,444
Pinjaman dan akaun belum terima				
• Akaun belum terima lain-lain	-	1,049	-	-
• Amaun terhutang daripada syarikat bersekutu	-	(42)	-	-
• Amaun terhutang daripada pelaburan dalam usahasama	-	3,555	-	-
Hartanah, loji dan peralatan, aset biologi dan pelaburan hartanah				
• Hartanah, loji dan peralatan	22,173	451	-	-
• Pelaburan hartanah	(145,855)	-	-	-
• Aset lain	12,550	6,144	-	-
Muhibbah	-	114,918	-	-
	(111,132)	722,404	80,032	85,407

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

38. CUKAI DAN ZAKAT

Cukai dan zakat bagi tahun adalah seperti berikut:

	Kumpulan		LTAT	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Cukai pendapatan Malaysia	144,435	455,572	-	-
Cukai tertunda				
• Pembalikan perbezaan sementara	(32,908)	10,508	-	-
Lebihan peruntukan tahun-tahun terdahulu	2,162	10,416	-	-
	113,689	476,496	-	-
Zakat	3,280	8,879	-	-
	116,969	485,375	-	-

Cukai pendapatan domestik dikira pada kadar berkanun Malaysia sebanyak 24% bagi anggaran keuntungan boleh taksir untuk tahun.

Penyelarasan belanja cukai pendapatan terhadap keuntungan sebelum cukai dan zakat pada kadar cukai pendapatan berkanun dengan belanja cukai pendapatan pada kadar cukai pendapatan efektif bagi Kumpulan dan LTAT adalah seperti berikut:

	Kumpulan		LTAT	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai dan zakat	(270,075)	397,723	475,134	432,469
Cukai pada kadar berkanun Malaysia	(64,818)	88,255	114,032	103,793
Cukai makmur	-	17,295	-	-
Pendapatan tidak dikenakan cukai	(486,506)	18,788	(114,032)	(103,793)
Perbelanjaan tidak boleh ditolak bagi tujuan cukai	367,852	300,745	-	-
Insentif cukai	(4,368)	(4,675)	-	-
Aset cukai tertunda tidak diiktiraf bagi tahun terdahulu	328,712	29,624	-	-
Kesan kadar cukai yang berbeza	980	(43,127)	-	-
Manfaat daripada kerugian cukai tahun terdahulu yang tidak diiktiraf dan elaun modal tidak diserap	4,254	18,347	-	-
Perbelanjaan yang dibenarkan potongan berganda	(10)	(5,097)	-	-
Bahagian kerugian syarikat-syarikat bersekutu dan pelaburan dalam usahasama	(13,319)	(24,762)	-	-
Kesan ke atas mengiktiraf cukai tertunda bagi cukai keuntungan hartanah	-	51,294	-	-
Lebihan peruntukan cukai tertunda	(14,097)	(446)	-	-
Pengiktirafan perbezaan sementara yang tidak diiktiraf sebelum ini	-	(148)	-	-
Lain-lain	(7,153)	(2,827)	-	-
	111,527	443,266	-	-
Kurangan peruntukan tahun-tahun terdahulu	2,162	33,230	-	-
Belanja cukai untuk tahun	113,689	476,496	-	-
Zakat	3,280	8,879	-	-
	116,969	485,375	-	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

38. CUKAI DAN ZAKAT (SAMBUNGAN)

Di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No. 5) 1974, LTAT dikecualikan daripada cukai ke atas pendapatan yang diterima daripada pelaburan-pelaburan, selain daripada sewa, yang dibuat di bawah Seksyen 15 Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 (Akta 101).

Pada 22 Mac 2017, YB Menteri Kewangan selaras dengan Seksyen 127 (3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 telah meluluskan pengecualian peringkat statutori ke atas pendapatan sewaan LTAT bagi tempoh sepuluh tahun bermula dari tahun taksiran 2017 hingga tahun taksiran 2026.

Zakat ialah zakat perniagaan yang dibayar oleh Kumpulan berdasarkan panduan dan prinsip Syariah yang telah ditetapkan.

39. KOMITMEN DAN LUAR JANGKA

Dalam tahun kewangan, Kumpulan membuat berbagai komitmen dan menanggung beberapa liabiliti luar jangka berserta hak bagi pelanggan membuat tuntutan mengikut undang-undang. Tiada kerugian ketara dijangka berikutan daripada urusan-urusan tersebut. Komitmen dan liabiliti luar jangka ini tidak dijamin ke atas aset Kumpulan.

Komitmen dan liabiliti luar jangka terdiri daripada:

	Kumpulan	
	2023 RM'000	2022 RM'000
Pengganti kredit langsung	-	500,774
Urus niaga yang berkaitan dengan item luar jangka	-	1,331,367
Luar jangkaan jangka pendek berkaitan dagangan bubar sendiri	-	413,248
Komitmen pemberian kredit yang tidak boleh dipulih:	-	8,427,010
• matang kurang satu tahun	-	5,557,413
• matang melebihi satu tahun	-	2,869,597
Kontrak yang berkait dengan pertukaran mata wang asing:	-	27,693,293
• kurang dari satu tahun	-	26,850,314
• satu tahun hingga kurang lima tahun	-	842,979
Kontrak berkaitan dengan kadar faedah/keuntungan:	-	10,361,273
• kurang dari satu tahun	-	2,535,790
• satu tahun hingga kurang lima tahun	-	7,155,483
• lima tahun ke atas	-	670,000
Komitmen tanpa syarat dibatalkan pada bila-bila masa oleh pihak bank tanpa notis terlebih dahulu atau pembatalan secara automatik akibat kemerosotan kepercayaan kredit peminjam	-	1,279,899
Kemudahan kad kredit yang belum digunakan	-	1,458,431
Pinjaman sekuriti bank atau posting sekuriti sebagai cagaran oleh bank-bank, termasuk transaksi keadaan di mana timbul daripada gaya repo (pembelian semula/pembelian balik dan pinjaman sekuriti/transaksi pinjaman)	-	5,175,091
Pelbagai komitmen dan kontigensi	-	7,421
Perbelanjaan modal diluluskan dan dikontrakkan	100,835	90,324
Perbelanjaan modal diluluskan tetapi tidak dikontrakkan	562,492	660,302
	663,327	57,398,433

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

40. PENGURUSAN MODAL

Objektif Kumpulan di dalam pengurusan modal adalah untuk memastikan supaya Kumpulan mempunyai akaun caruman ahli yang mencukupi untuk membolehkannya kekal sebagai entiti berterusan. Kumpulan mengkaji semula dan mengurus struktur modalnya berlandaskan keperluannya dan keadaan semasa.

41. LIABILITI LUAR JANGKA

- a. Pada 10 Julai 2017, syarikat usahasama Kumpulan, Boustead DCNS Naval Corporation Sdn Bhd (BDNC) telah menerima surat daripada Kementerian Pertahanan Malaysia (KEMENTAH) bagi menuntut ganti rugi berjumlah RM53.2 juta dan EUR19.3 juta untuk Kontrak Sokongan Perkhidmatan (ISS) bagi Kapal Selam SCORPENE Tentera Laut Diraja Malaysia.

Pada 28 Jun 2019, BDNC telah menerima surat daripada KEMENTAH bagi menuntut ganti rugi berjumlah RM22.4 juta dan EUR8.8 juta bagi kerja-kerja pembaikan keatas KD TUNKU ABDUL RAHMAN.

Pada 29 Mei 2020, BDNC menerima surat daripada KEMENTAH bagi menuntut ganti rugi berjumlah RM11.6 juta dan EUR6.5 juta kerana pelanggaran obligasi di bawah kontrak tambahan pertama ISS untuk dua (2) unit Kelas Perdana Menteri bagi Kontrak Kapal Selam Tentera Laut Diraja Malaysia (Lanjutan Kontrak ISS).

Pada 13 April 2021, KEMENTAH telah mengeluarkan notis kepada BDNC untuk *set off* tuntutan ganti rugi sepenuhnya dengan bil kesiapan yang dikeluarkan oleh BDNC kepada KEMENTAH pada masa akan datang.

Kumpulan berpendapat bahawa peruntukan bagi tuntutan ganti rugi adalah mencukupi dan tiada lagi kerugian yang dijangka akan berlaku selepas mengambil kira justifikasi yang sesuai dan dokumen sokongan.

Kumpulan telah mengiktiraf bahagian kerugian kepentingannya dalam BDNC menggunakan kaedah ekuiti dalam usahasama sejak tahun kewangan sebelumnya.

Sehingga kini, Kumpulan masih dalam proses rundingan dan memuktamadkan pelan bayaran untuk tuntutan ganti rugi.

- b. Pada 3 Julai 2020, syarikat subsidiari Kumpulan, LUNAS diberikan Petisyen Penggulangan (Petisyen) oleh MTU Services (Malaysia) Sdn Bhd (MSM).

Melalui Petisyen itu, MSM mendakwa bahawa LUNAS mempunyai hutang berjumlah RM56.0 juta untuk peralatan yang dibekalkan dan perkhidmatan yang diberikan kepada LUNAS.

Pada 11 Ogos 2020, LUNAS mengemukakan permohonan untuk mengetepikan/membatalkan Petisyen MSM. Pada 19 Ogos 2020, Mahkamah membenarkan penangguhan sementara bagi semua prosiding sementara menunggu permohonan mengetepikan/membatalkan enam (6) pemiutang iaitu BHB, Axima Concept SA, Boustead Penang Shipyard Sdn Bhd, Naval Group SA, Naval Group Malaysia Sdn Bhd dan Paksi Laksana Sdn Bhd yang telah mengemukakan Notis Niat untuk Menentang Petisyen.

Pada 29 Mac 2021, Mahkamah membenarkan permohonan LUNAS untuk membatalkan Petisyen tersebut. Pada 21 April 2021, MSM mengemukakan Notis Rayuan, terhadap keputusan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan menetapkan 26 Jun 2023 untuk mendengar rayuan.

Dalam tindakan yang berlainan, pada 28 September 2020, LUNAS telah membuat permohonan ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur melalui Saman Permulaan, untuk, antara lain, perintah berikut:

- i. Perintah menurut Seksyen 366 (1) Akta untuk memanggil pemiutang LUNAS dengan tujuan mempertimbangkan dan jika dianggap sesuai, untuk menyetujui dengan atau tanpa pengubahsuaian, skim pengaturan dan kompromi yang dicadangkan antara LUNAS dan pemiutangnya; dan
- ii. Perintah Larangan menurut Seksyen 368 Akta di mana, antara lain, semua prosiding dan/atau prosiding selanjutnya dalam sebarang tindakan atau prosiding terhadap LUNAS dan/atau asetnya, termasuk tetapi tidak terhad kepada Mahkamah, proses penggulangan dan penimbangtara serta prosiding yang dimaksudkan atau yang akan datang (Perintah Larangan). Perintah Sekatan tidak termasuk institusi kewangan pemiutang LUNAS.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

41. LIABILITI LUAR JANGKA (SAMBUNGAN)

Skim penyusunan dan Perintah Larangan adalah sebahagian daripada pengukuran LUNAS untuk mengurus dan menyelaraskan keadaan kewangannya. Butiran skim boleh diakses oleh orang ramai sebagai sebahagian daripada kertas mahkamah yang difailkan. Selain itu, LUNAS juga telah memfailkan Notis Permohonan untuk mendapatkan perintah perlindungan berhubung Penyata Hal Ehwal dan surat-menyurat Kerajaan.

MSM telah menentang permohonan LUNAS dengan mengajukan permohonan untuk membatalkan dan Mahkamah pada 24 Februari 2021, mendengar permohonan kedua-dua pihak dan sehubungan dengan Perintah Pelindung LUNAS, Mahkamah mengizinkan Perintah Pelindung hanya atas surat-menyurat Kerajaan. Mengenai permohonan MSM untuk membatalkan permohonan LUNAS, Mahkamah menolak permohonan MSM dengan kos RM5,000 untuk dibayar kepada LUNAS.

Pada 2 Jun 2021, LUNAS telah memperoleh daripada Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur Perintah yang membenarkan perkara di atas dengan Perintah Larangan sehingga 2 September 2021. Perintah Sekatan itu telah dilanjutkan sehingga 2 Disember 2021, 2 Mac 2022 dan sekali lagi sehingga 2 Jun 2022. Perintah Sekatan di bawah Saman Pemula telah luput pada 2 Jun 2022.

Pada 21 April 2021, MSM mengemukakan Notis Rayuan menentang keputusan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan menetapkan 26 Jun 2023 untuk mendengar rayuan tersebut. Seperti yang diminta oleh peguam MSM, pendengaran pada Jun 2023 ditangguhkan hingga 2 November 2023. Mahkamah juga menetapkan 20 Oktober 2023 untuk pengurusan kes seterusnya.

Pada 30 Oktober 2023, MSM mengemukakan Notis Penarikan rayuan dan dengan itu pendengaran rayuan yang dijadualkan pada 2 November 2023 telah dibatalkan kerana kes ini kini dianggap ditutup.

- c. Pada 27 September 2022, Contraves Advanced Devices Sdn Bhd (CAD) dan Contraves Electrodynamics Sdn Bhd (CED) (Plaintif) memfailkan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan terhadap Boustead Heavy Industries Corporation Bhd (BHIC), BHIC Defence Technologies Sdn Bhd (BHICDT) dan Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (LUNAS) dan dua Pengarah Nominee BHICDT dalam CAD. Plaintif memohon beberapa relif, termasuk pengisytiharan bahawa 12 surat tawaran kepada CAD daripada LUNAS masih sah dan wujud, pembayaran jumlah tertunggak, ganti rugi dan injunksi untuk menghalang defendan daripada pelbagai tindakan.

Tempoh masa litigasi termasuk beberapa pembelaan dan BHIC serta defendan lain telah memfailkan permohonan untuk membatalkan tuntutan, dengan kes ditetapkan pada 30 November 2022.

Pada 29 November 2023, Plaintif telah mencapai satu penyelesaian dengan LUNAS dan akhirnya dengan Plaintif pada 4 Januari 2024 untuk menghentikan kes ke atas LUNAS dan seterusnya, LUNAS telah menarik balik permohonan penolakannya ke atas Plaintif.

Pada 8 Februari 2024, Mahkamah telah membenarkan permohonan penolakan oleh BHIC/BHICDT beserta kos yang akan dibayar oleh Sylvia Sinniah kepada BHIC/BHICDT. Hakim juga telah membenarkan permohonan penolakan oleh Dr. Salihin dan Dato' Syed, sebagai 2 orang Penama Pengarah di dalam CAD, beserta kos yang akan ditanggung oleh mereka.

Jumlah jaminan bank yang dikeluarkan oleh Kumpulan kepada pihak ketiga adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2023 RM'000	2022 RM'000
Bon pelaksanaan bagi kontrak yang dianugerahkan kepada syarikat-syarikat subsidiari		
• Kerajaan Malaysia	88,262	637,176
• Pihak ketiga lain	439,903	451,320
	528,165	1,088,496

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

42. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kumpulan dan LTAT adalah terdedah kepada pelbagai risiko kewangan, termasuk risiko kecairan dan aliran tunai, risiko kadar faedah, risiko kredit, risiko pasaran dan risiko pertukaran mata wang. Objektif pengurusan risiko-risiko kewangan tersebut adalah untuk memastikan wujudnya penambahan nilai kepada pemegang-pemegang saham dengan meminimumkan kemungkinan kesan-kesan yang bertentangan dan menggugat prestasi kewangan syarikat.

Kumpulan dan LTAT melaksanakan proses pengurusan risiko yang komprehensif termasuk mengenal pasti, menganalisis, mengkaji dan memantau pelbagai risiko kewangan utama yang merangkumi risiko operasi, pelaburan, pasaran, risiko kecairan dan risiko kadar faedah. Gambaran keseluruhan risiko-risiko kewangan dan tindakan pengurangan risiko yang disenaraikan di atas adalah sebagaimana perincian berikut.

Syarikat Subsidiari/Perbadanan

i. Risiko Kecairan Dan Aliran Tunai

Pengurusan risiko kecairan diamalkan secara cermat dan berhati-hati dengan mengekalkan dana pembiayaan yang ada melalui kemudahan kredit komited yang mencukupi.

Analisis profil kematangan liabiliti kewangan Kumpulan berdasarkan kontrak aliran tunai tidak terdiskaun adalah seperti di jadual berikut:

Kumpulan	Amaun dibawa RM'000	Kurang dari 1 tahun RM'000	Antara 1-5 tahun RM'000	Melebihi 5 tahun RM'000
2023				
Akaun belum bayar	2,943,714	2,811,358	132,356	-
2022				
Akaun belum bayar	3,362,582	3,349,048	13,534	-

ii. Risiko Kadar Faedah

Operasi Kumpulan adalah dibiayai oleh aliran tunai dari operasi dan pinjaman-pinjaman di dalam Ringgit Malaysia (RM). Polisi kepada risiko ini adalah untuk memperolehi profil kadar faedah yang wajar melalui penggabungan kemudahan perbankan yang berkadar tetap dan berubah.

Kumpulan	Amaun dibawa RM'000	Kurang dari 1 tahun RM'000
2023		
Deposit	393,048	393,048
Wang Tunai dan Baki Bank	1,654,229	1,654,229
2022		
Deposit	353,065	353,065
Wang Tunai dan Baki Bank	796,649	796,649

iii. Risiko Kredit

Pendedahan kepada risiko kredit dikawal dengan usaha melaburkan aset-aset tunai di dalam pelaburan yang terjamin dan menguntungkan. Risiko kredit juga dikawal dengan menetapkan had kredit, mendapatkan jaminan bank di mana sesuai dan memastikan bahawa jualan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan yang hanya mempunyai sejarah kredit yang bersesuaian dan melaksanakan semakan berkala ke atas kedudukan kewangan pelanggan. BHB dan Power Cables Malaysia Sdn Bhd (PCMSB) beranggapan tiada kerugian risiko kredit yang matang yang dijangkakan terbit daripada kemungkinan kegagalan pelanggan menjelaskan hutang.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

42. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Syarikat Subsidiari/Perbadanan (sambungan)

iv. Risiko Pasaran

Untuk pembelian produk utama, PCMSB menetapkan paras-paras harga tetap dan berubah yang wajar dan di mana sesuai, mendapatkan bekalan fizikal bagi mencapai paras-paras harga tersebut.

v. Risiko Pertukaran Mata Wang

Kumpulan BHB dan PCMSB adalah terdedah kepada risiko mata wang asing disebabkan aktiviti-aktiviti operasi biasa, luaran dan antara subsidiari Kumpulan BHB dan PCMSB di mana mata wang denominasi berbeza dengan mata wang tempatan, Ringgit Malaysia (RM). Polisi Kumpulan BHB dan PCMSB adalah untuk meminimumkan pendedahan operasi subsidiari-subsidiari/aktiviti-aktiviti luar negara kepada risiko transaksi dengan memadamkan hasil mata wang tempatan. Mata wang-mata wang yang menyebabkan timbulnya risiko ini terutamanya ialah *US Dolar*, *Euro*, *Great Britain Pound* dan Rupiah Indonesia. Pendedahan terhadap pertukaran mata wang asing sentiasa dipastikan berada pada tahap yang boleh diterima.

LTAT

LTAT mengadaptasi pengurusan risiko kewangan secara berhemah bagi menguruskan risiko yang timbul dari operasi dan penggunaan instrumen kewangan. Keseluruhan rangka kerja pengurusan risiko bertujuan untuk mengekalkan nilai dana pencarum daripada kerugian yang tidak dijangka dan memberikan pulangan yang mampan dengan cara yang lebih berkesan dan cekap.

Risiko-risiko ini diuruskan sejajar dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Akta LTAT, pihak berkuasa dan pihak berkepentingan. Keseluruhan rangka kerja ini juga sejajar dengan kawalan dalaman yang terdiri daripada satu set dasar dan garis panduan yang diluluskan serta dasar dan rangka kerja dalaman LTAT yang berkaitan dengan pengurusan risiko diluluskan oleh Lembaga Pengarah LTAT.

LTAT melaksanakan proses pengurusan risiko yang komprehensif termasuk mengenal pasti, menganalisis, mengkaji dan memantau pelbagai risiko kewangan utama yang merangkumi risiko operasi, pelaburan, pasaran, risiko kecairan dan risiko kadar faedah. Gambaran keseluruhan risiko-risiko kewangan dan tindakan pengurangan risiko yang disenaraikan di atas adalah sebagaimana perincian berikut:

i. Risiko Operasi

Risiko operasi ditakrifkan sebagai risiko kegagalan atau kelemahan proses kerja dalaman, sumber manusia, penggunaan sistem atau kejadian luaran.

Dalam memastikan pengawasan risiko menyeluruh yang berkesan, LTAT menerapkan pengurusan risiko dalam semua proses kerja berdasarkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Menyeluruh. Rangka kerja yang dibangunkan adalah berdasarkan standard ISO 31000: 2018 Pengurusan Risiko dan Pengurusan Risiko Menyeluruh COSO. LTAT juga mengguna pakai model 3 barisan pertahanan sebagai pendekatan asas untuk memastikan keberkesanan pengurusan risiko.

Rangka kerja ini bertujuan untuk meminimumkan insiden dan memaksimumkan perkhidmatan dengan:

- a. Memahami persekitaran risiko, dan menilai risiko khusus dan potensi pendedahan;
- b. Menentukan cara terbaik untuk menangani risiko dan menguruskan potensi pendedahan risiko;
- c. Menguruskan risiko yang dikenal pasti dengan cara yang sesuai;
- d. Memantau serta memberi jaminan ke atas keberkesanan pengurusan risiko-risiko; dan
- e. Membentangkan pengurusan, penilaian dan pemantauan risiko kepada Pengurusan dan Lembaga secara berkala.

ii. Risiko Pelaburan

Risiko pelaburan melibatkan risiko kerugian berbanding jangkaan pulangan dalam pelaburan. Tiga sumber risiko kewangan yang berkaitan dengan pelaburan di LTAT adalah sebagaimana berikut:

1. Risiko pasaran yang merangkumi risiko ekuiti dan risiko kadar faedah;
2. Risiko kecairan; dan
3. Risiko kredit.

Pengurusan Risiko Pelaburan di LTAT adalah mematuhi polisi dan prosedur pelaburan sedia ada berdasarkan kepada tahap risiko organisasi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

42. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

ii. Risiko Pelaburan (sambungan)

1. Risiko Pasaran

Risiko pasaran adalah risiko kerugian yang berkaitan dengan perubahan nilai instrumen kewangan disebabkan oleh perubahan pelbagai aspek ekonomi yang memberi implikasi negatif kepada pergerakan harga pasaran ekuiti dan kadar faedah.

Pengurusan risiko pasaran untuk ekuiti awam dan pelaburan pendapatan tetap adalah selaras dengan amalan pasaran terbaik yang menggunakan pelbagai pengukuran risiko termasuk nilai Berisiko (VaR), volatiliti, portfolio beta, tempoh dan kedudukan kerugian bertanda ke pasaran (MTM). Tambahan pula, LTAT melakukan ujian tekanan dan analisis sensitiviti secara berkala untuk melengkapkan penilaian risikonya.

a. Risiko Ekuiti

LTAT terdedah kepada risiko ekuiti disebabkan oleh pergerakan harga pasaran dalam pelaburan saham. Kemerosotan nilai pasaran saham adalah dipengaruhi oleh faktor dalaman syarikat dan faktor luaran seperti perubahan politik dan keseluruhan pasaran domestik serta global. Antara pengukuran yang diguna pakai di LTAT untuk menguruskan risiko pasaran adalah had pendedahan, pegangan dan kerugian.

Pemantauan tambahan risiko ini adalah melibatkan simulasi kesan sensitiviti pelaburan ke atas perubahan pasaran.

b. Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah menjejaskan pelaburan dalam sekuriti hutang memandangkan nilai pasaran bagi aset berpendapatan tetap merosot dengan kenaikan kadar faedah semasa. Perubahan kadar faedah memberi impak negatif memandangkan majoriti pelaburan pendapatan tetap di LTAT yang diklasifikasikan dalam Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain (FVOCI) atau Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi (FVTPL).

Memahami keperluan pengurusan risiko ini, LTAT telah membangunkan dasar lindung nilai yang turut merangkumi pengurusan kenaikan kadar faedah dengan cekap. Analisa oleh LTAT meramalkan kadar faedah pasaran dikekalkan pada paras semasa atau trajektori penurunan beransur melalui pemetongan kadar faedah oleh bank pusat. Bagi pendekatan pengurusan proaktif, LTAT berusaha untuk meminimumkan kesan negatif kenaikan kadar faedah dengan mengimbangi profil tempoh pelaburan pendapatan tetap secara strategik.

	Perubahan dalam kadar faedah %	Kesan Keuntungan Sebelum Cukai RM'000
2023		
Instrumen Pendapatan Tetap	+/-10	87,290
2022		
Instrumen Pendapatan Tetap	+/-10	43,468

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

42. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

ii. Risiko Pelaburan (sambungan)

2. Risiko Kecairan

Risiko kecairan ditakrifkan sebagai risiko kegagalan memenuhi komitmen pembayaran dan obligasi seperti caruman ahli, operasi harian, pembayaran pelaburan dan tuntutan dari pihak berkaitan.

LTAT telah menangani risiko secara berhemat melalui inisiatif berikut sebagai pengurusan kecairan. Inisiatif-inisiatif ini juga bertujuan untuk memenuhi keperluan pembiayaan di samping menilai profil kecairan dana sebelum isu kecairan berlaku.

- Memperuntukkan 5% daripada nilai keseluruhan aset dalam bentuk tunai dan penempatan di institusi kewangan;
- Mengekalkan tahap ketersediaan tunai yang mencukupi di samping menguruskan unjuran aliran tunai bagi memitigasi risiko ini;
- Memantau liabiliti kewangan berdasarkan kumpulan kematangan dan nisbah perlindungan kecairan secara berkala; dan
- Meneliti profil pembubaran portfolio untuk berada dalam ambang yang diluluskan.

Perincian profil kematangan liabiliti LTAT adalah seperti berikut:

	Amaun dibawa RM'000	Kurang dari 1 tahun RM'000	Antara 1-5 tahun RM'000	Melebihi 5 tahun RM'000
2023				
Akaun belum bayar	641,679	607,493	31,834	2,352
2022				
Akaun belum bayar	568,905	535,783	32,378	744

3. Risiko Kredit

Risiko kredit melibatkan risiko kerugian yang berpunca daripada ketidakmampuan peminjam untuk membuat pembayaran dan memenuhi obligasi kewangannya. Pendedahan kepada risiko kredit ini wujud melalui pelaburan pendapatan tetap, pasaran wang dan pelaburan alternatif.

Pengurusan risiko kredit di LTAT merangkumi langkah-langkah mitigasi berikut:

- Kualiti kredit sesuatu instrumen adalah tertakluk kepada minimum kadaran yang dibenarkan;
- Penilaian kredit yang ketat bagi kemasukan penerbit baharu ke dalam sejagat;
- Penilaian komprehensif yang dijalankan ke atas cadangan pelaburan baharu;
- Analisis pendedahan yang merangkumi nilai Kerugian Kredit Dijangka dan Rosot Nilai untuk menentukan elaun Kerugian sesuatu instrumen; dan
- Semakan berterusan senarai rakan niaga yang diluluskan untuk urus niaga pasaran wang.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

43. PENGUKURAN NILAI SAKSAMA

Hierarki nilai saksama

Aset dan liabiliti yang diukur pada nilai saksama pada tarikh pelaporan dianalisis mengikut tahap dalam hierarki nilai saksama seperti berikut:

Kumpulan	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
2023				
Aset Kewangan				
Aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain				
• disebut harga	1,240,951	-	-	1,240,951
• tidak disebut harga	-	74,258	235,175	309,433
• instrumen pasaran wang	-	828,721	-	828,721
Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi				
• disebut harga	85,936	-	-	85,936
	1,326,887	902,979	235,175	2,465,041
Aset Bukan Kewangan				
Pelaburan hartanah	-	-	2,341,397	2,341,397
Aset biologi	-	-	29,948	29,948
Liabiliti Kewangan				
Liabiliti derivatif	-	5,865	-	5,865
2022				
Aset Kewangan				
Aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain				
• disebut harga	1,176,214	-	-	1,176,214
• tidak disebut harga	-	1,598,753	324,166	1,922,919
• instrumen pasaran wang	-	2,583,611	-	2,583,611
Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi				
• disebut harga	205,133	-	110,395	315,528
• tidak disebut harga	-	15,115	-	15,115
• instrumen pasaran wang	-	382,925	-	382,925
Aset derivatif	-	495,389	-	495,389
	1,381,347	5,075,793	434,561	6,891,701
Aset Bukan Kewangan				
Pelaburan hartanah	-	-	2,136,720	2,136,720
Aset biologi	-	-	31,385	31,385
Liabiliti Kewangan				
Liabiliti derivatif	-	544,281	-	544,281
Lain-lain liabiliti	149	-	-	149

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

43. PENGUKURAN NILAI SAKSAMA (SAMBUNGAN)

Hierarki nilai saksama (sambungan)

LTAT	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
2023				
Aset Kewangan				
Aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain				
• disebut harga	1,137,522	-	-	1,137,522
• tidak disebut harga	-	-	235,365	235,365
• instrumen pasaran wang	-	828,721	-	828,721
Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi				
• disebut harga	54,521	-	-	54,521
• pelaburan pendapatan tetap	-	150,145	-	150,145
	1,192,043	978,866	235,365	2,406,274
Aset Bukan Kewangan				
Pelaburan hartanah	-	-	457,008	457,008
2022				
Aset Kewangan				
Aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain				
• disebut harga	1,071,534	-	-	1,071,534
• tidak disebut harga	-	-	93,438	93,438
• pelaburan pendapatan tetap	-	561,468	-	561,468
Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi				
• disebut harga	137,650	-	-	137,650
• pelaburan pendapatan tetap	-	150,016	-	150,016
	1,209,184	711,484	93,438	2,014,106
Aset Bukan Kewangan				
Pelaburan hartanah	-	-	457,000	457,000

Pada tarikh pelaporan, aset kewangan yang diukur dengan teknik-teknik penilaian menggunakan input yang tidak boleh diperhatikan dengan ketara (Tahap 3) termasuk saham tidak disebut harga.

Bagi kepentingan anggaran, Kumpulan dan LTAT menggunakan pendekatan yang terkini berdasarkan metodologi aliran tunai terdiskaun yang diluluskan untuk penilaian nilai saksama. Pelarasan ini menunjukkan nilai-nilai anggaran yang digunakan oleh Kumpulan dan LTAT bagi penilaian yang dihasilkan berdasarkan ketidaktentuan dalam input adalah sesuai.

Pelaburan hartanah diukur pada nilai saksama menggunakan laporan penilaian yang disediakan oleh penilai profesional bebas berdasarkan pendekatan pasaran dan pendapatan. Penilaian dilaksanakan dengan mengambil kira jenis hartanah, ukuran, lokasi, jangka masa, sekatan hak milik dan ciri-ciri lain yang relevan. Perubahan pada nilai hartanah pada Tahap 3 dianalisis secara tahunan apabila laporan penilaian dari penilai bebas diperolehi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

44. OBLIGASI PAJAKAN OPERASI

Kumpulan dan LTAT sebagai Pemberi Pajak

Kumpulan dan LTAT telah memeterai pajakan hartanah komersial bagi pelaburan hartanah. Pajakan yang tidak boleh dibatalkan ini mempunyai baki tempoh pajakan di antara satu hingga tiga tahun. Semua pajakan memasukkan klausa yang membolehkan penyemakan semula ke atas caj sewaan apabila pembaharuan pajakan dibuat berdasarkan keadaan pasaran semasa.

Jumlah pembayaran pajakan minimum pada masa hadapan di bawah pajakan operasi tidak boleh dibatalkan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		LTAT	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Dalam 1 tahun	84,730	83,700	21,404	22,862
Selepas setahun tetapi tidak lebih daripada 5 tahun	76,581	66,366	21,597	32,697
	161,311	150,066	43,001	55,559

45. URUS NIAGA PENTING ANTARA PIHAK BERKAITAN

Bagi tujuan penyediaan laporan kewangan ini, sesuatu entiti dianggap berkaitan dengan LTAT jika LTAT memiliki kawalan dan keupayaan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal bersama entiti atau mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas entiti tersebut dalam membuat keputusan kewangan atau operasi, atau sebaliknya.

Transaksi dan Baki Signifikan Entiti Berkaitan

LTAT adalah sebuah badan berkanun yang tertakluk di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertahanan, yang akan melapor terus kepada Kerajaan Persekutuan Malaysia. Berdasarkan MFRS 124 Pendedahan Pihak Berkaitan, LTAT perlu mendedahkan sebarang transaksi yang melibatkan entiti-entiti yang dimana LTAT mempunyai pengaruh yang signifikan ke atasnya atau sebaliknya.

Urus niaga penting antara pihak berkaitan yang berlaku adalah seperti berikut:

	LTAT	
	2023 RM'000	2022 RM'000
Urus niaga dengan syarikat subsidiari/perbadanan		
Pendapatan		
Faedah daripada pasaran wang	10,806	5,244
Keuntungan daripada pasaran wang Perbankan Islam	662	219
Faedah daripada Nota Jangka Pertengahan	19,399	19,349
Keuntungan daripada Junior Sukuk Musharakah	17,408	15,150
Faedah daripada pendahuluan kepada Perbadanan	1,901	3,124
Sewaan	278	878
Dividen diterima	433,155	318,536
Keuntungan/(Kerugian) penjualan saham	15,769	(8,787)
Pendapatan pelbagai	1,226	219
	500,604	353,932

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

45. URUS NIAGA PENTING ANTARA PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

	LTAT	
	2023 RM'000	2022 RM'000
Perbelanjaan		
Yuran pengurusan penyenggaraan bangunan dan inventori	100	341
Penyenggaraan bangunan	2,157	2,695
Yuran pengurusan portfolio	5	116
	2,262	3,152
Amaun terhutang daripada syarikat berkaitan		
Pendahuluan kepada/amaun terhutang daripada Perbadanan	33,892	36,992
Faedah/keuntungan terakru daripada deposit dan pasaran wang	78	25
Faedah terakru daripada pendahuluan kepada PPHM	5,472	6,818
Dividen belum terima	43,849	45,027
Pendapatan daripada pengurusan portfolio	-	146
Deposit dan jaminan	29,293	29,293
Penjualan saham	1,321	1,321
Penghutang pelbagai	42,942	1
Deposit jangka pendek dan pasaran wang dan Perbankan Islam	33,129	29,956
Deposit daripada pengurusan portfolio	-	8,356
Wang tunai dan baki bank dipegang oleh Affin Bank	472,897	895,351
Wang tunai dipegang oleh Affin Hwang Investment	-	64
	662,873	1,053,350
Amaun terhutang kepada syarikat berkaitan		
Yuran pengurusan penyenggaraan bangunan	173	272
Projek Taman LTAT, Bukit Jalil	1,908	8,965
Deposit dan jaminan	149	271
Yuran pengurusan portfolio	-	29
Pendapatan lain	748	638
	2,978	10,175
Urus niaga dengan syarikat bersekutu		
Pendapatan		
Dividen diterima	12,084	68,456
Keuntungan penjualan saham	70,972	121,642
Pendapatan lain	10,497	60
Pendapatan pelbagai	27	26
	93,580	190,184
Amaun terhutang daripada syarikat bersekutu		
Penghutang saham	4,171	4,821
Dividen akan diterima	4,450	10,200
Penghutang lain-lain	65	119
	8,686	15,140

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

45. URUS NIAGA PENTING ANTARA PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

Urus niaga penting dengan Kerajaan Malaysia oleh Kumpulan

- a. Pada 21 Mei 2021, LUNAS, syarikat subsidiari BHB telah menerima surat bertarikh 26 April 2021 daripada Kementerian Pertahanan Malaysia (KEMENTAH) untuk kerja-kerja pembaikan di KD LEDANG pada nilai kontrak sebanyak RM52.0 juta. LUNAS telah menandatangani perubahan kerja yang meningkatkan jumlah kontrak sebanyak RM7.9 juta.

Pada 11 Mac 2021, LUNAS menerima surat bertarikh 26 Februari 2021 daripada KEMENTAH untuk kerja-kerja pembaikan di KD KASTURI pada nilai kontrak RM40.8 juta. LUNAS telah menandatangani perubahan kerja yang meningkatkan jumlah kontrak sebanyak RM19.1 juta.

Pada 20 Jun 2019, LUNAS telah menerima surat bertarikh 14 Jun 2019 dari KEMENTAH untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan di KD TERENGGANU dengan nilai kontrak RM96.0 juta. LUNAS telah menandatangani perubahan kerja yang meningkatkan jumlah kontrak sebanyak RM3 juta pada 21 Mei 2021.

Pada 10 April 2018, berdasarkan surat bertarikh 14 Mac 2018 yang diterima daripada KEMENTAH, LUNAS telah melaksanakan penyelenggaraan dan menaik taraf Sistem Pengurusan Pertempuran bagi KD Jebat dengan nilai kontrak berjumlah RM44.8 juta.

- b. Pada 16 Disember 2011, LUNAS telah menerima surat lantikan daripada KEMENTAH untuk mereka bentuk, membina, melengkap, memasang, mengintegrasikan, menguji dan mencuba dan menyerahkan 6 unit "Second Generation Patrol Vessels Littoral Combat Ships (Frigate Class)" (LCS) pada kontrak bernilai RM9.0 billion. Kontrak rasmi telah ditandatangani pada 17 Julai 2014.

Pada tahun 2019, Menteri Pertahanan pada masa itu membuat kenyataan di Parlimen mengenai kelewatan dalam penghantaran LCS. Pengumuman tersebut menyatakan LUNAS telah memohon pesanan variasi (VO) untuk menyiapkan projek tersebut. Seterusnya, beberapa siri perbincangan dan rundingan telah diadakan antara Kerajaan Malaysia dan LUNAS.

Memandangkan keadaan projek tersebut, Kumpulan BHB telah mengadakan sesi perbincangan secara aktif dengan KEMENTAH dan pelbagai agensi kerajaan sejak 7 Mei 2021 melalui beberapa siri rundingan dan bengkel untuk mempertimbangkan mekanisme bagi menyambung projek LCS ini. Usaha ini telah membawa kepada pengumuman oleh Menteri Kanan Pertahanan pada 20 April 2022 bahawa Kabinet telah meluluskan sambungan bagi projek tersebut.

Pada 31 Mei 2022, KEMENTAH dan LUNAS telah memeterai Perjanjian Tambahan Kelima untuk mobilisasi projek ini, antara lain, bagi menyambung bayaran kepada pemiutang, iaitu Pengilang Kelengkapan Asli (OEM), vendor dan institusi kewangan. Mobilisasi telah selesai pada November 2022. Selain daripada aktiviti mobilisasi projek tersebut, tidak terdapat perbezaan ketara di antara kandungan kontrak utama dengan Perjanjian Tambahan tersebut.

Pada 26 Mei 2023, KEMENTAH dan LUNAS telah menandatangani Kontrak Tambahan Ke-6 untuk mengubah kontrak, antara lain, untuk mengurangkan kapal LCS daripada 6 unit kepada 5 unit, lanjutan tempoh kontrak bagi penghantaran kapal pertama, diuji penuh dan dicuba pada Ogos 2026 dan kapal kelima pada April 2029. Jumlah harga kontrak telah disemak kepada RM11.2 bilion. Terma bayaran telah diubah daripada petanda aktiviti kepada kemajuan kerja yang mencerminkan elemen berbeza di dalam kontrak, berdasarkan wajaran reka bentuk, kelengkapan, pembinaan dan percubaan dan permulaan. Berdasarkan perkembangan perundingan dengan KEMENTAH.

Kumpulan BHB telah mengiktiraf peruntukan bagi kontrak yang berat berjumlah RM466.3 juta pada tahun kewangan semasa.

- c. Pada 29 Mei 2023, BHB mengumumkan penerimaan surat dari Menteri Kewangan Berkanun mengenai niatnya untuk memperoleh 68.85%, atau keseluruhan kepentingan ekuiti BHB di LUNAS, yang tertakluk kepada rundingan antara pihak berkaitan.

Pada tarikh yang sama, BHIC juga mengumumkan penerimaan surat dari Menteri Kewangan Diperbadankan mengenai hasrat untuk memperoleh 20.8%, atau keseluruhan kepentingan ekuiti BHIC di LUNAS, yang tertakluk kepada rundingan antara pihak berkaitan.

Pada 21 Ogos 2023, BHB telah memeterai perjanjian jualan saham dengan Ocean bagi cadangan penjualan kesemua ekuiti BHB di dalam LUNAS dengan harga RM1. Cadangan penjualan blok BHB sebanyak 68.85% tersebut telah selesai pada 2 November 2023. Keuntungan hasil daripada jualan ini kepada Kumpulan BHB ialah RM1,312.8 juta.

Bagi pihak BHIC, penjualan 20.8% masih belum dapat diselesaikan. Oleh itu, LUNAS adalah dikelaskan sebagai syarikat bersekutu di peringkat Kumpulan BHB.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

45. URUS NIAGA PENTING ANTARA PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

Urus niaga penting dengan Kerajaan Malaysia oleh Kumpulan (sambungan)

- d. Pada 16 Mac 2011, Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd (PLSB), syarikat subsidiari milik penuh Pharmaniaga Bhd telah menandatangani Perjanjian Konsesi dengan Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tempoh sepuluh (10) tahun berakhir pada 30 November 2019 bagi hak dan kuasa untuk membeli, menyimpan, membekal dan mengedar produk yang diluluskan (ubat dan bukan ubat yang diluluskan oleh KKM) kepada pelanggan sektor awam (seperti hospital kerajaan, pejabat kesihatan, klinik kesihatan, klinik pergigian atau mana-mana institusi kesihatan seumpamanya di Malaysia yang dikendalikan dan dikawal oleh KKM dan seperti yang ditetapkan oleh KKM dari semasa ke semasa) dan pembangunan Sistem Maklumat Farmasi dan Sistem Farmasi Klinik di hospital dan klinik kerajaan.

Pada bulan November 2019, PLSB telah menerima surat daripada KKM untuk melanjutkan perkhidmatannya bagi penyediaan perubatan dan bekalan perubatan kepada fasiliti-fasiliti KKM untuk tempoh masa 25 bulan bermula pada 1 Disember 2019 sehingga 31 Disember 2022 (Tempoh Interim). Selain itu, Kumpulan juga telah mendapatkan kontrak untuk terus menyediakan perkhidmatan logistik dan pengedaran kepada KKM untuk tempoh lima (5) tahun yang berakhir pada 30 November 2024.

Pada 28 Disember 2021, KKM mengeluarkan surat lanjutan kepada PLSB untuk melanjutkan Tempoh Interim selama satu tahun hingga 31 Disember 2022. Terma dan syarat lainnya, termasuk lanjutan selama 5 tahun berhubung perkhidmatan logistik dan pengedaran, kekal berlaku tanpa perubahan lanjut.

Pada 6 Januari 2022, KKM telah mengeluarkan surat lain yang menyatakan persetujuannya secara prinsip untuk menandatangani perjanjian konsesi selama 10 tahun dengan PLSB bagi perolehan ubat-ubatan dan bekalan perubatan serta logistik dan pengedaran produk yang diluluskan. Perjanjian konsesi 10 tahun ini akan menggantikan pengaturan konsesi sedia ada selepas pelaksanaannya, termasuk Tempoh Interim untuk perolehan ubat-ubatan dan bekalan perubatan berakhir 31 Disember 2022 dan perkhidmatan logistik dan pengedaran sehingga 30 November 2024.

Pada 29 Disember 2022, PLSB telah menerima surat daripada KKM memaklumkan bahawa Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS) telah bersetuju untuk melanjutkan Tempoh Interim bagi peruntukan bekalan ubat dan perubatan kepada kemudahan KKM bagi tempoh tambahan selama 6 bulan sehingga 30 Jun 2023, tertakluk kepada pemuktamadan perjanjian konsesi yang baru.

Pada 12 Julai 2023, KKM telah mengeluarkan surat termasuk terma utama yang dipersetujui kepada PLSB bagi perkhidmatan logistik bekalan perubatan yang baru bagi tempoh 7 tahun, bermula daripada 1 Julai 2023 hingga 30 Jun 2030. Berikutan pengeluaran surat tersebut, tempoh Interim yang bermula pada 1 Disember 2019 bagi memberikan perkhidmatan bekalan perubatan dan kesihatan telah berakhir pada 30 Jun 2023.

Perjanjian konsesi yang baru kemudiannya ditandatangani pada 3 Januari 2024. Perjanjian baru ini akan berkuatkuasa secara retrospektif mulai 1 Julai 2023 dan akan berkuatkuasa selama tempoh 7 tahun sehingga 30 Jun 2030.

46. PERKARA-PERKARA PENTING

- a. Pada 2 Mac 2023, UOB Kay Hian (M) Securities Sdn. Bhd. yang mewakili pihak Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) telah mengeluarkan notis tawaran pengambilalihan sukarela bersyarat kepada BHB, yang kemudian diterima oleh pihak BHB, untuk membeli semua baki saham biasa dalam BHB (Saham BHB), yang masih belum dipegang oleh LTAT untuk harga tawaran tunai RM0.855 setiap Saham BHB (Tawaran).

Tawaran ini adalah tidak bergantung kepada sebarang syarat tahap penerimaan minimum Saham BHB kerana LTAT sudah memegang lebih daripada 50% daripada semua saham BHB. Walau bagaimanapun, tawaran ini adalah bergantung kepada syarat kelulusan daripada pihak Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah Seksyen 87(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Seksyen 99(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk membenarkan LTAT membeli sehingga 100% kepentingan ekuiti dalam BHB yang dituruti dengan perubahan berikutnya kepada kepentingan ekuiti berkesan LTAT dalam Affin Bank Berhad, Affin Hwang Investment Bank Berhad dan Affin Islamic Bank Berhad (Syarat BNM).

Pada 19 Mei 2023, tawaran tersebut telah menjadi tidak bersyarat kerana BNM telah memberikan kelulusan berdasarkan Seksyen 90(3)(a) FSA dan Seksyen 102(3) IFSA berkenaan perkara di bawah Seksyen 87 FSA dan Seksyen 99 IFSA untuk LTAT meningkatkan agregat pegangan efektif di dalam saham Affin sehingga 49.2% (atas dasar LTAT membeli sehingga 100% pegangan ekuiti di dalam BHB yang mengakibatkan perubahan kepada pegangan efektif ekuiti LTAT di dalam Kumpulan Affin Bank Bhd).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

46. PERKARA-PERKARA PENTING (SAMBUNGAN)

Pada 12 Jun 2023, UOB telah mengumumkan bahawa LTAT telah menerima penerimaan yang sah, berserta dengan saham BHB yang telah dibeli, dipegang atau berhak untuk dibeli atau dipegang oleh LTAT yang menyebabkan 90% atau lebih pegangan oleh LTAT di dalam saham tersenarai BHB. Sehubungan itu, LTAT berhak untuk dan akan menggunakan peruntukan subseksyen 222(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan untuk membeli secara mandatori baki saham BHB yang belum diterima di bawah tawaran tersebut.

Pada 20 Jun 2023, Bursa Securities telah menggantung saham BHB daripada diniagakan dan pada 28 Jun 2023, kesemua modal saham BHB yang diterbitkan telah dikeluarkan daripada penyenaian rasmi oleh Bursa Securities.

- b. Pada 24 Ogos 2023, BHB, LTAT dan Kuala Lumpur Kepong Bhd (KLK) telah memeterai Perjanjian Kerjasama Strategik (SCA) berkenaan perkara berkaitan yang berikut:
 - i. Cadangan penjualan saham biasa oleh BHB sebanyak 739,199,966 di dalam Boustead Plantations Bhd (BPlant) yang mewakili 33% dan 1 saham daripada jumlah saham yang diterbitkan oleh BPlant, kepada KLK untuk bayaran tunai berjumlah RM1,145.8 juta atau RM1.55 sesaham;
 - ii. Cadangan tawaran pengambilalihan mandatori untuk membeli semua baki saham yang tidak dimiliki oleh BHB, LTAT dan KLK hasil daripada cadangan jualan pada harga tawaran RM1.55 sesaham; dan
 - iii. Memperbaiki keberkesanan operasi dan pulangan minyak sawit mentah perladangan oleh BPlant bagi tempoh jangka panjang.

Pada 4 Oktober 2023, BHB dan LTAT telah mengumumkan yang syarat pendahuluan di bawah SCA tidak akan dipenuhi semasa tarikh akhir 6 Oktober 2023 dan sehubungan itu, semua pihak di dalam SCA telah saling bersetuju untuk tidak meneruskan cadangan kerjasama strategik tersebut dan menamatkan SCA tersebut berkuatkuasa serta-merta pada 4 Oktober 2023.

- c. Pada 5 Oktober 2023, BHB dan LTAT telah menerima surat daripada LTAT mengenai hasrat untuk meneruskan tawaran am ke atas BPlant pada harga tawaran RM1.55 sesaham, walaupun SCA telah ditamatkan, tertakluk kepada kelulusan pihak pengawal selia.

Pada 10 November 2023, LTAT telah membeli 739,199,966 saham daripada BHB dengan bayaran tunai berjumlah RM1,145.8 juta atau RM1.55 sesaham. Sehubungan itu, pegangan saham BHB di dalam BPlant telah berkurang kepada 524,608,034 saham atau 24.42% daripada modal berbayar BPlant. Berikutan itu, BPlant telah dikelaskan sebagai Syarikat Bersekutu di dalam penyata kewangan BHB. Jualan 33% pegangan di dalam BPlant telah mencatatkan keuntungan masing-masing sebanyak RM431.9 juta di peringkat Kumpulan BHB dan RM1,789.4 juta di peringkat Syarikat BHB.

Sejurus selepas pembelian oleh BHB, LTAT telah melancarkan Tawaran Am untuk membeli semua baki saham di dalam BPlant yang masih tidak dimiliki oleh LTAT dengan tawaran harga tunai pada RM1.55 sesaham. Pada 5 Januari 2024, LTAT mengumumkan bahawa LTAT dan pihak yang bertindak bersama memegang lebih daripada 90% saham BPlant dan tidak akan mengekalkan status penyenaian BPlant. Oleh itu, BPlant telah dinyahsenaraikan daripada Pasaran Utama dalam Bursa Malaysia Securities Bhd pada 23 Januari 2024.

- d. Pada 27 Februari 2023, Pharmaniaga Bhd mengumumkan yang kriteria di bawah Perenggan 2.1(a) dalam Nota Amalan 17 (PN17) Main Market Listing Requirements (MMLR) Bursa Malaysia telah dicetuskan kerana ekuiti pemegang sahamnya adalah kurang daripada RM40.0 juta dan adalah 25% daripada jumlah modal terbitan dan berbayar pada 31 Disember 2022. Sehubungan itu, Pharmaniaga Bhd dikehendaki untuk menyerahkan pelan penyelarasan untuk menyelaras keadaan kewangan Kumpulan dan kadar operasi berdasarkan Perenggan 8.04(3) MMLR Bursa Malaysia.

Pada 29 November 2023, Pharmaniaga Bhd telah mengumumkan pelan awalnya untuk menyelaras keadaan kewangan mengikut Perenggan 8.04(3) MMLR Bursa Malaysia. Pelan tersebut, secara kolektif dirujuk sebagai Cadangan Pelan Penyelarasan Awal, adalah termasuk:

- i. Cadangan pengurangan modal bagi modal saham terbitan Pharmaniaga Bhd dengan cara membatalkan modal saham terbitan sebanyak RM180.0 juta yang telah hilang dan/atau tidak dikemukakan oleh aset yang tersedia mengikut Seksyen 116 Akta Syarikat 2016 (Akta) (Cadangan Pengurangan Modal);
- ii. Cadangan terbitan hak yang boleh ditolak berjumlah sehingga 1,182,038,540 saham biasa baru dalam saham Pharmaniaga Bhd (saham hak) pada kadar 4 saham hak untuk setiap 5 pegangan saham Pharmaniaga Bhd yang sedia ada, berserta dengan waran boleh dilepaskan (Waran) pada kadar 1 waran untuk setiap saham hak yang dilanggan, pada tarikh kelayakan yang akan ditetapkan dan diumumkan kemudian oleh Lembaga Pengarah (Cadangan Terbitan Hak dengan Waran); dan
- iii. Cadangan penempatan persendirian berjumlah sehingga 714,285,715 saham Pharmaniaga Bhd baru (penempatan saham) yang mewakili sehingga anggaran 26.9% daripada terbitan modal saham yang lebih besar selepas Cadangan Terbitan Hak dengan Waran kepada pelabur pihak ketiga yang akan dikenalpasti kemudian pada harga terbitan yang akan ditetapkan kemudian (Cadangan Penempatan Persendirian).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

46. PERKARA-PERKARA PENTING (SAMBUNGAN)

- d. Pada 19 Februari 2024, MIDF Investment mengumumkan bahawa Pharmaniaga Bhd mencadangkan untuk membuat semakan kepada Cadangan Terbitan Hak dengan Waran dan Cadangan Penempatan Persendirian yang telah dikemukakan dalam Pelan Cadangan Penyelarasan. Semakan ke atas Pelan Cadangan Penyelarasan adalah termasuk:
 - i. Cadangan terbitan hak boleh dilepaskan bagi Saham Hak untuk mengumpul hasil kasar sehingga jumlah RM354.6 juta, berserta dengan waran boleh dilepaskan percuma pada kadar 1 waran bagi setiap 1 saham hak yang dilanggan pada tarikh kelayakan; dan
 - ii. Cadangan penempatan persendirian bagi Penempatan Saham kepada pelabur pihak ketiga yang akan dikenalpasti kemudian untuk mengumpul hasil kasar sehingga jumlah RM300.0 juta.

Cadangan Pengurangan Modal tersebut seperti yang didedahkan di dalam Cadangan Pelan Penyelarasan Awal akan kekal tanpa perubahan. Semakan bagi Cadangan Terbitan Hak dengan Waran dan semakan Cadangan Penempatan Persendirian beserta dengan Cadangan Pengurangan Modal akan dirujuk sebagai Cadangan Pelan Penyelarasan.

Pada 19 Februari 2024, BHB telah mengeluarkan surat akujanji yang tidak boleh ditarikbalik untuk melanggan keseluruhan had layak BHB pada tarikh kelayakan di bawah Cadangan Terbitan Hak dengan Waran berdasarkan pegangan sahamnya. Akujanji oleh BHB bagi kelayakan tersebut adalah tertakluk kepada bayaran tunai yang akan dihadkan pada RM163.0 juta bagi nilai Saham Hak.

Pharmaniaga Bhd akan mendapatkan akujanji daripada LTAT untuk melanggan semua had kelayakan LTAT pada tarikh kelayakan tersebut di bawah Cadangan Terbitan Hak dengan Waran berdasarkan pegangan sahamnya. Akujanji oleh LTAT untuk had kelayakannya adalah tertakluk kepada bayaran tunai yang dihadkan pada RM27.1 juta bagi nilai Saham Hak. Dalam keadaan LTAT tidak melanggan keseluruhan had kelayakannya, LTAT boleh menyalurkan kadar tidak dilanggan tersebut kepada BHB untuk memastikan yang kelayakan untuk LTAT dan BHB adalah dilanggan sepenuhnya.

LTAT dan BHB akan memastikan yang gabungan peratusan pegangan kedua-duanya dalam pegangan saham selepas Cadangan Saham Hak dengan Waran, tetapi sebelum terbitan saham baru Pharmaniaga Bhd berdasarkan Cadangan Penempatan Persendirian adalah kekal pada gabungan peratusan pegangan saham pada 19 Februari 2024, iaitu tarikh surat akujanji BHB.

Cadangan Pengurangan Modal, Cadangan terbitan Hak dengan Waran dan Cadangan Penempatan Persendirian adalah mempunyai syarat yang saling berkait tetapi tidak bersyaratkan atas sebarang cadangan korporat lain yang dilaksanakan atau akan dilaksanakan oleh Pharmaniaga Bhd. Lembaga Pengarah Pharmaniaga Bhd berhasrat untuk melaksanakan Cadangan Terbitan Hak dengan Waran serentak dengan Cadangan Penempatan Persendirian selepas selesai Cadangan Pengurangan Modal.

Cadangan Pelan Penyelarasan tersebut dijangka akan selesai pada suku keempat tahun 2024. Pada tarikh penyata kewangan ini, tiada kelulusan telah diperolehi oleh Pharmaniaga Bhd bagi Cadangan Pelan Penyelarasan tersebut.

- e. Pada 7 April 2023, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan surat kepada Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd (PLSB) mengenai perkhidmatan logistik bekalan perubatan yang baru bagi tempoh 7 tahun, bermula pada 7 Julai 2023 hingga 30 Jun 2030 (menggantikan tempoh 10 tahun yang dinyatakan di dalam surat bertarikh 7 April 2023). Susulan surat yang dikeluarkan tersebut, tempoh interim yang bermula pada 1 Disember 2019 untuk perkhidmatan bagi memberikan peruntukan ubat dan bekalan perubatan telah tamat.

Pada 3 Januari 2024, PLSB telah menandatangani Perjanjian Konsesi (CA) dengan KKM. CA tersebut akan berkuatkuasa daripada 1 Julai 2023 dan akan kekal berkuatkuasa bagi tempoh 7 tahun sehingga 30 Jun 2030.

- f. Pada 15 Januari 2024, KKM telah mengeluarkan surat kepada PLSB, subsidiari penuh Pharmaniaga Bhd, mengenai pengesahan pelepasan ke atas penalti kena bayar oleh PLSB kerana gagal memenuhi beberapa piawaian prestasi seperti yang dipersetujui di dalam CA bermula daripada 1 Julai 2023 hingga 2 Januari 2024. Sebarang permohonan penalti akan hanya bermula daripada 3 Januari 2024 di bawah terma CA yang baru.

Pada 29 Februari 2024, di dalam perbincangan oleh Pharmaniaga Bhd dengan KKM, telah memohon pelepasan penalti yang dituntut berjumlah RM139.8 juta akibat daripada kegagalan PLSB untuk memenuhi beberapa piawaian prestasi yang dinyatakan di dalam CA yang lepas semasa pandemik Covid-19 daripada Mac 2020 hingga 30 Jun 2023. Seterusnya, Pharmaniaga Bhd telah mengadakan beberapa perbincangan dengan KKM daripada 4 Mac 2024 hingga 6 Mac 2024 untuk bersetuju dengan dasar dan parameter pelepasan bagi kelayakan untuk pelepasan. Hasil daripada perbincangan tersebut, Pharmaniaga Bhd menjangkakan jumlah tuntutan penalti sebanyak RM124.9 juta akan diberikan pelepasan kerana pelepasan ini telah memenuhi parameter yang telah dipersetujui oleh kedua belah pihak dan akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Konsesi di dalam KKM untuk pertimbangan. Daripada jumlah RM124.9 juta bagi pelepasan tersebut, RM77.0 juta telah diiktiraf sebagai penalti kena bayar pada 31 Disember 2023. Baki jumlah sebanyak RM47.9 juta telah ditolak sebelum ini daripada bayaran yang dibuat oleh KKM kepada PLSB.

Pelepasan yang didedahkan di atas adalah peristiwa yang tidak melibatkan pelarasan dan akan diiktiraf pada tahun kewangan semasa pelepasan ini dikuatkuasakan mengikut kontrak.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

47. PENYATAAN SEMULA PERBANDINGAN

Pada tahun kewangan, Kumpulan menyatakan semula perbandingan berkaitan penalti yang perlu dibayar kepada pelanggan oleh Pharmaniaga Bhd dan pengkelasan semula Kumpulan Wang Tabung oleh PERHEBAT. Kumpulan memasukkan dan menganggarkan jumlah penalti yang dinyatakan dalam kontrak dengan pelanggan sebagai satu bentuk pertimbangan yang berubah dalam menentukan harga urus niaga pada permulaan kontrak. Sebelum ini, Kumpulan tidak mempertimbangkan dan mengambil kira penalti dalam pengiktirafan pendapatan.

Selain itu, penyata kewangan PERHEBAT juga telah dinyatakan semula. Ini berkaitan dengan pengelasan semula Kumpulan Wang Tabung yang sebelum ini diklasifikasikan di bawah Pemiutang kepada Ekuiti sebagai sebahagian daripada kategori Rizab.

	Seperti dilaporkan sebelumnya RM'000	Penalti belum bayar RM'000	Kumpulan Wang Tabung RM'000	Seperti dinyatakan semula RM'000
Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2022				
Aset bukan semasa				
Aset cukai tertunda	260,727	21,843	-	282,570
Aset semasa				
Pinjaman dan akaun belum terima	60,870,064	(9,665)	-	60,860,399
Ekuiti				
Rizab	308,351	(62,895)	600	246,056
Kepentingan tak mengawal	8,258,577	(58,057)	-	8,200,520
Liabiliti semasa				
Akaun belum bayar	7,042,564	149,482	(600)	7,191,446
Pencukaian	98,615	(16,352)	-	82,263

	Seperti dilaporkan sebelumnya RM'000	Penalti belum bayar RM'000	Seperti dinyatakan semula RM'000
Penyata pendapatan komprehensif Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022			
Pendapatan	18,714,226	(29,742)	18,684,484
Untung sebelum cukai dan zakat	397,723	(29,742)	367,981
Pencukaian	(492,574)	(7,138)	(499,712)
Untung bersih bagi tahun	1,030,604	(22,604)	1,008,000

48. ANGKA PERBANDINGAN

Persembahan dan klasifikasi item-item tertentu di dalam penyata kewangan ini telah diubah suai. Angka-angka perbandingan bagi item-item tersebut telah dikelaskan semula sejajar dengan tahun semasa.

PENYATA KEWANGAN LTAT

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

<u>Penyata Kedudukan Kewangan</u>	<u>177</u>
<u>Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain</u>	<u>178</u>
<u>Penyata Perubahan Ekuiti</u>	<u>179</u>
<u>Penyata Aliran Tunai</u>	<u>181</u>
<u>Nota-nota kepada Penyata Kewangan</u>	<u>183</u>

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA

Ditubuhkan Dibawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2023

	Nota	2023 RM'000	2022 RM'000
ASET			
Aset Bukan Semasa			
Hartanah dan peralatan	3	88,428	82,492
Pelaburan hartanah	4	457,008	457,000
Hak penggunaan aset	5	22,188	988
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	6	6,699,322	5,288,128
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	7	1,584,620	129,484
Aset kewangan pada kos dilunaskan	8	678,813	440,821
Aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain	9	2,201,608	1,726,440
Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi	10	150,145	150,016
Pinjaman dan akaun belum terima	11	101,734	111,574
Jumlah Aset Bukan Semasa		11,983,866	8,386,943
Aset Semasa			
Inventori	12	857,437	939,639
Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi	10	54,521	137,650
Pinjaman dan akaun belum terima	11	72,120	187,190
Deposit dengan bank dan institusi kewangan lain	13	264,012	352,421
Baki wang tunai dan bank		475,140	895,868
Jumlah Aset Semasa		1,723,230	2,512,768
JUMLAH ASET		13,707,096	10,899,711
EKUITI DAN LIABILITI			
Akaun caruman ahli	14	10,197,782	9,920,034
Rizab	15	387,674	160,616
Jumlah Ekuiti		10,585,456	10,080,650
Liabiliti Bukan Semasa			
Liabiliti manfaat kakitangan	16	118,651	118,651
Liabiliti cukai tertunda	17	4,700	4,700
Liabiliti pajakan	18	18,592	-
Akaun belum bayar	19	34,186	37,070
Pinjaman	21	229,000	-
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		405,129	160,421
Liabiliti Semasa			
Liabiliti manfaat kakitangan	16	7,642	5,681
Liabiliti pajakan	18	3,894	485
Perjanjian beli semula	20	88,241	120,639
Akaun belum bayar	19	607,493	531,835
Pinjaman	21	2,009,241	-
Jumlah Liabiliti Semasa		2,716,511	658,640
Jumlah Liabiliti		3,121,640	819,061
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		13,707,096	10,899,711

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	Nota	2023 RM'000	2022 RM'000
Pendapatan	22	732,021	651,180
Pendapatan lain	23	2,195	813
Kerugian daripada nilai saksama bersih pelaburan hartanah		-	(150)
Jumlah pendapatan bagi tahun		734,216	651,843
Kerugian nilai saksama bersih aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi	24	(3,976)	(15,540)
Rosot nilai ke atas aset kewangan	25	(27,994)	(26,392)
Rosot nilai ke atas aset-aset lain	26	(80,032)	(85,407)
Perbelanjaan pentadbiran	27	(138,838)	(92,035)
Perbelanjaan faedah		(8,242)	-
Untung bersih bagi tahun		475,134	432,469
Pendapatan komprehensif lain			
Item mungkin/akan dikelas semula ke untung atau rugi			
Kerugian bersih ke atas aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain			
• Perubahan ke atas nilai saksama		12,246	(5,195)
• Pindah ke untung atau rugi atas jualan		(79)	(8)
		12,167	(5,203)
Item tidak akan dikelas semula ke untung atau rugi			
Perubahan nilai saksama bersih ke atas aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain			
		1,874	10,102
Pengukuran semula manfaat perubahan selepas persaraan		-	(12,292)
Pengukuran semula manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan		-	(952)
Pengukuran semula gantian cuti rehat		-	(582)
Pendapatan/(Kerugian) komprehensif lain bagi tahun		14,041	(8,927)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		489,175	423,542

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

2023	Akaun Caruman Ahli RM'000	Dana Rizab (Nota 15) RM'000	Rizab Pendapatan Komprehensif Lain (Nota 15) RM'000	Keuntungan Tertahan (Nota 15) RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 1 Januari	9,920,034	198,401	(536,435)	498,650	10,080,650
Untung bersih bagi tahun	-	-	-	475,134	475,134
Keuntungan/(Kerugian) komprehensif lain bagi tahun					
Perubahan nilai saksama bersih ke atas aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain	-	-	14,041	-	14,041
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	14,041	475,134	489,175
Pindah ke keuntungan tertahan ke atas penyahiktirafan aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain	-	-	12,420	(12,420)	-
Transaksi dengan pemilik					
Pengasingan ke akaun dorman	(3,348)	-	-	-	(3,348)
Pindah dari keuntungan tertahan	-	5,555	-	(5,555)	-
Pelarasan caruman/dividen	(158)	-	-	1	(157)
Pelarasan dividen atas caruman kerajaan	(228,162)	-	-	228,162	-
Caruman diterima pada tahun	1,004,512	-	-	-	1,004,512
Dividen pada kadar 5.0% dalam tahun	485,083	-	-	(485,083)	-
Pengeluaran caruman pada tahun	(937,289)	-	-	-	(937,289)
Pengeluaran perumahan pada tahun	(42,827)	-	-	-	(42,827)
Pengeluaran pendidikan pada tahun	(23)	-	-	-	(23)
Pengeluaran haji pada tahun	(40)	-	-	-	(40)
Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya	-	-	-	(5,197)	(5,197)
Jumlah transaksi dengan pemilik	277,748	5,555	-	(267,672)	15,631
Baki pada 31 Disember	10,197,782	203,956	(509,974)	693,692	10,585,456

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI (SAMBUNGAN)**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

2022	Akaun Caruman Ahli RM'000	Dana Rizab (Nota 15) RM'000	Rizab Pendapatan Komprehensif Lain (Nota 15) RM'000	Keuntungan Tertahan (Nota 15) RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 1 Januari	9,665,182	193,304	(477,873)	289,149	9,669,762
Untung bersih bagi tahun	-	-	-	432,469	432,469
Keuntungan/(Kerugian) komprehensif lain bagi tahun					
Perubahan nilai saksama bersih keatas aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain	-	-	4,899	-	4,899
Pengukuran semula manfaat pelan perubatan selepas persaraan	-	-	-	(12,292)	(12,292)
Pengukuran semula manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan	-	-	-	(952)	(952)
Pengukuran semula manfaat pelan gantian cuti rehat	-	-	-	(582)	(582)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	4,899	418,643	423,542
Pindah ke keuntungan tertahan ke atas penyahiktirafan aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain	-	-	(63,461)	63,461	-
Transaksi dengan pemilik					
Pengasingan ke akaun dorman	(5,069)	-	-	-	(5,069)
Pindah dari keuntungan tertahan	-	5,097	-	(5,097)	-
Pelarasan caruman/dividen	55	-	-	1	56
Pelarasan dividen atas caruman kerajaan	(213,474)	-	-	213,474	-
Caruman diterima pada tahun	974,116	-	-	-	974,116
Dividen pada kadar 5.0% dalam tahun	476,454	-	-	(476,454)	-
Pengeluaran caruman pada tahun	(903,841)	-	-	-	(903,841)
Pengeluaran perumahan pada tahun	(43,812)	-	-	-	(43,812)
Pengeluaran pendidikan pada tahun	(32)	-	-	-	(32)
Pengeluaran haji pada tahun	(10)	-	-	-	(10)
Pengeluaran 'one-off' pada tahun	(29,535)	-	-	-	(29,535)
Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya	-	-	-	(4,527)	(4,527)
Jumlah transaksi dengan pemilik	254,852	5,097	-	(272,603)	(12,654)
Baki pada 31 Disember	9,920,034	198,401	(536,435)	498,650	10,080,650

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	Nota	2023 RM'000	2022 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti-Aktiviti Operasi			
Penerimaan tunai daripada pelanggan		44,555	22,059
Penerimaan deposit sewaan dan jaminan		1,984	-
Penerimaan sewaan lain		319	879
Bayaran tunai kepada kakitangan		(58,292)	(54,269)
Bayaran tunai kepada pembekal		(60,099)	(35,498)
Bayaran liabiliti pajakan - sewaan		(4,312)	-
Penerimaan bayaran balik pendahuluan kepada PPHM		-	33,892
Bayaran tunai untuk apungan belanja perubatan		-	(800)
Bayaran semula tender deposit		-	(800)
Bayaran jaminan bank		-	(28,000)
Tunai janaan digunakan untuk aktiviti-aktiviti operasi		(75,845)	(62,537)
Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya		(5,046)	(4,527)
Bayaran manfaat kakitangan		(8,564)	(7,452)
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti-aktiviti operasi		(89,455)	(74,516)
Aliran Tunai Daripada Aktiviti-Aktiviti Pelaburan			
Pembelian hartanah dan peralatan		(10,688)	(9,214)
Pembayaran pajakan aset		(509)	(509)
Pelaburan hartanah		-	(450)
Pelaburan tambahan dalam syarikat subsidiari		(3,239,122)	-
Pembelian aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain		(508,128)	(846,991)
Pembelian aset kewangan pada kos dilunaskan		-	(122,651)
Pembelian pendapatan tetap		(27,023)	-
Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi		10,421	90,914
Pembangunan hartanah dalam perlaksanaan		(28,720)	(26,999)
Penerimaan faedah dan keuntungan		18,469	14,146
Penerimaan daripada penjualan hartanah siap		179,150	392,000
Penerimaan keuntungan daripada pendahuluan kepada/amaun terhutang daripada Perbadanan		6,348	6,668
Pinjaman sokongan kerajaan diterima daripada Kementerian Kewangan		230,000	-
Penerimaan keuntungan daripada Junior Sukuk Musharakah		17,408	15,150
Penjualan syarikat subsidiari		232,091	124,913
Penjualan syarikat bersekutu		85,000	-
Penjualan aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain		343,862	344,644
Penjualan aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi		62,011	-
Penjualan dan penerimaan daripada pelaburan pendapatan tetap		60,402	113,636
Dividen diterima daripada syarikat subsidiari		391,394	221,225
Dividen diterima daripada syarikat bersekutu		17,834	73,656

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMBUNGAN)**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	Nota	2023 RM'000	2022 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti-Aktiviti Pelaburan (sambungan)			
Dividen diterima daripada saham keutamaan boleh tebus terkumpul		500	600
Dividen dan pendapatan lain diterima daripada aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain		55,851	46,836
Perbelanjaan untuk aset kewangan pada nilai saksama ke untung rugi		(133)	-
Bayaran pengurusan dibayar kepada pengurusan portfolio		(215)	-
Dividen dan pendapatan lain diterima daripada pelaburan pada nilai saksama ke untung rugi		782	-
Penebusan saham keutamaan boleh tebus terkumpul		650	2,224
Pendapatan lain daripada syarikat bersekutu		10,666	-
Penerimaan sewaan daripada pelaburan hartanah		27,094	27,053
(Penambahan)/Pengurangan deposit digunakan bagi pelaburan		(288,412)	15,592
Tunai bersih (digunakan untuk)/daripada aktiviti-aktiviti pelaburan		(2,353,017)	482,443
Aliran Tunai Daripada Aktiviti-Aktiviti Pembiayaan			
Penerimaan caruman ahli		1,004,656	972,889
Pengeluaran caruman ahli		(580,399)	(630,778)
Bayaran bagi bahagian caruman kerajaan		(490,922)	-
Pengeluaran daripada kredit pusingan jangka pendek jaminan kerajaan-i		2,000,000	-
Tunai bersih daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan		1,933,335	342,111
(Pengurangan)/Penambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai		(509,137)	750,038
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari		1,248,289	498,251
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember		739,152	1,248,289
Tunai dan kesetaraan tunai			
Deposit dengan bank dan institusi kewangan lain	13	264,012	352,421
Baki wang tunai dan bank		475,140	895,353
Baki wang tunai dipegang oleh pengurusan portfolio		-	515
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember		739,152	1,248,289

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

1. LATAR BELAKANG DAN AKTIVITI UTAMA

Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang lebih dikenali dengan singkatan LTAT, telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Parlimen. Pejabat operasi adalah di Tingkat 12, Bangunan LTAT, Jalan Bukit Bintang, Peti Surat 11542, 50748 Kuala Lumpur. Bermula dari 2 Februari 2023, pejabat operasi telah berpindah ke Tingkat Bawah, Menara Chulan, No. 3 Jalan Conlay, 50450 Kuala Lumpur.

Aktiviti utama Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengikut Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101) adalah bagi mentadbir dan melabur kumpulan wang caruman pegawai-pegawai dan anggota-anggota lain-lain pangkat, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang mencarum secara wajib dan sukarela serta Anggota Kerahan Angkatan Sukarela yang mencarum secara sukarela. Aktiviti ini meliputi proses mengumpul, mengurus dan melabur dana wang caruman dalam pelaburan hartanah (nota 4), pelaburan dalam syarikat subsidiari (nota 6), pelaburan dalam syarikat bersekutu (nota 7), aset kewangan pada kos dilunaskan (nota 8), aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain (nota 9), aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi (nota 10), inventori (nota 12) dan deposit dengan bank dan institusi kewangan lain (nota 13).

LTAT, melalui anak syarikatnya, juga melaksanakan program-program latihan peralihan bagi anggota Angkatan Tentera yang akan atau yang telah bersara.

Bilangan keseluruhan pegawai dan kakitangan LTAT setakat 31 Disember 2023 ialah 339 orang (31 Disember 2022: 299 orang).

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan

(a) Pernyataan Pematuhan

Penyata kewangan LTAT telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan keperluan Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101).

Dasar perakaunan yang diterima pakai adalah konsisten dengan dasar perakaunan tahun kewangan sebelumnya, LTAT menerima pakai MFRS baharu dan pindaan yang diwajibkan untuk tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023, seperti berikut:

Keterangan	Berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas
MFRS 17: Kontrak Insurans	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 101 : Pembentangan Penyata Kewangan - Pendedahan Dasar Perakaunan	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 101 : Pengkelasan Liabiliti Semasa atau Bukan Semasa	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 108 : Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 112 : Cukai Pendapatan - Cukai Tertunda berkaitan Aset dan Liabiliti yang timbul daripada Satu Transaksi	1 Januari 2023

Penerimaan pakai MFRS baharu dan pindaan di atas tidak memberi kesan yang signifikan kepada kedudukan kewangan LTAT.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.1 Asas Penyediaan (sambungan)

(a) Pernyataan Pematuhan (sambungan)

Piawaian yang Dikeluarkan Tapi Belum Berkuatkuasa

Piawaian dan tafsiran yang dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa sehingga tarikh pengeluaran Penyata Kewangan LTAT dinyatakan di bawah.

LTAT berhasrat untuk menerima pakai piawaian ini, jika diterima pakai, apabila ia berkuat kuasa:

Keterangan	Berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas
Pindaan kepada MFRS 16 : Sewaan (Liabiliti Sewaan dalam Jualan atau Sewa Semula)	1 Januari 2024
Pindaan kepada MFRS 101: Liabiliti Bukan Kewangan dengan Perjanjian	1 Januari 2024
Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128 : Penjualan atau Penambahan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama	Ditangguhkan
Penambahbaikan tahunan kepada MFRS 9: Bayaran untuk 10% Ujian Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan	1 Januari 2023
Penambahbaikan tahunan kepada Contoh Ilustrasi yang disertakan bersama MFRS 16: Sewaan: Insentif Sewaan	1 Januari 2023

LTAT menjangkakan bahawa menerima pakai piawaian dan penafsiran di atas tidak akan memberi kesan ketara terhadap penyata kewangan dalam tempoh penggunaan.

(b) Asas Pengukuran

Penyata Kewangan LTAT telah disediakan mengikut kelaziman kos kecuali bagi hartanah tertentu dan instrumen kewangan yang diukur pada amaun penilaian semula atau nilai saksama pada akhir setiap tarikh pelaporan seperti yang dinyatakan dalam dasar-dasar perakaunan di bawah.

(c) Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan yang Signifikan

Penyediaan Penyata Kewangan LTAT memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh pelaporan. Andaian utama berkaitan dengan masa hadapan dan sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko signifikan menyebabkan pelarasan material kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang seperti di bawah:

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.1 Asas Penyediaan (sambungan)

(c) Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan yang Signifikan (sambungan)

i. Rosot Nilai Hartanah dan Peralatan

LTAT mengkaji semula amaun dibawa bagi hartanah dan peralatan pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk rosot nilai.

Jika sebarang petunjuk wujud, jumlah aset boleh diperolehi semula atau nilai kegunaan dianggarkan. Penentuan nilai kegunaan bagi hartanah dan peralatan memerlukan penentuan aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana daripada penggunaan berterusan dan pelupusan aset tersebut. Penyediaan anggaran aliran tunai masa hadapan melibatkan pertimbangan dan anggaran yang signifikan.

Walau bagaimanapun, LTAT percaya bahawa andaian yang wajar dan munasabah, perubahan yang signifikan dalam andaian boleh memberi kesan ke atas penilaian jumlah yang boleh diperolehi dan boleh membawa kepada caj rosot nilai masa hadapan. Sebarang rosot nilai yang terhasil mungkin memberi kesan material ke atas kedudukan kewangan dan operasi LTAT.

ii. Peruntukan Kerugian Kredit Dijangka ke atas Akaun Belum Terima Lain-lain

LTAT menilai risiko kredit pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat peningkatan yang signifikan dalam risiko kredit sejak dari pengiktirafan awal secara individu. Untuk menentukan sama ada terdapat peningkatan yang signifikan dalam risiko kredit, LTAT mempertimbangkan faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang dan keingkar atau kelewatan dalam pembayaran.

Sekiranya terdapat peningkatan yang signifikan dalam risiko kredit, LTAT menentukan kerugian kredit dijangka sepanjang hayat dengan mengambil kira kerugian dan kebarangkalian kepada setiap pelanggan. Aset kewangan dihapuskan sama ada sebahagian atau sepenuhnya apabila tiada prospek pemulihan yang realistik. Ini biasanya berlaku apabila LTAT menentukan bahawa akaun belum terima perdagangan dan akaun belum terima lain-lain tidak mempunyai aset atau sumber pendapatan yang boleh menghasilkan aliran tunai yang mencukupi untuk membayar balik jumlah tertakluk kepada hapus kira.

iii. Pembangunan Hartanah

Pertimbangan signifikan diperlukan dalam penentuan peringkat kesiapan, tahap kos pembangunan hartanah yang ditanggung, anggaran jumlah hasil dan kos pembangunan hartanah dan juga pulangan bagi kos pembangunan hartanah. Dalam membuat pertimbangan, LTAT menilai berdasarkan pengalaman lepas dan juga bergantung kepada kerja pakar.

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan

(a) Syarikat Subsidiari

Subsidiari adalah entiti-entiti termasuk entiti berstruktur, yang dikawal oleh LTAT.

LTAT mengawal entiti apabila ia terdedah, atau mempunyai hak ke atas pulangan boleh ubah daripada penglibatan dengan entiti dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan menerusi kuasanya ke atas entiti. Apabila menilai kawalan, potensi hak mengundi dipertimbangkan hanya apabila hak-hak tersebut adalah substantif. LTAT juga mempertimbangkan kuasa *de facto* ke atas pelaburan walaupun tidak mempunyai majoriti hak mengundi tetapi mempunyai keupayaan untuk mengarahkan aktiviti-aktiviti pelaburan yang memberi kesan signifikan terhadap pulangan pelaburan. Dividen yang diterima daripada subsidiari direkodkan sebagai komponen pendapatan dalam penyata untung atau rugi.

Pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos ditolak rosot nilai (jika ada).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(b) Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti-entiti, termasuk entiti yang tidak diperbadankan, di mana LTAT mempunyai pengaruh signifikan, tetapi tidak mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas keputusan-keputusan dasar operasi dan kewangan. Dividen yang diterima daripada bersekutu direkodkan sebagai komponen pendapatan dalam penyata untung atau rugi.

Pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak rosot nilai (jika ada).

(c) Aset Kewangan

i. Pengiktirafan Awal dan Pengukuran

Aset kewangan diklasifikasikan, pada pengiktirafan awal, yang kemudian diukur pada kos dilunaskan, nilai saksama pendapatan komprehensif lain dan nilai saksama ke untung atau rugi.

Pada pengiktirafan awal klasifikasi aset kewangan bergantung kepada ciri-ciri aliran tunai kontrak aset kewangan dan model perniagaan LTAT untuk menguruskan aset kewangan.

Bagi memastikan aset kewangan diklasifikasikan dan diukur pada kos dilunaskan atau nilai saksama pendapatan komprehensif lain, ia perlu meningkatkan aliran tunai Pembayaran Prinsipal dan Faedah sahaja (SPPI) atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan. Penilaian ini dirujuk sebagai ujian SPPI dan dilaksanakan pada tahap instrumen.

Model perniagaan LTAT untuk menguruskan aset kewangan merujuk kepada pengurusan aset kewangan bagi menjana aliran tunai. Model perniagaan menentukan sama ada aliran tunai akan dihasilkan dari aliran tunai kontrak, penjualan aset kewangan atau kedua-duanya.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penghantaran aset dalam jangka masa yang ditentukan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran berkenaan (amalan biasa urus niaga), diiktiraf pada tarikh niaga iaitu tarikh LTAT komited untuk membeli atau menjual aset itu.

ii. Pengukuran berikutnya

Bagi tujuan pengukuran berikutnya, aset kewangan dikelaskan dalam tiga kategori:

- Aset kewangan pada kos dilunaskan (instrumen hutang)
- Aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain
- Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi

1. Aset kewangan pada kos dilunaskan (instrumen hutang)

Pengukuran berikutnya bagi instrumen hutang bergantung pada model perniagaan LTAT untuk mengurus aset dan aliran tunai aset tersebut. LTAT mengklasifikasikan semula instrumen hutang apabila dan hanya apabila model perniagaan bagi menguruskan aset tersebut berubah.

Kategori ini adalah relevan kepada LTAT. LTAT mengukur aset kewangan pada kos dilunaskan jika kedua-dua syarat berikut dipenuhi:

- Aset kewangan dipegang dalam suatu model perniagaan dengan objektif untuk mengumpul aliran tunai kontrak, dan
- Terma kontrak aset kewangan memanjangkan tempoh tertentu kepada aliran tunai SPPI atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(c) Aset Kewangan (sambungan)

ii. Pengukuran berikutnya (sambungan)

1. Aset kewangan pada kos dilunaskan (instrumen hutang) (sambungan)

Aset kewangan pada kos dilunaskan kemudiannya diukur dengan menggunakan kaedah faedah efektif dan tertakluk kepada rosot nilai. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila aset tersebut dinyahiktiraf, diubah suai atau rosot nilai.

Aset kewangan LTAT pada kos dilunaskan terdiri daripada akaun belum terima (tidak termasuk prabayaran dan pendahuluan yang dibayar kepada pembekal) deposit, wang tunai dan baki bank.

2. Aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain

i. Instrumen ekuiti

Selepas pengiktirafan awal, LTAT boleh memilih untuk mengklasifikasikan pelaburan ekuiti yang tidak boleh ditarik balik sebagai instrumen ekuiti yang ditetapkan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain apabila memenuhi definisi ekuiti di bawah MFRS 132 Instrumen Kewangan: Pembentangan dan tidak dipegang untuk urus niaga. Klasifikasi instrumen ditentukan berdasarkan asas instrumen.

Keuntungan dan kerugian ke atas aset kewangan ini tidak akan dikelas semula ke untung atau rugi. Dividen diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata untung atau rugi apabila hak pembayaran telah dikenalpasti, kecuali apabila LTAT mendapat manfaat daripada hasil tersebut sebagai pemulihan sebahagian daripada kos aset kewangan, dalam hal ini, keuntungan sedemikian direkodkan dalam pendapatan komprehensif lain. Instrumen ekuiti yang ditetapkan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain tidak tertakluk kepada penilaian rosot nilai.

ii. Instrumen hutang

Aset kewangan yang dipegang untuk mengumpul aliran tunai kontrak dan penjualan aset, di mana aliran tunai aset mewakili SPPI, ianya diukur pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain. Perubahan dalam amaun dibawa diambil kira di dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali bagi pengiktirafan keuntungan atau kerugian rosot nilai, pendapatan faedah dan keuntungan atau kerugian pertukaran asing diiktiraf di dalam untung atau rugi. Apabila aset kewangan dinyahiktiraf, keuntungan atau kerugian terkumpul yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula dari ekuiti kepada untung atau rugi dan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian bersih instrumen kewangan.

Pendapatan faedah dari aset kewangan ini diukur menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian pertukaran asing dinyatakan dalam keuntungan atau kerugian bersih instrumen kewangan dan kerugian rosot nilai dinyatakan sebagai item berasingan dalam penyata pendapatan.

3. Aset Kewangan Pada Nilai Saksama ke Untung atau Rugi

Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi termasuk aset kewangan yang dipegang untuk urus niaga, aset kewangan yang ditetapkan pada pengiktirafan awal pada nilai saksama ke untung atau rugi, atau aset kewangan yang mandatori diukur pada nilai saksama. Aset kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk urus niaga sekiranya ia diperolehi untuk tujuan jualan atau belian semula dalam tempoh terdekat.

Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi dinyatakan dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama dengan perubahan bersih dalam nilai saksama yang diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(d) Liabiliti Kewangan

Semua liabiliti kewangan berikutnya diukur pada kos kecuali yang dikategorikan sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi.

Liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama ke untung atau rugi adalah diukur berikutnya pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi.

(e) Pengukuran Nilai Saksama

LTAT mengukur aset kewangan dan aset bukan kewangan seperti pelaburan hartanah, pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan.

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima dari penjualan sesuatu aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi penjualan aset tersebut atau memindahkan liabiliti sama ada:

- di pasaran utama bagi aset atau liabiliti; atau
- jika tiada pasaran yang utama, dalam pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti.

Pasaran utama atau paling menguntungkan mestilah boleh diakses oleh LTAT.

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti diukur dengan andaian bahawa peserta pasaran akan menggunakan nilai saksama bagi menetapkan harga aset atau liabiliti, dengan andaian bahawa peserta pasaran bertindak demi kepentingan ekonomi mereka yang terbaik.

Pengukuran nilai saksama aset bukan kewangan mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana faedah ekonomi dengan menggunakan aset dengan baik atau menjual kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut secara baik.

LTAT menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan di mana data adalah mencukupi untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yang boleh dilihat dan meminimumkan penggunaan input yang tidak dapat dilihat.

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan mengikut hierarki nilai saksama, berdasarkan input paras terendah yang signifikan kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan seperti berikut:

Tahap 1 : Harga pasaran disebut harga tidak terlaras dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.

Tahap 2 : Input selain daripada harga pasaran disebut harga yang dilihat sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Tahap 3 : Input yang tidak dapat dilihat untuk aset dan liabiliti.

Bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, LTAT akan memastikan sama ada terdapat pemindahan yang telah berlaku antara tahap dalam hierarki dengan pengkategorian nilai semula (berdasarkan input paras terendah yang signifikan kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tarikh pelaporan.

(f) Hartanah dan Peralatan dan Susut Nilai

Semua hartanah dan peralatan pada mulanya direkodkan pada kos selepas susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos termasuk kos penggantian sebahagian peralatan dan kos pinjaman jika kriteria pengiktirafan dipenuhi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(f) Hartanah dan Peralatan dan Susut Nilai (sambungan)

Kos berikutnya dimasukkan ke dalam amaun dibawa atau diiktiraf sebagai aset berasingan, yang sesuai, apabila kemungkinan terdapat manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut dan kos aset boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa bahagian yang diganti adalah dinyah iktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi dalam tahun kewangan di mana ia ditanggung.

Tanah milik bebas mempunyai jangka hayat kegunaan yang tidak terhad dan tidak dilunaskan. Tanah pegangan pajak jangka panjang dilunaskan sepanjang jangka masa pajakan. Bangunan dalam binaan tidak disusut nilai memandangkan aset tersebut belum sedia untuk diguna. Susut nilai kerja dalam pelaksanaan bermula apabila aset sedia untuk digunakan.

Susut nilai hartanah dan peralatan lain diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang tempoh anggaran jangka hayat kegunaannya pada kadar tahunan seperti berikut:

i.	Bangunan	
	• Milik Bebas	2%
	• Pengangan pajak jangka panjang	2%-20%
ii.	Peralatan lain	2%

Amaun dibawa bagi hartanah dan peralatan dikaji semula bagi rosot nilai apabila terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan amaun dibawa mungkin tidak dapat diperolehi semula.

Nilai sisa, jangka hayat kegunaan dan kaedah susut nilai dikaji pada setiap akhir tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, mengikut kesesuaian.

Hartanah dan peralatan dinyah iktiraf apabila dijual atau apabila tiada lagi manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya.

Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan amaun dibawa bersih diiktiraf dalam untung atau rugi.

Hartanah dan peralatan dengan nilai belian kurang dari RM2,000 per unit akan dihapus kira sepenuhnya pada tahun pembelian.

(g) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai terendah antara kos atau nilai realisasi bersih, kos ditentukan berdasarkan purata wajaran.

Nilai realisasi bersih ialah anggaran harga jualan dalam perniagaan biasa, tolak anggaran kos penyiapan dan anggaran kos yang perlu untuk membuat jualan.

i. Pembangunan Hartanah

Pembangunan hartanah (diklasifikasikan dalam aset bukan semasa) meliputi tabungan tanah yang dalam proses penyediaan untuk pembangunan tetapi belum dilancarkan, atau di mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran operasi biasa.

Kos yang berkaitan dengan pemerolehan tanah termasuklah harga pembelian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan levi yang berkaitan.

Tanah untuk pembangunan hartanah dipindahkan kepada pembangunan hartanah dalam pelaksanaan (diklasifikasikan dalam aset semasa) pada ketika aktiviti pembangunan hartanah telah dimulakan dan di mana ia dapat ditunjukkan bahawa aktiviti tersebut dapat diselesaikan dalam kitaran operasi biasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(g) Inventori (sambungan)

ii. Pembangunan Hartanah dalam Pelaksanaan

Pembangunan hartanah dalam pelaksanaan terdiri daripada kos tanah dalam pembangunan berserta kos pembangunan yang berkaitan untuk keseluruhan projek dan kos langsung bangunan. Kos pembangunan hartanah kemudiannya diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi apabila kawalan ke atas inventori dipindahkan kepada pelanggan. Kos pembangunan hartanah unit tidak terjual dipindahkan ke hartanah yang disiapkan sebaik sahaja pembangunan selesai.

iii. Hartanah Siap

Kos merangkumi kos pembelian tanah termasuk semua kos berkaitan yang ditanggung selepas pembelian bagi tujuan penyediaan guna tanah, kos pembangunan yang berkaitan dengan projek dan kos langsung bangunan.

(h) Pelaburan Hartanah

Pelaburan hartanah adalah hartanah yang dipegang untuk memperolehi pendapatan sewa atau peningkatan modal atau kedua-duanya dan bukan untuk tujuan pengeluaran atau pembekalan barangan atau perkhidmatan, pentadbiran atau operasi perniagaan.

Pelaburan hartanah merangkumi hartanah siap dan hartanah pelaburan yang sedang dibina dan tidak digunakan secara keseluruhan dalam operasi LTAT atau untuk penjualan dalam operasi perniagaan biasa tetapi dipegang terutamanya untuk mendapatkan pendapatan sewa dan peningkatan modal.

Hartanah yang disewakan kepada syarikat subsidiari LTAT untuk menjalankan operasi perniagaan dianggap sebagai diduduki sendiri dan bukan pelaburan hartanah.

Pelaburan hartanah pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos urus niaga. Kos urus niaga merangkumi cukai pemindahan, bayaran professional untuk perkhidmatan undang-undang dan komisen pajakan awal (pelaburan hartanah pajakan) untuk membolehkan hartanah beroperasi. Amaun dibawa termasuklah kos menggantikan sebahagian pelaburan hartanah yang wujud pada masa kos ditanggung jika kriteria pengiktirafan dipenuhi.

Pelaburan hartanah dalam pembinaan diukur pada nilai saksama, atau apabila nilai saksama tidak dapat ditentukan dengan tepat, ianya diukur pada kos ditolak rosot nilai.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan hartanah diukur pada nilai saksama yang ditentukan oleh LTAT dengan merujuk kepada bukti pasaran harga urus niaga bagi hartanah yang serupa, dan penilaian dilakukan oleh penilai bebas berdaftar yang mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf dan pengalaman terkini di lokasi dan kategori hartanah yang dinilai. Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan nilai saksama pelaburan hartanah diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tahun ianya berlaku termasuk kesan cukai.

Pelaburan hartanah dinyah iktiraf apabila ia telah dijual atau apabila pelaburan hartanah tersebut ditarik balik penggunaan selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada pelupusan berkenaan. Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dengan amaun dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh pelaburan hartanah dinyah iktiraf.

Pemindahan dibuat kepada atau daripada pelaburan hartanah hanya apabila terdapat perubahan dalam penggunaan. Bagi pindahan daripada pelaburan hartanah kepada hartanah yang diduduki pemilik, kos yang dianggarkan bagi perakaunan berikutnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan dalam penggunaan. Bagi pindahan daripada hartanah yang diduduki pemilik kepada pelaburan hartanah, hartanah diambil kira mengikut dasar perakaunan untuk hartanah dan peralatan sehingga tarikh perubahan dalam penggunaan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(i) Pajak

LTAT menilai pada permulaan kontrak sama ada ianya kontrak, atau mengandungi pajak di mana sekiranya kontrak tersebut memberikan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti untuk jangka masa sebagai pertukaran.

LTAT Sebagai Pemajak

LTAT menerapkan pendekatan pengiktirafan dan pengukuran tunggal untuk semua pajak, kecuali pajak jangka pendek dan pajak aset bernilai rendah. LTAT mengiktiraf liabiliti pajak untuk membuat pembayaran pajak dan hak penggunaan aset yang mewakili hak untuk menggunakan aset pendasar.

i. Hak Penggunaan Aset

LTAT mengiktiraf hak penggunaan aset pada tarikh permulaan pajak (iaitu tarikh aset pendasar tersedia untuk diguna).

Hak penggunaan aset diukur pada kos, ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai, dan dipelaraskan sekiranya ada pengukuran semula liabiliti pajak.

Kos hak penggunaan aset merangkumi jumlah liabiliti pajak yang diiktiraf, kos langsung awal yang timbul, dan pembayaran pajak yang dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan ditolak sebarang insentif pajak yang diterima. Hak penggunaan aset disusut nilai mengikut kaedah garis lurus berdasarkan jangka masa pajak yang lebih pendek dan jangka hayat kegunaan aset.

Sekiranya hak pemilikan aset yang dipajak dipindahkan ke LTAT pada akhir tempoh pajak atau kosnya menggambarkan pelaksanaan opsyen pembelian, susut nilai dikira menggunakan anggaran jangka hayat aset tersebut. Hak penggunaan aset juga tertakluk kepada rosot nilai.

ii. Liabiliti Pajak

Pada tarikh permulaan pajak, LTAT mengiktiraf liabiliti pajak yang diukur pada nilai semasa, pembayaran pajak yang akan dibuat sepanjang tempoh pajak. Bayaran pajak merangkumi pembayaran tetap (termasuk bayaran tetap substansial) ditolak sebarang insentif pajak yang belum diterima, pembayaran pajak berubah bergantung pada indeks atau kadar, dan jumlah yang dijangka akan dibayar di bawah jaminan nilai baki.

Pembayaran pajak juga merangkumi harga pelaksanaan opsyen pembelian yang munasabah untuk dilaksanakan oleh LTAT dan pembayaran penalti ke atas penamatan pajak, sekiranya terma pajak mencerminkan LTAT membuat pilihan penamatan pajak.

Dalam mengira nilai semasa pembayaran pajak, LTAT menggunakan kadar pinjaman tambahan pada tarikh permulaan pajak disebabkan kadar faedah yang tersirat dalam pajak tidak dapat ditentukan dengan mudah. Selepas tarikh permulaan, jumlah liabiliti pajak meningkat bagi menunjukkan penambahan faedah dan pengurangan ke atas pembayaran pajak yang dibuat.

Di samping itu, amaun dibawa liabiliti pajak diukur semula jika ada modifikasi, perubahan dalam jangka masa pajak, perubahan dalam pembayaran pajak (perubahan pada pembayaran masa depan kesan daripada perubahan indeks atau kadar yang digunakan untuk menentukan pembayaran pajak tersebut) atau perubahan dalam penilaian opsyen untuk membeli aset pendasar.

iii. Pajak Jangka Pendek dan Pajak Aset Bernilai Rendah

LTAT mengaplikasikan pengecualian pengiktirafan pajak jangka pendek ke atas pajak peralatan jangka pendeknya (iaitu pajak yang mempunyai jangka masa pajak 12 bulan atau kurang dari tarikh permulaan dan tidak mengandungi opsyen pembelian). LTAT juga mengaplikasikan pengecualian pengiktirafan aset bernilai rendah ke atas pajak peralatan pejabat yang dianggap bernilai rendah. Pembayaran pajak jangka pendek dan pajak aset bernilai rendah diiktiraf sebagai perbelanjaan berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajak.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(i) Pajakan (sambungan)

LTAT sebagai Pemberi Pajak

Pajakan di mana LTAT tidak memindahkan secara substansial semua risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset diklasifikasikan sebagai pajakan operasi. Pendapatan sewaan yang diperolehi diakaunkan berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan dan diambil kira sebagai pendapatan di dalam penyata untung atau rugi kerana sifat operasinya. Kos langsung awal yang berlaku semasa berunding dan mengatur pajakan operasi perlu ditambah kepada amaun dibawa aset pajakan dan diiktiraf berdasarkan tempoh pajakan menggunakan asas yang sama dengan pendapatan sewaan.

(j) Klasifikasi Semasa Dan Bukan Semasa

LTAT menunjukkan aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan klasifikasi semasa bukan semasa.

Aset adalah semasa apabila:

- aset dijangka dapat direalisasikan, atau berniat untuk jual dan guna dalam kitaran operasi biasa;
- aset dipegang terutamanya untuk tujuan urus niaga;
- aset dijangka dapat direalisasi dalam masa dua belas (12) bulan selepas tempoh pelaporan; atau
- aset adalah tunai atau kesetaraan tunai melainkan aset tersebut dihalang untuk ditukar atau digunakan untuk menyelesaikan liabiliti sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan selepas tempoh pelaporan.

Semua aset lain dikelaskan sebagai aset bukan semasa.

Liabiliti adalah semasa apabila:

- liabiliti dijangka dapat diselesaikan dalam kitaran operasi seperti biasa;
- liabiliti dipegang terutamanya untuk tujuan urus niaga;
- liabiliti dijelaskan dalam dua belas (12) bulan selepas tempoh pelaporan; atau
- tidak ada hak tanpa syarat untuk menangguhkan penyelesaian ke atas liabiliti sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan selepas tempoh pelaporan.

Semua liabiliti lain dikelaskan sebagai liabiliti bukan semasa.

(k) Rosot Nilai Aset Kewangan

Bagi akaun belum terima perdagangan dan aset kontrak, LTAT menggunakan pendekatan mudah untuk mengira peruntukan kerugian kredit dijangka. Oleh itu, LTAT tidak menjejaki perubahan dalam risiko kredit, tetapi mengiktiraf peruntukan kerugian berdasarkan kerugian kredit dijangka sepanjang hayat pada setiap tarikh pelaporan. LTAT telah menetapkan matriks peruntukan berdasarkan sejarah kerugian kredit, diselaraskan pada faktor-faktor hadapan khusus kepada akaun belum terima perdagangan dan persekitaran ekonomi.

LTAT menganggap aset kewangan adalah gagal apabila bayaran kontrak melebihi 90 hari selepas tamat tempoh. Walau bagaimanapun, dalam kes tertentu, LTAT juga boleh mempertimbangkan aset kewangan adalah gagal apabila maklumat dalaman atau luaran menunjukkan bahawa LTAT tidak mungkin menerima jumlah kontrak yang belum dijelaskan sepenuhnya, sebelum mengambil kira sebarang peningkatan kredit yang dipegang oleh LTAT. Aset kewangan dihapus kira apabila tiada jangkaan yang munasabah untuk memulihkan aliran tunai kontrak.

Bagi akaun belum terima lain-lain dan deposit, LTAT mengukur elaun kerugian pada amaun bersamaan 12 bulan kerugian kredit dijangka jika risiko kredit instrumen kewangan tiada peningkatan yang signifikan sejak pengiktirafan awal.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(l) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

Amaun dibawa untuk aset-aset bukan kewangan dikaji pada setiap tarikh pelaporan bagi mengenal pasti sama ada terdapat tanda-tanda rosot nilai. Jika terdapat tanda-tanda rosot nilai, amaun dibawa akan terus disusutkan kepada jumlah diperolehi semula. Rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali bagi aset yang dinilai semula, di mana penilaian semula dibawa ke pendapatan komprehensif lain.

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya diselaraskan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk penentuan jumlah aset yang boleh diperolehi semula apabila rosot nilai terakhir diiktiraf.

Jika itu berlaku, amaun dibawa aset dinaikkan kepada jumlah yang boleh diperolehi semula. Peningkatan tidak boleh melebihi amaun dibawa yang mungkin telah ditentukan (ditolak susut nilai), sekiranya tiada rosot nilai diiktiraf sebelum ini.

Pelarasan tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali aset tersebut diukur pada amaun dinilai semula, di mana pelarasan dianggap sebagai peningkatan penilaian semula.

(m) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai mengandungi deposit, wang tunai dan baki bank yang mudah alih tunai dan tertakluk kepada jumlah risiko tak ketara semasa perubahan nilai.

(n) Percukaian

Cukai yang diiktiraf dalam untung atau rugi pada tahun adalah cukai tertunda ke atas keuntungan cukai hartanah yang kena dibayar ke atas pelupusan hartanah dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau sedang digubal pada tarikh pelaporan.

(o) Manfaat Kakitangan

i. Manfaat Jangka Pendek

Gaji, bonus dan caruman kepada institusi keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan LTAT pada tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan. Ketidakhadiran berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja manakala ketidakhadiran berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

ii. Pelan Caruman Tetap

Caruman yang dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam untung atau rugi apabila berlaku.

iii. Manfaat Perubatan Selepas Persaraan

LTAT telah memperuntukkan manfaat perubatan selepas persaraan kepada kakitangannya yang telah bersara dan pasangan. Pesara yang dilantik sebagai pegawai kontrak akan menggunakan manfaat ini selepas tamat tempoh perkhidmatan kontrak. Peruntukan manfaat perubatan ini meliputi kos rawatan sepenuhnya di hospital/klinik Panel dan Kerajaan.

Peruntukan ini diakru sebagai perbelanjaan di dalam penyata untung atau rugi dan liabiliti di dalam penyata kedudukan kewangan sebagai peruntukan manfaat perubatan selepas persaraan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(o) Manfaat Kakitangan (sambungan)

iii. Manfaat Perubatan Selepas Persaraan (sambungan)

Amaun liabiliti selepas persaraan dikira berdasarkan penilaian aktuari dengan menganggarkan amaun manfaat yang diperolehi oleh kakitangan sebagai balasan perkhidmatan mereka dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Manfaat tersebut ditentukan oleh aktuari menggunakan kaedah Unjuran Kredit Unit. LTAT mengiktiraf keuntungan atau kerugian aktuari dalam penyata untung atau rugi.

Andaian utama yang digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari ini ialah:

- a. Kadar inflasi terhadap kos rawatan; dan
- b. Kadar diskaun ditentukan merujuk kepada kadar pulangan pasaran atas bon korporat yang berkualiti tinggi.

iv. Manfaat Pelan Ganjaran dan Saguhati Tamat Perkhidmatan

Manfaat pelan ganjaran menyediakan sejumlah manfaat yang ditakrifkan melalui gaji dan tempoh perkhidmatan.

Manfaat saguhati tamat perkhidmatan menyediakan sejumlah manfaat iaitu satu bulan gaji terakhir bagi kakitangan yang bersara.

Peruntukan ini diakru sebagai perbelanjaan di dalam penyata untung atau rugi dan liabiliti di dalam penyata kedudukan kewangan sebagai peruntukan manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan.

Andaian utama yang digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari ini ialah:

- a. Kadar diskaun yang ditentukan merujuk kepada kadar pulangan pasaran atas bon korporat yang berkualiti tinggi; dan
- b. Kadar kenaikan gaji.

v. Gantian Cuti Rehat

Gantian cuti rehat menyediakan sejumlah manfaat yang ditakrifkan melalui gaji dan bilangan cuti rehat yang dikumpul sepanjang tempoh perkhidmatan.

Peruntukan ini diakru sebagai perbelanjaan di dalam penyata untung atau rugi dan liabiliti di dalam penyata kedudukan kewangan sebagai peruntukan gantian cuti rehat.

Andaian utama yang digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari ini ialah:

- a. Kadar diskaun yang ditentukan merujuk kepada kadar pulangan pasaran atas bon korporat yang berkualiti tinggi; dan
- b. Kadar kenaikan gaji.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(p) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen dari pelaburan saham adalah diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk pembayaran dividen telah dapat dipastikan.

Pendapatan keuntungan daripada instrumen hutang diiktiraf atas asas akruan, manakala pendapatan faedah daripada pelaburan dalam pasaran wang diperakaunkan atas asas akruan.

Hasil daripada pembangunan hartanah diiktiraf sebagai dan apabila kawalan ke atas aset dipindahkan kepada pelanggan. Bergantung pada syarat-syarat kontrak dan undang-undang yang terpakai untuk kontrak, hak kawalan ke atas aset boleh dipindahkan dari masa ke semasa atau pada satu masa. Kawalan ke atas aset dipindahkan dari masa ke semasa sekiranya prestasi LTAT tidak memperolehi aset dengan penggunaan alternatif kepada LTAT dan LTAT mempunyai hak pembayaran yang boleh dilaksanakan untuk prestasi yang diselesaikan hingga kini.

Sekiranya kawalan pemindahan aset dari masa ke semasa, pendapatan diiktiraf sepanjang tempoh kontrak dengan menggunakan kaedah input yang berdasarkan kos yang dikenakan sehingga kini berbanding dengan jumlah kos yang dijangkakan untuk memenuhi kewajipan prestasi tersebut. Jika tidak, pendapatan diiktiraf pada satu masa apabila pelanggan memperoleh kawalan aset tersebut.

LTAT mengiktiraf jualan pada satu masa dalam masa jualan hartanah siap, apabila kawalan hartanah telah dipindahkan kepada pembeli, ketika hartanah telah siap dan diserahkan kepada pelanggan.

(q) Bayaran Balik Perbelanjaan, Pelarasan ke atas Pendapatan dan Perbelanjaan

Bayaran balik perbelanjaan dan pelarasan terlebih dan terkurang dinyatakan sebelumnya bagi pendapatan atau perbelanjaan adalah dipelaraskan ke akaun-akaun berkenaan pada tahun semasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3. HARTANAH DAN PERALATAN

	Hartanah Milik Bebas RM'000	Hartanah Sewa Pajak Jangka Panjang		Ubah suai Pejabat RM'000	Kenderaan RM'000	Peralatan Komputer & Perisian RM'000	Peralatan, Perabot & Kelengkapan Pejabat RM'000	Jumlah RM'000
		Tanah RM'000	Bangunan RM'000					
2023								
Kos								
Baki pada 1 Januari	130	50,000	34,000	11,959	762	24,985	9,746	131,582
Penambahan	-	-	-	1,545	367	4,609	2,466	8,987
Pelupusan	-	-	-	-	-	(112)	-	(112)
Baki pada 31 Disember	130	50,000	34,000	13,504	1,129	29,482	12,212	140,457
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari	27	7,682	6,800	4,919	576	19,547	9,539	49,090
Penambahan (Nota 27c)	3	768	680	168	92	1,314	26	3,051
Pelupusan	-	-	-	-	-	(112)	-	(112)
Baki pada 31 Disember	30	8,450	7,480	5,087	668	20,749	9,565	52,029
Amaun Dibawa	100	41,550	26,520	8,417	461	8,733	2,647	88,428
2022								
Kos								
Baki pada 1 Januari	130	50,000	34,000	4,970	743	29,481	9,622	128,946
Penambahan	-	-	-	6,989	19	3,951	142	11,101
Penjualan	-	-	-	-	-	(8,447)	(18)	(8,465)
Baki pada 31 Disember	130	50,000	34,000	11,959	762	24,985	9,746	131,582
Susut nilai terkumpul								
Baki pada 1 Januari	24	6,914	6,120	4,892	528	27,130	9,486	55,094
Penambahan (Nota 27c)	3	768	680	27	48	864	71	2,461
Penjualan	-	-	-	-	-	(8,447)	(18)	(8,465)
Baki pada 31 Disember	27	7,682	6,800	4,919	576	19,547	9,539	49,090
Amaun Dibawa	103	42,318	27,200	7,040	186	5,438	207	82,492

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

4. PELABURAN HARTANAH

	2023 RM'000	2022 RM'000
Baki pada 1 Januari	457,000	457,000
Kerugian nilai saksama bersih	-	(150)
Penambahan	8	269
Pelarasan	-	(119)
Baki pada 31 Disember	457,008	457,000
Pada Nilai Saksama		
Tanah milik bebas	158,000	198,600
Bangunan milik bebas	280,000	239,400
Tanah sewa pajak jangka panjang	15,700	15,700
Bangunan sewa pajak jangka panjang	3,308	3,300
	457,008	457,000

5. HAK PENGGUNAAN ASET

	2023 RM'000	2022 RM'000
Kos		
Baki pada 1 Januari	2,567	2,567
Penambahan	26,270	-
Baki pada 31 Disember	28,837	2,567
Susut nilai terkumpul		
Baki pada 1 Januari	1,579	829
Penambahan	5,070	750
Baki pada 31 Disember	6,649	1,579
Nilai buku bersih	22,188	988

6. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

	2023 RM'000	2022 RM'000
Pada Kos		
Saham disebut harga	2,439,808	4,556,718
Saham tidak disebut harga	4,339,546	792,890
	6,779,354	5,349,608

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

6. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

	2023 RM'000	2022 RM'000
Rosot nilai (Nota 26)		
Saham disebut harga	(64,382)	(1,317)
Saham tidak disebut harga	(15,650)	(60,163)
	(80,032)	(61,480)
	6,699,322	5,288,128
Pada Nilai Pasaran		
Saham disebut harga	2,457,760	2,508,652
Saham tidak disebut harga	4,543,477	875,528
	7,001,237	3,384,180

Butir-butir syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti berikut:

Nama syarikat	Aktiviti utama	Milik Ekuiti	
		2023 %	2022 %
Disebut harga			
Pharmaniaga Berhad ¹	Pegangan pelaburan	8	9
Boustead Plantation Berhad ²	Pegangan pelaburan dan perladangan kelapa sawit	70	11
Boustead Heavy Industries Corporation Berhad ³	Pegangan pelaburan	-	8
Perbadanan			
Perbadanan Perwira Niaga Malaysia	Penjualan barang-barang keperluan pengguna	100	100
Perbadanan Perwira Harta Malaysia	Pemaju harta tanah	100	100
Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera	Melaksanakan program-program sosio-ekonomi melalui latihan teknikal dan bukan teknikal bagi bakal pesara dan bekas anggota Angkatan Tentera Malaysia Angkatan Tentera	100	100
Tidak disebut harga			
Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. ⁴	Pembinaan, membaiki dan penyelenggaraan kapal tentera laut dan kapal dagang	-	10
Boustead Holdings Berhad ⁵	Pelaburan induk dan perladangan kelapa sawit	100	59
Power Cables Malaysia Sdn. Bhd.	Mengilang dan menjual kabel elektrik	60	60
Irat Properties Sdn. Bhd.	Pelaburan hartanah	50	50
Irat Hotels & Resorts Sdn. Bhd.	Operator hotel dan resort	30	30
Pembinaan Perwira Harta Sdn. Bhd.	Pelaburan harta tanah, pembinaan dan pembangunan induk	100	100
Adana Plantations Sdn. Bhd. ⁶	Dorman	100	-

¹ Pada tahun kewangan semasa, Pharmaniaga Berhad telah melengkapkan penerbitan 131.02 juta Saham Tawaran Persendirian (*Private Placement Shares*).

² Pada tahun kewangan semasa, LTAT telah melancarkan tawaran am untuk mengambil alih baki saham biasa dalam Boustead Plantation Berhad yang masih tidak dipegang oleh LTAT pada harga tawaran RM1.55 setiap saham.

³ Pada 13 Disember 2023, LTAT telah menjual Boustead Heavy Industries Corporation Berhad pada harga RM10.53 juta.

⁴ Pada 19 September 2023, LTAT telah menjual Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. pada harga RM1.00.

⁵ Pada tahun kewangan semasa, LTAT telah melengkapkan pengambilalihan semua baki saham biasa dalam Boustead Holdings Berhad yang masih tidak dipegang oleh LTAT pada harga tawaran RM0.855 setiap saham.

⁶ Adana Plantations Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 6 November 2023.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

7. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	2023 RM'000	2022 RM'000
Pada Kos		
Saham disebut harga	1,469,163	-
Saham tidak disebut harga	115,457	147,967
	1,584,620	147,967
Rosot nilai (Nota 26)		
Saham tidak disebut harga	-	(18,483)
	1,584,620	129,484
Pada Nilai Pasaran		
Saham disebut harga	1,404,953	-
Saham tidak disebut harga	330,971	393,805
	1,735,924	393,805

Butir-butir syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti berikut:

Nama syarikat	Aktiviti utama	Milik Ekuiti	
		2023 %	2022 %
Disebut harga			
Affin Bank Berhad ¹	Perkhidmatan kewangan kumpulan	29	33
Tidak disebut harga			
Sapura-LTAT Communication Technologies Sdn. Bhd.	Membekal peralatan komunikasi dan memberi perkhidmatan latihan	30	30
San Miguel Yamamura Plastic Films Sdn. Bhd.	Mengilang dan menjual produk filem plastik	30	30
Wasco Coatings Malaysia Sdn. Bhd.	Perkhidmatan saluran paip industri minyak dan gas	30	30
Restonic (M) Sdn. Bhd.	Pegangan pelaburan	20	20
Chery Holdings (Malaysia) Sdn. Bhd.	Dalam proses pembubaran	20	20
Prima Prai Sdn. Bhd.	Perkhidmatan pengurusan projek dan pegangan pelaburan	30	30
Warisan Pinang Sdn. Bhd.	Pembinaan kem tentera, perkhidmatan pengurusan dan pegangan pelaburan	20	20
Anglo Eastern Plantations Sdn. Bhd.	Pembangunan dan operasi perladangan kelapa sawit	30	30
Ketengah Jaya Sdn. Bhd.	Perladangan kelapa sawit dan penanaman buah-buahan	29	29
Ketengah Perwira Sdn. Bhd.	Pembangunan dan penanaman kelapa sawit	49	49
Dhaya Maju LTAT Sdn. Bhd.	Kontraktor pembinaan infrastruktur	20	20
BP Malaysia Holdings Sdn. Bhd.	Pegangan pelaburan	30	30
Xtend Services Sdn. Bhd.	Perniagaan am dan penyediaan perkhidmatan telekomunikasi	26	26
Usahasama SPNB-LTAT Sdn. Bhd.	Kontrak pembinaan awam	49	49

¹ Affin Bank telah dikelaskan daripada syarikat subsidiari kepada syarikat bersekutu berikutan pencairan jumlah pegangan saham Kumpulan LTAT dalam Bank tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

8. ASET KEWANGAN PADA KOS DILUNASKAN

	2023 RM'000	2022 RM'000
Saham keutamaan boleh tebus ¹		
• Prinsipal	229,151	-
• Faedah diterima	2,816	-
	231,967	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)	61,839	62,067
Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII)	10,305	10,312
Bon/Sukuk korporat ²	488,181	458,667
	560,325	531,046
Rosot nilai		
Pada 1 Januari	(90,225)	(61,219)
Peruntukan kerugian kredit dijangka (Nota 25)	(23,254)	(29,006)
	(113,479)	(90,225)
	678,813	440,821

¹ Saham keutamaan boleh tebus telah diterbitkan oleh Boustead Holdings Berhad (BHB) sebanyak 229.15 juta unit dengan kadar hak dividen sebanyak 6.50% setahun dan tiada hak mengundi akan diberikan. Saham-saham ini tidak boleh ditukarkan kepada saham-saham biasa dan ia turut diberikan keutamaan berbanding saham-saham biasa. Namun, keutamaannya lebih rendah berbanding Sukuk Kekal dan lain-lain instrumen hutang yang telah diterbitkan oleh BHB.

² Sebahagian daripada bon/sukuk korporat adalah Nota Jangka Pertengahan tidak bertaraf, yang telah dilanggan daripada Irat Hotels & Resorts Sdn. Bhd. pada 12 Mei 2011 pada jumlah nominal sebanyak RM257.0 juta yang akan matang pada 29 April 2026. Kadar keuntungan untuk tempoh 1 hingga 9 tahun pertama pada kadar 7.0% setahun dan pada kadar 7.5% setahun bagi tahun ke-10 dan berikutnya.

9. ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

	2023 RM'000	2022 RM'000
Saham disebut harga ¹	1,137,522	1,071,534
Saham tidak disebut harga	235,365	93,438
Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)	122,610	121,536
Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII)	253,822	90,805
Bon/Sukuk korporat	452,289	349,127
	2,201,608	1,726,440

¹ Sebahagian saham disebut harga adalah termasuk saham *Securities Borrowing and Lending (SBL)* berjumlah RM21.45 juta.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

10. ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA KE UNTUNG ATAU RUGI

	2023 RM'000	2022 RM'000
Bukan semasa		
Bon/sukuk korporat ¹	150,145	150,016
Semasa		
Saham disebut harga	54,521	137,650
	204,666	287,666

¹ Sebahagian daripada bon/sukuk korporat terdiri daripada Junior Sukuk Musharakah yang tidak bertaraf dan dilanggan daripada Boustead Holdings Berhad (BHB) pada 27 Jun 2024, pada jumlah nominal RM150.0 juta. BHB masih tidak melaksanakan opsyen panggilan untuk menebus sukuk tersebut dan kadar keuntungan akan meningkat sebanyak 1% setiap tahun bagi tahun ke-7 dan berikutnya, tertakluk kepada kadar maksimum pada 15% setahun.

11. PINJAMAN DAN AKAUN BELUM TERIMA

	2023 RM'000	2022 RM'000
Bukan semasa		
Akaun belum terima lain-lain	-	18
Cukai akan diperolehi daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri	4,113	4,080
Pendahuluan dan pinjaman kakitangan	11,273	11,479
Amaun terhutang daripada syarikat subsidiari ¹	111,796	115,353
Amaun terhutang daripada syarikat bersekutu	4,472	4,821
Akaun kawalan pengurusan bangunan	-	9
Deposit dan jaminan	2,284	3,285
	133,938	139,045
Peruntukan kerugian kredit dijangka		
• Akaun belum terima lain-lain	-	(8)
• Amaun terhutang daripada syarikat subsidiari	(31,670)	(26,860)
• Amaun terhutang daripada syarikat bersekutu	(534)	(603)
	(32,204)	(27,471)
	101,734	111,574

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

11. PINJAMAN DAN AKAUN BELUM TERIMA (SAMBUNGAN)

	2023 RM'000	2022 RM'000
Semasa		
Akaun belum terima lain-lain	5,025	44,396
Amaun belum terima daripada penjualan pelaburan hartanah	-	112,000
Cukai akan diperolehi daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri	-	32
Faedah dan keuntungan terakru daripada deposit dan pendapatan tetap	11,178	7,103
Dividen belum diterima	1,852	2,468
Pelbagai prabayaran	627	298
Pendahuluan dan pinjaman kakitangan	733	1,207
Amaun terhutang daripada syarikat subsidiari ¹	17,050	4,270
Amaun terhutang daripada syarikat bersekutu ¹	32,215	10,319
Amaun terhutang daripada pengurusan portfolio	-	24
Akaun kawalan pengurusan bangunan	2,607	4,889
Deposit dan jaminan	833	184
	72,120	187,190

¹ Amaun terhutang daripada syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu adalah tidak bercagar dan tidak dikenakan faedah, kecuali pendahuluan kepada syarikat-syarikat subsidiari yang berikut:

- (a) Perbadanan Perwira Harta Malaysia dengan baki tunggakan berjumlah RM28.59 juta dengan kadar faedah sebanyak OPR + 3.0% setahun; dan
- (b) Perbadanan Perwira Niaga Malaysia dengan baki tunggakan berjumlah RM5.30 juta dengan kadar faedah sebanyak 2.5% setahun.

12. INVENTORI

	2023 RM'000	2022 RM'000
Semasa		
Pembangunan hartanah dalam pelaksanaan	662,954	893,053
Hartanah siap	194,483	46,586
	857,437	939,639
Pembangunan hartanah dalam pelaksanaan		
Tanah pada kos		
Baki pada 1 Januari	465,138	468,117
Perbelanjaan tahun semasa	310	307
Pindah ke hartanah siap ¹	(1,752)	-
Reklasifikasi	(13,722)	(3,286)
Penjualan ²	(2,121)	-
Pelarasan	(4,602)	-
	443,251	465,138

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

12. INVENTORI (SAMBUNGAN)

	2023 RM'000	2022 RM'000
Kos pembangunan		
Baki pada 1 Januari	427,915	936,650
Perbelanjaan tahun semasa	18,267	46,256
Pindah ke hartanah siap ¹	(146,145)	-
Rosot nilai (Nota 26)	-	(5,444)
Reklasifikasi	18,325	-
Penjualan ²	(97,286)	(549,547)
Pelarasan	(1,373)	-
	219,703	427,915
	662,954	893,053
Hartanah siap		
Baki pada 1 Januari	46,586	46,586
Pindah dari pembangunan hartanah dalam pelaksanaan	147,897	-
	194,483	46,586
Baki pada 31 Disember	857,437	939,639

¹ Pada tahun kewangan semasa, projek yang telah diklasifikasikan sebagai hartanah siap adalah Projek Parsel 3A, yang dikenali sebagai 'Kondominium Akasia', berjumlah RM107.23 juta (2022: RM Nil) dan Projek Segari yang juga turut dikenali sebagai 'Perumahan Perwira Segari', berjumlah RM40.69 juta (2022: RM Nil).

² Pada tahun kewangan semasa, jumlah kos bagi 2 unit rumah kedai di Parsel 2D yang telah dijual adalah RM4.04 juta (2022: RM549.55 juta) dan 249 unit rumah di Kondominium Akasia adalah RM95.37 juta (2022: RM Nil).

13. DEPOSIT DENGAN BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN LAIN

	2023 RM'000	2022 RM'000
Deposit jangka pendek dan pasaran wang		
• Syarikat bersekutu (Nota 32)	33,129	29,956
• Pengurusan portfolio	226,891	299,000
	260,020	328,956
Deposit jangka pendek pengurusan portfolio	3,992	23,465
	264,012	352,421

14. AKAUN CARUMAN AHLI

Jumlah akaun caruman ahli yang terkumpul setakat 31 Disember 2023 ialah RM10,197.8 juta (31 Disember 2022: RM9,920.0 juta). Jumlah ini diperolehi setelah mengambil kira pengeluaran dan pengasingan ke akaun dormant serta termasuk pengisytiharan dividen dalam tahun kewangan semasa sebanyak 5.0% (2022: 5.0%).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

15. RIZAB

	2023 RM'000	2022 RM'000
Dana rizab ¹	203,956	198,401
Rizab pendapatan komprehensif lain ²	(509,974)	(536,435)
Keuntungan tertahan ³	693,692	498,650
	387,674	160,616

- ¹ Dana rizab adalah dikendalikan mengikut Seksyen 11(2) Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 (Akta 101).
- ² Rizab pendapatan komprehensif lain merangkumi perubahan bersih terkumpul daripada aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain sehingga aset kewangan tersebut dinyah iktiraf.
- ³ Keuntungan tertahan ini adalah baki selepas pengisytiharan dividen, ditolak dengan peruntukan bagi dana rizab dan penggunaan bagi skim faedah kematian dan hilang upaya.

16. LIABILITI MANFAAT KAKITANGAN

	2023 RM'000	2022 RM'000
Obligasi manfaat persaraan		
Manfaat perubatan selepas persaraan	99,008	93,433
Manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan	24,222	27,402
Gantian cuti rehat	3,063	3,497
	126,293	124,332
Bukan Semasa		
Manfaat kakitangan melebihi satu tahun		
Manfaat perubatan selepas persaraan	92,159	92,159
Manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan	23,517	23,517
Gantian cuti rehat	2,975	2,975
	118,651	118,651
Semasa		
Manfaat kakitangan dalam tempoh satu tahun		
Manfaat perubatan selepas persaraan	6,849	1,275
Manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan	705	3,885
Gantian cuti rehat	88	521
	7,642	5,681
	126,293	124,332

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

16. LIABILITI MANFAAT KAKITANGAN (SAMBUNGAN)

Pergerakan dalam liabiliti bersih diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan adalah seperti berikut :

	2023 RM'000	2022 RM'000
Manfaat perubatan selepas persaraan		
Liabiliti bersih pada 1 Januari	93,433	73,746
Perbelanjaan diiktiraf dalam penyata untung atau rugi (Nota 27a)	7,827	9,117
Pengukuran semula manfaat perubatan selepas persaraan	-	12,292
Manfaat perubatan selepas persaraan dibayar	(2,252)	(1,722)
Liabiliti bersih pada 31 Disember	99,008	93,433
Manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan		
Liabiliti bersih pada 1 Januari	27,402	29,113
Perbelanjaan diiktiraf dalam penyata untung atau rugi (Nota 27a)	2,408	2,446
Pengukuran semula manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan	-	952
Manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan dibayar	(5,588)	(5,109)
Liabiliti bersih pada 31 Disember	24,222	27,402
Gantian cuti rehat		
Liabiliti bersih pada 1 Januari	3,497	3,261
Perbelanjaan diiktiraf dalam penyata untung atau rugi (Nota 27a)	293	276
Pengukuran semula gantian cuti rehat	-	582
Gantian cuti rehat dibayar	(727)	(622)
Liabiliti bersih pada 31 Disember	3,063	3,497
Liabiliti bersih pada 31 Disember	126,293	124,332

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

16. LIABILITI MANFAAT KAKITANGAN (SAMBUNGAN)

Peruntukan bagi liabiliti manfaat kakitangan diiktiraf dalam penyata untung rugi dan pendapatan komprehensif lain adalah seperti berikut:

	2023 RM'000	2022 RM'000
Manfaat perubatan selepas persaraan		
Kos perkhidmatan semasa	3,035	4,453
Kos kewangan	4,792	4,664
	7,827	9,117
Manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan		
Kos perkhidmatan semasa	1,267	1,373
Kos kewangan	1,141	1,073
	2,408	2,446
Gantian cuti rehat		
Kos perkhidmatan semasa	151	155
Kos kewangan	142	121
	293	276

Andaian aktuari utama yang digunapakai dalam menentukan obligasi manfaat persaraan adalah seperti berikut:

	2023 %	2022 %
Kadar diskaun		
• Manfaat perubatan selepas persaraan	5.20	5.20
• Manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan	4.85	4.85
• Gantian cuti rehat	4.77	4.77
Kadar inflasi kos perubatan		
• Manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan	5.00	5.00
Kadar kenaikan gaji		
• Manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan	4.00	4.00
• Gantian cuti rehat	4.00	4.00

Andaian-andaian utama yang dikenal pasti seperti kadar diskaun, kadar inflasi kos perubatan dan kadar kenaikan gaji boleh memberi kesan ketara terhadap keputusan penilaian.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

16. LIABILITI MANFAAT KAKITANGAN (SAMBUNGAN)

Analisis berikut menunjukkan impak terhadap kenaikan/(penurunan) obligasi manfaat persaraan disebabkan perubahan andaian:

	2023 RM'000	2022 RM'000
Kenaikan kadar diskaun sebanyak 1%		
• Manfaat perubatan selepas persaraan	(17,485)	(16,663)
• Manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan	(834)	(960)
• Gantian cuti rehat	(75)	(95)
Penurunan kadar diskaun sebanyak 1%		
• Manfaat perubatan selepas persaraan	23,064	22,072
• Manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan	906	1,042
• Gantian cuti rehat	81	102
Kenaikan kadar inflasi kos perubatan sebanyak 1%		
• Manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan	24,034	21,880
Penurunan kadar inflasi kos perubatan sebanyak 1%		
• Manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan	(18,445)	(16,829)
Kenaikan kadar kenaikan gaji sebanyak 1%		
• Manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan	1,163	1,041
• Gantian cuti rehat	113	101
Penurunan kadar kenaikan gaji sebanyak 1%		
• Manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan	(1,090)	(976)
• Gantian cuti rehat	(107)	(96)

17. LIABILITI CUKAI TERTUNDA

	2023 RM'000	2022 RM'000
Baki pada 1 Januari	4,700	4,700
Keuntungan daripada nilai saksama pelaburan hartanah	-	-
	4,700	4,700

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

18. LIABILITI PAJAKAN

	2023 RM'000	2022 RM'000
Bukan Semasa		
Liabiliti pajakan	18,592	-
Semasa		
Liabiliti pajakan	3,894	485
	22,486	485
Jumlah liabiliti pajakan dan pergerakan sepanjang tahun		
Baki pada 1 Januari	485	946
Penambahan	23,470	-
	23,955	946
Faedah ke atas pajakan aset ¹	1,388	48
Pembayaran pajakan aset ²	(2,857)	(509)
Baki pada 31 Disember	22,486	485

¹ Faedah ke atas pajakan aset telah diklasifikasikan di bawah 'Perbelanjaan operasi' dalam Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain,

² Pembayaran pajakan aset bagi tahun semasa berjumlah RM2.86 juta (2022: RM0.51 juta) telah diiktiraf di dalam Penyata Aliran Tunai.

19. AKAUN BELUM BAYAR

	2023 RM'000	2022 RM'000
Bukan Semasa		
Akaun belum bayar lain-lain	30,577	23,104
Deposit dari penyewa	3,609	3,281
Akaun dormant ¹	-	10,685
	34,186	37,070
Semasa		
Caruman ahli akan dibayar	1,478	1,782
Akaun belum bayar lain-lain	135,605	24,363
Akaun belum bayar bagi bahagian caruman kerajaan	403,898	490,656
Amaun terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari ²	4,174	10,175
Amaun terhutang kepada pengurusan portfolio	-	1,087
Deposit dari penyewa	52,383	972
Sekuriti dan pelbagai deposit	9,955	2,800
	607,493	531,835

¹ Akaun Dorman diasingkan daripada Akaun Caruman Ahli di bawah Seksyen 4, Peraturan-Peraturan Tabung Angkatan Tentera (Pengendalian & Pembayaran Balik Caruman Bagi Akaun Dorman) 2009, Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 (Akta 101).

² Amaun terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari adalah tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan tidak mempunyai syarat bayaran yang tetap.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

20. PERJANJIAN BELI SEMULA

	2023 RM'000	2022 RM'000
Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Pendapatan Komprehensif Lain		
• Sekuriti Kerajaan Malaysia	47,972	91,910
• Terbitan Pelaburan Kerajaan	40,269	28,729
	88,241	120,639

21. PINJAMAN

	2023 RM'000	2022 RM'000
Bukan Semasa		
Pinjaman sokongan kerajaan ¹	229,000	-
	229,000	-
Semasa		
Pinjaman sokongan kerajaan ¹	1,000	-
Kredit pusingan jangka pendek-i ²		-
• Prinsipal	2,000,000	-
• Faedah	8,241	-
	2,009,241	-

¹ Pinjaman sokongan kerajaan tidak dikenakan sebarang kadar faedah, dan mempunyai jumlah pembayaran balik tetap untuk tempoh 10 tahun.

² Kredit pusingan jangka pendek-i telah diberikan oleh institusi kewangan tempatan di bawah jaminan yang tidak boleh ditarik balik dan tanpa syarat oleh Kerajaan Malaysia untuk tempoh 5 tahun dengan pilihan untuk pelanjutan tempoh bayaran selama 5 tahun yang tidak melebihi tempoh jaminan kerajaan. Kadar faedah adalah berdasarkan KLIBOR tambah 0.29% setahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

22. PENDAPATAN

	2023 RM'000	2022 RM'000
Pendapatan daripada faedah-faedah		
• faedah daripada pasaran wang	17,277	15,828
• keuntungan daripada pasaran wang Perbankan Islam	3,505	356
	20,782	16,184
Pendapatan daripada aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain		
• dividen daripada saham disebut harga ¹	47,958	45,363
• dividen daripada saham tidak disebut harga	7,652	7,826
• keuntungan bersih atas jualan bon/sukuk	6,002	1,790
• faedah dari bon/sukuk	32,274	15,674
• perbelanjaan	(428)	(241)
• perbelanjaan faedah ke atas perjanjian beli semula ⁵	(3,582)	(1,019)
	89,876	69,393
Pendapatan daripada aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi		
• faedah daripada bon/sukuk ²	17,408	15,150
• dividen daripada saham disebut harga	2,004	5,507
• kerugian penjualan saham disebut harga	(1,905)	(31,023)
• perbelanjaan	(295)	(1,071)
	17,212	(11,437)
Pendapatan daripada aset kewangan pada kos dilunaskan		
• faedah daripada bon/sukuk ³	31,034	24,016
• perbelanjaan faedah ke atas perjanjian beli semula ⁵	(220)	(141)
	30,814	23,875
Pendapatan daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari		
• dividen daripada saham disebut harga	78,195	299,045
• dividen daripada saham tidak disebut harga	354,960	19,490
• keuntungan/(kerugian) penjualan saham disebut harga	15,769	(8,787)
• faedah daripada pendahuluan kepada / amaun terhutang daripada Perbadanan	1,901	3,124
	450,825	312,872
Pendapatan daripada pelaburan dalam syarikat bersekutu		
• dividen daripada saham tidak disebut harga	12,084	68,456
• keuntungan penjualan saham tidak disebut harga	70,973	121,643
• pendapatan lain	10,497	60
	93,554	190,159

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

22. PENDAPATAN (SAMBUNGAN)

	2023 RM'000	2022 RM'000
Pendapatan sewaan		
• sewaan hartanah dan peralatan		
• sewaan daripada syarikat subsidiari	278	878
• sewaan-sewaan lain	1	3
• sewaan daripada pelaburan hartanah	24,599	24,186
	24,878	25,067
Keuntungan bersih penjualan pembangunan hartanah siap		
• Hasil jualan	102,106	574,614
• Kos jualan ⁴	(98,026)	(549,547)
	4,080	25,067
	732,021	651,180

¹ Pendapatan daripada dividen daripada saham disebut harga termasuk pendapatan lain untuk *Securities Borrowing and Lending (SBL)* yang berjumlah RM0.88 juta (2022: RM0.11 juta).

² Pendapatan faedah daripada bon/sukuk korporat terdiri daripada keuntungan diperoleh daripada Junior Sukuk Musharakah.

³ Pendapatan faedah daripada Nota Jangka Pertengahan yang telah dikeluarkan oleh syarikat subsidiari, Irat Hotels and Resorts Sdn. Bhd., berjumlah RM19.40 juta (2022: RM19.35 juta).

⁴ Termasuk di dalam kos jualan adalah bayaran balik fi juruukur tanah yang diterima pada tahun 2023 berjumlah RM1.38 juta.

⁵ Perbelanjaan faedah ke atas perjanjian beli semula bagi tahun 2023 berjumlah RM3.80 juta (2022: RM1.16 juta).

23. PENDAPATAN LAIN

	2023 RM'000	2022 RM'000
Pendapatan daripada pinjaman dan pendahuluan kakitangan	422	438
Yuran/Fi lembaga pengarah ¹	1,354	342
Pelbagai ²	419	33
	2,195	813

¹ Yuran/Fi lembaga pengarah terdiri daripada yuran yang diterima bagi pihak kakitangan LTAT yang telah dicalonkan sebagai ahli lembaga pengarah syarikat subsidiari berjumlah RM1.22 juta (2022: RM0.22 juta), ahli lembaga pengarah syarikat bersekutu berjumlah RM0.13 juta (2022: RM0.026 juta) dan ahli lembaga pengarah syarikat lain berjumlah RM nil (2022: RM0.095 juta).

² Termasuk di dalam Pelbagai adalah deposit yang disita daripada pembeli bagi pembangunan lot kedai di Parsel 2D, Taman LTAT, Bukit Jalil berjumlah RM0.38 juta.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

24. KERUGIAN NILAI SAKSAMA BERSIH ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA KE UNTUNG ATAU RUGI

	2023 RM'000	2022 RM'000
Instrumen hutang	(129)	639
Instrumen ekuiti	4,105	14,901
	3,976	15,540

25. KERUGIAN ROSOT NILAI ATAS ASET KEWANGAN

	2023 RM'000	2022 RM'000
Aset kewangan pada kos dilunaskan		
• Instrumen hutang (Nota 8)	23,254	29,006
Pinjaman dan akaun belum terima		
• Amaun terhutang daripada syarikat subsidiari	4,809	(1,885)
• Amaun terhutang daripada syarikat bersekutu	(69)	(731)
• Akaun belum terima lain-lain	-	2
	27,994	26,392

26. KERUGIAN ROSOT NILAI ATAS ASET LAIN

	2023 RM'000	2022 RM'000
Rosot nilai bagi:		
• Inventori (Nota 12)	-	5,444
• Pelaburan dalam syarikat subsidiari (Nota 6)	80,032	61,480
• Pelaburan dalam syarikat bersekutu (Nota 7)	-	18,483
	80,032	85,407

27. PERBELANJAAN PENTADBIRAN

	2023 RM'000	2022 RM'000
Kos kakitangan (Nota 27a)	66,698	64,212
Kos operasi (Nota 27b)	64,019	24,612
Kos penubuhan (Nota 27c)	8,121	3,211
	138,838	92,035

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

27a. KOS KAKITANGAN

	2023 RM'000	2022 RM'000
Gaji kakitangan dan kerja lebih masa	34,192	32,199
Pelan caruman kakitangan	6,949	6,822
Bonus kakitangan	3,039	3,356
Elaun kakitangan dan insentif	6,079	5,373
Perubatan kakitangan	4,329	3,696
Manfaat perubatan selepas persaraan (Nota 16)	7,827	9,117
Manfaat pelan ganjaran dan saguhati tamat perkhidmatan (Nota 16)	2,408	2,446
Gantian cuti rehat (Nota 16)	293	276
Latihan kakitangan	1,582	927
	66,698	64,212

27b. KOS OPERASI

	2023 RM'000	2022 RM'000
Perkhidmatan ikhtisas	36,180	4,353
Penyelenggaraan pelaburan hartanah	8,884	7,709
Penyelenggaraan inventori	1,998	657
Sistem, perisian dan peralatan	4,381	3,443
Perbelanjaan penyelenggaraan bangunan	1,676	3,465
Tanggungjawab korporat dan komunikasi	3,795	1,938
Bayaran emolumen pengarah dan panel	1,467	1,377
Perbelanjaan pentadbiran dan perjalanan	5,638	1,670
	64,019	24,612

27c. KOS PENUBUHAN

	2023 RM'000	2022 RM'000
Susut nilai hartanah dan peralatan (Nota 3)	3,051	2,461
Susut nilai hak penggunaan aset (Nota 5)	5,070	750
	8,121	3,211

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

28. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

LTAT mengadaptasi pengurusan risiko kewangan secara berhemah bagi menguruskan risiko yang timbul dari operasi dan penggunaan instrumen kewangan. Keseluruhan rangka kerja pengurusan risiko bertujuan untuk mengekalkan nilai dana pencarum daripada kerugian yang tidak dijangka dan memberikan pulangan yang mampan dengan cara yang lebih berkesan dan cekap.

Risiko-risiko ini diuruskan sejajar dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Akta LTAT, pihak berkuasa dan pihak berkepentingan. Keseluruhan rangka kerja ini juga sejajar dengan kawalan dalaman yang terdiri daripada satu set dasar dan garis panduan yang diluluskan serta dasar dan rangka kerja dalaman LTAT yang berkaitan dengan pengurusan risiko diluluskan oleh Lembaga LTAT.

LTAT melaksanakan proses pengurusan risiko yang komprehensif termasuk mengenal pasti, menganalisis, mengkaji dan memantau pelbagai risiko kewangan utama yang merangkumi risiko operasi, pelaburan, pasaran, risiko kecairan dan risiko kadar faedah. Gambaran keseluruhan risiko-risiko kewangan dan tindakan pengurangan risiko yang disenaraikan di atas adalah sebagaimana perincian berikut.

1. Risiko Operasi

Risiko operasi ditakrifkan sebagai risiko kerugian langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh kegagalan atau kelemahan proses kerja dalaman, sumber manusia, penggunaan sistem atau kejadian luaran.

Dalam memastikan pengawasan risiko menyeluruh yang berkesan, LTAT menerapkan pengurusan risiko dalam semua proses kerja berdasarkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Menyeluruh. Rangka kerja yang dbangunkan adalah berdasarkan standard ISO 31000: 2018 Pengurusan Risiko dan Pengurusan Risiko Menyeluruh COSO. LTAT juga mengguna pakai model 3 barisan pertahanan sebagai pendekatan asas untuk memastikan keberkesanan pengurusan risiko.

Rangka kerja ini bertujuan untuk meminimumkan insiden dan memaksimumkan perkhidmatan dengan:

- a. Memahami persekitaran risiko, dan menilai risiko khusus dan potensi pendedahan;
- b. Menentukan cara terbaik untuk menangani risiko dan menguruskan potensi pendedahan risiko;
- c. Menguruskan risiko yang dikenal pasti dengan cara yang sesuai;
- d. Memantau serta memberi jaminan ke atas keberkesanan pengurusan risiko-risiko; dan
- e. Membentangkan pengurusan, penilaian dan pemantauan risiko kepada Pengurusan dan Lembaga secara berkala.

2. Risiko Pelaburan

Risiko pelaburan melibatkan risiko kerugian berbanding jangkaan pulangan dalam pelaburan. Tiga sumber risiko kewangan yang berkaitan dengan pelaburan di LTAT adalah sebagaimana berikut:

- i) Risiko pasaran yang merangkumi risiko ekuiti dan risiko kadar faedah;
- ii) Risiko kecairan; dan
- iii) Risiko kredit.

Pengurusan Risiko Pelaburan di LTAT adalah mematuhi polisi dan prosedur pelaburan sedia ada berdasarkan kepada tahap risiko organisasi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

28. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

2. Risiko Pelaburan (sambungan)

i. Risiko pasaran

Risiko pasaran adalah risiko kerugian yang berkaitan dengan perubahan nilai instrumen kewangan disebabkan oleh perubahan pelbagai aspek ekonomi yang memberi implikasi negatif kepada pergerakan harga pasaran ekuiti dan kadar faedah.

Pengurusan risiko pasaran untuk ekuiti awam dan pelaburan pendapatan tetap adalah selaras dengan amalan pasaran

terbaik yang menggunakan pelbagai pengukuran risiko termasuk nilai Berisiko (VaR), volatiliti, portfolio beta, tempoh dan kedudukan kerugian bertanda ke pasaran (MTM). Tambahan pula, LTAT melakukan ujian tekanan dan analisis sensitiviti secara berkala untuk melengkapkan penilaian risikonya.

a. Risiko ekuiti

LTAT terdedah kepada risiko ekuiti disebabkan oleh pergerakan harga pasaran dalam pelaburan saham. Kemerosotan nilai pasaran saham adalah dipengaruhi oleh faktor dalaman syarikat dan faktor luaran seperti perubahan politik dan keseluruhan pasaran domestik serta global. Antara pengukuran yang diguna pakai di LTAT untuk menguruskan risiko pasaran adalah had pendedahan, pegangan dan kerugian.

Pemantauan tambahan risiko ini adalah melibatkan simulasi kesan sensitiviti pelaburan ke atas perubahan pasaran.

b. Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah menjejaskan pelaburan dalam sekuriti hutang memandangkan nilai pasaran bagi aset berpendapatan tetap merosot dengan kenaikan kadar faedah semasa. Perubahan kadar faedah memberi impak negatif memandangkan majoriti pelaburan berpendapatan tetap di LTAT yang diklasifikasikan dalam Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain (FVOCI) atau Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi (FVTPL).

Memahami keperluan pengurusan risiko ini, LTAT telah membangunkan dasar lindung nilai yang turut merangkumi pengurusan kenaikan kadar faedah dengan cekap. Analisa oleh LTAT meramalkan kadar faedah pasaran dikekalkan pada paras semasa atau trajektori penurunan beransur melalui pemotongan kadar faedah oleh bank pusat. Bagi pendekatan pengurusan proaktif, LTAT berusaha untuk meminimumkan kesan negatif kenaikan kadar faedah dengan mengimbangi profil tempoh pelaburan pendapatan tetap secara strategik.

	Perubahan dalam kadar faedah %	Kesan Keuntungan Sebelum Cukai RM'000
2023		
Instrumen Pendapatan Tetap	+/-10	87,290
2022		
Instrumen Pendapatan Tetap	+/-10	43,468

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

28. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

2. Risiko Pelaburan (sambungan)

ii. Risiko kecairan

Risiko kecairan ditakrifkan sebagai risiko kegagalan memenuhi komitmen pembayaran dan obligasi seperti caruman ahli, operasi harian, pembayaran pelaburan dan tuntutan dari pihak berkaitan.

LTAT telah menangani risiko secara berhemat melalui inisiatif berikut sebagai pengurusan kecairan. Inisiatif-inisiatif ini juga bertujuan untuk memenuhi keperluan pembiayaan di samping menilai profil kecairan dana sebelum isu kecairan berlaku:

- Memperuntukkan 5% daripada nilai keseluruhan aset dalam bentuk tunai dan penempatan di institusi kewangan;
- Mengekalkan tahap ketersediaan tunai yang mencukupi di samping menguruskan unjuran aliran tunai bagi memitigasi risiko ini;
- Memantau liabiliti kewangan berdasarkan kumpulan kematangan dan nisbah perlindungan kecairan secara berkala; dan
- Meneliti profil pembubaran portfolio untuk berada dalam ambang yang diluluskan.

Perincian profil kematangan liabiliti LTAT adalah seperti berikut:

	Amaun dibawa RM'000	Kurang dari 1 tahun RM'000	Antara 1-5 tahun RM'000	Melebihi 5 tahun RM'000
2023				
Akaun belum bayar	641,679	607,493	31,834	2,352
2022				
Akaun belum bayar	568,905	535,783	32,378	744

iii. Risiko kredit

Risiko kredit melibatkan risiko kerugian yang berpunca daripada ketidakmampuan peminjam untuk membuat pembayaran dan memenuhi obligasi kewangannya. Pendedahan kepada risiko kredit ini wujud melalui pelaburan pendapatan tetap, pasaran wang dan pelaburan alternatif.

Pengurusan risiko kredit di LTAT merangkumi langkah-langkah mitigasi berikut:

- Kualiti kredit sesuatu instrumen adalah tertakluk kepada minimum kadaran yang dibenarkan;
- Penilaian kredit yang ketat bagi kemasukan penerbit baharu ke dalam sejagat;
- Penilaian komprehensif yang dijalankan ke atas cadangan pelaburan baharu;
- Analisis pendedahan yang merangkumi nilai Kerugian Kredit Dijangka dan Rosot Nilai untuk menentukan Elaun Kerugian sesuatu instrumen; dan
- Semakan berterusan senarai rakan niaga yang diluluskan untuk urus niaga pasaran wang.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

29. PENGUKURAN NILAI SAKSAMA

Penentuan nilai saksama dan hierarki nilai saksama

Aset kewangan dan aset bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama pada tarikh pelaporan dianalisis mengikut tahap dalam hierarki nilai saksama seperti berikut:

	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
2023				
Aset Kewangan				
Aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain				
• saham disebut harga	1,137,522	-	-	1,137,522
• saham tidak disebut harga	-	-	235,365	235,365
• bon/sukuk korporat	-	828,721	-	828,721
Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi				
• saham disebut harga	54,521	-	-	54,521
• bon/sukuk korporat	-	150,145	-	150,145
	1,192,043	978,866	235,365	2,406,274
Aset bukan kewangan				
• Pelaburan hartanah	-	-	457,008	457,008
2022				
Aset Kewangan				
Aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain				
• saham disebut harga	1,071,534	-	-	1,071,534
• saham tidak disebut harga	-	-	93,438	93,438
• bon/sukuk korporat	-	561,468	-	561,468
Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi				
• saham disebut harga	137,650	-	-	137,650
• bon/sukuk korporat	-	150,016	-	150,016
	1,209,184	711,484	93,438	2,014,106
Aset bukan kewangan				
• Pelaburan hartanah	-	-	457,000	457,000

Pada tarikh pelaporan, aset kewangan yang diukur dengan teknik-teknik penilaian menggunakan input yang tidak boleh diperhatikan dengan ketara (Tahap 3) termasuk saham tidak disebut harga.

Bagi kepentingan anggaran, LTAT menggunakan pendekatan yang terkini berdasarkan metodologi aliran tunai terdiskaun yang diluluskan untuk penilaian nilai saksama. Pelarasan ini menunjukkan nilai-nilai anggaran yang digunakan oleh LTAT bagi penilaian yang dihasilkan berdasarkan ketidaktentuan dalam input adalah sesuai.

Pelaburan hartanah dinilai semula berdasarkan penilaian profesional bebas yang menggunakan pasaran terbuka sebagai asas penilaian. Penilaian dilaksanakan oleh penilai bebas bertauliah yang mengambil kira pengalaman dari segi lokasi dan kategori hartanah yang dinilai. Perubahan nilai saksama hartanah pada Tahap 3 dianalisis secara tahunan apabila laporan penilaian dari penilai bebas diperolehi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

30. PENGURUSAN MODAL

Objektif LTAT di dalam pengurusan modal adalah untuk memastikan supaya LTAT mempunyai akaun caruman ahli yang mencukupi untuk membolehkannya kekal sebagai entiti berterusan. LTAT mengurus struktur modalnya berlandaskan keperluannya dan keadaan semasa.

31. OBLIGASI PAJAKAN OPERASI

LTAT sebagai Pemberi Pajak

LTAT telah memeterai pajakan hartanah komersial bagi pelaburan hartanah. Pajakan yang tidak boleh dibatalkan ini mempunyai baki tempoh pajakan di antara satu hingga tiga tahun. Semua pajakan memasukkan klausa yang membolehkan penyemakan semula ke atas caj sewa apabila pembaharuan pajakan dibuat berdasarkan keadaan pasaran semasa.

Jumlah pembayaran pajakan minimum pada masa hadapan di bawah pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan ini adalah seperti berikut :

	2023 RM'000	2022 RM'000
Dalam 1 tahun	21,404	22,862
Dalam tahun ke 2	15,571	18,731
Dalam tahun ke 3	5,266	11,671
Dalam tahun ke 4	760	2,295
	43,001	55,559

32. URUS NIAGA PENTING ANTARA PIHAK BERKAITAN

Bagi tujuan penyediaan laporan kewangan ini, sesuatu entiti dianggap berkaitan dengan LTAT jika LTAT memiliki kawalan dan keupayaan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal bersama entiti atau mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas entiti tersebut dalam membuat keputusan kewangan atau operasi, atau sebaliknya.

Transaksi dan Baki Signifikan Entiti Berkaitan

LTAT adalah sebuah badan berkanun yang tertakluk di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertahanan, yang akan melapor terus kepada Kerajaan Persekutuan Malaysia. Berdasarkan MFRS 124 Pendedahan Pihak Berkaitan, LTAT perlu mendedahkan sebarang transaksi yang melibatkan entiti-entiti yang dimana LTAT mempunyai pengaruh yang signifikan ke atasnya atau sebaliknya.

Urus niaga penting antara pihak berkaitan yang berlaku adalah seperti berikut:

LTAT	2023 RM'000	2022 RM'000
Urus niaga dengan syarikat subsidiari/Perbadanan		
Pendapatan :		
Faedah daripada pasaran wang	10,806	5,244
Keuntungan daripada pasaran wang Perbankan Islam	662	219
Faedah daripada Nota Jangka Pertengahan	19,399	19,349
